

SIRI PERTAMA
BAHAN PENGAJARAN
KELAS PENGAJIAN TINGGI

GEREJA YESUS BENAR, JABATAN PENGINJILAN & PENGGEMBALAAN

ISI KANDUNGAN

Panduan Pembacaan Kejadian	3
Pengenalan Perjanjian Baru	10
Panduan Pembacaan Injil Matius	24
Panduan Pembacaan Injil Markus	30
Panduan Pembacaan Injil Lukas	36
Panduan Pembacaan Injil Yohanes	43
Kepercayaan Asas Gereja	51
Keilahian Dan Kemanusiaan Yesus	59
Injil Kristus	63
Nama Tuhan	67
Sejarah Pembukuan Dan Kewibawaan Alkitab	78
Melihat Konsep Nilai Yesus Daripada Ucapan Lapan Bahagia	134
Kebijaksanaan Hidup Yesus	142
Pemupukan Murid-Murid Tuhan	148
Evolusi Atau Penciptaan?	151
Orang Baru Di Kampus	158
Perbezaan Antara Dua Jantina Dan Pengurusan Hubungan Cinta	163
Pengenalan Ringkas Kepercayaan Rakyat Taiwan	176
Bagaimana Mempromosikan Penginjilan Di Dalam Kampus	181

PANDUAN PEMBACAAN KEJADIAN

(Pendeta Xie Xi Hai)

Apabila kita membuka gulungan pertama dalam Alkitab Perjanjian Baru dan Lama, apa yang kita terpampang di hadapan mata ialah “Kejadian”. Gulungan kitab ini membongkarkan kepada kita tentang asal-usul segala sesuatu, menggerakkan batiniah manusia supaya manusia mengenali Tuhan yang ajaib yang berada di syurga. Sememangnya ia merupakan satu gulungan kitab yang berbaloi untuk kita nikmati secara perlahan-lahan.

I. PENULIS

Musa, 1520 SM - 1400 SM. Dia ialah hamba Tuhan. Tuhan pernah khasnya mengumumkan: *“Jika di antara kamu ada seorang nabi, maka Aku, Tuhan menyatakan diri-Ku kepadanya dalam penglihatan, Aku berbicara dengan dia dalam mimpi. Bukan demikian hamba-Ku Musa, seorang yang setia dalam segenap rumah-Ku. Berhadap-hadapan Aku berbicara dengan dia, terus terang, bukan dengan teka-teki, dan ia memandang rupa Tuhan.”* (Bil 12:6-8). Dari riwayat Musa, kita dapat melihat pengaturan, pimpinan dan motivasi Tuhan yang ajaib. Ketika Musa dilahirkan, Tuhan memberikan iman kepada ibu bapanya sehingga mereka berani mengambil risiko menyembunyikan bayi Musa (Kel 2:2). Kemudian, dia diatur menjadi anak angkat kepada puteri Firaun supaya dia dapat membesar di dalam istana Mesir. Dia bukan sahaja dididik dalam segala hikmat orang Mesir (Kis 7:22), malah dapat memelihara iman kepercayaan yang murni (Ibr 11:24-25). Kemudian, dia dilatih di padang gurun selama 40 tahun. Apabila masanya tiba, ketika dia berusia 80 tahun, Tuhan menampakkan diri kepadanya, mengarahkan dan mengamanahkan kepadanya tanggungjawab yang berat lagi besar iaitu untuk membawa umat Israel keluar dari Mesir. Pemimpin umat Israel yang penting dan orang kudus yang bersifat rohaniah ini merupakan calon yang terbaik untuk menulis tentang perbuatan Tuhan yang ajaib di zaman purba.

II. SUMBER MAKLUMAT

Bagaimana Musa menulis “Kejadian”?

1. Di bawah aturan Tuhan, Musa membesar di istana Mesir. Dia dididik dalam segala hikmat orang Mesir. Semestinya dia berpeluang untuk mendekati dan memahami banyak maklumat kuno. Sejarah dan dokumen tersebut berguna untuk kerja penulisan.
2. Walaupun Musa membesar di istana Mesir, namun dia tidak melupakan identitinya sebagai orang Ibrani. Dia kemudiannya diutus oleh Tuhan untuk memimpin umat keluar dari Mesir. Dia hidup di padang gurun selama 40 tahun. Dia juga dapat menitikberatkan dan menerima sejarah dan peristiwa yang disampaikan secara lisan oleh ramai orang Ibrani. Ini juga merupakan sumber maklumat yang sangat penting.

3. Apa yang paling penting, malahan yang paling boleh diterima, difahami dan dipercayai oleh kita ialah ilham yang datang daripada Tuhan. Lihat kepada hubungan antara Musa dengan Tuhan yang dekat. Ketika Tuhan menciptakan alam semesta dan segala isinya, nenek moyang generasi pertama bagi manusia - Adam dan Hawa diciptakan pada hari yang terakhir. Nampaknya tidak orang yang melihat atau terlibat dengan proses penciptaan Tuhan. Jika bukan Tuhan yang sudi memberikan ilham kepada manusia, tidak ada seorang pun yang dapat mengetahui dan memahami semua perbuatan Tuhan yang ajaib ini (rujuk Am 3:7). Oleh itu, hanya melalui ilham Tuhan sendiri kepada Musa secara satu persatu sahaja barulah Musa dapat terangkan secara terperinci tentang penciptaan Tuhan dan sejarah penting manusia purba lalu menyatakan kehendak Tuhan. Dengan itu, orang yang mengkaji dan membaca dengan rendah hati akan dapat percaya dan memuji kemuliaan Tuhan.

III. RINGKASAN DAN PEMBAHAGIAN

Dalam Kejadian, kita dapat melihat perbuatan Tuhan yang agung. Asal-usul segala-galanya ialah karya Tuhan yang esa ini. Namun, sejak bermulanya penciptaan nenek moyang generasi pertama, betapa lama dan banyaknya tahun-tahun dan peristiwa-peristiwa sejarah ini. Apakah prinsip Tuhan semasa mengilhamkan Musa untuk menulis Kejadian (bukan sahaja gulungan kitab ini, tetapi juga gulungan-gulungan kitab yang lain)? Menurut semangat Alkitab, beberapa prinsip berikut boleh dijadikan sebagai rujukan:

1. Peristiwa dan tokoh dalam sejarah haruslah mempunyai kaitan dengan rancangan penyelamatan dan perbuatan Tuhan barulah akan disebut dalam gulungan kitab ini. Contohnya peristiwa tujuh tahun kelimpahan dan tujuh tahun kelaparan di tanah Mesir dan kawasan di sekitarnya (Kej 41).
2. Selain itu, yang mempunyai kaitan dengan orang Israel (umat pilihan Tuhan), maka ia juga akan disenaraikan di dalam Alkitab. Contohnya orang-orang dan perbuatan mereka dalam peristiwa Abraham (Kej 14).
3. Tokoh-tokoh dan peristiwa-peristiwa bersejarah ini dicatakan dalam Alkitab dari sudut hubungan antara Tuhan dengan umat pilihan (rujuk Kej 20:6-7) ataupun kehendak Tuhan yang ajaib sebagai perspektif bagi mengarang hujung pangkal peristiwa (rujuk Kej 7). Oleh itu, peristiwa-peristiwa yang tercatat di dalam Alkitab kadang-kalanya mempunyai persamaan dengan legenda kuno pelbagai bangsa, atau merupakan peristiwa yang sama dalam catatan sejarah manusia; tetapi keseluruhan proses dan kaedahnya pula tidak sama. Walau bagaimanapun, apa yang tercatat di dalam Alkitab sebaliknya membolehkan manusia lebih sedar tentang kisah sebenar sesuatu peristiwa supaya kita dapat melihat kebenaran sejarah dan sifat manusia dengan lebih jelas. Contohnya, banyak bangsa zaman purba mempunyai cerita legenda tentang "air bah". Namun dalam Kejadian, kita dapat benar-benar memahami proses keseluruhan bagi peristiwa tersebut supaya kita lebih memahami perbuatan Tuhan dan mendapat amaran.

4. Secara ringkasnya, kita boleh membahagikan “Kejadian” kepada dua bahagian besar. Yang pertama ialah sejarah awal, antaranya: penciptaan Tuhan, manusia berbuat dosa, Nuh dan air bah; yang kedua ialah sejarah kepala kaum, antaranya termasuklah 4 tokoh iman kepercayaan yang hebat iaitu Abraham, Ishak, Yakub dan Yusuf.

IV. MERENUNGKAN PENCIPTAAN TUHAN

Kejadian fasal 1 menceritakan betapa hairannya proses Tuhan menciptakan alam semesta dan segala isinya. Alkitab mencatatkan: “Pada mulanya Allah menciptakan langit dan bumi”. Ini jelas menjelaskan adanya permulaan bagi alam semesta dan segala isinya. Ia diciptakan oleh Tuhan yang di syurga, bukannya muncul secara kebetulan. Malah, ia terus mengumumkan kepada kita tentang kewujudan Tuhan, AKU ADALAH AKU. Apabila merenungkan penciptaanNya, kita dapat melihat:

1. Kuasa agung Tuhan: Jika kita perhatikan secara teliti, kuasa alam semesta yang luas dan semula jadi sememangnya tidak tercapai dek akal manusia. Semua ini diciptakan oleh Tuhan dalam masa purata 6 hari, malahan “*Dia berfirman, maka semuanya jadi; Dia memberi perintah, maka semuanya ada.*” (Mzm 33:9). Betapa agungnya kuasa Dia. Dengan itu, Dia dapat menjadi tempat pengungsian / benteng yang kuat bagi orang-orang yang percaya dan bersandar kepadaNya, sehinggakan kita selalu hidup dengan rendah hati, mengasihi dan menghargai segala yang diciptakan dan diberikan oleh Tuhan.
2. Urutan Tuhan: Tuhan berfirman, maka semuanya jadi; namun mengapa Tuhan tidak menyelesaikan ciptaanNya dalam masa satu hari, tetapi mengambil masa selama enam hari? Ada kehendak Tuhan yang indah di dalamnya, dan kemudiannya dijadikan sebagai asas dalam menetapkan Hari Sabat. Nampaknya ini merupakan kehendak Tuhan yang indah supaya dapat memberikan lebih banyak kasih karunia dan istirahat kepada manusia. Penciptaan setiap hari itu ada urutannya, dan ianya tidak boleh diubah sesuka hati. Contohnya, mula-mula adanya terang yang menghapuskan kegelapan, sama juga terlebih dahulu memisahkan lautan dan daratan, kemudiannya, tanah menghasilkan pelbagai jenis tumbuhan. Kerja Tuhan ada urutan dan berperancangan. Ini membuatkan kita percaya dengan tegas dan belajar untuk bersabar dalam menantikan kehendak dan masaNya.
3. Kesempurnaan Tuhan: Dalam setiap kali penciptaan, Tuhan melihat “*segala yang dijadikan-Nya itu, sungguh amat baik.*” (Kej 1:31). Ini kerana Tuhan adalah yang baik, maka apa yang disediakanNya bagi manusia juga sama. Ianya begitu sejak awal penciptaan sehinggalah pada hari ini. Dia lebih berharap agar kita dapat mempergunakan segala karunia dengan sebaik-baiknya untuk membina satu dunia yang harmoni dan indah. Maka, orang-orang yang telah menerima anugerah keselamatan pada hari ini haruslah melaksanakan amanat yang telah diterima supaya lebih ramai orang dapat bersama-sama menikmati dan mengecapi kebaikan Tuhan.

V. ANTARA TUHAN DAN MANUSIA

Tuhan mengumumkan bahawa: *“Baiklah Kita menjadikan manusia menurut gambar dan rupa Kita, supaya mereka berkuasa atas ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara dan atas ternak dan atas seluruh bumi dan atas segala binatang melata yang merayap di bumi.”* (Kej 1:26). Oleh itu, manusia menerima rupa yang terhormat (rujuk Ef 4:24) dan kuasa daripada Tuhan, dan ini juga menjadi tanggungjawab dan sasaran kita. Kita menerima kasih karunia yang datang daripada Tuhan:

1. Keabadian: AKU ADALAH AKU (Kel 3:14). Oleh itu, manusia juga mempunyai ciri-ciri keabadian bagi jiwa dan rohani. Tuhan juga memberikan pemikiran kekekalan dalam hati manusia (Pkh 3:11) untuk memotivasikan hati manusia dengan harapan manusia akhirnya dapat menerima anugerah keselamatan Tuhan Yesus dengan rendah hati. Mereka yang telah menerimanya pada hari ini haruslah mempertahankan arah yang tepat, lebih-lebih lagi harus aktif memberitakan Injil Tuhan dan memimpin manusia mencari destinasi akhir yang sebenar bagi jiwa dan rohani.
2. Keupayaan mencipta: Tuhan menciptakan alam semesta dan segala isinya. Memandangkan manusia dicipta menurut rupa Dia, maka manusia juga membawa hikmat mencipta. Tuhan menjadikan ada daripada apa yang tiada (Ibr 11:3), manusia pula menciptakan daripada apa yang sedia ada. Maka, manusia boleh berkuasa ke atas segala ciptaan yang lain (Kej 1:28). Kita seharusnya menggunakan karunia yang indah ini dengan sebaik-baiknya. Laksanakan kewajipan pengurusan dengan baik supaya hidup manusia menjadi lebih indah. Dengan itu juga, kita dapat sedar tentang keterbatasan manusia, maka harus sentiasa percaya dan bersandar kepada kuasa besar Tuhan serta memohon pertolongan daripadanya.
3. Daya komunikasi: Dalam lingkungan yang kita ketahui, hanya manusia sahaja yang dapat mengumpulkan pelbagai jenis ilmu pengetahuan dan pengalaman dari generasi ke generasi melalui komunikasi antara satu sama lain. Ini menjadikan hidup manusia lebih maju dan matang. Apa yang lebih penting, hanya manusia sahaja yang dapat berkomunikasi dengan Tuhan, malah Tuhan sudi menyatakan kehendaknya kepada kita. Maka, kita haruslah menghargai karunia yang indah ini dan usahakannya dengan lebih aktif supaya kita lebih memahami niat Dia, berkenan kepadanya dalam semua perbuatan dan tindakan supaya kemuliaan Tuhan mendapat pujian.
4. Kebebasan: Walaupun manusia hidup dalam pengurusan Tuhan, namun tetap mewarisi sifat Tuhan yang bebas. Manusia boleh memutuskan sendiri perkara-perkara yang ingin dilakukan, tetapi juga perlu bertanggungjawab sepenuhnya atas tindakan sendiri. Oleh itu, Paulus mengajar kita: *“Saudara-saudara, memang kamu telah dipanggil untuk merdeka. Tetapi janganlah kamu mempergunakan kemerdekaan itu sebagai kesempatan untuk kehidupan dalam dosa, melainkan layanilah seorang akan yang lain oleh kasih.”* (Gal 5:13).

VI. MERENUNGKAN PEMILIHAN TUHAN

Tuhan menciptakan Adam dan Hawa lalu menempatkan mereka di Firdaus Taman Eden. Malangnya, mereka mengingkari perintah Tuhan dan dihalau keluar. Dengan itu, seluruh dunia berada di dalam tangan si jahat (rujuk Rm 5:12), memutuskan hubungan dengan Tuhan dan tidak dapat datang ke hadirat Tuhan. Namun Tuhan tidak berputus asa. Dia menyatakan pilihanNya di zaman purba. Contohnya, Dia memilih Nuh demi memelihara keturunan orang benar. Kemudian, Dia memilih Abraham untuk memimpin pertumbuhan umat Israel. Tujuan akhirNya adalah untuk menggenapi anugerah keselamatan dan penebusan yang Dia sediakan. Dari perbuatan pemilihan Tuhan, kita dapat mengalami dan memahami:

1. Kasih Tuhan: Pemilihan ialah kasih Tuhan. Contohnya Musa memperingatkan umat: “Bukan karena lebih banyak jumlahmu dari bangsa manapun juga, maka hati Tuhan terpicat olehmu dan memilih kamu - bukankah kamu ini yang paling kecil dari segala bangsa? Tetapi karena Tuhan mengasihi kamu.” (Ul 7:7-8). Sama seperti apa yang dikatakan oleh Tuhan Yesus: “*Bukan kamu yang memilih Aku, tetapi Akulah yang memilih kamu.*” (Yoh 15:16). Nampaknya dari zaman purba sehingga kini, terpilih juga bermaksud menerima kasih Tuhan, terutamanya dalam penggenapan anugerah keselamatan (rujuk Rm 5:8). Mungkin orang-orang yang terpilih memiliki beberapa kelebihan yang baik, namun dapat masuk ke dalam anugerah Tuhan adalah kerana kasihNya. Oleh itu, kita harus sentiasa mempunyai hati yang bersyukur (1 Tim 1:12-14).
2. Kehendak Tuhan: Mengapa Tuhan memilih Abraham? Ini kerana itu ialah kehendak Tuhan dan kedaulatanNya. Terutamanya bagi Yakub, “waktu anak-anak itu belum dilahirkan dan belum melakukan yang baik atau yang jahat.”, Tuhan telah berfirman kepada Ribka: “Anak yang tua akan menjadi hamba kepada anak yang muda”. Tuhan berfirman lagi: “Aku mengasihi Yakub, tetapi membenci Esau”. Dengan itu, rencana Allah tentang pemilihan-Nya diteguhkan (Rm 9:10-13). Maka, janganlah kita bermegah. Dengan segala rendah hati, hargai kasih karunia yang diterima, diam di dalam kasihNya untuk selama-lamanya, mengejar untuk memahami kehendakNya dalam segala hal dan berkenan kepadaNya.
3. Latihan Tuhan: Pemilihan Tuhan ada tujuanNya. Sama seperti yang dikatakan di dalam Alkitab: “*Sebab di dalam Dia Allah telah memilih kita sebelum dunia dijadikan, supaya kita kudus dan tak bercacat di hadapan-Nya.*” (Ef 1:4). Sama seperti yang dikatakan oleh Tuhan: “*Aku telah menetapkan kamu, supaya kamu pergi dan menghasilkan buah dan buahmu itu tetap.*” (Yoh 15:16). Oleh itu, Tuhan memimpin, memelihara dan melatih orang-orang yang Dia kasih supaya mereka beransur-ansur mencapai tahap kesempurnaan dalam pelbagai aspek iman. Sama seperti Tuhan memimpin Abraham yang melalui banyak persekitaran sehinggakan akhirnya dia menampakkan iman yang taat sepenuhnya dalam ujian Tuhan yang mana dia rela mempersembahkan Ishak, anaknya yang tunggal (Kej 22), lalu menjadi “Bapa Iman” kita. Sama juga seperti Tuhan melatih Yakub, menjauhkannya daripada segala kekurangan, dan ketika lanjut usianya, dia bersaksi: “*Allah yang telah menjadi gembalaku selama hidupku sampai*

sekarang, malah telah melepaskan aku dari segala bahaya.” (ujuk Kej 48:15-16). Hari ini kita berada di dalam kasih karunia Tuhan. Maka haruslah kita bersandar kepada pimpinan dan bantuan Roh Kudus, taat kepada Kebenaran Tuhan, bertumbuhbesar secara berterusan, hasilkan pelbagai buah yang baik dan indah serta muliakan nama Tuhan.

VII. MERENUNGAN PENGHAKIMAN TUHAN

Dari Kejadian, kita dapat melihat Tuhan beberapa kali menghukum secara tegas. Contohnya Adam dan Hawa berbuat dosa lalu dihalau daripada Taman Eden. Pada zaman Nuh, Tuhan memusnahkan seluruh dunia dengan air bah, hanya meninggalkan Nuh sekeluarga dan makhluk hidup atas darat yang berada di dalam bahtera. Tuhan juga memusnahkan kota Sodom dengan api. Dari peristiwa-peristiwa ini kita dapat melihat:

1. Daya pemusnah dosa: Sebaik sahaja Adam dan Hawa berdosa, mereka terus tidak berani bersemuka dengan Tuhan (Kej 3:10), malah saling menolak tanggungjawab. Hubungan mesra antara manusia dan Tuhan dan sesama manusia dimusnahkan sepenuhnya. Kemudian, pada zaman Nuh, “segala kecenderungan hatinya selalu membuahkan kejahatan semata-mata” (Kej 6:5). Tuhan juga melihat orang-orang di kota Sodom “dari yang muda sampai yang tua, datang mengepung rumah itu” (Kej 19:4). Ini menunjukkan bahawa daya pemusnah dosa adalah betapa menakutkan. Maka, kita harus senantiasa berjaga-jaga, bersandar kepada terang Kebenaran dan bantuan Roh Kudus untuk mengelak daripada dosa dan kejahatan bertumbuhbesar di dalam hati (ujuk Yak 1:15).
2. Keadilan Tuhan: Tuhan adalah yang adil. Dia membenci segala dosa dan kejahatan. Oleh itu apabila manusia melakukan dosa, Dia memerhati dengan teliti. Contohnya melihat anak-anak manusia mendirikan menara Babel (Kej 11:5), Tuhan sendiri juga turun melihat keadaan di kota Sodom (Kej 18:20-21) dan akhirnya menjalankan penghakiman lalu menyatakan keadilanNya. Maka, kita harus lihat dengan jelas tentang kesudahan bagi dosa dan kejahatan (Rm 6:23), tahu Tuhan adalah yang mahatahu, Dia pasti menghakimi menurut perbuatan manusia (Rm 2:6) lalu berwaspada dalam pertuturan dan perbuatan kita, takut akan Tuhan, kejarlah kebenaran dan kekudusan.
3. Kasih Tuhan: Tuhan adalah adil. Dia pasti menghakimi dosa dan kejahatan. Namun, Dia juga memberi peluang toleransi kepada manusia. Sama seperti Tuhan memberi masa selama 120 tahun kepada manusia, malah mengarahkan Nuh membina bahtera dan memberitakan amaran (Kej 6). Sama juga, Tuhan mendengar permohonan Abraham, iaitu tidak akan memusnahkan kota Sodom jika mendapati sepuluh orang benar dalam kota itu (Kej 18:32). Inilah kasih Tuhan. Oleh itu, Petrus mendorong kita, dalam tempoh Tuhan masih bersabar, kita harus rajin menyempurnakan rohani, lebih-lebih lagi perlu giat memberitakan Injil Tuhan, pimpin orang masuk ke dalam bahtera akhir zaman — Gereja Benar, supaya kita dapat terlepas daripada hukuman penghakiman, sebaliknya dapat masuk ke dalam langit dan bumi yang baru.

VIII. BAGAIMANA MENGAJI DAN MEMBACA KEJADIAN

“Kejadian”, gulungan pertama dalam Alkitab penuh dengan perbuatan Tuhan yang ajaib dan menakjubkan. Ia juga mengandung banyak kegagalan manusia yang memalukan. Jadi, apakah jenis mentaliti yang kita perlu ada dalam mengkaji dan membaca kitab ini?

1. Iman dan ketaatan. Hanya dengan melihat penciptaan Tuhan dalam Kejadian fasal satu sahaja, sudah ramai orang yang tidak dapat memahaminya dengan sepenuhnya. Ini kerana manusia adalah yang terakhir diciptakan. Tiada orang yang melihatnya dengan mata sendiri dan menceritakannya. Jadi bagaimana kita dapat menerimanya? Maka, penulis Ibrani berkata: *“Karena iman kita mengerti, bahwa alam semesta telah dijadikan oleh firman Allah.”* (Ibr 11:1-3). Hanya iman sahaja yang dapat menyedarkan kita. Malahan daripada pengalaman pemercaya zaman purba, sama seperti yang dikatakan oleh Yusuf: *“Allah telah mereka-rekakannya untuk kebaikan.”* (Kej 50:20). Hanya dengan iman dan ketaatan sahaja barulah kita dapat benar-benar memahami perbuatan Tuhan dan mendapat pembangunan yang lebih besar dalam iman kepercayaan sendiri.
2. Kerendahan hati dan pembelajaran: Mengkaji dan membaca Kejadian membolehkan kita belajar tentang kerendahan hati. Sama juga, kita perlu hidup dengan rendah hati, perhatikan perbuatan Tuhan dan kehidupan iman kepercayaan orang-orang dahulu supaya pengalaman mereka menjadi pembangunan dan peringatan kepada iman kepercayaan kita. Selalulah belajar bagaimana mengejar untuk memahami kehendak Tuhan, mohon pimpinanNya. Dalam pelbagai situasi, pertahankan iman kepercayaan, berani menolak godaan dosa dan kejahatan sama seperti Yusuf lalu akhirnya menggenapi segala yang disediakan oleh Tuhan. Bukan sahaja diri sendiri, tetapi juga buat orang lain dapat sama-sama menerima kasih Tuhan (rujuk Kej 50:20).

PENGENALAN PERJANJIAN BARU

Pendeta Lin Yong Ji

(I)

(A) Perjanjian Baru merupakan situasi sebenar bagi Perjanjian Lama

Perjanjian Lama merupakan bayangan bagi Perjanjian Baru. Apa yang telah menjadi tua dan usang, telah dekat kepada kemusnahannya, sedang wujudnya ialah Kristus (Ibr 8:13; Kol 2:17). Oleh itu, pemercaya dalam zaman Perjanjian Baru dibenarkan dan diselamatkan kerana iman, bukan kerana melakukan hukum Taurat (Rm 3:28; Gal 2:16). Janji tentang dibenarkan kerana iman merupakan janji yang baru, bukannya janji yang lama, malahan tercatat di dalam kitab Perjanjian Baru.

(B) Kitab Perjanjian Baru memimpin orang berbalik kepada Tuhan, ia juga sebagai panduan penyempurnaan rohani

Bertaubat, dibaptis dalam nama Tuhan untuk pengampunan dosa dan menerima Roh Kudus. Firman tentang percaya kepada Tuhan dan diselamatkan ini dicatatkan secara terperinci dalam Perjanjian Baru, bukan di Perjanjian Lama. Panduan untuk penyempurnaan rohani juga dicatatkan di dalam setiap gulungan Perjanjian Baru dengan harapan agar kita dapat diselamatkan sepenuhnya meneruskannya.

(C) Boleh membantu belia mengambil inisiatif dalam mendirikan iman kepercayaan peribadi

Kebanyakan belia dalam gereja percaya kepada Tuhan sejak kecil lagi dengan mengikuti ibu bapa. Pengajaran dalam kebaktian kanak-kanak juga diterima secara pasif. Oleh itu, selalunya iman kepercayaan yang didirikan merupakan “iman kepercayaan yang bersifat pasif”. Namun apabila memasuki kelas belia, terutamanya kelas menengah rendah, mereka harus mendirikan “iman kepercayaan yang bersifat aktif” milik sendiri. Dengan itu, mereka dapat membina dasar iman kepercayaan yang baik untuk diri sendiri. Untuk mendirikan “iman kepercayaan yang bersifat aktif”, pertamanya, harus banyak menghadiri kebaktian (juga merujuk kepada kebaktian-kebaktian selain kebaktian belia). Keduanya, harus beri perhatian kepada penyempurnaan rohani, banyakkannya berdoa, kenali diri sendiri serta pertempuran antara roh dan daging. Ketiganya, harus sendiri mengkaji dan membaca Alkitab Perjanjian Baru, terima sendiri perkataan Tuhan. Butiran yang ketiga adalah yang paling penting dan berguna untuk dua butiran sebelumnya.

(II) LATAR BELAKANG SEJARAH BAGI KITAB PERJANJIAN BARU

Pembelajaran tentang latar belakang sejarah dapat membantu kita memahami isi kandungan dan Firman penting dalam Alkitab.

Zaman Persia (Lebih kurang tahun 333 SM)

Selepas umat pilihan Tuhan ditawan ke Babel, Babel diperintah oleh raja Persia kerana ditakluk oleh Media dan Persia. Apabila Koresh, raja Persia digerakkan oleh Tuhan dan membenarkan umat pilihan pulang ke negara asal untuk mendirikan semula bait suci, ahli kitab Ezra dan Nehemia kemudiannya juga pulang untuk memulihkan iman kepercayaan umat pilihan.

Orang Yahudi yang pulang menggunakan bahasa Aram di tempat tawanan. Selepas pulang, mereka tetap menggunakan bahasa Aram. Oleh itu, bahasa Aram masih merupakan bahasa kebiasaan ketika zaman Tuhan Yesus.

Zaman Alexander Agung, raja Yunani (Tahun 332-301 SM)

Raja Aleksander Agung yang muda dipilih sebagai pemimpin kesatuan Yunani. Baginda mengepalai angkatan tentera gabungan dalam ekspedisi Timur lalu menakluk Asia Kecil, sebahagian daripada Asia Barat, Mesir, Syria. Tanah yang dianugerahkan Tuhan kepada umat pilihan iaitu Palestin juga termasuk di dalam wilayahnya.

Guru kepada Alexander Agung ialah Aristotle, murid kepada Plato. Dari guru ini baginda mewarisi hati yang 'suka kepada ilmu' dan 'tidak jemu-jemu mencari ilmu' terhadap dunia di sekelilingnya. Oleh itu, dalam ekspedisi jauhnya, baginda membawa bersama sekumpulan ilmiawan untuk menyiasat, mengkaji serta mencatatkan dan menjelaskan adat masyarakat, flora dan fauna dan keadaan geografi bagi kawasan yang ditaklukinya. Sama seperti gurunya, baginda juga beranggapan bahawa budaya dan kesarjanaan Yunani adalah lebih unggul berbanding bangsa lain. Maka, baginda merasakan dirinya memikul amanat yang penting sebagai pemimpin umat manusia iaitu harus menyebarkan budaya Yunani.

Alexander Agung mangkat pada usia 33 tahun kerana demam malaria (tifoid). Empayarnya dibahagikan oleh empat orang jeneralnya. Di bawah polisi Hellenistik baginda, kota-kota Yunani telah dibina di merata tempat. Pencapaian yang paling penting ialah bahasa Yunani digunakan secara meluas sebagai bahasa antarabangsa untuk perniagaan dan komunikasi. Ia juga biasa digunakan dalam bidang penulisan. Ini amat memudahkan kerja penyebaran Injil. Dengan menggunakan bahasa Yunani, Paulus boleh menyampaikan khotbah di merata tempat. Surat-suratnya dalam bahasa Yunani boleh dibaca oleh pemercaya semua negara.

Zaman Ptolemy Mesir (Tahun 301-198 SM)

Selepas kemangkatan Alexander Agung, negara Yehuda menjadi koloni dinasti Ptolemy yang menduduki Mesir dan kehidupan bagi keagamaan dan kepercayaan adalah sangat bebas. Terdapat sebuah perpustakaan besar, atau digelar sebagai muzium di kota Alexandria, Mesir, yang merupakan sebuah muzium penyelidikan saintifik. Dalam tempoh ini, sekumpulan orang Yahudi berpindah ke Mesir. Kemudian, orang-orang Yahudi di bandar budaya ini memilih tujuh puluh orang ahli Taurat untuk menterjemahkan Perjanjian Lama dalam bahasa Ibrani kepada bahasa Yunani untuk digunakan oleh ekspatriat Yahudi yang tidak mengerti bahasa Ibrani dan ia diselesaikan sepenuhnya pada tahun 150 SM. Orang-orang Yahudi pada zaman Tuhan Yesus juga selalu memetik daripada Alkitab bahasa Yunani ini.

Zaman Syria (Tahun 198-167 SM)

Selepas kemangkatan Alexander Agung, Seleucus, salah seorang daripada jeneral baginda telah menduduki Babel. Selepas itu, dia menakluki Syria. Penggantinya kemudian mengalahkan dinasti Ptolemy Mesir dan juga menguasai negara Yehuda. Pada zaman Seleucus IV (juga digelar sebagai Antiochus IV), berlaku rusuhan di tanah Yudea. Raja Antiochus IV salah faham bahawa ianya bertujuan untuk memberontak terhadapnya lalu memberi arahan untuk meyerang kota Yerusalem.

Selepas itu, cita-citanya terhalang oleh orang Rom lalu moodnya menjadi tidak baik. Semasa tiba di negara Yehuda semasa dalam perjalanan pulang, dia memberi perintah untuk mengamalkan Hellenisme di kalangan orang Yahudi sepenuhnya. Dengan itu, kehidupan kepercayaan orang-orang Yahudi menghadapi penganiayaan. Mereka tidak mempunyai kebebasan dalam hal memegang Hari Sabat, menjalankan sunat, memegang perayaan di bait suci dan sebagainya. Alkitab juga dimusnahkan. Pada hujung tahun 168 SM, raja ini merampas perkakas dan harta benda dalam bait suci serta membuat mezbah dewa palsu di atas mezbah bait suci untuk dipersembahkan kepada babi yang dipandang tidak suci oleh orang Yahudi dengan tujuan menghina orang Yahudi.

Di bawah penganiayaan besar terhadap kepercayaan, orang-orang Yahudi terpaksa bangkit melawan dan pemimpinnya ialah Judas Maccabeus Hammerer.

Zaman Maccabeus (Tahun 167-63 SM)

Di bawah pimpinan Maccabeus, orang Yahudi menentang Syria dengan beraninya. Kemudiannya, raja Syria sering bertukar dan tekanan penganiayaan ke atas negara Yehuda juga berkurang. Namun, Maccabeus terus berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan sepenuhnya bagi negara Yehuda dan meminta pertolongan Rom. Orang Yahudi mendapat kemerdekaan politik selepas Maccabeus meninggal dunia, iaitu pada tahun 143 SM. Tempoh kemerdekaan politiknya adalah kira-kira lapan puluh tahun sehingga ia ditakluk oleh Rom.

Zaman Rom (Selepas tahun 63 SM)

Pompey, orang Rom menghadapi rintangan ketika dia datang ke Yerusalem untuk menyelesaikan pertikaian. Oleh itu, dia menyerang dan mendapatkan kota Yerusalem dengan kekerasan. Dengan itu, Rom menduduki negara Yehuda dan mengenakan cukai yang tinggi.

Tiga orang jeneral Rom menubuhkan politik Triumvirat yang pertama pada tahun 60 SM. Antaranya, Julius Caesar kemudian mendapat kuasa ke atas Empayar Rom. Selepas Julius Caesar dibunuh pada tahun 44 SM, Caesar Octavian menubuhkan politik Triumvirat yang kedua bersama dua orang yang lain. Dia menjadi maharaja Empayar Rom yang pertama pada tahun 27 SM dan menjadi pemerintah autokrat. Gelaran Augustus diberikan oleh senat kepadanya dan akhirnya menjadi gelaran bagi maharaja. Maria, ibu Tuhan Yesus pulang ke Betlehem kerana perintah yang dikeluarkan oleh Augustus ini dan seterusnya melahirkan Tuhan Yesus di Betlehem (Luk 2:1). Augustus ini meninggal dunia pada tahun 14 M. Oleh itu, ketika Paulus naik banding kepada Kaisar, Kaisar itu ialah Nero, maharaja Rom yang kelima (Kis 25:21-25).

Ketika zaman Rom, orang Yahudi mempunyai kehidupan kepercayaan yang sangat bebas. Dari segi politik, Julius Caesar melantik gabenor dan melantik orang Idumea dari bahagian selatan negara Yehuda sebagai bupati. Salah seorang anak kepada bupati orang Idumea ini ialah Herodes Agung yang kemudiannya membunuh bayi-bayi di Betlehem dan sekitarnya.

Herodes Agung mengambil hati pegawai-pegawai Rom dan orang-orang Farisi. Dia juga tidak berani bersalah terhadap orang Yahudi. Dia komited untuk mendirikan, membina semula dan mengembangkan bait suci. Oleh itu, ada orang yang menggelar bait suci ini sebagai Bait Suci Herodes. Bait suci ini terkenal kerana kecantikannya tetapi telah dimusnahkan pada tahun 70 M.

Selepas Herodes Agung meninggal dunia, maharaja Rom membenarkan untuk berbuat seperti wasiatnya iaitu ketiga-tiga anaknya menjadi raja wilayah. Antaranya Arkhelaus, anaknya yang sulung bersikap tirani. Maharaja Rom mendengar permohonan orang Yahudi lalu jawatan Arkhelaus digantikan oleh seorang bupati orang Rom yang secara langsung memerintah negara Yehuda dan Samaria. Oleh itu, negara Yehuda menjadi satu provinsi Rom (60 M). Itulah sebabnya ketika Tuhan dihakimi, penghakiman tersebut dijalankan oleh Pilatus, bupati yang kelima, dan bukannya dijalankan oleh Raja Herodes.

Seorang lagi anak Herodes Agung, Herodes Filipus meninggal dunia pada tahun 34 M. Seorang lagi anaknya yang menjadi raja wilayah ialah Herodes Antipas. Dia hidup dalam percabulan dan tidak bermoral. Dia menjadi raja wilayah Galilea. Dia menikahi Herodias, isteri kepada Filipus, saudara tirinya dengan cara yang tidak sah. Yohanes Pembaptis telah menegur mereka dengan beraninya lalu dibunuh ketika jamuan hari ulang tahun Antipas (Luk 3:19-20; 9:7-9). Akhirnya, dia juga dipecat dan dibuang ke pengasingan lalu mati.

Agripa I, cucu Herodes Agung telah mewarisi takhta pakciknya, Herodes Filipus dan juga mendapat Galilea. Akhirnya dia menjadi raja bagi seluruh Yehuda (tahun 40 M). Demi mengambil hati orang Yahudi, dia membunuh Yakobus (Kis 12:1-2). Dia akhirnya ditampar malaikat Tuhan kerana congkak dan mati dimakan cacing-cacing (Kis 12:21-23).

Agripa II, anak kepada Agripa I juga bukan raja yang baik dan hidup dalam percabulan. Bernike, adiknya juga hidup dalam percabulan dan tidak mengenali Firman. Paulus pernah berkhotbah di hadapan mereka (Kis 25:13 - 26:32).

Herodes sekeluarga bukan orang yahudi. Mereka merupakan orang Idumea dari bahagian selatan tanah Yehuda. Latar belakang gaya keluarga mereka sangat buruk. Tambahan pula, mereka bersikap tirani. Maka, orang Yahudi terus-menerus mencari peluang untuk menghalau Herodes. Orang Zelot (Mat 10:4) memulakan revolusi kerana ini.

Kemudian, antara tahun 68-69 M, maharaja Rom digantikan oleh empat orang maharaja boneka dalam masa satu tahun. Pada tahun 70 M, maharaja Vespasian pergi ke Yerusalem dan mengelilingi kota Yerusalem selama 134 hari kerana pemberontakan orang Yahudi. Akhirnya, kota Yerusalem ditawan oleh anaknya Titus. Kota Suci dibakar, bait suci juga dimusnahkan sepenuhnya. Sama seperti nubuat yang dikatakan oleh Tuhan Yesus, tidak satu batupun akan dibiarkan terletak di atas batu yang lain (Mat 24:2).

(III) SEJARAH RINGKAS KOMPOSISI ALKITAB PERJANJIAN BARU

(A) Bahasa dalam Alkitab Perjanjian Baru

1. Bahasa yang digunakan: Bahasa Aram, Bahasa Yunani

Terdapat beberapa bahasa yang agak sama di Timur Tengah. Dua di antaranya adalah sangat sama. Satu ialah bahasa Ibrani yang biasa digunakan oleh orang Israel, dan satu lagi ialah bahasa Aram yang digunakan oleh orang-orang di Syria dan Babel.

Selepas orang Israel ditawan, umat yang tertinggal di Palestin beransur-ansur menggunakan bahasa Aram kerana bergaul dengan orang Aram yang berpindah ke sana. Selepas orang-orang yang ditawan ke Babel pulang, semestinya mereka juga berbicara dalam bahasa Aram. Pada zaman Tuhan Yesus, bahasa kebiasaan bagi orang Yahudi ialah bahasa Aram.

Namun dari aspek yang lain, selepas Alexander membina empayar Macedonia dan memerintah benua Eurasia pada masa itu, baginda menggerakkan dasar Hellenistik dan bahasa Yunani menjadi bahasa kebiasaan di kawasan tersebut. Penduduk di Palestin pada masa itu juga mengerti bahasa Yunani.

Ketika berada di dunia, apabila Tuhan Yesus berbicara dengan murid-murid atau menyampaikan khotbah kepada penduduk setempat, berkemungkinan besar Dia juga menggunakan bahasa Aram.

Injil adalah untuk semua umat manusia. Jika bahasa Aram digunakan dalam gulungan kitab Perjanjian Baru, sudah tentu ramai orang duniawi pada masa itu tidak memahaminya, malahan ia juga berkemungkinan tidak akan dipandang tinggi oleh orang. Oleh itu, dalam melahirkan idea dan buah fikiran, penggunaan bahasa Yunani adalah lebih tepat. Maka, ketika menulis Alkitab, bahasa Yunani dipilih dan digunakan di bawah pimpinan Roh Kudus.

2. Kerajaan juga menggunakan bahasa Latin

Lebih kurang 30 perkataan Latin digunakan dalam kitab Perjanjian Baru. Ketika Tuhan disalibkan, tulisan di atas kepalaNya adalah menggunakan tiga jenis bahasa.

3. Kitab Perjanjian Baru menggunakan bahasa Yunani yang popular

Bahasa Yunani yang digunakan dalam kitab Perjanjian Baru bukanlah bahasa Yunani kuno, tetapi ialah bahasa Yunani yang popular.

Bahasa Yunani yang digunakan dalam Alkitab juga ada sifat bahasa semitik (Ibrani, Aram). Terdapat juga perkataan-perkataan yang memberikan makna yang baru kepada perkataan lama untuk mengekspresikan serta merekodkan kebenaran dan rahsia kerajaan Tuhan. Contohnya “Firman”, “Kebenaran” dan sebagainya.

Pada zaman Alexander, baginda pernah memindahkan ramai orang Yahudi ke koloni Yunani yang ditubuhkannya. Sangat ramai orang Yahudi di bandar Alexandria yang dipindahkan ke utara Afrika. Orang-orang Yahudi ini membesar di dalam budaya Yunani sepenuhnya dan langsung tidak mengerti bahasa Ibrani. Oleh itu, mereka langsung tidak mengenali agama dan latar belakang budaya orang Yahudi.

Pemimpin orang Yahudi amat mengambil berat tentang hal ini dan meminta orang-orang Yahudi di Yerusalem datang untuk membantu mereka. Menurut legenda, antara tahun-tahun 200 SM, Yerusalem mengutus 72 orang ilmiawan (6 orang bagi setiap suku) ke kota Alexandria. Mereka mendapat sokongan daripada raja Mesir dan menterjemahkan semua Perjanjian Lama ke dalam bahasa Yunani yang digelar sebagai “Septuagint”. Apabila merujuk Alkitab dalam zaman Perjanjian Baru, kebanyakannya merujuk daripada Perjanjian Lama Septuagint dalam bahasa Yunani.

(B) Penulis-penulis Alkitab Perjanjian Baru

1. Penulis

Kitab Perjanjian Baru ditulis oleh lebih kurang 10 orang penulis yang berbeza. Setiap mereka mempunyai keperibadian dan latar belakang pendidikan yang tersendiri. Antaranya ada nelayan, pemungut cukai, doktor, ahli Taurat. Oleh itu, walaupun 27 gulungan ini semuanya ditulis dalam bahasa Yunani yang popular, namun gaya penulisan bagi setiap gulungan adalah tidak sama. Walau bagaimanapun, mereka semua menulis dengan satu matlamat yang sama iaitu “memberitakan Injil, membangunkan pemercaya”.

2. Boleh dibahagikan kepada 6 jenis berdasarkan motif penulisan: (ditulis dalam bentuk singkatan)
 - a) Injil: Mat, Mrk, Luk, Yoh, Kis.
 - b) Perbincangan Firman: Rm, Ibr, 1 Yoh, Ef.
 - c) Memperbetulkan kesilapan: 1 Kor, Gal, Kol, Yak, 2 Yoh.
 - d) Dorongan dan galakan: 2 Kor, Flp, 1 Tes, 2 Tes, 1 Ptr, 2 Ptr, Flm.
 - e) Pengajaran dan Penggembalaan: 1 Tim, 2 Tim, Tit.
 - f) Nubuat: Why

(C) Suntingan dan terjemahan kitab Perjanjian Baru

1. Proses suntingan:

Pada mulanya, gereja tempatan mengumpul gulungan kitab yang mereka sukai dan digunakan selepas disusun. Terdapat sebahagian orang yang cuba menyunting dan mengatur direktorinya. Namun, gereja hanya mempunyai kebebasan yang secukupnya untuk melakukan kerja ini secara terbuka selepas Raja Constantine percaya kepada Tuhan.

2. Pembentukan Kanon

Persidangan gereja Carthage yang dijalankan pada tahun 397 M mengiktiraf 27 gulungan yang kita gunakan sekarang sebagai Kanon kitab Perjanjian Baru manakala gulungan-gulungan yang lain dianggap sebagai kitab palsu atau digelar sebagai Apokrifa/ Deuterokanonika.

3. Salinan tulisan tangan

Sebelum mesin cetak diciptakan, Alkitab diwariskan secara salinan tulisan tangan. Oleh kerana ia disalin dengan tangan, maka kesilapan atau ketidaktepatan tidak dapat dielakkan. Maka terdapat perkataan kecil dalam Alkitab bahasa Cina yang berbunyi "Ada skrol kuno..." yang bermaksud terdapatnya salinan tulisan tangan yang berbeza.

4. Kertas yang digunakan bagi salinan tulisan tangan

Kertas yang digunakan bagi salinan tulisan tangan ialah papirus, kulit domba, kulit anak lembu.

(D) Cetakan, pembahagian fasal dan ayat kitab Perjanjian Baru

1. Cetakan

Pada tahun 1454 M, selepas John Gutenberg menciptakan percetakan jenis huruf, Alkitab pun dicetak lalu dibekalkan secara murah dalam jumlah yang besar. Oleh yang demikian, umat Kristian di kawasan yang bebas pada hari ini dapat membeli Alkitab yang cantik dan murah.

2. Pembahagian fasal dan ayat

Pada mulanya, tidak ada pembahagian fasal dan ayat dalam Alkitab. Kira-kira tahun 1236 M, Roman Katolik membuat pembahagian fasal untuk semua Alkitab. Pada tahun 1660, Rabbi Yahudi membuat pembahagian ayat bagi Perjanjian Lama. Pembahagian ayat bagi Perjanjian Baru dilakukan oleh tukang cetak Perancis. Perjanjian Lama mengandungi 929 fasal, Perjanjian Baru mengandungi 260 fasal. Jumlah bagi Perjanjian Lama dan Perjanjian baru ialah 1189 fasal dengan 31173 ayat.

(E) Terjemahan Alkitab Perjanjian Baru

1. Ada terjemahan bahasa Syria
2. Terjemahan bahasa Latin
3. Terjemahan Coptic

4. Terjemahan bahasa Inggeris

Setelah terjemahan King James' Version disiapkan pada tahun 1611, ia telah menjadi universal dan berwibawa untuk lebih dari tiga ratus tahun sehingga hari ini kerana terjemahannya yang baik. Sebelum terjemahan ini disiapkan, terdapat banyak terjemahan yang lain, tetapi semuanya telah digantikan oleh yang ini. Pada pertengahan abad kesembilan belas, adalah didapati bahawa masih terdapat kekurangan dalam King James' disebabkan perubahan dalam bahasa Inggeris itu sendiri dan juga kemajuan penyelidikan alkitabiah. Oleh itu, Britain membuat semakan berdasarkan teks asal. English Revised Version diterbitkan pada tahun 1881. American Standard Bible diterbitkan pada tahun 1901. Ia juga digelar sebagai American Standard Version (R.S.V.). Pemercaya gereja kita sering menggunakan Alkitab versi ini. Terjemahan bahasa Inggeris moden yang lain tidak sesuai untuk kajian atau pengenalan Alkitab.

5. Terjemahan bahasa Cina

Terjemahan Nestorianisme (tahun 635-650 M) telah hilang. Terjemahan Morrison's Version selesai diterjemahkan pada tahun 1823. Terjemahan Chinese Union Version rasmi yang digunakan sekarang juga digelar sebagai Mandarin Union Version. Terjemahan Chinese Union Version merupakan tiga jenis terjemahan (kesusasteraan susah, kesusasteraan mudah dan bahasa Mandarin) yang diputuskan dalam persidangan mubaligh pada tahun 1890. Ia diterjemahkan berdasarkan English Revised Version dan telah mengambil masa lebih kurang 27 tahun. Lu Zhen Zhong menterjemahkan semula Alkitab ke dalam bahasa vernakular moden berdasarkan teks asal. Ia disiapkan sepenuhnya pada tahun 1970 dan diterbitkan. Dalam kajian Alkitab, kita kurang merujuk kepada Lu Zhen Zhong Bible Translation ini.

(IV) PENGENALAN RINGKAS ISI KANDUNGAN KITAB PERJANJIAN BARU

(A) Isi kandungan kitab Perjanjian Baru:

Mesej Perjanjian Baru adalah untuk menyambung mesej Perjanjian Lama. Oleh sebab pemberontakan, manusia tidak dapat menerima berkat yang dijanjikan oleh Tuhan dalam Perjanjian Lama dan menyelesaikan tujuan Tuhan menciptakan manusia. Maka, Tuhan membuat Perjanjian Baru supaya manusia dapat menghidupkan kemuliaan yang sepatutnya ada dengan bersandarkan anugerah keselamatan Tuhan agar dapat menikmati berkat yang Tuhan janjikan.

Penyelamatan dan penebusan Tuhan disempurnakan melalui Kristus. Kristus sama seperti biji gandum yang jatuh ke dalam tanah, mati dan kemudiannya bangkit lalu menghasilkan banyak buah. Dengan itu, bermulalah rancangan Tuhan menyelamatkan dan menebus umat manusia.

Kita umpamakan hubungan antara semua gulungan kitab Perjanjian Baru dengan perkembangan seluruh pokok. Dengan itu, kita dapat memahami hubungan antara dua puluh tujuh gulungan kitab Perjanjian Baru dengan lebih jelas. Empat kitab Injil sama seperti akar di bahagian bawah pokok. Batang pokok penuh dengan kehidupan, sama seperti Roh Kudus dalam Kisah Para Rasul yang membolehkan gereja / jemaat berkembang dengan pesat. Dengan itu, bermulalah banyak firman penting yang terkandung dalam rancangan penyelamatan dan penebusan Tuhan. Contohnya teori penyelamatan dan penebusan, teori Kristus, teori gereja / jemaat, eskatologi. Kebenaran-kebenaran ini sama seperti ranting-ranting yang tumbuh dari batang pokok, di mana mereka adalah saling berkait rapat. Berikut diterangkan secara ringkas:

1. Keperibadian Kristus

Dalam empat kitab Injil, kita dapat melihat Dia ada sifat keilahian dan sifat manusia. Pelayanannya sempurna seperti empat makhluk. Oleh itu, dari perlambangan empat makhluk, kita dapat melihat bagaimana empat kitab Injil menggambarkan pelayanan Tuhan:

- a) Injil Matius: menggambarkan Tuhan ialah Tuhan yang rajani, sama seperti singa yang tidak terkalahkan.
- b) Injil Markus: menggambarkan Tuhan ialah hamba yang taat, sama seperti lembu, banyak bekerja, kurang bercakap, selamanya tidak letih lesu.
- c) Injil Lukas: menggambarkan Tuhan sebagai manusia sempurna yang mempunyai sifat manusia. Dia mengasihi semua orang yang berdosa di dunia.
- d) Injil Yohanes: menggambarkan Tuhan ialah Anak Tuhan yang mempunyai sifat keilahian. Dia membawa Kebenaran dan kasih karunia yang berkelimpahan kepada manusia duniawi.

2. Teori Roh Kudus

Penubuhan gereja / jemaat bermula dengan pencurahan Roh Kudus. Dengan kuasa besar Roh Kudus juga, gereja / jemaat dapat berkembang dengan pesat sehinggakan dipenuhi dengan daya hidup.

3. Teori penyelamatan dan penebusan

Teras bagi Kebenaran penyelamatan dan penebusan ialah “dibenarkan dan mendapat hidup kerana iman”. Gulungan kitab yang berkaitan ialah Roma, Galatia, Ibrani, Yakobus.

4. Teori Kristus

Membincangkan tentang hubungan antara Kristus dengan gereja / jemaat. Gulungan kitab yang berkaitan ialah Efesus, Filipi, Kolose, Filemon.

5. Teori gereja/jemaat

Membincangkan tentang bagaimana hamba Tuhan menggembalakan gereja / jemaat. Gulungan kitab yang berkaitan ialah 1 Korintus, 2 Korintus, 1 Timotius, 2 Timotius, Titus, 1 Yohanes, 2 Yohanes, 3 Yohanes.

6. Eskatologi

Membincangkan tentang pelbagai tanda yang berkaitan dengan eskatologi, pengenalan yang perlu ada pada pemercaya dan perihal utama kedatangan semula Tuhan. Gulungan kitab yang berkaitan ialah 1 Tesalonika, 2 Tesalonika, 1 Petrus, 2 Petrus, Yudas, Wahyu.

(B) Perbandingan antara Perjanjian Baru dan Perjanjian Lama

1. Sasaran yang berbeza

Sasaran Perjanjian Lama ialah orang Israel (Yer 7:23). Sasaran Perjanjian Baru ialah orang-orang berdosa di seluruh dunia (Mrk 16:15-16).

2. Isi kandungan kontrak berbeza

Musa menjadi pengantara bagi Perjanjian Lama dan mengadakan “Perjanjian Taurat”. Dosa ditebus melalui darah ternakan (Ibr 9:18-22). Tuhan Yesus menjadi pengantara bagi Perjanjian Baru dan mengadakan “Perjanjian Kasih Karunia”. Manusia boleh menebus dosa dengan bersandarkan darah Tuhan yang bernilai asalkan dibenarkan kerana iman (Ibr 9:12-14).

3. Pengharapan yang berbeza

Umat pilihan Perjanjian Lama mengharapkan kedatangan Mesias (Juruselamat). Oleh sebab Mesias telah datang, iaitu Tuhan Yesus, maka umat pilihan Perjanjian Baru mengharapkan Tuhan datang menjemput umat pilihan pulang ke rumah syurgawi asalkan percaya dan bersandar kepada Tuhan.

4. Hubungan antara Perjanjian Baru dan Perjanjian Lama

Hukum Taurat dalam Perjanjian Lama merupakan bayangan bagi Perjanjian Baru, sedang wujudnya ialah Kristus. Oleh sebab Tuhan Yesus telah menyempurnakan hukum Taurat, maka pemercaya Perjanjian Baru tidak lagi perlu memegang etika hukum Taurat Musa. Mereka boleh diselamatkan asalkan berpegang kepada pengajaran Tuhan (Ibr 8:13; Kol 2:17).

(C) Petikan Perjanjian Lama dalam Perjanjian Baru

Dengan melihat bagaimana Perjanjian Baru memetik daripada Perjanjian Lama, kita dapat memahami keselarasan Perjanjian Baru. Ia membuatkan kita faham bagaimana Tuhan mengawal sejarah dan minda manusia sehinggakan Perjanjian Lama bernubuat tentang Perjanjian Baru, mengandungi Perjanjian Baru, manakala Perjanjian Baru juga menggenapi Perjanjian Lama dan memperkayakan Perjanjian Lama.

1. Memberi kepastian tentang kewibawaan Perjanjian Lama

Tidak dinafikan, penulis-penulis Perjanjian Baru memberi kepastian tentang kewibawaan Perjanjian Lama. Bagi mereka, jauh sebelum gulungan kitab Perjanjian Baru disebarikan secara meluas dan dimasukkan ke dalam Kanon, kitab-kitab mereka ialah kitab Perjanjian Lama kita pada hari ini. Ketika mengarang gulungan kitab Perjanjian Baru, mereka selalu memetik ayat-ayat dalam Perjanjian Lama untuk menyokong hujah mereka. Menurut statistik konservatif, Perjanjian Baru memetik ayat Perjanjian Lama sebanyak 295 kali. Tambahan pula, mereka memandang kitab Perjanjian Lama sebagai apa yang Tuhan katakan melalui manusia, dan percaya bahawa perkataan-perkataan yang digunakan dalam kitab-kitab tersebut ditulis di bawah gerakan Roh Tuhan dan oleh itu ianya adalah bermakna.

2. Fokus kepada Kristus

Penulis-penulis Perjanjian Baru memahami Perjanjian Lama menerusi perspektif Yesus Kristus. Contohnya dalam (Gal 3:16), Paulus beranggapan bahawa janji Tuhan tentang keturunan Abraham adalah merujuk kepada Yesus. Pandangannya ini adalah berdasarkan tuntutan Tuhan Yesus sendiri. Ini kerana Tuhan pernah berkata: Kitab-kitab Perjanjian Lama memberi kesaksian tentang Dia. Ini termasuk kitab-kitab yang ditulis oleh Musa, kitab nabi-nabi dan kitab Mazmur (ini merupakan nama singkatan bagi tiga bahagian besar Alkitab pada masa itu. Rujuk Luk 24:44-45; Yoh 5:39-40, 46-47).

3. Perjanjian Baru menggenapkan nubuat Perjanjian Lama

Mengapa kitab Perjanjian Lama menjadi kesaksian bagi Kristus? Bagi penulis-penulis Perjanjian Baru, kematian dan kebangkitan Tuhan telah membuktikan tanpa was-was bahawa Dialah Mesias (Kristus) yang dijanjikan dalam Perjanjian Lama. Apabila mereka membaca semula Perjanjian Lama, dengan adanya penjelasan Tuhan ke atas ayat-ayat, pengalaman kepercayaan mereka sendiri dan pencerahan daripada Roh Kudus, maka mereka dapat melihat bahawa terdapat sebahagian ayat dalam Perjanjian Lama telah digenapi oleh Yesus dan umat pilihannya.

Contohnya dalam khotbah hari Pentakosta, Petrus menyatakan bahawa: beberapa penerangan Daud tidak mungkin merujuk kepada dirinya sendiri (Kis 2:29,34) melainkan merupakan nubuat yang sesuai tentang Yesus mati, bangkit dan terangkat ke syurga. Sama juga, Injil Matius mencatatkan: imam kepala dan ahli Taurat percaya bahawa pemimpin Mesias akan dilahirkan di Betlehem menurut kata-kata nabi (Mat 2:4-6). Dengan kata yang lain, penulis-penulis Perjanjian Baru melihat sebahagian ayat daripada Perjanjian Lama sebagai nubuat secara langsung dan beranggapan nubuat-nubuat ini hanya akan digenapi dengan kisah hidup Yesus dan perkembangan gereja / jemaat (rujuk 1 Ptr 1:10-12).

4. Perjanjian Lama mengandungi Perjanjian Baru - perlambangan, gambaran

Apabila sebahagian penulis Perjanjian Baru membincangkan tentang bagaimana Yesus dan gereja / jemaat menggenapi Perjanjian Lama, ayat yang dipetik tidak semestinya berunsur nubuat dalam Perjanjian Lama, bahkan seolah-olah langsung tiada kaitan dengan Perjanjian Baru. Contohnya, dalam (Mat 2:15) menyebut tentang Yesus tinggal di Mesir hingga Herodes mati. Hal itu terjadi supaya genaplah yang difirmankan Tuhan oleh nabi: "Dari Mesir Kupanggil Anak-Ku.". Oleh itu, apakah maknanya atau apakah asasnya bagi penulis Perjanjian Baru menggunakan perkataan "genaplah"? Kata kerja "genaplah" ini juga diterjemahkan sebagai "menggenapkan", contohnya (Mat 3:15) "menggenapkan" seluruh kehendak Allah. Ia juga diterjemahkan sebagai "tercakup", contohnya (Gal 5:14) "Sebab seluruh hukum Taurat tercakup dalam satu firman ini, yaitu: "Kasihilah sesamamu manusia seperti dirimu sendiri!". Ini merujuk kepada patuhan dan penyelesaian terhadap hukum Taurat. Dengan kata yang lain, kata kerja ini boleh mengandungi makna "menjadikannya sempurna", "supaya (sesuatu prinsip atau pernyataan) diperkayakan". Ia tidak semestinya menunjukkan bahawa hal-hal yang disempurnakan, diperkayakan atau diterangkan adalah berkaitan dengan nubuat pada masa akan datang. Jika kita membandingkan ayat (Mat 2:15) dengan sumbernya dalam Perjanjian Lama, kita akan mendapati adanya persamaan dari segi watak dan peristiwa yang dicatatkan dalam Perjanjian Baru dan Lama sehinggakan catatan Perjanjian Baru memperkayakan (menggenapkan) ayat Perjanjian Lama. Malahan, dua contoh dalam Perjanjian Baru ini lebih nyata:

- (1) Hubungan dua hala bagi perseorangan (Yesus anak Tuhan) dan persekutuan (orang Israel anak-anak Tuhan);
- (2) Keselarasan sejarah penyelamatan dan penebusan (keluar dari Mesir, penganiayaan ke atas orang-orang yang tidak berdosa).

Dua konsep ini sudah wujud sejak Perjanjian Lama. Contohnya nama-nama “Israel” dan “Yakub” boleh merujuk kepada anak Ishak dan boleh juga merujuk kepada seluruh umat Israel. Sama juga, “Daud” boleh merujuk kepada anak Isai dan boleh juga menjadi kod untuk pemimpin Mesias (lihat Yeh 34:23). Keluar dari Mesir dan mengembara di padang gurun bukan sahaja merujuk kepada peristiwa zaman Musa. Ia juga boleh merujuk kepada nubuat tentang pengalaman umat meninggalkan Babel dan pulang ke negara asal (lihat Hos 2:14-15). Apabila berbincang tentang hubungan “Perjanjian Baru memperkayakan Perjanjian Lama”, ilmiawan pada hari ini biasanya mengatakan bahawa watak atau peristiwa dalam Perjanjian Lama merupakan ‘perlambangan’ yang sesuai untuk Perjanjian Baru (rujuk Rm 5:14; 1 Kor 10:6; Ibr 9:24; 1 Ptr 3:21).

Adakah orang-orang dalam zaman Perjanjian Lama mengetahui bahawa banyak perkara merupakan perlambangan? Apabila orang Israel menyembelih anak domba Paskah setiap tahun, adakah mereka mengetahui bahawa anak domba melambangkan Kristus? Mereka seolah-olah tidak tahu bahawa terdapat ontologi perlambangan. Mungkin mereka menyedari bahawa perkara-perkara ini meramalkan masa depan pada tahap yang tertentu, tetapi mereka tidak mengetahui sepenuhnya hubungan antara perlambangan dan ontologi. Perlambangan diaturkan oleh Tuhan. Apabila ontologi perlambangan direalisasikan, ia membuktikan bahawa perkara-perkara ini mempunyai maksud nubuat. Ia jangkaan bagi Tuhan tetapi bukti bagi manusia. Apabila manusia merenung semula dan membandingkan perlambangan dengan ontologi, mereka akan memahami persamaan antaranya. Dari sini kita dapat melihat teori penyelamatan dan penebusan Tuhan yang agung serta memahami bahawa Perjanjian Baru dan Lama mempunyai hubungan yang erat.

Apabila perlambangan muncul dalam Perjanjian Lama, ia ialah ‘bayangan’. Makna rohaninya hanya dinyatakan dalam Perjanjian Baru, iaitu ‘ontologi’ bagi perlambangan. Fokus bagi perlambangan ialah masa depan. Inilah perbezaan antara perlambangan dengan tanda dan perumpamaan. Tanda dan perumpamaan ada makna rohaninya apabila sesuatu peristiwa terjadi. (Tanda juga digelar sebagai simbol.)

Demikianlah Tuhan Kristus dan rasul-rasul membuktikan kenyataan yang dinubuatkan dalam lima kitab Musa, kitab nabi-nabi dan kitab Mazmur (Luk 24:25-27,44; Yoh 5:39-44). Ini juga bermaksud 'perlambangan' merupakan orang, peristiwa, barang yang pernah wujud; maka semestinya 'ontologi' juga merupakan orang, peristiwa, barang yang pernah wujud.

Tuhan merancang perlambangan dan menjadikannya menyerupai ontologi. Dia juga merancang ontologi, merealisasikan dan menaiktarafkannya. Dari perbandingan antara perlambangan dan ontologi, kita dapat melihat kehendak Tuhan yang semakin dinyatakan kepada kita dan dapat memahami makna Perjanjian Lama kepada iman kepercayaan kita.

PANDUAN PEMBACAAN INJIL MATIUS

Pendeta Zhao Ming Yang

(I) PENULIS

Kitab-kitab Injil Perjanjian Baru merupakan gulungan kitab yang dicatatkan berpusatkan kisah hidup dan ajaran lisan Yesus Kristus. Pada zaman awal dahulu, orang berbicara dan berbincang tentang kisah Kristus melalui warisan lisan. Kemudian, secara beransur-ansur ia dicatatkan dalam bentuk penulisan dan menjadi “kitab Injil”. Oleh sebab penulis yang berbeza, maka tajuk kitab itu ialah nama penulisnya. “Injil Matius” merupakan gulungan kitab mengenai ajaran Kristus secara lisan dan perbuatan yang dicatatkan oleh Matius.

Walaupun kitab ini tidak menyatakan siapakah penulisnya, namun Bapa Gereja, pemimpin dan tradisi sejarah gereja zaman awal semuanya mengesahkan bahawa kitab Injil ini ditulis oleh Matius, murid Yesus Kristus. Tuntutan ini juga telah diiktiraf oleh para ilmiawan Alkitab moden.

Matius bererti “pemberian Tuhan”. Nama asalnya Lewi (bererti “bergabung”). Dia anak Alfeus dan pada asalnya merupakan pemungut cukai di Kapernaum. Ketika Tuhan Yesus memilih dan memanggil dia, dia segera melepaskan kedudukannya yang tinggi dengan gaji lumayan dan yang dikecam sebagai tidak adil, meninggalkan kegelapan lalu tegas mengikuti Tuhan (Mat 9:9-13; Mrk 2:13-17; Luk 5:27-32). Dia mencatatkan secara terperinci apa yang dilihat dan didengari semasa mengikuti Tuhan lalu menuliskannya menjadi kitab ini.

Demi memimpin kawan-kawannya berbalik kepada Tuhan, dia pernah mengumpulkan banyak pemungut cukai dan orang berdosa dan makan bersama-sama dengan Tuhan Yesus dan murid-murid-Nya. Akhirnya dia juga tersenarai sebagai salah seorang daripada kedua belas orang rasul (Mat 10:2,3).

(II) SASARAN PENULISAN

Dari isi kandungannya, dapat dilihat bahawa kitab ini dituliskan untuk orang Yahudi. Pada zaman Yesus, orang Yahudi mempunyai pengaruh besar dalam agama. Penulis Matius semestinya berharap agar kawan-kawan Yahudinya dapat mengenali dan mempercayai Kristus lalu menulis kitab ini.

Selain itu, kitab ini banyak memetik ayat dari Perjanjian Lama untuk membuktikan Yesus ialah Kristus (Mesias) yang akan datang yang dinubuatkan oleh nabi. Orang Yahudi fasih tentang kitab Perjanjian Lama dan kedatangan Mesias merupakan keprihatinan orang Yahudi. Ia dipenuhi dengan warna-warni orang Yahudi. Maka kita tahu bahawa kitab ini dituliskan untuk orang Yahudi.

(III) TUJUAN PENULISAN

Penulis secara khusus menggunakan kitab ini untuk membuktikan bahawa Yesus ialah Mesias yang Tuhan bakal utuskan dan Dia juga ialah Kristus yang akan datang yang dinubuatkan oleh para nabi. KedatanganNya menggenapi nubuat nabi dalam Perjanjian Lama dan menyempurnakan janji Tuhan.

Dari petikan ayat dari Perjanjian Lama oleh penulis, nubuat yang berkaitan dengan Mesias adalah seperti berikut:

1. Nubuat tentang Kristus dilahirkan oleh anak dara (1:22-23; Yes 7:14)
2. Nubuat tentang Kristus melarikan diri ke Mesir (2:15,17; Hos 11:1)
3. Nubuat tentang Kristus memberitakan Injil di danau Galilea (4:12-16; Yes 9:1-2)
4. Nubuat tentang Kristus menjalankan tanda mujizat dan mengubati orang (8:16-17; Yes 53:4)
5. Nubuat tentang kuasa, keramahan dan belas kasihan Kristus (12:12-21; Yes 42:1-3)
6. Nubuat tentang Kristus ialah raja yang adil dan damai, masuk ke Jerusalem dengan mengendarai seekor keldai (21:1-11; Za 9:9)
7. Nubuat tentang Kristus dijual dengan harga tiga puluh wang perak (27:9; Za 11:12-13)

Penulis berusaha membuktikan Yesus dari Nazaret ialah Mesias yang dinantikan sekian lama oleh orang Yahudi. Atas sebab penindasan jangka panjang oleh bangsa asing, orang-orang Yahudi mengubah harapan tinggi terhadap Mesias kepada tuntutan bangsa yang kuat politik. Mereka berharap Mesias akan muncul sebagai penyelamat bangsa dan menggulingkan pemerintahan Rom, mendirikan kerajaan Daud yang kuat di bumi. Penulis cuba untuk membalikkan pandangan “Mesianik” yang salah ini supaya orang Yahudi benar-benar mengenali bayi Yesus di dalam palungan Betlehem itulah Mesias yang harus diharapkan oleh semua orang. Dialah juruselamat yang dinubuatkan oleh nabi zaman-berzaman dan yang dijanjikan oleh Tuhan. Dialah Yesus Kristus, anak Daud, anak Abraham (rujuk Yes 9:6-7). Apa yang ingin dibina oleh Mesias ialah dinasti kerajaan rohaniah.

(IV) MASA PENULISAN

Para ilmiawan mempunyai pendapat yang berbeza mengenai masa penulisan. Namun dua petunjuk berikut dapat memastikan jangka masanya:

1. Kitab ini banyak memetik ayat Perjanjian Lama, mensasarkan orang Yahudi dan membuktikan identiti Yesus Mesias. Maka dapat dilihat bahawa Injil telah tersebar di wilayah Yahudi yang luas pada masa itu.
2. 24 fasal dalam kitab ini membincangkan tentang kota Yerusalem bakal dimusnahkan dengan cara bernubuat. Nampaknya, kitab ini siap ditulis pada tahun 70 M, sebelum Yerusalem dimusnahkan oleh Jeneral Titus dari Rom.

Berdasarkan ini, terdapat dua tempoh yang dianggap sebagai masa yang mungkin bagi pembukuan Matius iaitu antara tahun 45-50M dan antara tahun 60-70M.

(V) KEISTIMEWAAN KITAB INI

1. Kitab ini ialah gulungan kitab yang paling banyak memetik ayat Perjanjian Lama antara empat gulungan kitab Injil iaitu sebanyak 93 kali.
2. Kitab ini juga banyak menggambarkan latar belakang budaya Yahudi malahan mengaitkan nubuat Perjanjian Lama dengan kehidupan Yesus. Khususnya fasal satu telah mencatatkan tentang silsilah Kristus, Dialah “anak Daud, anak Abraham” (1:1). Injil Matius disenaraikan di kepala Perjanjian Baru. Ia berfungsi sebagai jambatan antara Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru dari segi isi kandungan dan mesej.
3. Injil Matius menggunakan perihal silsilah, ajaran, kuasa, akhlak, pelayanan, kematian, kebangkitan dan sebagainya tentang Kristus untuk membuktikan identiti Kristus sebagai Mesias. Ini juga menggenapi janji Tuhan kepada Abraham dan Daud.
4. Kemahiran menulis dalam kitab ini meniru lima kitab Musa. Ia juga mengandungi lima perbincangan khotbah yang penting iaitu Firman yang berkaitan dengan “kerajaan syurga”:
 - a) Pengajaran yang berharga di atas bukit (fasal 5-7): membincangkan tentang hukum-hukum kerajaan syurga
 - b) Amanat menyebarkan firman bagi rasul (fasal 10): membincangkan tentang pengisytiharan syurga
 - c) Perumpamaan kerajaan syurga (fasal 13): membincangkan tentang rahsia kerajaan syurga
 - d) Disiplin kerajaan syurga (fasal 18): membincangkan tentang kehidupan dan persekutuan kerajaan syurga
 - e) Penyelesaian kerajaan syurga (fasal 24-25): membincangkan tentang malapetaka akhir zaman dan penghakiman
5. Kitab ini merupakan satu-satunya kitab antara kitab Injil yang menyebut perkataan “jemaat”. Jemaat adalah milik Kristus. Ia akan didirikan di atas batu karang. Kuasanya mengalahkan alam maut, boleh mengikat dan melepaskan (16:18-19). Jemaat / gereja dipenuhi dengan kasih dan disiplin (18:17). Ia juga membincangkan tentang ibadah persekutuan dalam jemaat / gereja (18:19) dan Tuhan menyertai jemaat / gereja (18:20).
6. Kitab ini membincangkan tentang Kristus ialah raja kerajaan syurga
 - a) Yesus mempunyai identiti dalam sistem diraja. Dia anak Daud (1:1).
 - b) Ketika Yesus dilahirkan, orang-orang majus dari Timur datang melawat dan menyembah “raja orang Yahudi yang baru dilahirkan” (2:2).
 - c) Matius 17:25 mencatatkan Tuhan Yesus memberi petunjuk kepada Petrus dalam bentuk pertanyaan bahawa Kristus ialah raja.
 - d) Ketika memasuki kota dengan mengendarai seekor keldai, Tuhan pernah memetik Zakharia 9:9 dan berkata: “Lihat, rajamu datang kepadamu.”
 - e) Ketika Tuhan Yesus disalibkan, di atas kepalaNya terpasang tulisan yang menyebut: “Inilah Raja orang Yahudi”.

Dari sini, nampaknya Yesus ialah raja yang dipilih dan diurapi Tuhan. Kristus ialah raja kerajaan syurga.

7. Ayat-ayat eksklusif kitab ini: bila dibandingkan dengan kitab-kitab Injil lain, terdapat ayat-ayat yang hanya dicatatkan secara eksklusif dalam kitab ini:

A. Tanda mujizat eksklusif

- (1) Yesus menyembuhkan dua orang buta di Kapernaum (9:27-31)
- (2) Yesus mengusir syaitan bisu (9:32-33)
- (3) Yesus menyuruh Petrus memancing dan membayar bea (17:24-27)

B. Perumpamaan eksklusif

- (1) Perumpamaan tentang lalang (13:24-30, 36-43)
- (2) Perumpamaan tentang harta terpendam di ladang (13:44)
- (3) Perumpamaan tentang mencari mutiara (13:45-46)
- (4) Perumpamaan tentang melabuhkan pukut (13:47-48)
- (5) Perumpamaan tentang pengampunan (18:23-24)
- (6) Perumpamaan tentang kebun anggur (20:1-16)
- (7) Perumpamaan tentang dua orang anak (21:28-32)
- (8) Perumpamaan tentang perjamuan kahwin (22:1-14)
- (9) Perumpamaan tentang sepuluh gadia (25:1-13)
- (10) Perumpamaan tentang pembahagian talenta (25:14-30)

C. Peristiwa penting eksklusif

- (1) Malaikat nampak kepada Yusuf (1:18-25)
- (2) Orang-orang majus melawat dan menyembah Yesus (2:1-12)
- (3) Bayi Yesus melarikan diri ke Mesir (2:13-15)
- (4) Herodes membunuh bayi-bayi lelaki (2:16-18)
- (5) Yesus menyembuhkan penyakit, menggenapi nubuat Yesaya (8:16-17; Yes 53:4)
- (6) Yesus mendirikan jemaatNya di atas batu karang ini (16:15-20)
- (7) Yesus memasuki kota Yerusalem dengan mengendarai seekor keldai menggenapi nubuat nabi (21:4-5; Za 9:9)
- (8) Yudas membunuh diri (27:3-9)
- (9) Isteri Pilatus menderita dalam mimpi (27:19)
- (10) Ketika Yesus mati, orang kudus bangkit (27:52)
- (11) Pilatus mengutus penjaga untuk menjaga kubur Yesus (27:62-66)
- (12) Memberi rasuah kepada serdadu-serdadu yang menjaga kubur untuk menyebarkan khabar angin (28:12-15)

(VI) PEMBAHAGIAN GARIS KASAR KITAB INI

1. Pembahagian berdasarkan masa bekerja dan kawasan geografi

A. Pembahagian masa

- Dari masa dilahirkan sehingga mengalahkan cobaan (1:1 - 4:11), kedatangan dan persediaan Mesias.
- Dari masa memberitakan Injil sehingga minggu yang terakhir (4:12 - 20:34), kerja penginjilan Mesias.
- Dari minggu yang terakhir sehingga bangkit (21 - 28:20), kemenangan Mesias.

B. Pembahagian kawasan geografi

- Di kampung halaman (1:1 - 4:11)
- Di Galilea (4:12 - 18:35)
- Di Yerusalem (19 - 28)

2. Pembahagian berdasarkan identiti dan kerja Mesias

A. Kelahiran dan persediaan Mesias (1 - 4)

- (1) Kelahiran Mesias (1)
- (2) Zaman kanak-kanak Mesias (2)
- (3) Pembaptisan Mesias (3)
- (4) Mesias dicobai (4:1-11)
- (5) Mesias memilih dan memanggil empat murid (4:12-25)

B. Injil Mesias (5 - 13:52)

- (1) Injil kerajaan syurga (5:1-16)
- (2) Hukum Taurat kerajaan syurga (5:17 - 7)
- (3) Kuasa kerajaan syurga (8 - 9)
- (4) Amanat kerajaan syurga (10)
- (5) Orang yang memasuki kerajaan syurga (11)
- (6) Musuh kerajaan syurga (12)
- (7) Rahsia kerajaan syurga (13)

C. Kehidupan persaraan Mesias (13:53 - 18)

- (1) Mujizat mengenyangkan lima ribu orang (13:53 - 14:36)
- (2) Mujizat mengenyangkan empat ribu orang (15:1-39)
- (3) Cobaan dan ragi orang-orang Farisi dan Saduki (16:1-12)
- (4) Petrus mengakui Yesus sebagai Kristus (16:13-28)
- (5) Mesias naik ke atas gunung dan berubah rupa (17:1-13)
- (6) Pengajaran Mesias kepada murid (17:14 - 18:35)

D. Penyelesaian kerja Mesias (19 - 28)

- (1) Pengajaran Mesias (19:1 - 20:34)
- (2) Mesias memasuki kota dengan mengendarai seekor keldai (21:1-11)
- (3) Perlawanan antara Mesias dan musuh (21:12 - 23)
- (4) Mesias mati terkorban (26 - 27)
- (5) Kemenangan Mesias (28)

PANDUAN PEMBACAAN INJIL MARKUS

Pendeta Wang Ming Chang

(I) PENULIS

Walaupun siapa penulis kitab ini tidak ditandakan secara jelas dalam kitab, namun adalah diiktiraf ramai sejak dahulu bahawa dia ialah Markus, dan tiada orang yang dapat menafikannya. Ketika Tuhan Yesus ditangkap, kitab ini mencatatkan: “Ada seorang muda, yang pada waktu itu hanya memakai sehelai kain lenan untuk menutup badannya, mengikuti Dia. Mereka hendak menangkapnya, tetapi ia melepaskan kainnya dan lari dengan telanjang.” (14:51-52). Penulis sengaja tidak memberitahu siapakah gerangan orang muda itu. Ini sama seperti Yohanes beberapa kali sengaja tidak memberitahu namanya apabila bercakap tentang penulis sendiri. Peristiwa tersebut tidak disebut dalam tiga Injil yang lain kecuali kitab ini. Dengan itu kita mengetahui bahawa penulis kitab ini sememangnya ialah Markus.

1. Nama Markus muncul sebanyak 12 kali dalam Alkitab. Antaranya, tiga kali dipanggil Yohanes yang disebut juga Markus (Kis 12:12,25; 15:37), tujuh kali hanya dipanggil Markus (Kis 15:38-39; Kol 4:10; 2 Tim 4:11; Flm 24; 1 Ptr 5:13), dua kali hanya dipanggil Yohanes (Kis 13:5,13). “Markus” ialah nama Rom yang mempunyai maksud tukul besi; “Yohanes” ialah nama Yahudi yang mempunyai maksud kasih karunia Tuhan. Dia orang Yerusalem dan ibunya ialah Maria (Kis 12:12). Dia pernah menerima Tuhan Yesus dan murid-murid di rumahnya di samping berkongsi jamuan makan malam yang terakhir (Mrk 14:12-16).
2. Markus mungkin dipimpin oleh Petrus untuk berbalik kepada Tuhan (1 Ptr 5:13). Petrus menggelarnya sebagai anak. Petrus mengasihinya dan memandang berat akannya. Menurut legenda, Markus ialah penterjemah dan pengikut Petrus. Kira-kira pada tahun 54M, dia mengikuti Petrus ke Rom, menjadi teman sekerja Petrus dan Paulus. Pada tahun 63M, semasa Petrus menulis kitab 1 Petrus di Rom, Markus berada di sisinya (1 Ptr 5:13).
3. Markus ialah adik sepupu (kemenakan) Barnabas. Dia pernah mengikuti Barnabas dan Paulus dalam pengembaraan Injil kali pertama. Namun dia berhenti di tengah jalan lalu Paulus tidak mahu berjalan bersamanya dalam pengembaraan Injil kali kedua di luar. Kemudian, ketika Paulus dipenjarakan di Rom, Markus sekali lagi bekerja bersamanya, bahkan pelayanannya penting bagi Paulus (2 Tim 4:11).

(II) SUMBER MAKLUMAT

Pada tahun 61M, sebelum Paulus dipenjarakan untuk kali pertama di Rom, Markus telah berada di Rom (Kol 4:10; Flm 24). Nampaknya, selepas Markus mengikut Petrus ke Rom, Petrus pergi ke tempat yang lain manakala Markus pula tetap tinggal di Rom. Dengan itu juga kita dapat mengagak bahawa kitab ini disiapkan di Rom pada tahun antara 55-60M lalu menjadi salah satu sumber rujukan bagi “Injil Lukas” (yang disiapkan di Rom pada tahun 61M).

Papias Bishop of Hierapolis pada abad ke-2 mengatakan bahawa Markus ialah penterjemah Petrus dan dia mencatatkan semua yang dikatakan oleh Petrus. "Penterjemah" ini bermaksud Markus mempunyai karunia menaratifkan pengajaran Petrus. Ini juga bermaksud Markus menuliskan cerita lisan Petrus hingga menjadi kitab Injil dan disampaikan kepada umat Kristian di Rom. Papias juga berkata bahawa Markus mengikuti Petrus pergi memberitakan Injil.

Clement dari Alexandria (hujung tahun 99M) mengatakan dalam kitabnya bahawa semasa Petrus memberitakan Injil di Rom, Markus dijemput oleh pegawai tinggi istana untuk mencatatkan cerita lisan Petrus. Itulah sumber maklumat "Injil Markus".

Menurut dapatan kajian kritikal moden, sebahagian daripada maklumat "Injil Matius" dan "Injil Lukas" datang daripada "Injil Markus". "Injil Matius" ditulis pada tahun 70M sebelum terjatuhnya Yerusalem, "Injil Lukas" ditulis pada tahun 61M. Dengan itu dapat diagakkan bahawa kitab ini dituliskan sebelum tahun 60M.

Walaupun kitab ini ditulis dalam bahasa Yunani, tetapi beberapa perkataan Latin turut digunakan di dalamnya.

(III) PENERIMA KITAB

Umat Kristian bangsa asing, terutamanya orang-orang Rom yang berbalik kepada Tuhan. Antara sebabnya adalah seperti berikut:

1. Menjelaskan kata nama Yahudi.
2. Menterjemahkan kata-kata bahasa Aram.
3. Menjelaskan tentang etika agama dan budaya orang Yahudi.
4. Tidak seperti "Injil Matius" yang banyak memetik daripada kitab Perjanjian Lama bahkan menyenaraikan silsilah Yesus bagi membuktikan Dia ialah keturunan Abraham.

(IV) MOTIF PENULISAN

Kitab ini mahu pembaca faham bahawa Tuhan Yesus ialah hamba Tuhan. Dia datang bukan untuk dilayani, melainkan untuk melayani. Dia anak Tuhan, tetapi mengosongkan diri-Nya sendiri, dan mengambil rupa seorang hamba, dan menjadi sama dengan manusia. Khususnya dalam kitab Injil ini tidak mencatatkan tentang silsilah Tuhan Yesus serta tidak menyebut tentang zaman bayi dan zaman kanak-kanakNya, melainkan hanya memberi perhatian kepada pelayananNya. Tidak kira di mana Tuhan berada, Dia selalu memikirkan tentang menyelamatkan manusia. Dia bangun semasa waktu hari masih gelap, hanya berehat ketika jauh malam sehingga makanpun tidak dapat. Dalam kitab ini, penulis banyak menggunakan perkataan "lalu", "segera", "pada saat itu juga", "seketika itu juga", dan "maka" supaya manusia mempunyai perasaan yang mendalam terhadap Tuhan. Tuhan nampaknya bersemangat untuk menghalu ke arah matlamat yang ditetapkan untuk

memenuhi misi yang diamanahkan oleh Tuhan. Dia melayani dengan rajin, sememangnya boleh digelar sebagai hamba yang “selama-lamanya tidak kenal erti letih lesu”.

Oleh itu, mari kita melihat bagaimana Tuhan Yesus memainkan peranan “hamba Tuhan” dari struktur kitab ini. Pada masa yang sama, dari pelayanannya, kita dapat melihat bahawa Dia ialah Anak Tuhan, Juruselamat manusia. Keseluruhan kitab mengandungi 16 fasal. Dengan 8:26 sebagai sempadan, ia boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Dalam bahagian depan (1:1 - 8:26), penulis membuktikan Yesus ialah Kristus, anak Tuhan melalui pertuturan dan perbuatannya. Dalam bahagian akhir (8:27 - 16:20), penulis membuktikan Yesus ialah Kristus, anak Tuhan melalui pertuturan, penderitaan dan kebangkitannya. Dialah juruselamat umat manusia.

(V) KEISTIMEWAAN KITAB INI

1. Walaupun teks belum disunting, namun ia sangat mudah dan berkuasa.

Ayat-ayat Injil Markus mudah, jelas dan tepat. Gaya ini adalah untuk memenuhi keperluan orang Rom. Ia boleh diketahui berdasarkan ciri-ciri berikut:

- a) Isi kandungannya kurang memetik daripada Alkitab.
- b) Kitab ini tidak berapa memandang berat hukum Taurat dan budaya Yahudi. Namun apabila mereka disebut, ia mempunyai penjelasan yang lebih terperinci berbanding kitab-kitab Injil lain. Contohnya: tangan najis (7:2-4), paskah (14:12), hari persiapan (15:42).
- c) Terdapat banyak perkataan Latin. Contohnya: gantang (modius) (4:21), Legion (lehion) (5:9), pengawal (speculator) (6:27,37), dinar orang Rom (denarius) (12:15), pajak (census) (12:14), kepala pasukan (centurio) (15:39,44).
- d) Menggunakan sistem masa Rom. Contohnya: malam (in the evening) (14:17), ayam berkokok (cock-crow) (14:72), pagi-pagi benar (early morninh) (15:1).
- e) Menggunakan banyak bahasa Aram (Aramic). Contohnya: Boanerges (anak-anak guruh Boanerhes) (3:17), Talita kum (Hai anak, Aku berkata kepadamu, bangunlah! Talitha cumi) (5:41), korban (corban) (7:11), Efata (Ephpatha) (7:34), neraka (Gehenna) (9:43), Bartimeus (Bartimaeus) (10:46), Rabuni (Robboni) (10:51), Hosana (Hosanns) (11:9,10), Abba (Abba) (14:36), Golgota (Golgotha) (15:22), Eloi, Eloi, lama sabakhtani (Eloi Eloi lamasabach thani) (15:34).
- f) Berdasarkan keaktifan orang Rom dan psikologi mereka menitikberatkan tentang praktikal, catatan yang menitikberatkan tentang mujizat dalam Injil Markus berjumlah 20 kali, iaitu secara puratanya 1 mujizat dalam setiap 36 ayat. (1 mujizat dalam setiap 51 ayat bagi Injil Matius, 1 mujizat dalam setiap 55 ayat bagi Injil Lukas, 1 mujizat dalam setiap 125 ayat bagi Injil Yohanes). Catatan tentang khotbah dan perumpamaan adalah kurang berbanding Injil Matius dan Injil Lukas.

2. Ketelitian dan kehalusan perasaan dan perbuatan Tuhan Yesus diterangkan dengan sangat jelas

Injil Markus sememangnya merupakan kitab Injil yang jelas. Selain pemerhatian penulis yang cukup teliti, penggunaan perkataannya juga sangat cergas. Dia menggunakan kata kerja bersejarah secara baik (sebanyak 151 kali), melakarkan secara jelas aksi-aksi Tuhan Yesus seolah-olah ianya sedang berlangsung. Kata-kata bahasa Yunani seperti kai (juga, dan), euthus atau eutheos (segera) dapat dilihat di mana-mana. Ini bermaksud kerja Tuhan Yesus adalah cepat, tangkas dan melangkah dengan beraninya ke arah bukit Golgota demi menyempurnakan amanat agung penyelamatan dan penebusan. Tuhan Yesus bekerja secara tangkas tetapi tidak sambil lewa. Dia juga tidak henti-henti mengambil berat tentang orang, peristiwa, dan benda di sekelilingnya. Perkataan “peribiepo” yang bermaksud memandang ke sekeliling muncul beberapa kali (3:5,34; 5:32; 9:8; 10:23; 11:11).

3. Menghuraikan kerja Tuhan Yesus secara terperinci, menerangkan secara ringkas ajaran-ajarannya, menyatakan bahawa Dia ialah hamba Tuhan.

Injil Markus fokus kepada memberi kesaksian bahawa Yesus ialah anak Tuhan (juga hamba Tuhan). Contohnya: terdengarlah suara dari Bapa surgawi yang memberi kesaksian (1:11; 9:7); kesaksian Tuhan sendiri (13:32; 14:36,62); kesaksian roh-roh jahat (3:11; 5:7); kesaksian kepala pasukan (15:39); pengenalan penulis (1:1). Dalam kitab ini, perkataan “Yesus” digunakan sebanyak 81 kali, perkataan Kristus pula digunakan sebanyak 7 kali. Tujuannya bukanlah untuk memperkenalkan Yesus sebagai Kristus, tetapi untuk memberi kesaksian bahawa “anak Tuhan telah menampakkan diri”.

Menjadi sama dengan hamba untuk melayani manusia dalam dunia (10:45).

4. Tidak memberi perhatian khusus kepada hubungan sebelum dan selepas bagi zaman atau peristiwa

Injil Markus disunting dengan dua idea utama sebagai garisan penuh.

- (1) Keseluruhan kitab menampakkan bahawa rasul dan orang banyak berasa takjub, hairan dan tercengang tentang perbuatan Tuhan Yesus, bahkan menunjukkan manusia terlalu lambat memberi reaksi: betapa ajaibnya perbuatan Tuhan. Ianya tidak dapat dijelaskan dengan rasional manusia. Orang-orang pada zaman ini juga menerimanya sedemikian berdasarkan iman. Jika tidak, mereka tidak dapat menerima lebih banyak kasih karunia dan perbuatan ajaib Tuhan. Berikut diberikan contoh reaksi orang ramai terhadap perbuatan Tuhan:

a) Murid-murid terlalu lambat memberi reaksi tentang perbuatan Tuhan Yesus: Tidak mengerti perumpamaan tentang penabur (4:13), tidak beriman semasa menghadapi taufan dan ombak (4:40), tidak mengerti peristiwa roti (6:52), tidak memahami perumpamaan tentang hati yang najis (7:18), tidak memahami nubuat Tuhan tentang penderitaan dan kebangkitan (8:33), tidak percaya tentang kebangkitan Tuhan (16:8,11,13,14).

b) Reaksi orang banyak:

Takjub dengan kuasa Tuhan (1:22,27), takjub tentang orang lumpuh disembuhkan (2:12), hairan tentang orang yang kerasukan disembuhkan (5:15,20), takjub tentang kebangkitan anak perempuan Yairus, takjub dengan pengajaran Tuhan (6:2), takjub dan tercengang tentang orang yang tuli dan gagap disembuhkan (7:37), orang-orang Yunani hairan dan minat tentang hikmat Tuhan (12:17,37).

(2) Dari keseluruhan kitab, dapat dilihat bahawa Tuhan tidak mahu menyatakan dengan jelas bahawa Dialah Mesias. Ini kerana dikhuatiri orang banyak pada masa itu salah faham bahawa Dia datang untuk menjadi raja di bumi dan mahu menggulingkan empayar Rom. Maka, Dia amat berjaga-jaga dalam pertuturanNya. Contohnya: Dia melarang keras orang memberitakannya (1:25,34,43,44; 3:12; 5:19,43; 7:34,36; 8:26,30,31; 9:9,30,31; 14:61; 15:5). Oleh yang demikian, terdapat satu persoalan dalam kitab ini, iaitu "siapakah Dia"? (1:27; 2:12; 3:21; 4:41; 6:2,3; 8:27; 15:31). Namun, apabila kita habis membaca Injil Markus, kita akan mendapat satu jawapan yang tepat. Seperti apa yang dikatakan oleh kepala pasukan di bawah kayu salib: "Sungguh, orang itu adalah Anak Allah!".

5. Penerangan terhadap imej Yesus lebih realistik berbanding tiga Injil yang lain

Markus umpama seorang pelukis yang mahir menggunakan ironi. Dalam kitab ini, dapat dilihat bahawa terdapat banyak lukisan yang jelas tarpampang di depan mata kita. Contohnya:

- a) Banyak orang mendapat penyembuhan (1:32-34) - berdoa bersendirian (1:35).
- b) Melawan kejahatan (3:22-30) - orang baik bergaul bersama (3:31-35).
- c) Perjamuan di istana (6:14-29) - perjamuan rohani di tempat yang sunyi (6:30-44).
- d) Penglihatan di atas gunung (9:1-8) - mengusir roh jahat di bawah gunung (9:9-29).
- e) Yudas - Maria (14:3-11).
- f) Tiga salib (15:24-32).

(VI) PENGENALAN RINGKAS ISI KANDUNGAN

Kitab ini menjadikan pelayanan Yesus sebagai tema, menjadikan Yohanes Pembaptis sebagai permulaan, akhirnya menjadikan kematian dan kebangkitan Yesus sebagai penutup. Keseluruhan kitab ini mengandungi 16 fasal, dengan 8:26 sebagai sempadan, ia boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Dua bahagian tersebut boleh dibahagikan lagi kepada tujuh segmen:

Segmen 1: Peringkat persediaan (1:1-20).

Segmen 2: Kerja Yesus di Galilea (1:21-7:23).

Segmen 3: Kerja Yesus di luar (7:24-8:26).

Segmen 4: Yesus berjalan menuju perjalanan salib (8:27-9:50).

Segmen 5: Kerja Yesus di Yudea (10:1-52).

Segmen 6: Minggu penderitaan bagi Yesus (11:1-15:47).

Segmen 7: Yesus bangkit dan terangkat ke syurga (16:1-20).

PANDUAN PEMBACAAN INJIL LUKAS

Pendeta Wang Ming Chang

Injil Lukas adalah sebuah kitab Injil, bukan biografi. Oleh itu, semasa membaca Injil Lukas, kita tidak boleh menganggapnya sebagai “kehidupan Yesus”, sebaliknya, ia ialah mesej tentang perkara-perkara yang disempurnakan oleh Tuhan melalui Yesus untuk manusia. Dengan erti kata yang lain, jikalau kita mahu memahami kitab Injil ini secara mendalam, kita harus membalasnya dengan “iman”. Kesaksian iman adalah untuk mencetuskan kepercayaan, dan hanya melalui kepercayaan, kita dapat memahami kesaksiannya. Dalam hal ini, Injil Lukas memberi kenyataan kepada pembaca melalui peristiwa bersejarah, tetapi nilainya terletak pada kepercayaan yang terkandung dalam peristiwa bersejarah. Injil pada dasarnya bukan satu set teori atau konsep agama, tetapi satu rekod tentang apa yang dilakukan oleh Tuhan untuk manusia. Namun jika meninggalkan kepercayaan, peristiwa tersebut tidak dapat menyatakan maknanya dengan sepenuhnya.

Injil Lukas mencatatkan banyak perkara dan beranggapan semua itu ialah “Injil” Tuhan. Semasa mengkaji dan membacanya, kita harus percaya bahawa ianya ialah Injil. Sikap ini memerlukan usaha penerokaan dan kejujuran kita dalam kerohanian. Namun selain dua aspek tersebut, aspek kepercayaan, menyangkal diri, taat sepenuhnya, pelayanan dan ibadah juga diperlukan. Dalam kitab Injil ini, Tuhan kehidupan berbicara kepada manusia dan manusia seharusnya membalasnya dengan kehidupan.

(I) PENULIS

Menurut pandangan tradisional gereja, Injil Lukas dan Kisah Para Rasul dianggap sebagai kitab-kitab daripada sumber yang sama. Penulisnya ialah Lukas. Dari kata pengantar dalam (Luk 1:1-4) dan (Kis 1:1), dapat dilihat bahawa penerima surat ialah Teofilus yang mulia. Dari (Luk 24:49,52,53), dapat dilihat bahawa penutup kitab ini mencatatkan Tuhan Yesus mahu murid-murid menantikan Roh Kudus di Yerusalem. Kisah Para Rasul fasal 2 pula adalah tentang murid-murid benar-benar menerima Roh Kudus yang dijanjikan selepas mereka menantikan Roh Kudus. Dari sudut pandangan ini, Injil Lukas dan Kisah Para Rasul adalah seperti jilid satu dan dua bagi kitab yang sama.

Kitab ini banyak menggunakan perkataan spesifik bidang perubatan dan hanya digunakan oleh doktor. Dalam (Kis 16:10; 20:6; 27:1), kata ganti nama “kami” sering muncul. Ini jelas bahawa penulis, Lukas merupakan salah seorang yang terlibat dengan peristiwa tersebut. Dia digelar sebagai “tabib Lukas yang kekasih” oleh Paulus (Kol 4:14). Dia juga merupakan teman sekerja Paulus. Sebelum Paulus mati syahid, dia tetap melayani di sisi Paulus (2 Tim 4:11).

Lukas ialah orang bangsa asing (Kol 4:10,11,14). Menurut legenda, dia orang Siria dan tinggal di Antiokhia. Selepas percaya kepada Tuhan di Antiokhia, dia pernah mengikuti Paulus dalam pengembaraan Injil dan menemani Paulus ke Rom untuk menerima penghakiman. Dia merupakan teman rapat Paulus.

(II) PENERIMA SURAT

Teofilus (1:1). Dia mungkin seorang yang berkedudukan. Dia mungkin sedang mencari Injil, atau merupakan pemercaya baru. Lukas ingin memberikan lebih banyak latihan kepadanya / memupuknya. Oleh itu, Lukas bekerja keras menuliskan dua gulungan surat kepadanya dan memperkenalkan hal tentang Tuhan Yesus.

Nama Teofilus ini sangat bermakna. “Teo” bermaksud “Tuhan”, “filus” bermaksud “kasih” dan makna keseluruhannya ialah “orang yang mengasihi Tuhan” atau “orang yang dikasihi Tuhan”. Maka, jika Lukas menulis kepada sekumpulan “orang yang mengasihi Tuhan”, itu memang sangat bersesuaian.

(III) MASA DAN TEMPAT

Lukas ditulis lebih lewat daripada Injil Markus dan lebih awal daripada Injil Yohanes. Ia dibukukan pada sekitar tahun 62-68M.

Tempat penulisan pula tidak dapat dipastikan sepenuhnya. Ada yang beranggapan ianya di Korintus, Akhaya, atau di Rom, Itali, atau sesuatu tempat di dunia Yunani.

(IV) MOTIF PENULISAN

Oleh sebab Injil Kristus disebarkan di kalangan bangsa asing, dalam keseluruhan dunia yang menggunakan bahasa Yunani, bilangan orang Yunani yang berbalik kepada Tuhan bertambah. Kehidupan Yesus Kristus adalah amat penting untuk orang-orang bangsa asing yang telah percaya kepada Tuhan. Oleh sebab ideal orang Yunani yang paling tinggi adalah untuk menjadi orang yang sempurna, maka Lukas menggambarkan Yesus sebagai manusia sempurna yang sebenar. Contohnya, dia menggambarkan Tuhan Yesus mempunyai peringkat pertumbuhan yang berbeza dalam kitab Injil ini: bayi Yesus (2:12,16), Yesus yang disunat (2:23), remaja Yesus semasa berusia 12 tahun (2:42), sehinggalah pada usia tiga puluh tahun, Tuhan Yesus telah menjadi Yesus yang memberitakan Injil (3:23). Lukas juga menggambarkan sifat kemanusiaan Tuhann Yesus yang sebenar. Contohnya Tuhan Yesus dua kali menangis (13:34, 19:41), berlutut dan berdoa (22:41-42), malaikat datang membantu (22:43), peluh bertitisan ke tanah seperti titik-titik darah (22:44), menyerahkan nyawa ke dalam tangan Tuhan (23:46). Semasa kepala pasukan yang berada di sisi Tuhan melihat kematian Tuhan, dia memberi kesaksian dengan ikhlas: “Sungguh, orang ini adalah orang benar!” (23:47). Firman Tuhan melahirkan kehidupan yang sempurna dan representatif. Dia sememangnya penyelamat dan penebus umat manusia.

(V) MOTIF PENULISAN

Dalam permulaan kitab ini, penulis, tabib Lukas telah menyatakan bahawa tujuan kitab ini adalah untuk memberi kesaksian tentang semua fakta sejarah yang telah berlaku di sekitar Tuhan Yesus. Dengan pendekatan seperti ahli sejarah, Lukas menggunakan gaya penulisan yang menarik untuk menulis kisah hidup Tuhan secara terperinci menurut susunan perkembangannya. Bukan sahaja kepada Teofilus, orang yang berkedudukan ini, malahan untuk menyatakan kepada seluruh dunia bahawa Yesus ialah manusia yang sempurna, Dia juga Tuhan.

“Teofilus” ialah nama orang Yunani. Oleh itu, berkemungkinan besar dia orang bangsa asing. Menghadihkan kitab kepada seseorang, jika dengan tujuan supaya kitab tersebut diterima ke dalam persatuan atau kelas penerimanya, maka “Teofilus” semestinya merupakan seorang wakil organisasi atau persatuan bangsa asing yang berpendidikan dan bertamadun. Ini juga dapat dipastikan dalam (Luk 1:1-4). Ia dituliskan dalam gaya sastera sejarahwan Yunani. Perkataan-perkataan yang digunakan juga menunjukkan bahawa penulis merupakan seorang yang berpendidikan tinggi. Dari sini kita dapat mengetahui bahawa Lukas adalah berpemikiran dan berperancangan. Dia menjelaskan mesej agama Kristian dengan corak yang dapat menarik perhatian “roh” orang-orang bijak bangsa asing pada abad pertama.

Terdapat satu persoalan dalam hati orang bangsa asing: agama Kristian jelas berasal daripada agama Yahudi / Judaisme. Jika agama Yahudi / Judaisme tidak boleh dipercayai, adakah agama Kristian juga sama sepertinya? Tujuan Injil Lukas adalah untuk menjawab persoalan ini dengan penafian tegas. Ini melibatkan persoalan teologi yang dirasakan susah oleh gereja zaman awal, samada bagi orang bangsa asing ataupun orang Yahudi. Jika Yesus ialah Mesias yang sebenar (Tuhan penyelamat dunia), mengapa orang yang paling berkecenderungan untuk memberikan kepastian tentangnya, iaitu pemimpin orang Yahudi menolaknya? Lukas pernah menyebut tentang persoalan ini dalam kitab Injil ini dan Kisah Para Rasul (Luk 24:20; Kis 2:23; 7:52-53; 13:44-47; 28:24-28). Lukas dengan tegasnya berkata: penolakan mereka tidak menggagalkan kehendak Tuhan, ataupun melemahkan kepercayaan umat Kristian. Hakikatnya, agama Yahudi / Judaisme yang berpecah-pecah pada abad pertama merupakan bukti sahih bahawa kepercayaan Kristian boleh dipercayai. Ia merupakan penghakiman Tuhan ke atas orang-orang Yahudi yang gagal memahami sifat amanat mereka sendiri. Dalam erti kata yang lain, agama Kristianlah pewaris kepercayaan Perjanjian Lama yang sebenar.

(VI) KEISTIMEWAAN KITAB INI

Kitab Injil Lukas dipenuhi dengan sukacita kerajaan Tuhan, kuasa Roh Kudus dan pujian kepada Tuhan.

1. Injil yang dipenuhi dengan sukacita kerajaan Tuhan dan pujian

- a) Dimulakan dengan pujian (1:14,19,42,44,47,58,64; 2:10,14), juga diakhiri dengan pujian (24:41,52-53).
- b) Sukacita di syurga (15:7,10,24,32).
- c) Kegembiraan Yesus (10:21-24).
- d) Kesukaan besar (2:10,20,28,38,25,26; 6:21,23; 7:16; 8:13; 10:17; 13:13,17; 17:15; 18:43; 19:37)
- e) Lima puisi yang indah: memuji Maria (1:28,42-45), Maria memuji Tuhan (1:46-55), Zakharia memuji anugerah keselamatan (1:68-79), malaikat memuji kelahiran Tuhan (2:13-14), Simeon memuji Tuhan (2:24-32).
- f) Lain-lain. Contoh: membawa khabar baik (1:19. 2:10; 3:18; 4:18,43; 7:22; 8:1; 9:6; 16:16; 20:1), memuliakan Tuhan (2:20; 5:25; 7:16; 13:13; 17:15; 18:43), memuji Tuhan (2:13,20; 19:37); bersyukur kepada Tuhan (1:64; 2:28; 24:53). Ini jelas menunjukkan bahawa Lukas merupakan seorang yang kaya dengan perasaan dan penuh dengan sukacita. Dia membuatkan pembaca mempunyai imej yang mendalam iaitu Tuhan ialah Anak Manusia yang sempurna, Dialah juruselamat umat manusia.

2. Injil yang menitikberatkan tentang doa

Terdapat banyak catatan tentang doa dalam Injil Lukas, diperjelaskan seperti berikut:

- a) Doa Tuhan Yesus: doa selepas dibaptis (3:21); doa di tempat-tempat sunyi (5:16), doa semalam-malaman di bukit (6:12), doa bersendirian (9:18), doa di atas gunung berubah wajah (9:28-29), doa yang gembira (10:21), doa tauladan (11:1), doa bagi murid-murid (22:32), doa di taman Getsemani (22:40-46), doa pengampunan dosa (23:34), doa menyerahkan nyawa (23:46).
- b) Tuhan mengajar murid-murid berdoa: doa bagi musuh (6:28), doa bagi kerja penyebaran agama (10:2), doa untuk mencari kerajaan dan Kebenaran Tuhan (11:1-13), doa meminta bersungguh-sungguh, doa yang tekun dan doa pertaubatan (18:1-14), berjaga-jaga dan berdoa di zaman akhir (21:36), doa semasa berada dalam kesengsaraan (22:46).
- c) Catatan-catatan lain berkenaan doa: doa persembahan korban (1:10-13), berpuasa dan berdoa (2:37; 5:33), doa yang berpura-pura (20:47).

3. Injil yang menyerlahkan kepentingan Roh Kudus

Bagi catatan berkenaan “Roh Kudus”, Injil Matius mencatatkan sebanyak 5 kali, Injil Markus mencatatkan sebanyak 4 kali, tetapi Injil Lukas dan Kisah Para Rasul mencatatkan sebanyak 53 kali. Makna utama dinyatakan pada Fasal 1 dan 2 Injil Lukas iaitu Kisah Roh Kudus. Contohnya Zakharia diberi petunjuk oleh malaikat bahawa anaknya Yohanes akan penuh dengan Roh Kudus (1:15), Gabriel mengatakan bahawa Roh Kudus menyertai Maria (1:35), Elisabet penuh dengan Roh Kudus ketika bertemu Maria (1:41), Zakharia penuh dengan Roh Kudus lalu memuji Tuhan (1:67), Roh Kudus menyatakan kepada Simeon bahawa dia akan bertemu dengan Yesus di bait suci (2:25-27).

Contoh-contoh lain: Selepas Tuhan Yesus dibaptis, Dia dipenuhi dan dipimpin oleh Roh Kudus. Roh Kudus membawanya ke padang gurun untuk dicobai dan mendapat kemenangan (4:1). Dalam kuasa Roh masuklah Tuhan ke Galilea (4:14), Tuhan bersukacita di dalam Roh Kudus (10:21), Tuhan akan memberikan Roh Kudus kepada orang-orang yang menyeru kepada namaNya (11:13), memberi kuasa Roh Kudus kepada hamba yang membuat kesaksian untuk Tuhan, menyembuhkan penyakit dan mengusir syaitan / roh jahat.

4. Memberitakan sifat sosial dan universal anugerah keselamatan Tuhan Yesus

Lukas menerangkan secara terperinci keperibadian Yesus yang elegan dan keprihatinannya terhadap semua manusia dan kelas sosial. Pada masa yang sama, ia menegaskan sifat universal amanat Yesus. Matius mencatatkan silsilah Yesus sehingga peringkat Abraham, Lukas pula melangkaui Abraham dan menjelaskan sehingga ke peringkat Adam (3:23-28). Sama seperti penulis Injil Sinoptik yang lain, Lukas juga memetik kata-kata Yesaya untuk menggambarkan kerja Yohanes Pembaptis: “Ada suara yang berseru-seru di padang gurun: Persiapkanlah jalan untuk Tuhan” (Luk 3:4; Yes 40:3). Namun, Lukas juga berbeza dengan Matius dan Markus kerana dia memanjangkan petikan kata-kata Yesaya sehingga melibatkan nubuat itu: “semua orang akan melihat keselamatan yang dari Tuhan.” Terdapat beberapa ayat dalam Lukas yang memberi petunjuk bahawa bangsa-bangsa asing juga bakal mempunyai peluang menerima khabar baik daripada Injil (2:32; 24:47).

Hanya Lukas sahaja yang mencatatkan tentang Yesus memuji orang Samaria yang dipandang ringan (10:30-37; 17:11-19). Ketika dia menulis tentang Yesus mengutus kedua belas orang murid, dia tidak menyebut tentang Yesus mempunyai apa-apa sekatan terhadap tindakan murid-murid (9:2-5). Catatan Matius pula ialah: “*Janganlah kamu menyimpang ke jalan bangsa lain, ... melainkan pergilah kepada domba-domba yang hilang dari umat Israel.*” (Mat 10:5-6). Dibandingkan dengan Injil Sinoptik yang lain, Injil Lukas juga merekodkan tentang wanita dengan lebih terperinci dan kedudukan penting mereka di antara orang-orang yang mengikuti Yesus (7:36-50; 8:3; 10:38-42).

Lukas khususnya menggambarkan keprihatinan Yesus terhadap manusia. Dia amat bersimpati dengan masalah orang miskin, orang yang tertindas dan orang yang ditinggalkan. Matius memetik pengajaran Yesus di atas gunung: *“haruslah kamu sempurna, sama seperti Bapamu yang di sorga adalah sempurna.”* (Mat 5:48), tetapi Lukas pula menjadikan *“Hendaklah kamu murah hati, sama seperti Bapamu adalah murah hati.”* (6:36) sebagai kesimpulan. Kebahagiaan pertama dalam ucapan lapan bahagia Matius ialah *“Berbahagialah orang yang miskin di hadapan Allah, karena merekalah yang empunya Kerajaan Sorga.”* (Mat 5:3). Dalam Injil Lukas pula, ia ialah *“Berbahagialah, hai kamu yang miskin, karena kamulah yang empunya Kerajaan Allah.”* (6:20). Hanya Lukas sahaja yang menambah satu ciri kecelakaan kepada mereka yang kaya dan yang kenyang (6:24-26) selepas lapan kebahagiaan. Hanya Lukas sahaja yang mencatatkan terdapat satu kali di mana Yesus berkata kepada orang yang mengundang Dia: *“Apabila engkau mengadakan perjamuan siang atau perjamuan malam, janganlah engkau mengundang sahabat-sahabatmu atau saudara-saudaramu atau kaum keluargamu atau tetangga-tetanggamu yang kaya, karena mereka akan membalasnya dengan mengundang engkau pula dan dengan demikian engkau mendapat balasnya. Tetapi apabila engkau mengadakan perjamuan, undanglah orang-orang miskin, orang-orang cacat, orang-orang lumpuh dan orang-orang buta. Dan engkau akan berbahagia, karena mereka tidak mempunyai apa-apa untuk membalasnya kepadamu. Sebab engkau akan mendapat balasnya pada hari kebangkitan orang-orang benar.”* (14:12-14).

Injil Lukas sering mendorong untuk berikan sedekah dan rela menghadapi kemiskinan dan kekurangan (6:20; 12:33; 14:33; 16:25). Hanya Injil ini saja yang mencatatkan tentang Zakheus secara terbuka meninggalkan kehidupannya yang tidak jujur semasa menjadi pemungut cukai (19:8). Hanya Lukas saja yang menggelar orang Farisi sebagai hamba-hamba wang (16:14).

5. **Kitab ini juga memberitahu penerima kasih karunia supaya membalas kasih Tuhan dengan tindakan yang sebenar**

Balasan yang terbaik ialah mempersembahkan segalanya. Contoh: Petrus dan Lewi meninggalkan segala sesuatu lalu mengikut Tuhan (5:11,28; 9:23,62), jual segala milik dan beri sedekah (12:33), mengasihi Tuhan melebihi sanak-saudara (14:26,33; 18:29). Lukas khususnya menambah frasa meninggalkan “isteri” dalam beberapa ayat kitab ini untuk menunjukkan bahawa orang yang mengikut Tuhan harus mempunyai tekad yang kukuh. Demi menyempurnakan anugerah keselamatan, Yesus, Anak Manusia sendiri memberikan teladan iaitu harus menanggung banyak penderitaan sebelum dimuliakan (9:22-24; 13:33; 17:25; 18:32-33; 22:37; 24:7,26,44,46).

(VII) STRUKTUR GARIS KASAR KITAB INI

Tema: Yesus, Anak Manusia yang sempurna

1. **Kelahiran yang sempurna (fasal 1-4)**
 - a) Firman menjadi manusia (1)
 - b) Juruselamat seluruh bangsa (2)
 - c) Menjadi korban (3)
 - d) Mengalahkan pencobaan (4)
2. **Kerja yang sempurna (fasal 5-8)**
 - a) Doktor yang baik bagi orang yang berdosa (5)
 - b) Guru yang baik bagi murid-murid (6)
 - c) Sahabat yang baik bagi orang yang lemah (7)
 - d) Perdana Menteri yang baik bagi kerajaan syurga (8)
3. **Latihan yang sempurna (fasal 9-16)**
 - a) Mengenali kerajaan Tuhan (9)
 - b) Mengenali kebahagiaan (10)
 - c) Mengajar berdoa (11)
 - d) Mengajar pelayanan (12)
 - e) Mengajar kesedaran diri (13)
 - f) Mengajar persekutuan (14)
 - g) Memandang berat akan anugerah keselamatan (15-16)
4. **Kuasa yang sempurna (fasal 17-20)**
 - a) Kerajaan Tuhan di hati (17)
 - b) Penyempurnaan rohani dan pertumbuhan (18)
 - c) Rela memberi persembahan (19)
 - d) Pasti mengalahkan musuh (20)
5. **Nubuat yang sempurna (fasal 21-24)**
 - a) Nubuat tentang hari kiamat (21)
 - b) Nubuat tentang penderitaan (22)
 - c) Nubuat digenapi (23)
 - d) Perjanjian Lama digenapi (24)

PANDUAN PEMBACAAN INJIL YOHANES

Pendeta Xie Xi Hai

Tuhan Yesus berkata: *“Akulah jalan dan kebenaran dan hidup. Tidak ada seorangpun yang datang kepada Bapa, kalau tidak melalui Aku.”* (Yoh 14:6). Hanya melalui Injil Kebenaran yang diberitakan oleh Tuhan sahaja manusia dapat benar-benar mengenali Tuhan di syurga, meninggalkan segala perbuatan sia-sia, berhala dan kepercayaan tahayul (Kis 14:15) di samping mengenali dengan jelas kelemahan, dosa dan keperluan manusia, sama seperti diterangi dengan cahaya. Hanya Dia sahaja yang membuka jalan yang baru dan yang hidup bagi kita supaya manusia memperoleh damai sejahtera dan kasih karunia lalu akhirnya dapat datang kepada Tuhan untuk menerima ganjaran hidup kekal. Maka, Tuhan Yesus merupakan kasih karunia dari syurga yang terbaik yang diberikan oleh Tuhan kepada kita (rujuk Yoh 3:31). Rasul Yohanes mencatatkan segala yang dilakukan dan diberitakan oleh Tuhan Yesus, dengan tujuan *“supaya kamu percaya, bahwa Yesuslah Mesias, Anak Allah, dan supaya kamu oleh imanmu memperoleh hidup dalam nama-Nya.”* (Yoh 20:31). Jadi bagaimana kita dapat percaya? Dari Injil Yohanes, kita dapat melihat banyak kesaksian:

(I) MENERIMA KESAKSIAN

“Pada mulanya adalah Firman; Firman itu bersama-sama dengan Allah dan Firman itu adalah Allah. Firman itu telah menjadi manusia, dan diam di antara kita, penuh kasih karunia dan kebenaran.” (Yoh 1:1,14). Demi membuatkan manusia percaya, Tuhan menggunakan pelbagai kesaksian untuk menyatakan Yesus ialah Tuhan ini:

1. Kesaksian Yohanes Pembaptis

“Datanglah seorang yang diutus Allah, namanya Yohanes; ia datang sebagai saksi untuk memberi kesaksian tentang terang itu, supaya oleh dia semua orang menjadi percaya.” (Yoh 1:6-7). Yohanes Pembaptis pada mulanya memberitakan tentang baptisan bagi orang-orang yang bertaubat. Ramai yang mendengarkannya dan beranggapan bahawa dialah Mesias yang mereka harapkan. Namun Yohanes Pembaptis dengan jelasnya menyatakan: *“dia hanyalah hamba yang memberi kesaksian untukNya”* (rujuk Yoh 1:26-27). Selepas Tuhan Yesus menerima baptisan Yohanes Pembaptis untuk menggenapkan seluruh kehendak Allah, Yohanes Pembaptis segera membuat kesaksian untuk Tuhan dengan berkata: *“Yesus ialah Juruselamat yang bakal datang, Dialah Anak Allah”* kerana dia melihat Roh Kudus turun ke atas Tuhan Yesus (Yoh 1:31-34). Walaupun dia tidak pernah membuat satu tanda pun seumur hidupnya, namun kesaksiannya membuatkan ramai percaya kepada Tuhan (Yoh 10:40-42).

2. Kesaksian hukum Taurat dan nabi

Tuhan berkata: *“Kamu menyelidiki Kitab-kitab Suci, sebab kamu menyangka bahwa oleh-Nya kamu mempunyai hidup yang kekal, tetapi walaupun Kitab-kitab Suci itu memberi kesaksian tentang Aku.”* (Yoh 5:39). “Kitab-kitab Suci” ini merujuk kepada hukum Taurat Musa dan mesej yang diberitakan oleh para nabi. Maka Tuhan Yesus berkata: *“Sebab jikalau kamu percaya kepada Musa, tentu kamu akan percaya juga kepada-Ku, sebab ia telah menulis tentang Aku.”* (Yoh 5:46). Dia selalu memetik mesej daripada kitab Perjanjian Lama untuk membuktikan Dialah Anak Allah Yoh 10:30,34-36) atau untuk menjelaskan segala perbuatan atau pengajaranNya (rujuk Yoh 7:19-24; 6:45). Tuhan Yesus datang untuk menggenapkan gulungan kitab yang ada tertulis tentang Dia untuk melakukan kehendak Tuhan (Ibr 10:7). Orang yang sudi berfikir pasti dapat menjadi sama seperti rasul, terfikir “bahwa hal itu telah dikatakan-Nya, dan percayalah akan Kitab Suci dan akan perkataan yang telah diucapkan Yesus.” (Yoh 2:22; 7:40; 12:16).

3. Kesaksian Tuhan sendiri

Demi membangunkan iman manusia supaya mengenali anugerah keselamatan yang diasaskan oleh Tuhan, Tuhan menampakkan kesaksian dari syurga ketika Tuhan Yesus bekerja. Contohnya ketika Tuhan Yesus menerima baptisan Yohanes Pembaptis, Tuhan bersuara dari syurga yang mengatakan: *“Inilah Anak-Ku yang Kukasihi, kepada-Nyalah Aku berkenan.”* (Mat 3:17; Yoh 5:37). Sekali lagi, Tuhan berseru: *“Bapa, muliakanlah nama-Mu! Maka terdengarlah suara dari sorga: Aku telah memuliakan-Nya, dan Aku akan memuliakan-Nya lagi!”* (Yoh 12:28-30). Ketika Tuhan Yesus membawa beberapa orang murid naik ke atas gunung untuk berdoa, Tuhan mengutus Musa dan Elia untuk menampakkan diri kepada mereka, lalu bersuara: *“Inilah Anak-Ku yang Kupilih, dengarkanlah Dia.”* (Luk 9:35) dengan tujuan meneguhkan iman para rasul (rujuk 2 Ptr 1:17-18). Percayalah kepada terang itu, selama terang itu ada pada kita (Yoh 12:36).

4. Kesaksian tanda-tanda mujizat

Memang tidak mudah untuk mengubah dan meninggalkan kepercayaan serta konsep yang tidak tepat yang sedia ada. Tuhan berkata: *“Jika kamu tidak melihat tanda dan mujizat, kamu tidak percaya.”* (Yoh 4:48). Dia rela memikirkan kelemahan sifat manusia. Oleh itu, Dia selalu menyatakan tanda-tanda mujizat bukan sahaja supaya tubuh jasmani manusia dapat terlepas daripada penderitaan penyakit, tetapi juga supaya manusia mengenali kuasanya dan menjadi percaya. Seperti yang dicatatkan dalam Alkitab: *“Tetapi di antara orang banyak itu ada banyak yang percaya kepada-Nya dan mereka berkata: ‘Apabila Kristus datang, mungkinkah Ia akan mengadakan lebih banyak mujizat dari pada yang telah diadakan oleh Dia ini?’”* (Yoh 7:31). Dengan ini juga Tuhan Yesus menghibur dan mendorong murid-murid dengan berkata: *“Percayalah kepada-Ku, bahwa Aku di dalam Bapa dan Bapa di dalam Aku; atau setidak-tidaknya,*

percayalah karena pekerjaan-pekerjaan itu sendiri.” (Yoh 14:11). Tuhan juga menyeru Lazarus bangkit daripada kematian dan membuktikan *“Akulah kebangkitan dan hidup; barangsiapa percaya kepada-Ku, ia akan hidup walaupun ia sudah mati.”* (Yoh 11:25). Ramai yang percaya kepada Tuhan pada hari ini dan melayani Dia dengan soleh kerana mengalami kuasaNya.

5. Kesaksian para rasul

Para rasul rela meninggalkan segalanya lalu mengikuti Tuhan Yesus memberitakan Injil kerajaan Tuhan di merata tempat. Apabila orang banyak meninggalkan Tuhan kerana tidak memahami ajaranNya, mereka tetap teguh berpegang sampai kepada akhirnya (Yoh 6:66-69). Ini kerana mereka sendiri dapat mengalami kuasa Tuhan (Yoh 2:11) dan menerimanya (Yoh 1:46-49). Sama seperti rasul Yohanes memberi kesaksian dengan berkata: *“Apa yang telah ada sejak semula, yang telah kami dengar, yang telah kami lihat dengan mata kami, yang telah kami saksikan dan yang telah kami raba dengan tangan kami tentang Firman hidup.”* (1 Yoh 1:1). Mereka juga pernah berasa ragu-ragu kerana tidak faham. Contohnya Tomas. Namun apabila dia melihat Yesus yang telah bangkit dengan matanya sendiri, segala keraguannya diselesaikan (Yoh 20:25-28). Oleh yang demikian, selepas para rasul menerima Roh Kudus, mereka tidak takut dengan ancaman nyawa, sebaliknya berkata dengan berani: *“Sebab tidak mungkin bagi kami untuk tidak berkata-kata tentang apa yang telah kami lihat dan yang telah kami dengar.”* (Kis 4:20). Walaupun berhadapan dengan banyak halangan dan penganiayaan, namun akhirnya mereka dapat menyebarkan Injil Tuhan. Kini, kita dapat menerima kesaksian mereka (Ibr 2:3), maka pastinya dapat lebih mengenali Tuhan lalu membangunkan iman yang teguh.

6. Kesaksian Roh Kudus

Semasa Tuhan Yesus dibaptis, Roh Kudus seperti burung merpati turun ke atasNya (Mat 3:16). Dengan itulah Yohanes Pembaptis mengenali Yesus serta memberi kesaksian kepada dunia (Yoh 1:32-34). Tuhan Yesus juga memberi kesaksian dengan berkata: *“Jikalau Penghibur yang akan Kuutus dari Bapa datang, yaitu Roh Kebenaran yang keluar dari Bapa, Ia akan bersaksi tentang Aku.”* (Yoh 15:26). Oleh itu, murid-murid memberi kesaksian kepada dunia tentang Tuhan Yesus bangkit dan berada di syurga dengan pencurahan Roh Kudus (Kis 2:31-33). Kita juga harus memohon Roh Kudus, terima kesaksian Tuhan serta menghasilkan buah Roh Kudus.

(II) MENERIMA KASIH TUHAN

“Karena begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Ia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal.” (Yoh 3:16). Bagaimana pula Tuhan Yesus menyempurnakan anugerah keselamatan Tuhan? Dia berkata: *“dan Aku, apabila Aku ditinggikan dari bumi, Aku akan menarik semua orang datang kepada-Ku.”* (Yoh 12:32). Dia tidak mengugut atau memaksa orang percaya dan mengikuti Dia dengan kekerasan. Dia ada kasih karunia. Dia juga tidak menggoda orang percaya kepadaNya dengan cara saling bertukar kepentingan melainkan menarik perhatian orang dengan kasih yang disaksikan dan kasih ini ternyata ialah:

1. Kasih yang ajaib

Tuhan Yesus ditinggikan, iaitu mati disalibkan. Dalam sudut pandangan manusia, ini merupakan kegagalan. Oleh itu, ada yang berteriak di bawah kayu salib dengan berkata: *“Orang lain Ia selamatkan, tetapi diri-Nya sendiri tidak dapat Ia selamatkan! Ia Raja Israel? Baiklah Ia turun dari salib itu dan kami akan percaya kepada-Nya.”* (Mat 27:42). Itu juga melambangkan penghinaan (Gal 5:11). Namun Tuhan menggunakan cara ini untuk menyelesaikan anugerah keselamatanNya di samping menarik perhatian manusia dengan kasih supaya orang-orang yang sudi percaya dapat menjadi sama seperti apa yang dikatakan oleh Paulus: *“Sebab kasih Kristus yang menguasai kami.”* (2 Kor 5:14). Kita hidup bukan lagi untuk diri sendiri tetapi hidup untuk Tuhan. Betapa ajaib dan betapa berkuasanya kasih ini. Ia membuatkan orang yang percaya dengan rela hati melayani Dia dan dengan aktif membuat kesaksian untuk Tuhan.

2. Kasih yang agung

Tuhan berkata: *“Tidak ada kasih yang lebih besar dari pada kasih seorang yang memberikan nyawanya untuk sahabat-sahabatnya.”* (Yoh 15:13). Dia pula berkorban sedemikian, malah *“Allah menunjukkan kasih-Nya kepada kita, oleh karena Kristus telah mati untuk kita, ketika kita masih berdosa.”* (Rm 5:8). Kasih ini begitu *“panjang, luas, tinggi, dan dalam”* (Ef 3:18). Ia membuatkan kita penuh dengan kesyukuran dan iman. *“Ia, yang tidak menyayangkan Anak-Nya sendiri, tetapi yang menyerahkan-Nya bagi kita semua, bagaimanakah mungkin Ia tidak mengaruniakan segala sesuatu kepada kita bersama-sama dengan Dia?”* (Rm 8:32). Serahkanlah segalanya kepada Tuhan dan balas kasih agungNya dengan nyawa kita. Jangan takut dengan kesusahan, kalahkan segala kebendaan, nantikan kedatanganNya semula.

3. Kasih yang sempurna

Dosa dan kejahatan membuat manusia menjauhi dan meninggalkan Tuhan, tidak dapat datang kepada Tuhan. Manusia dikawal oleh dosa. Pengorbanan Tuhan Yesus di atas kayu salib telah memenuhi keadilan Tuhan dan menanggung dosa manusia. Darah yang dialirkan dapat menyucikan dosa manusia sepenuhnya. Seperti yang dikatakan dalam Alkitab: *“Barangsiapa percaya kepada-Nya, ia tidak akan dihukum.”* (Yoh 3:18). Oleh itu, kita penuh dengan iman, dapat dengan penuh keberanian menghampiri takhta kasih karunia, terima rahmat dan pertolongan Tuhan (Ibr 4:16). Anugerah keselamatan Dia adalah sempurna, tidak perlu dan tidak boleh ditambahkan lagi dengan cara-cara manusia yang lain seperti sunat dan menyiksa diri (rujuk Kol 2:23). Sebaliknya, kita dibenarkan kerana iman, dapat menerima Roh Kudus dan kuasa, melalui kehidupan yang kudus dan takut kepada Tuhan, dengan sukacita kita mengharapkan kemuliaan Tuhan.

(III) MENERIMA JANJI TUHAN

Semasa Tuhan Yesus bakal menyelesaikan kerjaNya di dunia, Dia memberikan banyak janji untuk menghibur dan mendorong murid-murid. Ini jelas menyatakan bahawa ada kasih karunia yang berkelimpahan di dalamNya (Yoh 1:14,16) bahkan kasih karunia demi kasih karunia. Pada hari ini, kita turut menerima janji Dia:

1. Kebenaran

Tuhan berkata: *“segala firman yang Engkau sampaikan kepada-Ku telah Kusampaikan kepada mereka dan mereka telah menerimanya. Mereka tahu benar-benar, bahwa Aku datang dari pada-Mu, dan mereka percaya, bahwa Engkaulah yang telah mengutus Aku.”* (Yoh 17:8). Tuhan Yesus banyak kali menerangkan Kebenaran kepada murid-murid (Mat 13:10-16) di samping berjanji akan membuatkan murid-murid mengingati pengajaranNya (Yoh 15:26) dan memberi wahyu tentang Kebenaran (rujuk Yoh 16:12-13). Maka kita harus berjaga-jaga, berterus-terang memberitakan Kebenaran itu (2 Tim 2:15). Selain itu, pertahankanlah sepenuhnya segala yang dicatatkan di dalam Alkitab dengan iman yang murni.

2. Damai sejahtera

“Damai sejahtera Kutinggalkan bagimu. Damai sejahtera-Ku Kuberikan kepadamu, dan apa yang Kuberikan tidak seperti yang diberikan oleh dunia kepadamu. Janganlah gelisah dan gentar hatimu.” (Yoh 14:27). Kita bukan sahaja dapat menerima penyembuhan Tuhan dan mendapat damai sejahtera dalam tubuh jasmani, malah ada damai sejahtera yang memerintah dalam roh dan hati kerana ada sandaran Tuhan yang teguh (Kol 3:15). Sama seperti Petrus yang berhadapan dengan ancaman maut dalam penjara, ada damai sejahtera dalam hatinya dan dia langsung tidak takut (Kis 12:5-7). Inilah kekuatan kita.

3. Roh Kudus

“Aku akan minta kepada Bapa, dan Ia akan memberikan kepadamu seorang Penolong yang lain, supaya Ia menyertai kamu selama-lamanya, yaitu Roh Kebenaran.” (Yoh 14:16-17). Dari segi tubuh jasmani, Tuhan Yesus meminta murid-murid pergi (Yoh 13:33) tetapi Dia berjanji bahawa Roh Kudus akan dicurahkan ke atas orang-orang yang percaya dan bersandar kepadaNya. Bukan sahaja kita dapat selalu merasai penyertaan Tuhan, malah Ia memimpin kita ke dalam seluruh Kebenaran (Yoh 16:12-13), menambah iman kita supaya dapat mengalahkan pelbagai kesukaran dan mempertahankan kepercayaan.

4. Kuasa

Hati murid-murid dipenuhi dengan kegelisahan dan ketidaktenteraman apabila mendengar tentang Tuhan bakal pergi. Ini disebabkan ada Tuhan yang menangani apa jua kesukaran dan bahaya pada masa sebelum itu. Apa yang perlu dilakukan pada masa akan datang? Maka Tuhan berkata kepada mereka: *“Aku berkata kepadamu: Sesungguhnya barangsiapa percaya kepada-Ku, ia akan melakukan juga pekerjaan-pekerjaan yang Aku lakukan, bahkan pekerjaan-pekerjaan yang lebih besar dari pada itu. Sebab Aku pergi kepada Bapa.”* (Yoh 14:12). Akhirnya, para rasul benar-benar memberitakan Injil ke merata tempat dengan janji ini. Kita juga haruslah beriman, memohon penyertaan tanda-tanda mujizat. Dengan kuasa Tuhan, dapatkan damai sejahtera dan sukacita serta datang kepada Tuhan.

5. Pemeliharaan/Perlindungan

Atas kasih karunia Tuhan, Tuhan Yesus memberitakan Injil dan memelihara para rasul (Yoh 17:12). Dia mengetahui bahawa para rasul perlu meneruskan kehidupan di dalam dunia serta memberi kesaksian untukNya, dan mereka pasti berhadapan dengan banyak halangan, ugutan dan godaan. Maka Dia memohon kepada Tuhan di syurga: *“Aku tidak meminta, supaya Engkau mengambil mereka dari dunia, tetapi supaya Engkau melindungi mereka dari pada yang jahat.”* (Yoh 17:15) dan menguduskan mereka dalam kebenaran (Yoh 17:17). Tuhan tidak akan meninggalkan orang-orang yang percaya dan bersandar kepadaNya sebagai yatim piatu. Dia pasti memelihara / melindungi kita dengan kuasa agungNya. Maka berjaga-jagalah, peliharalah diri kita dalam kasih Tuhan.

6. Menjadi satu

Tuhan memohon dengan berkata: *“Dan bukan untuk mereka ini saja Aku berdoa, tetapi juga untuk orang-orang, yang percaya kepada-Ku oleh pemberitaan mereka; supaya mereka semua menjadi satu, sama seperti Engkau, ya Bapa, di dalam Aku dan Aku di dalam Engkau, agar mereka juga di dalam Kita, supaya dunia percaya, bahwa Engkaulah*

yang telah mengutus Aku.” (Yoh 17:20-21). Dia berharap agar orang-orang yang percaya dan bersandar kepadaNya dapat menghapuskan segala pemikiran peribadi, saling mengasihi, saling menyokong dan dapat menjadi satu sepenuhnya di dalam Dia supaya tubuhNya dapat dibangunkan sepenuhnya. Kita haruslah mempertahankan semangat ini.

7. Pengharapan

Tuhan berkata: *“Di rumah Bapa-Ku banyak tempat tinggal. Jika tidak demikian, tentu Aku mengatakannya kepadamu. Sebab Aku pergi ke situ untuk menyediakan tempat bagimu. Dan apabila Aku telah pergi ke situ dan telah menyediakan tempat bagimu, Aku akan datang kembali dan membawa kamu ke tempat-Ku, supaya di tempat di mana Aku berada, kamupun berada.” (Yoh 14:2-3). Tuhan adalah setia. Dia telah bangkit dari antara orang mati dan pengharapan yang Dia janjikan pasti akan terjadi. Oleh yang demikian, walaupun kita hidup dalam dunia, namun hati kita haruslah sentiasa mengharapkan kedatangan semula dan ganjaranNya.*

(IV) BAGAIMANA MENERIMA GANJARAN TUHAN

Melalui pelbagai kesaksian, dapat diketahui bahawa Tuhan Yesus adalah satu-satunya Juruselamat yang telah diberikan oleh Tuhan. Dia menarik perhatian kita dengan kasih, bahkan memberikan banyak janji. Lantas bagaimana seharusnya kita menerima kasih karunia dari syurga ini di samping mempertahankannya sampai ke akhir?

1. Terima kelahiran semula

Tuhan berkata: *“Aku berkata kepadamu, sesungguhnya jika seorang tidak dilahirkan dari air dan Roh, ia tidak dapat masuk ke dalam Kerajaan Allah.”(Yoh 3:5). Manusia hanya perlu sedar bahawa mereka tidak dapat menyelamatkan diri sendiri dengan perbuatan baik, tetapi harus hidup dengan rendah hati, terima cahaya terang Kebenaran Tuhan (rujuk Yoh 3:19-21), terima baptisan darah Tuhan yang bernilai dengan berani dan terima Roh Kudus yang dijanjikan (Kis 2:38). Dengan itu, barulah manusia dapat memasuki kerajaan Tuhan, melihat kasih karunia Tuhan yang berkelimpahan dan kemuliaanNya.*

2. Mengasihi / menyukai kemuliaan / kehormatan Tuhan

Oleh sebab mujizat-mujizat yang dilakukan oleh Tuhan Yesus, “banyak juga di antara pemimpin yang percaya kepada-Nya, tetapi oleh karena orang-orang Farisi mereka tidak mengakuinya berterus terang, supaya mereka jangan dikucilkan. Sebab mereka lebih suka akan kehormatan manusia dari pada kehormatan Allah.” (Yoh 12:42-43). Kelemahan mereka mengingatkan kita bahawa kita harus merindukan kemuliaan / kehormatan Tuhan dan “bekerjalah untuk makanan yang bertahan sampai kepada hidup yang kekal.” (Yoh 6:27). Dengan itu, kita dapat melepaskan diri daripada rintangan

kebendaan (Ibr 12:1) dan mengelak daripada banyak pengaruh manusia, lalu berusaha ke arah jalan menuju ke kerajaan syurga. Janganlah jadi seperti orang-orang yang dikenyangkan dengan roti lalu giat hanya untuk sementara waktu sahaja (Yoh 6:66). Pertahankanlah pengharapan kemuliaan yang Tuhan berikan dalam apa jua keadaan.

3. Melayani dalam Kebenaran

Tuhan berkata: *“penyembah-penyembah benar akan menyembah Bapa dalam roh dan kebenaran; sebab Bapa menghendaki penyembah-penyembah demikian.”* (Yoh 4:23). Tuhan adalah mahatahu. Orang-orang yang munafik akhirnya pasti tidak dapat menerima kasih karunia Dia dan tidak dapat berdiri di hadapanNya. Contohnya orang Farisi. Mereka menganggap diri mereka betul, namun dalam Firman yang ringkas, mereka tidak setanding dengan orang yang sememangnya buta: *“Kita tahu, bahwa Allah tidak mendengarkan orang-orang berdosa, melainkan orang-orang yang saleh dan yang melakukan kehendak-Nya.”* (Yoh 9:31-34). Malahan, mereka tetap berkeras hati tidak percaya walaupun telah melihat Tuhan Yesus mengadakan begitu banyak mujizat (Yoh 12:37). Maka, kita harus mempunyai hati yang praktikal (Gal 6:3), selalu membuat refleksi diri supaya dapat bertumbuh besar tanpa henti dalam pelbagai aspek.

4. Bertekad melakukan Firman

Tuhan berkata: *“Ajaran-Ku tidak berasal dari diri-Ku sendiri, tetapi dari Dia yang telah mengutus Aku. Barangsiapa mau melakukan kehendak-Nya, ia akan tahu entah ajaran-Ku ini berasal dari Allah, entah Aku berkata-kata dari diri-Ku sendiri.”* (Yoh 7:16-17). Ajaran Tuhan adalah kudus, sempurna dan boleh dilaksanakan, khususnya Dia sendiri telah menjadi teladan yang terbaik dalam melakukan Firman. Apabila manusia berbuat menurut Kebenaran Tuhan, mereka bukan sahaja dapat benar-benar memahami betapa indahnya Firman ini (rujuk Kis 17:11-12), bahkan juga dapat merasai kuasa Tuhan kerana tanda-tanda akan menyertai orang-orang yang percaya (Mrk 16:17). Hanya orang yang bertekad melakukan Firman sahaja yang akan berbahagia tanpa henti (Yak 1:25) dan membuat dirinya berada dalam kasih karunia Tuhan untuk selamanya. Oleh itu, kita harus saling memperingatkan, berikan kesaksian tentang Injil Dia dalam kehidupan dan perbuatan kita.

KEPERCAYAAN ASAS GEREJA

Pendeta Xie Xi Hai

Pada zaman rasul, gereja dapat berkembang dengan pesat walaupun berada dalam keadaan yang sukar kerana tanda-tanda mujizat yang nyata dan kesaksian-kesaksian pemercaya secara aktif. Namun disebabkan kekurangan pekerja, terdapat banyak orang dari pelbagai bangsa yang masih tidak dapat menghapuskan konsep sedia ada sepenuhnya walaupun telah menerima anugerah keselamatan Tuhan. Ini menyebabkan timbulnya banyak ajaran sesat dalam hujung zaman gereja rasul dan akhirnya Roh Kudus berhenti dicurahkan. Pada masa kini, walaupun percaya dan beribadah kepada Tuhan Yesus, namun terdapat ratusan mazhab yang berbeza. Gereja ini (Gereja Yesus Benar) dibangunkan di bawah kasih karunia dan perlindungan Tuhan, ada penyertaan Roh Kudus, ada kesaksian tanda-tanda mujizat dan menerima tanggungjawab yang berat lagi besar untuk memulihkan kembali gereja zaman rasul. Sememangnya kita menerima sepenuhnya Kebenaran Alkitab, namun untuk membuatkan manusia memahami dengan jelas Kebenaran utama pegangan gereja, maka Kebenaran yang penting diringkaskan berdasarkan Alkitab dan digelar sebagai “Kepercayaan Asas”. Gereja bukan sahaja berharap dapat membuatkan pemercaya mengetahui dan mendirikan asas iman mereka, tetapi juga berharap agar lebih ramai orang yang akan maju dan menerima anugerah keselamatan yang sempurna kerana mengkaji dengan teliti. Berikut merupakan ringkasan kepercayaan asas ini:

1. “Percaya bahawa Yesus ialah Firman yang menjadi manusia, mati di atas kayu salib sebagai pengganti demi menyelamatkan orang-orang yang berdosa, bangkit pada hari ketiga dan terangkat ke syurga; Dia Juruselamat tunggal bagi umat manusia, Penguasa ke atas langit dan bumi, Tuhan yang esa.”

Tuhan Yesus merupakan Tuhan yang esa di syurga. Dia yang mencipta dan menguruskan langit, bumi serta segala isinya, Dia berkuasa sepenuhnya ke atas manusia. Tidak ada tuhan yang lain selain Dia (Yes 45:18). Selepas nenek moyang manusia berdosa, manusia dikawal dan ditutupi oleh dosa. Manusia tidak dapat mengenali Tuhan yang di syurga. Walaupun mempunyai hati yang menyembah kepada Tuhan, namun manusia sebaliknya menciptakan banyak berhala (rujuk Rm 1:21-23). Manusia juga tidak dapat menyelamatkan diri sendiri melalui perbuatan sendiri. Oleh itu, untuk menyelamatkan umat manusia, Tuhan Yesus sendiri dilahirkan dari syurga; *“telah mengosongkan diri-Nya sendiri, dan mengambil rupa seorang hamba, dan menjadi sama dengan manusia.”* (Flp 2:7); mengesahkan identitiNya yang terhormat melalui tanda-tanda mujizat yang dilakukanNya; menjelaskan Injl kerajaan syurga supaya manusia benar-benar mengenali Tuhan. Akhir sekali, untuk memenuhi keadilanNya, untuk menanggung dosa manusia, Dia mati di atas kayu salib, menunjukkan kasih agung Tuhan (Rm 5:8), memotivasikan iman manusia (Rm 8:31-34), dan memusnahkan

Iblis, yang berkuasa atas maut (Ibr 2:14). Namun Dia tidak dikawal oleh dosa. Pada hari ketiga, Dia bangkit dari antara orang mati dan mengesahkan kuasa agung Tuhan (Ef 1:20). Dia juga menampakkan diri kepada para rasul dan mengamanahkan mereka dengan tugas memberitakan Injil keselamatan. Selepas empat puluh hari, Dia terangkat ke syurga disaksikan oleh para rasul (Kis 1:9). Tuhan Yesus telah membuka jalan yang baru dan yang hidup untuk manusia, seperti yang dikatakanNya: *“Akulah jalan dan kebenaran dan hidup. Tidak ada seorangpun yang datang kepada Bapa, kalau tidak melalui Aku.”* (Yoh 14:6). Oleh itu, kita harus menerima kesaksian para rasul dengan rendah hati: *“Dan keselamatan tidak ada di dalam siapapun juga selain di dalam Dia, sebab di bawah kolong langit ini tidak ada nama lain yang diberikan kepada manusia yang olehnya kita dapat diselamatkan.”* (Kis 4:12). Peganglah janjiNya, pertahankanlah KebenaranNya, sembahlah Dia dalam hati yang benar, tidak meninggalkannya untuk selama-lamanya (Yoh 4:24).

2. **“Percaya bahawa Alkitab Perjanjian Lama dan Baru diilhamkan oleh Tuhan, merupakan satu-satunya kitab klasik yang membuktikan Firman Kebenaran.”**

Keseluruhan Alkitab dibahagikan kepada Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru dengan kelahiran Tuhan sebagai garis pemisah. Melihat dari sejarah manusia, dari gulungan kitab pertama dalam Perjanjian Lama iaitu “Kejadian” (dituliskan kira-kira pada tahun 1400SM) hingga ke gulungan terakhir dalam Perjanjian Baru iaitu Wahyu (dituliskan kira-kira pada tahun 90M), jarak masa di antaranya adalah lebih daripada dua ribu tahun. Jumlah penulis pula melebihi empat puluh orang. Ada yang merupakan raja sesebuah negara atau pemimpin, contohnya Salomo, Musa; ada yang menjadi petani, contohnya Amos (Am 7:14); ada doktor (tabib), contohnya Lukas (Kol 4:14). Semuanya berada dalam zaman yang berlainan dengan latar belakang yang berbeza. Namun kesemua 66 gulungan ini adalah konsisten, saling melengkapi dan mengesahkan, seolah-olah ia ditulis oleh orang yang sama. Jika bukan ada pimpinan daripada mahakuasa yang tiada permulaan dan tiada penghujung serta yang berkuasa ke atas segalanya, ia tidak akan menjadi sempurna seperti ini. Ini mengesahkan: *“Segala tulisan yang diilhamkan Allah.”* (2 Tim 3:16). Pekerja-pekerjaNya, bahkan Dia sendiri datang ke dunia, bersama-sama memberitakan dan menyebarkan tentang kehendak, perbuatan, hukum Taurat dan pengajaran Tuhan. Melalui kisah-kisah dan nubuat-nubuat yang dicatatkan oleh pekerja zaman-berzaman, orang-orang yang sudi datang mengkaji dengan rendah hati dapat mengenali Tuhan, percaya dan bersandar kepadaNya, taat kepadaNya dan memberitakanNya. Walaupun 66 gulungan kitab dalam Alkitab merupakan perbandingan, perbincangan dan penyelidikan sejarah bagi ramai orang di zaman-zaman yang berbeza lalu akhirnya disusun, namun Tuhan menyatakan perkataanNya kepada hambaNya untuk dicatatkan pada setiap zaman tersebut. Semestinya, Dia juga pasti memimpin editor tersebut secara sembunyi untuk menggabungkannya

menjadi sebuah kitab klasik yang lengkap dan menjadi kesaksianNya yang tunggal. Maka, kita percaya bahawa “Alkitab” merupakan perkataan Tuhan yang tunggal. Selain 66 gulungan kitab ini, walaupun terdapat karya-karya lain atau hasil tafsiran manusia, namun ianya mestilah menjadikan Kebenaran dalam Alkitab sebagai satu-satunya dasar pertimbangan. Seperti yang dicatatkan dalam Alkitab: *“Janganlah kamu menambahi apa yang kuperintahkan kepadamu dan janganlah kamu mengurangnya.”* (Ul 4:2; Why 22:18-19). Kebenaran dalam Alkitab merupakan piawaian tertinggi dalam iman kepercayaan dan tindakan kita. Tidak kira bagaimana zaman dan persekitaran berubah, prinsip Kebenaran selamanya tidak berubah, dan janji Tuhan tidak ada yang tidak dipenuhi kerana Tuhan berkata: *“Langit dan bumi akan berlalu, tetapi perkataan-Ku tidak akan berlalu.”* (Mat 24:35). Kita harus rajin berusaha dalam Firman, selalu menyimpan Kebenaran dalam hati (Kol 3:16) supaya ia menjadi kekuatan untuk mengharapkan kedatangan semula Tuhan.

3. “Percaya bahawa gereja diasaskan oleh Roh Kudus hujan akhir demi memulihkan kembali gereja benar gereja rasul.”

Pada hujung zaman rasul, ajaran sesat dan pemikiran manusia mencero bohi gereja lalu menyebabkan Roh Kudus berhenti dicurahkan. Namun Tuhan tidak akan melepaskan rancangan penyelamatan dan penebusanNya. Nubuat nabi: “Hai bani Sion, bersorak-soraklah dan bersukacitalah kerana Tuhan, Allahmu! Sebab telah diberikan-Nya kepadamu hujan pada awal musim dengan adilnya, dan diturunkan-Nya kepadamu hujan, hujan pada awal (hujan awal, untuk kegunaan menyemai benih) dan hujan pada akhir musim (hujan akhir, untuk kegunaan menuai) seperti dahulu.” (Yl 2:23). Dorongan nabi: “Mintalah hujan dari pada TUHAN pada akhir musim semi! Tuhanlah yang membuat awan-awan pembawa hujan deras, dan hujan lebat akan diberikannya kepada mereka dan tumbuh-tumbuhan di padang kepada setiap orang.” (Za 10:1). Dengan kasihNya, Tuhan sekali lagi mencurahkan Roh Kudus (hujan akhir). Pada tahun 1917, Gereja Yesus Benar ditubuhkan secara rasminya di Beiping, China. Melalui pekerja-pekerjaNya yang terpilih, walaupun tidak mempunyai kekuatan kewangan, pendidikan dan kuasa, namun oleh sebab tanda-tanda mujizat dinyatakan, Gereja Yesus Benar disebarkan ke merata tempat dengan pantas dan memimpin ramai orang menerima anugerah keselamatanNya. Pada masa kini, secara puratanya di setiap benua terdapat tempat-tempat yang mewarisi amanat agung gereja rasul (rujuk Kis 1:8). Gereja ini sangat dikasihi oleh Tuhan, dan kebenaran Alkitab dapat ditegakkan dengan iman yang murni, diterima sepenuhnya, dan dikecualikan daripada semua perbuatan dan penjelasan manusia. Oleh itu, kita haruslah sentiasa bersyukur, hidup dalam kerendahan hati, berjaga-jaga, mempunyai iman yang kukuh untuk mewarisi semangat kerja para rasul dan pekerja terdahulu. Dengan kuasa Roh Kudus, bagi aspek dalaman, dapat saling mengasihi, melayani dan membinanya menjadi pengantin

perempuan yang berhias; bagi aspek luaran pula, memberi kesaksian dengan berani, memperbetulkan kelemahan gereja mazhab lain supaya kerajaan Tuhan dapat diperluaskan, Injil diberitakan di seluruh dunia, menyongsong kedatangan semula Tuhan dan bersama-sama memuji kemuliaan Tuhan.

4. “Percaya bahawa baptisan air ialah upacara untuk pengampunan dosa dan kelahiran semula, harus dijalankan oleh orang yang telah menerima kedua-dua baptisan air dan Roh, membaptis dalam air hidup dalam nama Tuhan Yesus, dan orang yang dibaptis perlu menundukkan kepala dan seluruh tubuh ditenggelami air.”

Selepas Tuhan Yesus bangkit dari antara orang mati dan sebelum terangkat ke syurga, Dia pernah berpesan kepada murid-muridnya dengan kuasa yang diperolehiNya: *“Karena itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus.”* (Mat 28:19). Maka pada hari ini, kita percaya dan harus sepenuhnya mengikuti tindakan para rasul. Diri kita sendiri perlu terlebih dahulu menerima Sakramen Pembaptisan yang bersesuaian dengan Alkitab. Terima baptisan oleh penguasa yang telah menerima pengesahan Roh Kudus, dijalankan dalam nama Tuhan Yesus (Kis 2:38), mencontohi Tuhan Yesus yang seluruh tubuh ditenggelamkan ke dalam air (Mat 3:16; Kis 8:38-39) dan dengan cara menundukkan kepala (Yoh 19:30; Rm 6:5) serta dijalankan di dalam sumber air yang hidup. Baptisan dijalankan bagi orang yang mahu percaya bahawa Tuhan Yesus merupakan juruselamat tunggal untuk pengampunan dosanya sepenuhnya (Kis 2:38).

5. “Percaya bahawa Roh Kudus ialah jaminan bagian kerajaan syurga, dan berbahasa roh ialah bukti nyata penerimaan Roh Kudus.”

Selepas Tuhan Yesus bangkit dan terangkat ke syurga, rasul-rasul berbuat seperti yang diperintahkan oleh Tuhan iaitu menantikan pencurahan Roh Kudus dengan berdoa. Pada hari Pentakosta, Roh Kudus yang dijanjikan diturunkan ke atas mereka, mereka berkata-kata dalam “bahasa-bahasa lain” atau digelar sebagai “bahasa lidah yang pelik” atau juga digelar sebagai bahasa roh (Kis 2:1-4). Hanya orang-orang soleh yang digerakkan oleh Tuhan sahaja yang dapat memahami ertinya (Kis 2:8-13). Oleh itu, ia digelar sebagai “bahasa roh”. Kemudian, para rasul menggunakan pengalaman sendiri untuk menjadi dasar dalam menilai bahawa orang banyak mendapat Roh Kudus (Kis 10:44-48). Mereka juga menegaskan bahawa “Roh Kudus itu adalah jaminan bagian kita.” (Ef 1:14). Pada hari ini, kita percaya bahawa pengalaman zaman rasul juga akan dinyatakan di atas orang yang percaya sepenuhnya bagi membuktikan mereka ialah milik Kristus (Rm 8:9).

6. “Percaya bahawa Sakramen Pembasuhan Kaki adalah mendapat bagian dalam Tuhan, upacara yang mengajar tentang saling mengasihi, kekudusan, kerendahan hati, pelayanan dan mengampuni. Setiap orang yang terima baptisan air perlu diberikan satu kali pembasuhan kaki dalam nama Tuhan Yesus. Saling membasuh kaki boleh dilaksanakan bila-bila perlu.”

Perihal berkenaan Tuhan Yesus membasuh kaki murid-murid semasa mereka makan perjamuan malam yang terakhir hanya dicatatkan dalam Injil Yohanes fasal 13. Tidak ada catatan lain tentangnya dalam kitab-kitab Perjanjian Baru yang lain. Namun dari perbualan antara Tuhan dan Petrus (Yoh 13:8), dapat diketahui bahawa ini bukanlah adat basuh kaki orang Yahudi melainkan mempunyai kaitan rapat dengan keselamatan (mendapat bagian dalam Tuhan). Oleh itu, gereja menegakkan perintah Tuhan Yesus dalam kuasaNya: *“sebab Aku telah memberikan suatu teladan kepada kamu, supaya kamu juga berbuat sama seperti yang telah Kuperbuat kepadamu.”* (Yoh 13:15), mempertahankan dan melaksanakannya dengan membasuh kaki semua orang yang dibaptis dengan air untuk satu kali. Pengajaran Kebenaran dalam Sakramen Pembasuhan Kaki harus dipraktikkan dalam kehidupan untuk memuliakan nama Tuhan.

7. “Percaya bahawa Sakramen Perjamuan Kudus adalah untuk memperingati kematian Tuhan, upacara untuk sama-sama menerima daging dan darah Tuhan, mengikatkan diri pada Tuhan, boleh mendapat hidup kekal dan bangkit pada hari kiamat. Harus selalu dijalankan, tetapi mesti menggunakan satu roti tidak beragi dan hasil pokok anggur.”

Semasa jamuan malam yang terakhir (perjamuan Paskah, harus hapuskan segala ragi pada masa ini), Tuhan Yesus mengasaskan Perjamuan Kudus dan berpesan kepada murid-murid untuk melakukannya sedemikian (Luk 22:19). Kemudian, setelah Paulus percaya kepada Tuhan, dengan apa yang diterimanya daripada Tuhan (1 Kor 11:23), dia dengan tegasnya memperingatkan jemaat di Korintus supaya mengadakan Perjamuan Kudus secara serius dan bersungguh-sungguh. Pada hari ini, dengan tekad hati yang murni, kita percaya Kebenaran yang dinyatakan dalam Perjamuan Kudus, bahkan semuanya adalah menurut catatan Alkitab, dengan menggunakan satu roti tidak beragi dan secerek hasil pokok anggur (1 Kor 10:16-17). Ia tidak diubah sesuka hati menurut pemikiran manusia. Dengan itu, pastinya dapat terima apa yang dijanjikan oleh Tuhan, *“Barangsiapa makan daging-Ku dan minum darah-Ku, ia tinggal di dalam Aku dan Aku di dalam dia.”* (Yoh 6:56).

8. “Percaya bahawa hari Sabat (hari Sabtu) merupakan hari kudus yang diberkati Tuhan. Namun harus memperingati anugerah penciptaan dan penyelamatan dalam kasih karunia di samping memegangnya dengan mengharapkan istirahat yang kekal pada masa akan datang.”

Tuhan di syurga menciptakan langit, bumi dan segala isinya dalam masa enam hari, *“berhentilah Ia pada hari ketujuh dari segala pekerjaan yang telah dibuat-Nya itu. Lalu Allah memberkati hari ketujuh itu dan menguduskannya.”* (Kej 2:2-3). Tuhan sebenarnya tidak memerlukan rehat namun Dia menguduskan hari ketujuh. Kemudian, Dia memberikannya kepada orang Israel (Kel 16:23) malah dimaktubkan sebagai salah satu hukum dalam Sepuluh Hukum (Kel 20:8) dan menjadi peringatan di antara Tuhan dan umat pilihan (Yeh 20:12). Oleh itu, Tuhan Yesus menegaskan dengan berkata: *“Hari Sabat diadakan untuk manusia dan bukan manusia untuk hari Sabat.”* (Mrk 2:27). Nampaknya hari Sabat ialah hari yang dibezakan dan diberkati Tuhan. Ia merupakan hari kasih karunia yang Tuhan berikan kepada orang-orang yang sudi takut akan Dia. Oleh itu, tidak kira Tuhan Yesus atau para rasul, semuanya memegang hari tersebut dengan hati yang sukacita dan ianya tidak berubah (Luk 4:16; Kis 17:2). Hari Sabat ialah hari Sabtu. Maka, gereja mengikut teladan Tuhan, dengan hati yang menerima kasih karunia Tuhan, bukti dan sukacita, kita memperingati dan memegang hari Sabat. Kita berkumpul pada hari tersebut untuk bersama-sama beribadah kepada Tuhan, menikmati istirahat untuk keseluruhan tubuh dan lebih-lebih lagi mengharapkan istirahat yang kekal pada masa kelak (Ibr 4:9-11).

9. “Percaya bahawa diselamatkan oleh iman kerana kasih karunia. Namun harus bersandar kepada Roh Kudus untuk mengejar kekudusan, mempraktikkan pengajaran tentang takut akan Tuhan dan mengasihi manusia.”

Semasa Adam dan Hawa diciptakan, Tuhan memberi kuasa kepada mereka untuk *“taklukkanlah itu, berkuasalah atas ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara dan atas segala binatang yang merayap di bumi.”* (Kej 1:28). Sebaik sahaja mereka berdosa membelakangi perintah Tuhan, mereka bukan sahaja dihalau dari taman Eden, bahkan jauh dari hadapan Tuhan. Kuasa mereka juga telah jatuh ke dalam tangan Iblis (rujuk Luk 4:6). Dosa masuk ke dalam dunia (Rm 5:12) dan mengawal dunia. Oleh itu, walaupun manusia yang datang ke dalam dunia ini mempunyai niat hati untuk mengejar destinasi hujung yang indah bagi jiwa rohani melalui kebajikan, amalan dan kebijaksanaan manusia, namun mereka rata-rata tidak dapat melepaskan diri sepenuhnya daripada kawalan dosa dan mencapai tahap dibenarkan oleh Tuhan. Manusia tidak dapat menyelamatkan diri sendiri. Kini, Kristus Yesus telah ditentukan Allah menjadi jalan pendamaian (Rm 3:25). Melalui darahNya yang bernilai yang dialirkan, Dia menyucikan

dosa manusia supaya manusia dapat dibenarkan dengan cuma-cuma, datang kepada Tuhan dan berdamai denganNya (Kol 1:20). Oleh itu, kita harus percaya maka akan dapat menerima kasih karunia Dia di samping mendapat hidup yang baru supaya kita tidak lagi hidup di bawah dosa dan hukum Taurat tetapi di bawah kasih karunia (Rm 6:14). Tambahan pula, Tuhan mencurahkan Roh Kudus untuk diam di dalam orang-orang yang percaya dan bersandar kepadaNya bagi menolong mereka. Walaupun masih hidup dalam dunia dan darah daging, tetapi tidak lagi memikirkan hal-hal yang dari daging, sebaliknya memikirkan hal-hal yang dari Roh (Rm 8:5), serahkan diri sendiri menjadi hamba kebenaran, bertumbuh di dalam segala hal, bukan sahaja terus-menerus diperbaharui, menyatakan rupa Tuhan di dalam kebenaran dan kekudusan yang sesungguhnya (Ef 4:24), malahan anggota-anggota saling membantu dan saling mengasihi, bersambung rapat, mendirikan tubuh (jemaat) yang kuat dan memuliakan nama Tuhan.

10. “Percaya bahawa Tuhan Yesus pasti datang dari syurga pada hari kiamat dunia untuk menghakimi seluruh bangsa, orang benar mendapat hidup yang kekal, orang yang jahat mendapat seksaan yang kekal.”

Kita percaya dan bersandar kepada Tuhan Yesus serta menjalani kehidupan yang takut akan Tuhan dan mengasihi manusia. Kita bukan sahaja dapat merasai pimpinan, pertolongan dan penghiburan Dia dalam apa jua persekitaran pada hari ini, apa yang lebih penting ialah mendapat “suatu bagian yang tidak dapat binasa, yang tidak dapat cemar dan yang tidak dapat layu, yang tersimpan di sorga bagi kamu.” (1 Ptr 1:4). Pengharapan ini benar kerana adanya Tuhan Yesus yang mengumumkan dengan jelas: *“Di rumah Bapa-Ku banyak tempat tinggal. Jika tidak demikian, tentu Aku mengatakannya kepadamu. Sebab Aku pergi ke situ untuk menyediakan tempat bagimu. Dan apabila Aku telah pergi ke situ dan telah menyediakan tempat bagimu, Aku akan datang kembali dan membawa kamu ke tempat-Ku.”* (Yoh 14:2-3). Tambahan pula, Tuhan Yesus terangkat ke syurga disaksikan para rasul, malaikat mengumumkan: *“Yesus ini, yang terangkat ke sorga meninggalkan kamu, akan datang kembali dengan cara yang sama seperti kamu melihat Dia naik ke sorga.”* (Kis 1:11). Ada pula Roh Kudus yang diberikan oleh Tuhan Yesus yang memberi kesaksian kepada kita: *“Dan Roh Kudus itu adalah jaminan bagian kita sampai kita memperoleh seluruhnya, yaitu penebusan yang menjadikan kita milik Allah, untuk memuji kemuliaan-Nya.”* (Ef 1:14). Pengharapan ini pasti menjadi kenyataan masa Tuhan datang semula pada hari kiamat dunia. Kita juga tahu bahawa apabila Tuhan memimpin malaikat-malaikat datang semula dalam segala kemuliaan, Dia pasti akan menghakimi semua bangsa. Barangsiapa yang takut akan Tuhan dan mengasihi manusia, setia sampai mati serta mempertahankan kepercayaan yang betul, Dia akan mengaruniai mereka mahkota

kebenaran (rujuk 2 Tim 4:8). Barangsiapa yang tegar tidak bertaubat, melakukan kejahatan dan menolak Tuhan, mereka akan dilemparkan ke dalam lautan api untuk menerima hukuman yang kekal (Why 20:15). Oleh yang demikian, pada hari ini, kita yang berada dalam zaman Tuhan Yesus bersabar, haruslah senantiasa berjaga-jaga, dengan kelemahlembutan dan kerendahan hati terima ajaran Kebenaran, pohon Roh Kudus memenuhi dan menggerakkan hati kita supaya kedapatan tak bercacat dan tak bernoda di hadapan-Nya (2 Ptr 3:14) lalu akhirnya dengan penuh keberanian berdiri di hadapan penghakiman kasih karunia untuk menerima ganjaran kemuliaan Tuhan.

KEILAHIAN DAN KEMANUSIAAN YESUS

Pendeta Xie Hong Jun

Teras kepercayaan agama Kristian ialah mengenali siapakah Yesus, iaitu “Kristologi”. Paulus mempunyai frasa sebaran (kerygma) yang paling cemerlang untuk ini:

“Injil itu telah dijanjikan-Nya sebelumnya dengan perantaraan nabi-nabi-Nya dalam kitab-kitab suci, tentang Anak-Nya, yang menurut daging diperanakan dari keturunan Daud, dan menurut Roh kekudusan dinyatakan oleh kebangkitan-Nya dari antara orang mati, bahwa Ia adalah Anak Allah yang berkuasa, Yesus Kristus Tuhan kita.” (Rm 1:2-4).

Menurut daging ialah kemanusiaan Yesus, menurut Roh kekudusan pula ialah keilahian Yesus. Kedua-duanya adalah sempurna dalam diri Yesus, kemanusiaan yang sempurna, keilahian yang sempurna. Bagi kemampuan pemikiran manusia, ini ialah misteri yang tidak dapat difahami. Satu ialah kemanusiaan yang ada batasan, satu pula ialah keilahian yang tidak terbatas. Bagaimana kedua-duanya dapat digabungkan dalam diri Yesus? Kita hanya boleh memahami kemanusiaan dan keilahian Yesus “secara berasingan” dari catatan Alkitab. Jangan melampaui garisan ini dan ianya berhenti setakat ini.

(I) KEILAHIAN YESUS

1. Melampaui masa

“Pada mulanya adalah Firman, Firman itu bersama-sama dengan Allah dan Firman itu adalah Allah. Ia pada mulanya bersama-sama dengan Allah.” (Yoh 1:1-2).

“Firman itu telah menjadi manusia dan diam di antara kita, dan kita telah melihat kemuliaan-Nya, yaitu kemuliaan yang diberikan kepada-Nya sebagai Anak Tunggal Bapa, penuh kasih karunia dan kebenaran.” (Yoh 1:14).

“sebab hukum Taurat diberikan oleh Musa, tetapi kasih karunia dan kebenaran datang oleh Yesus Kristus.” (Yoh 1:17).

Yesus ialah Firman. Dia sememangnya mendahului Yohanes (Yoh 1:30), dan juga mendahului Abraham (Yoh 8:58). Kelahiran Yesus bukanlah atas penyatuan lelaki dan perempuan melainkan pekerjaan Roh Kudus yang diturunkan ke atas Maria, anak dara yang belum berkahwin lalu dia mengandung dan melahirkan anak. Yesus dilahirkan dalam suatu masa dalam sejarah, tetapi bukan pada 12 Disember yang disebut sebagai hari Krismas. Ini pada asalnya merupakan perayaan pagan tuhan matahari Romawi. Gereja Ortodoks Yunani pula menjadikan 6 Januari sebagai hari Krismas. Bila harinya tidak penting, tetapi memang benar bahawa Yesus dilahirkan sebagai manusia. Apa yang lebih penting adalah, melihat dari sudut rohani, Yesus telah wujud sejak dahulu kala. Oleh itu, kita tidak perlu menyambut hari Krismas pada hari yang sama dengan perayaan kelahiran tuhan-tuhan pagan seolah-olah Dia tidak wujud sebelum dilahirkan dan menjatuhkan kedudukan Yesus kepada kedudukan tuhan-tuhan pagan. Yesus ialah Tuhan yang wujud sejak dahulu kala.

2. Menciptakan alam semesta

“Segala sesuatu dijadikan oleh Dia dan tanpa Dia tidak ada satupun yang telah jadi dari segala yang telah dijadikan.” (Yoh 1:3).

“Setelah pada zaman dahulu Allah berulang kali dan dalam pelbagai cara berbicara kepada nenek moyang kita dengan perantaraan nabi-nabi, maka pada zaman akhir ini Ia telah berbicara kepada kita dengan perantaraan Anak-Nya, yang telah Ia tetapkan sebagai yang berhak menerima segala yang ada. Oleh Dia Allah telah menjadikan alam semesta.” (Ibr 1:1-2).

“Ia adalah gambar Allah yang tidak kelihatan, yang sulung, lebih utama dari segala yang diciptakan, karena di dalam Dialah telah diciptakan segala sesuatu, yang ada di sorga dan yang ada di bumi, yang kelihatan dan yang tidak kelihatan, baik singgasana, maupun kerajaan, baik pemerintah, maupun penguasa; segala sesuatu diciptakan oleh Dia dan untuk Dia.” (Kol 1:15-16).

Yesuslah Tuhan yang menciptakan alam semesta.

3. Melampaui ruang

Ketika Yesus memanggil Natanael, mereka dipisahkan dengan jarak yang agak jauh. Namun Yesus telah mengetahui bahawa Natanael seorang Israel. Apabila Natanael bertanya dengan ragu-ragu: “Bagaimana Engkau mengenal aku?” Jawab Yesus kepadanya: “*Sebelum Filipus memanggil engkau, Aku telah melihat engkau di bawah pohon ara.*” (Yoh 1:48).

Lazarus mati kerana sakit. Sebelum tiba di Betania, Yesus telah mengetahui bahawa Lazarus telah mati. Dia mahu pergi membangunkan dia dari tidurnya supaya dia bangkit. Yesus berkata kepada murid-murid: “*Lazarus sudah mati; tetapi syukurlah Aku tidak hadir pada waktu itu, sebab demikian lebih baik bagimu, supaya kamu dapat belajar percaya.*” (Yoh 11:14-15).

4. Kuasa yang tidak terbatas

Yesus tiga kali membangkitkan orang mati: anak perempuan Yairus, anak tunggal kepada janda dan Lazarus. Tempoh kematian yang paling lama ialah empat hari. Menurut konsep adat orang Yahudi, orang yang telah mati untuk empat hari, mayatnya mula berbau busuk dan tidak mungkin akan bangkit. Orang yang mati kurang daripada empat hari pula mungkin bangkit. Semestinya, dalam perspektif perubatan moden, asalkan otak mati dan degupan jantung berhenti, ia ialah kematian, tidak mungkin akan bangkit. Namun, Yesus sengaja tinggal dua hari lagi di tempat di mana Dia berada, kemudian barulah Dia ke Betania. Lazarus sudah mati untuk empat hari, langsung tidak berkemungkinan untuk bangkit. Walau bagaimanapun, Yesus ialah Tuhan, Dialah kebangkitan dan hidup (Yoh 11:25).

Yesus dapat berjalan di atas air (Mat 14:22-33), meneduhkan angin dan danau (Mrk 4:35-41), orang-orang sakit memohon diperkenankan hanya menjamah jubah-Nya saja, dan semua orang yang menjamah-Nya menjadi sembuh (Mrk 6:56).

5. Kemuliaan Tuhan

Doa Yesus sebelum menghadapi penderitaan, *“Oleh sebab itu, ya Bapa, permuliakanlah Aku pada-Mu sendiri dengan kemuliaan yang Kumiliki di hadirat-Mu sebelum dunia ada.”* (Yoh 17:5).

Yesus ialah Anak Manusia yang telah turun dari syurga tetapi tetap berada di syurga (Yoh 3:13). Melihat dari sudut rohani, itu melampaui pemisahan antara langit dan bumi. *“Aku dan Bapa adalah satu.”* (Yoh 10:30), Anak dan Bapa adalah satu. Cuma kini Dia muncul di hadapan manusia dengan identiti Anak Manusia, merupakan *“Dia, yang telah menyatakan diri-Nya dalam rupa manusia”* (1 Tim 3:16), *“dalam Dialah berdiam secara jasmaniah seluruh kepenuhan ke-Allahan”* (Kol 2:9).

Menurut daging, keturunan Israel menurunkan Yesus dalam keadaan-Nya sebagai manusia, namun menurut sifat keilahian, Dia yang ada di atas segala sesuatu. Ia adalah Allah yang harus dipuji sampai selama-lamanya (Rm 9:5).

Menurut manuskrip yang berwibawa dan boleh dipercayai bagi Injil Yohanes 1:18, Yesus merupakan satu-satunya Tuhan di sisi Bapa. Terjemahan Bahasa Inggris NIV diterjemahkan berdasarkan manuskrip ini:

“No one has ever seen God, but God the One and Only, who is at the Father’s side, has made him known.”

(II) KEMANUSIAAN YESUS

Yesus dilahirkan sebagai manusia. Dia dilahirkan dalam palungan di rumah penginapan di Betlehem dan disaksikan oleh gembala-gembala. Ketika genap lapan hari, bayi Yesus disunatkan (Luk 2:21).

Ketika berusia dua belas tahun, Yesus pergi ke bait suci untuk memegang perayaan Paskah. Dia duduk di tengah-tengah alim ulama, sambil mendengarkan mereka dan mengajukan pertanyaan-pertanyaan kepada mereka (Luk 2:46), mempelajari Firman dan hikmat dalam Alkitab. Jika dilihat dari sudut pandangan manusia, Yesus perlu belajar untuk memahami Alkitab.

Memandangkan Yesus ada tubuh daging, Dia juga akan merasa lapar. Setelah berpuasa empat puluh hari dan empat puluh malam, akhirnya laparlah Yesus (Mat 4:1-2). Iblis datang mencobaiNya dengan menyuruh Dia memerintahkan supaya batu-batu menjadi roti. Yesus benar-benar telah lapar. Jikalau tidak, Iblis tidak perlu mencobaiNya sedemikian.

Yesus juga berasa sangat letih dan dahaga oleh perjalanan. Dia perlu berehat dan minum air (Yoh 4:6). Dia meminta air minum daripada perempuan Samaria tetapi ditolak lalu membuka jalan kepada perbincangan tentang air hidup.

Hati Yesus yang penuh belas kasihan menggerakkan manusia. Dia sememangnya tahu bahawa kematian Lazarus hanyalah untuk sementara sahaja, dan sebentar nanti Dia akan membangkitkannya. Namun apabila Yesus melihat orang-orang Yahudi yang datang menghibur itu menangis, Maria juga menangis, maka masygullah hati-Nya. Ia sangat terharu, maka menangislah Yesus. Yesus pada ketika ini perlu dilihat kemanusiaanNya dari persektif manusia dan bukan dilihat dari perspektif keilahian. Jika tidak, tidak dapat difahami bahawa Tuhan adalah mahakuasa, tetapi mengapakah Dia bersedih? Mengapa Dia menangis?

Segala kelemahan kemanusiaan telah dilalui dan dirasai oleh Yesus, hanya Dia tidak berbuat dosa (Ibr 4:15). Dia anak dari darah dan daging, sama seperti kita, dengan itu, Dia dapat mengalami kematian supaya oleh kematian-Nya Ia memusnahkan Iblis yang berkuasa ke atas maut (Ibr 2:14). Yesus ada tubuh daging. Dengan itu, Dia dapat mempersembahkan korban penghapus dosa dan pendamaian bagi kita. Paulus berkata: *“Sebab apa yang tidak mungkin dilakukan hukum Taurat karena tak berdaya oleh daging, telah dilakukan oleh Allah. Dengan jalan mengutus Anak-Nya sendiri dalam daging, yang serupa dengan daging yang dikuasai dosa karena dosa, Ia telah menjatuhkan hukuman atas dosa di dalam daging.”* (Rm 8:3).

Apabila berhadapan dengan penderitaan kayu salib, Tuhan juga berasa sangat takut dan gentar, hatiNya sangat sedih, seperti mahu mati rasanya (Mrk 14:33-34). Maka, Dia perlu doa bersungguh-sungguh, peluh-Nya menjadi seperti titik-titik darah yang bertetes ke tanah, malaikat dari langit menampakkan diri kepada-Nya untuk memberi kekuatan kepada-Nya dalam melalui penderitaan salib (Luk 22:39-46).

Yesus menang dalam kemanusiaan dan menjadi sumber kemenangan kita. Asalkan kita sudi mengikuti jejak Yesus, dengan bersandarkan pertolongan Roh Kudus, kita juga dapat mengatasi cobaan dan godaan daging seperti Yesus.

(III) KESIMPULAN

Dalam aspek keilahian, Tuhan Yesus menunjukkan rupa Tuhan. Dalam aspek kemanusiaan, Dia menunjukkan rupa seorang hamba. Oleh yang demikian, semasa kita mendalami Alkitab, bila kita harus memahaminya dari aspek keilahian dan bila pula kita harus memahaminya dari aspek kemanusiaan? Ini merupakan satu butiran utama yang kita perlu kaji dengan lebih mendalam.

INJIL KRISTUS

Pendeta Zhao Ming Yang

Perkataan “Injil” bermaksud “kesukaan besar”, “khabar baik” dalam bahasa asal Yunani. Ia ialah “berita / khabar yang pemurah, baik dan sukacita”. Dalam Alkitab, ia merujuk kepada teori penyelamatan dan penebusan dengan Kristus Juruselamat Mesias sebagai pusat. Ia mngandungi kedatangan dan kenyataan kerajaan Tuhan.

“Injil Kristus” merupakan frasa yang amat disukai dan selalu digunakan oleh Paulus. Ini merupakan paksi utama kepercayaan Paulus, dan yang diberitakannya dengan sedaya upaya - Yesus Kristus, yaitu Dia yang disalibkan (Rm 15:19; 1 Kor 2:2, 9:12; 2 Kor 2:12, 10:14). Pemercaya pasti akan diselamatkan kerana Injil ini, iaitu Kristus menurut nubuat dalam Alkitab, telah mati demi dosa umat manusia, bahkan dikuburkan; dan bangkit pada hari yang ketiga seperti yang dinubuatkan (1 Kor 15:14). 1 Timotius 3:16 menyatakannya dengan lebih lengkap: *“Dan sesungguhnya agunglah rahasia ibadah kita: “Dia, yang telah menyatakan diri-Nya dalam rupa manusia, dibenarkan dalam Roh; yang menampakkan diri-Nya kepada malaikat-malaikat, diberitakan di antara bangsa-bangsa yang tidak mengenal Allah; yang dipercayai di dalam dunia, diangkat dalam kemuliaan.”*

(I) ASAL-USUL INJIL

1. Penyediaan Tuhan

Nenek moyang manusia, Adam dan Hawa telah melanggar perintah dan berbuat dosa. Untuk menyatakan kasihNya, Tuhan menyediakan anugerah keselamatan untuk manusia. Namun anugerah keselamatan ini wujud sebelum dunia dijadikan dan dalam pengetahuan Tuhan iaitu menetapkan bahawa kita akan mendapat anugerah keselamatan dalam Kristus (Ef 1:3-7, 9-11; Rm 8:28-30, 2 Tim 1:9-10; Tit 1:2).

2. Janji Tuhan

Ketika Adam berbuat dosa, Tuhan membuka janji penyelamatan dan penebusan dengan keturunan perempuan akan meremukkan kepala ular (Kej 3:14-15; Gal 4:4). Tuhan juga berjanji kepada Abraham, Bapa Iman bahawa keturunannya akan melahirkan Juruselamat, bangsa-bangsa akan dibenarkan kerana iman, oleh juruselamat ini akan diberkati (Kej 17:1-6; Gal 3:8).

3. Nubuat Tuhan melalui para nabi

Nabi Yesaya bernubuat bahawa Kristus akan dilahirkan oleh seorang perempuan muda yang mengandung (Yes 7:14; Mat 2:20-22; Luk 1:31-35). Keluarga bahasa Yesus berasal daripada keturunan Abraham, Yehuda, Isai, dan Daud (Kej 22:18, 49:10; Yes 11:1; Yer 23:5). Kristus akan dilahirkan di Betlehem (Mi 5:2; Mat 2:5-6). Pekerjaan Kristus di dalam dunia sehinggakan kematiannya juga dinubuatkan dengan jelas (Yes 40:9-11, 52:13; 61:1-3). Selain itu, kebangkitan Kristus juga dibincangkan (Mzm 16:10; Mat 12:40; Yun 1:17).

4. Perintis Injil

Menurut nubuat nabi dalam Perjanjian Lama, Yohanes Pembaptis menjadi perintis bagi Injil Kristus. Dia mempersiapkan hati manusia dan jalan bagi Tuhan (Yes 40:3-5; Mal 3:1, 4:5-6; Mat 11:11-14). Hukum Taurat dan kitab para nabi berlaku sampai kepada zaman Yohanes Pembaptis lalu Kristus mula bekerja. Sejak waktu itu kerajaan Tuhan diberitakan dan setiap orang menggagahnya berebut memasukinya (Luk 16:16).

(II) SIFAT-SIFAT INJIL

1. Menyatakan kekuatan Tuhan (Rm 1:16; 1 Kor 1:18)

- a) Tuhan menyatakan diriNya dalam rupa manusia, menyatakan kuasanya (Yoh 1:14,18; 1 Tim 3:16).
- b) Injil menyatakan kuasa Tuhan memusnahkan Iblis yang berkuasa ke atas maut (Ibr 2:14; 1 Kor 15:54-57).
- c) Kuasa Tuhan dapat menakluk musuh dan segala sesuatu (Mat 28:18; 1 Kor 15:24-28; Ef 1:21-22).
- d) Kuasa Tuhan membangkitkan Kristus dari antara orang mati (1 Kor 15:15; Ef 1:19-20).

2. Menyatakan kasih Tuhan (Rm 5:6-8; 1 Yoh 4:9-10)

- a) Tuhan telah menyediakan anugerah keselamatan bagi kita sebelum dunia dijadikan dan menyatakan kasih Tuhan (Ef 1:4, 7-12; 1 Kor 2:7; 2 Tim 1:9; Tit 1:2).
- b) Begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Ia telah mengaruniakan AnakNya yang tunggal (Yoh 3:16; 1 Yoh 4:9).
- c) Tuhan ialah Firman yang telah menjadi manusia, dilahirkan sebagai Kristus Yesus yang mati menggantikan orang-orang yang berdosa dalam dunia (Rm 3:23-25; 5:6-8).
- d) Kristus menumpahkan darah dan memberikan nyawaNya untuk menyelamatkan dan menebus seluruh umat manusia (Rm 3:24; Ef 1:7; Kis 20:28).

3. Menyatakan Kebenaran Tuhan

- a) Kebenaran Tuhan dinyatakan tanpa hukum Taurat, iaitu bukan didapatkan melalui hukum Taurat (Rm 3:20-21).
- b) Kebenaran Tuhan ialah Kebenaran kasih karunia dan didapati dengan cuma-cuma (Rm 3:24).
- c) Kebenaran Tuhan dijadikan dalam darah Yesus (Rm 3:25).
- d) Kebenaran Tuhan ialah Kebenaran yang didapati kerana iman (Rm 1:18, 3:25).

4. Menyatakan hikmat Tuhan (1 Kor 1:18, 25)

- a) Kristus dan salib ialah kebodohan bagi manusia, namun Tuhan sudi menggunakan pemberitaan yang dipandang sebagai kebodohan bagi manusia untuk menyelamatkan orang-orang yang percaya, inilah hikmat Tuhan (1 Kor 1:18-25).
- b) Injil ialah hikmat Tuhan yang tersembunyi dan rahasia sejak dunia dijadikan, iaitu segala bangsa, kerana Berita Injil, turut menjadi ahli-ahli waris dan anggota-anggota tubuh dan peserta dalam janji yang diberikan dalam Kristus Yesus (1 Kor 2:7; Ef 1:3-10, 3:1-7).
- c) Kasih karunia dan panggilan Tuhan menyatakan kedaulatan pemilihan Tuhan serta hikmatNya yang kaya dan tidak terduga (Rm 9:14-18, 11:28-36).
- d) Rahsia Injil Tuhan, kini Roh Kudus memberikan Roh hikmat dan wahyu kepada manusia untuk mengenaliNya (1 Kor 2:10-13; Ef 1:17, 3:3-6).

(III) CIRI-CIRI INJIL

1. Universal

- a) Injil menimpa kepada orang-orang dunia tanpa mengenal bangsa, rantau, jantina dan pangkat (Rm 1:14-16; Kis 26:22; Gal 3:26-28; 1 Kor 1:26-28).
- b) Injil yang merupakan kesukaan untuk seluruh bangsa (Luk 2:10-11).
- c) Tuhan mahu menyelamatkan seluruh bangsa melalui Injil (1 Tim 2:4-6, 4:10; 2 Ptr 3:9).
- d) Kristus berpesan kepada murid-murid untuk pergi ke seluruh dunia dan beritakan Injil kepada segala makhluk (Mat 28:19-20; Mrk 16:15-16). Dia juga berjanji bahawa Injil akan diberitakan di seluruh dunia menjadi kesaksian bagi semua bangsa, sesudah itu barulah tiba kesudahannya (Mat 24:13-14).

2. Transenden

- a) Injil menjangkau budaya, segala bangsa menjadi satu di dalam Kristus (Rm 1:16; Gal 3:26-28).
- b) Injil melepaskan manusia daripada belenggu dan kutuk hukum Taurat (Gal 3:11-14, 4:8-11, 5:1, Kol 2:13-15).
- c) Injil membuat manusia mengalahkan dosa (Yoh 8:31-36; Rm 8:13-14) dan menundukkan Iblis (Luk 4:1-15; Ibr 2:14; 1 Yoh 3:8).
- d) Injil membuat manusia mengalahkan kuasa dan sekatan maut (1 Kor 15:12-19; 1 Yoh 3:8).

3. Abadi

- a) Injil digelar sebagai “Injil yang kekal” (Why 14:6). Ia ialah kehendak Tuhan yang abadi (1 Yoh 2:17; 1 Tim 2:4; 2 Ptr 3:9).
- b) Injil membolehkan manusia menerima bagian kekal (Yoh 3:13-16; 1 Ptr 1:3-4; Ibr 9:15).
- c) Anugerah keselamatan dan penebusan sempurna untuk selama-lamanya (Ibr 7:20-21, 9:11-12, 10:12-14).
- d) Kristus menjadi Imam yang kekal dan menjadi Pembela / Pengantara bagi manusia (Ibr 7:25; Rm 8:34).

4. Berinisiatif

- a) Inisiatif kasih Tuhan (1 Yoh 4:7,19).
- b) Inisiatif pengorbanan Kristus memberikan nyawaNya (Yoh 10:17-18, 18:4-8; Rm 5:6-8).
- c) Inisiatif penyelamatan dan penebusan (Rm 5:6-8; 1 Tim 1:13-16).
- d) Inisiatif pemilihan (Yoh 15:16; Luk 19:10; Rm 9:14-18).

NAMA TUHAN

Pendeta Chen Zhong Yang

PENGENALAN

“Nama Tuhan” telah lama menjadi perbincangan yang berterusan bagi umat Kristian dan sarjana Alkitab. Ini disebabkan orang Israel pernah menggunakan cara yang berlainan untuk memanggil “Tuhan yang di syurga” yang mereka percayai ini dalam Perjanjian Lama. Tambahan pula, terjemahan bahasa, jangka masa yang panjang dan masalah-masalah lain turut menyebabkan gangguan kepada umat Kristian masa kini. Jadi, nama Tuhan ialah “Yehuwa / Yehowa”? “Yahweh”? “Shangzhu” (Tuhan)? Atau “Yesus”? Berikut dikongsikan berdasarkan Alkitab:

(I) PANGGILAN UMAT PILIHAN DALAM PERJANJIAN LAMA TERHADAP TUHAN

1. El:

Nama ini boleh merujuk kepada mana-mana tuhan dan merupakan bahasa kaum Sem. Ia mempunyai maksud “kuat”. Contoh: (Kej 32:28) bahasa asal “Isra-el” bermaksud bergumul melawan Allah. (Kej 49:24) - “Yang Mahakuat pelindung Yakub” bermaksud Allah Yakub.

Dalam Alkitab, nama ini kadang-kala juga merujuk kepada allah asing. Contohnya (Mzm 81:10; Ul 32:12,21) dan lain-lain.

2. Elohim:

Ia merupakan kata jamak bagi “El”. Nama ini muncul lebih daripada 2500 kali dalam Alkitab. Sama seperti “El”, ia merujuk kepada segala tuhan. Kadang-kadang kata jamak ini muncul dalam Alkitab untuk memanggil Tuhan yang benar. Ini bukan bermaksud bahawa terdapatnya banyak tuhan. Ia adalah “kata jamak aras tinggi” dalam tatabahasa untuk menunjukkan keagungan Tuhan. Ini dapat dilihat kerana kata kerja dan kata sifat bagi ayat yang sama adalah tunggal (Kej 1:26-28).

3. Yehuwa / Yehowa:

Yehuwa / Yehowa merupakan transliterasi “Jehovah” dari terjemahan KJV (terbitan tahun 1611). Asal-usul perkataan ini: (Kel 3:14) apabila Tuhan memanggil Musa dan mengutusnyanya untuk membawa orang Israel keluar dari rumah perbudakan, Musa bertanya kepada Tuhan: “tetapi mereka bertanya kepadaku: bagaimana tentang namaNya? Apakah yang harus kujawab kepada mereka?” Firman Tuhan kepada Musa: “AKU ADALAH AKU.” (Kel 3:13-14). Ayat kitab ini hanya ditulis sebagai sebagai “YHWH” dalam Perjanjian Lama. Sebutan asalnya ialah “Yahweh”. Namun dalam gereja Yahudi yang kemudian, mereka tidak lagi membacanya sebagai “Yahweh”. Ini kerana mereka

beranggapan bahawa Tuhan adalah yang ditakuti, bagaimana boleh terus memanggil namaNya? Oleh yang demikian, apabila orang Israel selepas itu mahu memanggil Tuhan, mereka mengubah panggilan kepada “Adonai” (yang sebagai Tuhan, Tuhanku), juga dalam bentuk kata jamak aras tinggi. Dalam aspek penulisan teks pula, Ia ditulis sebagai “YHWH”. Perkataan dengan hanya konsonan tanpa vokal ini tidak dapat dibaca. Oleh itu, dalam zaman pertengahan (kira-kira abad ke-lapan SM), sarjana Yahudi (Masoretics) mula menambahkan vokal kepada konsonan ini dalam Perjanjian Lama. Mereka menambahkan vokal daripada “Adonai” dalam bahasa Ibrani kepada konsonan “YHWH”. Maka Ia ditulis sebagai “YāHōWāH” dan akhirnya berubah menjadi “Jehovah”. Pada tahun 1611 SM, King James Bible mengadoptasi perkataan “Jehovah” dan bahasa Cina juga menterjemahkannya sebagai “Yehuwa” / “Yehowa”. Para sarjana Alkitab moden percaya bahawa nama kudus tidak harus dijadikan tiga suku kata, mungkin hanya dua suku kata sahaja dengan bunyi a, e sebagai standard. Oleh itu, Ia diterjemahkan sebagai Jahweh atau Yahweh, dan dalam bahasa Cina diterjemahkan sebagai “Yahweh”. Inilah asal-usul perkataan “Yehuwa / Yehowa” dalam terjemahan bahasa Cina.

(II) “YEHUWA/YEHOWA” BUKAN NAMA TUHAN

Tidak kira “Yehuwa / Yehowa” atau diterjemahkan sebagai “Yahweh”, itu bukanlah nama Tuhan. Itu hanya boleh dikatakan sebagai panggilan dan pengakuan umat pilihan dalam Perjanjian Lama terhadap Tuhan. Musa berkata kepada Allah: “Tetapi apabila aku mendapatkan orang Israel dan berkata kepada mereka: Allah nenek moyangmu telah mengutus aku kepadamu, dan mereka bertanya kepadaku: bagaimana tentang namaNya? — apakah yang harus kujawab kepada mereka?” Firman Allah kepada Musa: “AKU ADALAH AKU.” Lagi firman-Nya: “Beginilah kaukatakan kepada orang Israel itu: AKULAH AKU telah mengutus aku kepadamu.” (Kel 3:13-14). Selanjutnya berfirmanlah Allah kepada Musa: “Beginilah kaukatakan kepada orang Israel: TUHAN, Allah nenek moyangmu, Allah Abraham, Allah Ishak dan Allah Yakub, telah mengutus aku kepadamu: itulah nama-Ku untuk selama-lamanya dan itulah sebutan-Ku turun-temurun.”

TUHAN (Yehuwa / Yehowa) (atau diterjemahkan sebagai Yahweh) dalam ayat di atas bermaksud “Aku” dalam bahasa asal. Ini menyatakan “kewujudan Tuhan”. Ia ialah pelaksanaan kata kerja, yang menyatakan bahawa kewujudan Tuhan adalah kekal, tiada permulaan hidup dan pengakhiran nyawa. Adalah amat sukar untuk dapatkan terjemahan yang paling tepat bagi perkataan ini. Bahasa Inggeris menterjemahkannya sebagai “I AM THAT I AM” dengan maksud “AKU ADALAH AKU”. Terjemahan dalam Chinese Union Version pula ialah “yang sedia ada dan selamanya ada” yang menyatakan Tuhan selamanya tidak berubah dari dulu, sekarang dan pada masa akan datang.

Walaupun "... itulah nama-Ku untuk selama-lamanya ..." (Kel 3:15), namun kita perlu ketahui bahwa perkataan "Yehuwa / Yehowa" merupakan kata kerja yang bermaksud "sedia ada", dan bukannya kata nama. Maka, kita dapat mengetahui bahwa Tuhan tidak menyatakan tentang namaNya kepada Musa dan lain-lain untuk diketahui oleh mereka. Tuhan menjawab Musa "AKU ADALAH AKU". Dia hanya mengumumkan kepada mereka "AKULAH AKU. Ia mengandungi keabadian perintisan dan penyempurnaan Tuhan, janji penyelamatan dan penebusan serta kehendak Tuhan yang tidak berubah selamanya. Kita dapat ketahui tentang ini daripada pengumuman Tuhan dalam (Kel 6:1-2), berfirmanlah Allah kepada Musa: "Akulah TUHAN (boleh dibaca sebagai AKU ADALAH AKU). Aku telah menampakkan diri kepada Abraham, Ishak dan Yakub sebagai Allah Yang Mahakuasa, tetapi dengan nama-Ku TUHAN (Yehuwa / Yehowa dalam terjemahan bahasa Cina) Aku belum menyatakan diri." Jika "Yehuwa / Yehowa" ("TUHAN" dalam terjemahan bahasa Melayu) (AKULAH AKU) ialah nama Tuhan, Abraham sememangnya tahu tentang nama ini. Abram menjawab: "*Ya Tuhan ALLAH (Yehuwa / Yehowa dalam terjemahan bahasa Cina), apakah yang akan Engkau berikan kepadaku, karena aku akan meninggal dengan tidak mempunyai anak ...*" (Kej 15:2). Dalam ayat kitab ini, Abram telah memanggil Allah sebagai TUHAN (Yehuwa / Yehowa). Lagi firman TUHAN kepadanya: "*Akulah TUHAN (Yehuwa / Yehowa dalam terjemahan bahasa Cina), yang membawa engkau keluar dari Ur-Kasdim untuk memberikan negeri ini kepadamu menjadi milikmu.*" Kata Abram: "*Ya Tuhan ALLAH (Yehuwa / Yehowa dalam terjemahan bahasa Cina), dari manakah aku tahu, bahwa aku akan memilikinya?*" (Kej 15:7-8). Dalam ayat-ayat ini, Tuhan sendiri berkata kepada Abram bahawa "Akulah TUHAN" (Yehuwa / Yehowa), Abram juga memanggil Tuhan "Ya Tuhan ALLAH" (Yehuwa / Yehowa).

Berdirilah TUHAN (Yehuwa / Yehowa) di sampingnya dan berfirman: "Akulah TUHAN (Yehuwa / Yehowa dalam terjemahan bahasa Cina) Allah Abraham, nenekmu, ..." (Kej 28:13). Ketika Yakub bangun dari tidurnya, berkatalah ia: "Sesungguhnya TUHAN (Yehuwa / Yehowa dalam terjemahan bahasa Cina) ada di tempat ini, dan aku tidak mengetahuinya." (Kej 28:16). Ayat-ayat kitab tersebut membuktikan bahawa, jika nama Tuhan ialah "Yehuwa / Yehowa", Abraham, Ishak dan Yakub sepatutnya tahu. Bukan sahaja tahu, bahkan memanggil Tuhan dengan nama ini. Dengan itu, bukankah ianya bercanggahan dengan (Kel 6:2) "dengan nama-Nya TUHAN (Yehuwa / Yehowa dalam terjemahan bahasa Cina) Dia belum menyatakan diri kepada mereka"? Oleh yang demikian, pengumuman bagi panggilan "Yehuwa / Yehowa" atau "Yahweh" hanya sekadar merupakan "pengumuman tentang penyelamatan dan penebusan yang kekal" yang dinyatakan oleh Tuhan kepada umat pilihan dalam Perjanjian Lama. Itu bukannya nama Tuhan.

(III) NAMA TUHAN SERTA PENYELAMATAN DAN PENEBUSAN TUHAN

Nama Tuhan yang mulia sebenarnya mengikuti penyelamatan dan penebusan Tuhan yang dinyatakan kepada dunia. “Sebelum anugerah keselamatan dinyatakan, Tuhan tidak akan menyatakan namaNya yang mulia kepada dunia”, termasuk kepada orang-orang yang dipilihNya. Ini kerana apabila nama Tuhan yang mulia dinyatakan, itulah waktunya hikmat dan rahsia Dia dinyatakan kepada dunia (Ef 3:9-10).

Tema Perjanjian Lama ialah “janji dan penyediaan anugerah keselamatan” iaitu “menjanjikan Kristus dan menyediakan Kristus”. Oleh itu, selepas Tuhan memilih Abraham dari segala bangsa, Dia menjanjikannya dengan “suatu negeri yang berlimpah-limpah susu dan madunya” dan “keturunan yang olehnya semua kaum di muka bumi akan mendapat berkat (Kej 12:1-3, 13:15-17, 22;17-18) dan mengumumkan kepadanya “Akulah TUHAN (Yehuwa / Yehowa dalam terjemahan bahasa Cina) (Kej 15:7) bahkan menyatakan “Akulah Allah Yang Mahakuasa” (Kej 17:1; Kel 6:1) tetapi tidak menyatakan namaNya kepada dia. Itulah sebabnya (Kel 6:1-2) mengatakan bahawa “dengan nama-Ku TUHAN (Yehuwa / Yehowa dalam terjemahan bahasa Cina) Aku belum menyatakan diri.” Tuhan juga mengumumkan janji yang sama kepada Ishak (Kej 26:2-5). Sampailah di (Kej 28:13), Dia menampakkan diri kepada Yakub lalu memberikan dia janji yang sama dengan Abraham dan Ishak. Namun, Dia juga tidak menyatakan namaNya kepada Yakub. Jika tidak, mengapa Tuhan berkata dalam (Kel 6:2): “dengan nama-Ku TUHAN (Yehuwa / Yehowa dalam terjemahan bahasa Cina) Aku belum menyatakan diri.”? Namun kita melihat Yakub berkata sesungguhnya “TUHAN (Yehuwa / Yehowa dalam terjemahan bahasa Cina) ada di tempat ini,..” (Kej 28:16).

Selepas bergulat di tempat penyeberangan sungai Yabok, bertanyalah Yakub: “Katakanlah juga namamu.” Tetapi sahutnya: “Mengapa engkau menanyakan namaku?” dan kemudiaan memberkati Yahub. Menurut (Ibr 7:7), memang tidak dapat disangkal, bahwa yang lebih rendah diberkati oleh yang lebih tinggi. Kita dapat memahami bahawa orang ini ialah Tuhan yang menampakkan diri dan Yakub sendiri juga mengakuinya sedemikian. Oleh itu, Yakub menamai tempat itu Pniel yang bermaksud “Aku telah melihat Allah berhadapan muka, tetapi nyawaku tertolong!”. Namun kita dapat melihat bahawa Tuhan tidak menyatakan namaNya kepada Yakub, dan ini bertepatan dengan (Kel 6:2).

Pada zaman Musa, Tuhan bernubuat dan berjanji kepada umat Israel: “*Sesungguhnya Aku mengutus seorang malaikat berjalan di depanmu, untuk melindungi engkau di jalan dan untuk membawa engkau ke tempat yang telah Kusediakan. Jagalah dirimu di hadapannya dan dengarkanlah perkataannya, janganlah engkau mendurhaka kepadanya, sebab pelanggaranmu tidak akan diampuninya, sebab nama-Ku ada di dalam dia.*” (Kel 23:20-21). Kemudian, Tuhan bernubuat melalui Musa “*seorang nabi akan Kubangkitkan bagi mereka dari antara saudara mereka, seperti engkau ini; Aku akan menaruh firman-*

Ku dalam mulutnya, dan ia akan mengatakan kepada mereka segala yang Kuperintahkan kepadanya. Orang yang tidak mendengarkan segala firman-Ku yang akan diucapkan nabi itu demi nama-Ku, dari padanya akan Kutuntut pertanggungjawaban.” (Ul 18:18-19). Di sini tetap hanya menjanjikan Kristus dan menyediakan Kristus, tetapi tidak menyatakan tentang namaNya.

Pada zaman hakim-hakim, umat pilihan disiksa oleh orang Filistin. Maka Tuhan membangkitkan anugerah keselamatan dengan berjanji kepada Manoah dari keturunan orang Dan bahawa isterinya yang tidak beranak akan melahirkan seorang anak laki-laki (janji keselamatan). Pada ketika itu, berkatalah Manoah kepada Malaikat TUHAN itu: *“Siapakah nama-Mu, sebab apabila terjadi yang Kaukatakan itu, maka kami hendak memuliakan Engkau.”* Tetapi jawab Malaikat TUHAN itu kepadanya: *“Mengapa engkau juga menanyakan nama-Ku? Bukankah nama itu ajaib?”* (Hak 13:17-18). Tuhan tetap belum menyatakan namaNya.

Pada zaman Daud, Tuhan juga berjanji kepada Daud *“Apabila umurmu sudah genap dan engkau telah mendapat perhentian bersama-sama dengan nenek moyangmu, maka Aku akan membangkitkan keturunanmu yang kemudian, anak kandungmu, dan Aku akan mengokohkan kerajaannya. Dialah yang akan mendirikan rumah bagi nama-Ku dan Aku akan mengokohkan takhta kerajaannya untuk selama-lamanya ... Keluarga dan kerajaanmu akan kokoh untuk selama-lamanya di hadapan-Ku, takhtamu akan kokoh untuk selama-lamanya.”* (2 Sam 7:12-16).

Walaupun Tuhan berjanji kepadanya tentang kedatangan Kristus, tetapi juga belum menyatakan namaNya kepada Daud kerana belum tiba masanya anugerah keselamatan Tuhan dinyatakan. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan zaman Abraham dan Musa, ianya lebih nyata.

Pada zaman Yesaya, adalah lebih jelas dinubuatkan bahawa “keturunan Daud - Kristus” yang dijanjikan dan disediakan oleh Tuhan akan datang. Buktinya ialah *“Sesungguhnya, seorang perempuan muda mengandung dan akan melahirkan seorang anak laki-laki, dan ia akan menamakan Dia Imanuel”* (Yes 7:14). Pada masa ini, nama Tuhan telah ditunjukkan iaitu akan digelar sebagai Imanuel (mengandung kehendak muktamad penyelamatan dan penebusan Tuhan). Kemudian, (Yes 9:5-6) lebih jelas menunjukkan *“Sebab seorang anak telah lahir untuk kita, seorang putera telah diberikan untuk kita; lambang pemerintahan ada di atas bahunya, dan namanya disebutkan orang: Penasihat Ajaib, Allah yang Perkasa, Bapa yang Kekal, Raja Damai. Besar kekuasaannya, dan damai sejahtera tidak akan berkesudahan ...”* Pada masa ini, anugerah keselamatan telah hampir dinyatakan kepada dunia diikuti nama Tuhan juga bakal dinyatakan kepada dunia.

Setelah genap waktunya, demi menggenapkan janjiNya kepada nenek moyang, Tuhan mengutus Anak-Nya, yang lahir dari seorang perempuan dan takluk kepada hukum Taurat (Gal 4:4). Maka Tuhan menyatakan kepada Maria bahawa dia akan mengandung dari Roh Kudus dan akan melahirkan seorang anak laki-laki dan hendaklah menamai Dia Yesus. Dia akan duduk di takhta Daud sampai selama-lamanya (Luk 1:31-35). Tuhan juga menyatakan kepada Yusuf keturunan Daud bahawa “anak yang di dalam kandungannya adalah dari Roh Kudus. Ia akan melahirkan anak laki-laki dan engkau akan menamakan Dia Yesus, karena Dialah yang akan menyelamatkan umat-Nya dari dosa mereka. Hal itu terjadi supaya genaplah yang difirmankan Tuhan oleh nabi: *“Sesungguhnya, anak dara itu akan mengandung dan melahirkan seorang anak laki-laki, dan mereka akan menamakan Dia Imanuel”* --yang berarti: *Allah menyertai kita.*” Pada masa ini, anugerah keselamatan Tuhan dinyatakan secara rasminya kepada dunia. Sama seperti yang dikatakan dalam (Yoh 1:14,18), *“Tidak seorangpun yang pernah melihat Allah; tetapi Anak Tunggal Allah, yang ada di pangkuan Bapa, Dialah yang menyatakan-Nya.”* Ini bermaksud menyatakan Tuhan yang tidak dilihat kepada dunia untuk dikenali dan dilihat. Firman Tuhan telah menjadi manusia dan diam di antara kita (Yoh 1:14) lalu membawa kepada kelahiran bayi ini. Mereka akan menamakan Dia “Immanuel” iaitu “Allah menyertai kita”. Pada peringkat ini, janji Tuhan telah digenapi sepenuhnya dan anugerah keselamatan Tuhan juga telah dinyatakan sepenuhnya. Bila anugerah keselamatan dinyatakan, pada masa yang sama, Tuhan juga menyatakan nama Kristus iaitu “Yesus”. Dia sendiri yang menamaiNya melalui Malaikat dan Dia sendiri mengumumkan namaNya yang mulia kepada dunia (Mat 1:21,15; Luk 1:31).

(IV) NAMA TUHAN IALAH YESUS

Tuhan melalui “Firman itu telah menjadi manusia” diam di antara kita (Yoh 1:14) dan menampakkan diri secara spesifik di hadapan dunia, maka (Yoh 1:18) mengatakan “Tidak seorangpun yang pernah melihat Allah; tetapi Anak Tunggal Allah, yang ada di pangkuan Bapa, Dialah yang menyatakan-Nya.” (Kol 1:15-16) juga berkata “Ia adalah gambar Allah yang tidak kelihatan ...”. Maka tidak hairanlah Tuhan Yesus berkata kepada muridNya: *“Barangsiapa telah melihat Aku, ia telah melihat Bapa ... Aku di dalam Bapa dan Bapa di dalam Aku ...”* (Yoh 14:9-10). Pada masa ini, anugerah keselamatan yang Tuhan sediakan untuk dunia telah dinyatakan di hadapan dunia. Oleh itu, apabila Simeon melihat bayi Yesus, dia berkata: *“Sekarang, Tuhan, biarkanlah hamba-Mu ini pergi dalam damai sejahtera, sesuai dengan firman-Mu, sebab mataku telah melihat keselamatan yang dari pada-Mu, yang telah Engkau sediakan di hadapan segala bangsa, yaitu terang yang menjadi pernyataan bagi bangsa-bangsa lain dan menjadi kemuliaan bagi umat-Mu, Israel.”* (Luk 2:29-32).

Dengan itu, nama Tuhan juga telah dinyatakan kepada dunia berikutan anugerah keselamatan. Nama ini ialah “Yesus”. Nama “Yesus” adalah dalam bahasa Yunani, manakala ia ialah “Yosua” dalam bahasa Ibrani yang bermaksud “Yehuwa / Yehowa Juruselamat”. Nama ini dinyatakan oleh malaikat kepada Yusuf dan Maria pada masa yang sama (Mat 1:12; Luk 1:30,31). Dalam (Mat 1:23), malaikat khususnya menyatakan: *“Hal itu terjadi supaya genaplah yang difirmankan Tuhan oleh nabi: ‘Sesungguhnya, anak dara itu akan mengandung dan melahirkan seorang anak laki-laki, dan mereka akan menamakan Dia Imanuel’ --yang berarti: Allah menyertai kita.”* Tujuan asal Tuhan menciptakan manusia adalah untuk menyertai manusia. Namun manusia kehilangan berkat ini kerana Adam telah berbuat dosa. Oleh itu, Tuhan menyediakan anugerah keselamatan untuk dunia dan menyediakan Kristus untuk dunia - Tuhan penyelamat dunia. Apabila Tuhan penyelamat dunia datang, Dia akan menyelamatkan dan menebus dunia daripada dosa dan maut lalu merealisasikan semula idea “Immanuel”.

Tuhan berkata bahawa namaNya “YHWH” iaitu AKULAH AKU (I AM THAT I AM) (Kel 3:14) menyatakan keabadian, perintisan dan penyempurnaan Tuhan. Kedatangan Yesus Kristus juga telah menyatakan ciri ini (Ibr 12:1-2). Penulis menyatakan bahawa Yesus ialah perintis dan penyempurna iman kita. (Ibr 13:8) dan menyatakan *“Yesus Kristus tetap sama, baik kemarin maupun hari ini dan sampai selama-lamanya”*. Bukankah ciri ini menjelaskan sepenuhnya tentang “Yehuwa / Yehowa (atau Yahweh), YHWH”, “AKULAH AKU”?

Kedatangan Tuhan Yesus juga menggenapkan nubuat Tuhan dalam (Kel 23:20-21), *“Sesungguhnya Aku mengutus seorang malaikat berjalan di depanmu, ... sebab nama-Ku ada di dalam dia”*. (Za 9:9) juga menubuatkan tentang Raja damai yang datang dalam nama Tuhan akan memasuki Yerusalem dengan mengendarai seekor keledai. Kemudian, nubuat ini digenappakn apabila Tuhan memasuki kota suci untuk penderitaan (Mat 21:9; Luk 19:37-38). Kedatangan Yesus adalah dalam nama “Allah Bapa”, maka namaNya pastilah nama “Allah Bapa”.

Nama “Yesus” inilah nama Tuhan. Ini boleh dibuktikan dengan perkataan yang diucapkan oleh Tuhan Yesus. Dalam kata doa Tuhan Yesus, *“Aku telah menyatakan nama-Mu kepada semua orang, yang Engkau berikan kepada-Ku dari dunia.”* (Yoh 17:6-26). Tuhan Yesus menegaskan bahawa Dia telah menyatakan “nama Allah Bapa” kepada semua orang (murid-murid) yang diberikan kepadaNya. Apakah nama yang dinyatakan oleh Yesus kepada kita? Hanya nama “Yesus” sahaja. *“Ya Bapa yang kudus, peliharalah mereka dalam nama-Mu, yaitu nama-Mu yang telah Engkau berikan kepada-Ku...”* (Yoh 17:11). Bagi bahasa asal ayat kitab ini, terjemahan Lu Zhen Zhong Bible Translation ialah *“Ya Bapa yang kudus, peliharalah semua orang yang Engkau berikan kepada-Ku dengan nama-Mu...”*; terjemahan Studium Biblicum Version pula ialah *“Ya Bapa yang Kudus, peliharalah mereka dengan nama-Mu...”*; terjemahan KJV ialah *“Holy Father, keep through thine own name those whom thou hast given me, ...”*; terjemahan NIV ialah *“Holy Father, protect them by the*

power of your name, the name you gave me, ...”; terjemahan RSV ialah “Holy Father, keep them in thy name, which thou hast given me, ...”. Dari terjemahan-terjemahan tersebut, kita dapat mengetahui bahawa bahasa asalnya ialah “Ya Bapa yang kudus, peliharalah mereka dalam nama-Mu, nama-Mu yang telah Engkau berikan kepada-Ku”. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa nama “Yesus” yang diberikan oleh Tuhan melalui pernyataan malaikat ialah nama Tuhan.

Nama ini adalah unik. *“Dan keselamatan tidak ada di dalam siapapun juga selain di dalam Dia, sebab di bawah kolong langit ini tidak ada nama lain yang diberikan kepada manusia yang olehnya kita dapat diselamatkan.”* (Kis 4:12). Nama Tuhan, “Yesus” telah direalisasikan dengan sempurna. Tuhan telah menyatakan makna “YHWH” (AKULAH AKU) yang dikatakan kepada Musa (Kel 3:14). “Dia” bukan sahaja bermaksud perintisan dan penyempurnaan serta keabadian Tuhan tidak berubah. Ia juga mengandungi maksud penyelamatan dan penebusan Tuhan, penyertaan dan keunikannya. Kini, kita telah menerima kasih karunia dan pernyataan Tuhan lalu mengenali nama Tuhan yang mulia ini. Maka selain bersyukur, batiniah kita juga harus memuji kasih Tuhan, “Haleluya”!

(V) NAMA TUHAN BERKUASA

1. Kita dapat diselamatkan oleh namanya

“Dan keselamatan tidak ada di dalam siapapun juga selain di dalam Dia, sebab di bawah kolong langit ini tidak ada nama lain yang diberikan kepada manusia yang olehnya kita dapat diselamatkan.” (Kis 4:12). Kini, jika dunia mahu melepaskan diri daripada dosa kejahatan dan maut, caranya hanyalah dengan bersandarkan anugerah keselamatan Tuhan dan tidak ada cara yang lain. Nama Tuhan Yesus pula dinyatakan kepada dunia berikutan anugerah keselamatan. Untuk mendapatkan kehormatan “nama di atas segala nama” ini (Flp 2:9-11), Tuhan Yesus telah menanggung banyak penderitaan. Dia perlu merendahkan dirinya dan mentaati kehendak Bapa syurga. Walaupun menanggung banyak penderitaan, Dia tetap taat sampai mati (Flp 2:5-8). Oleh sebab ketaatannya, Ia menjadi pokok keselamatan yang abadi bagi dunia hari ini (Ibr 5:7-11). Namanya yang terhormat ini, olehnya kita dapat diselamatkan.

Kita boleh berdoa dalam nama ini. Ini janji Tuhan Yesus kepada murid-murid yang percaya kepadanya. Tuhan Yesus berjanji kepada orang-orang yang percaya kepadanya, *“Sesungguhnya barangsiapa percaya kepada-Ku, ia akan melakukan juga pekerjaan-pekerjaan yang Aku lakukan, bahkan pekerjaan-pekerjaan yang lebih besar daripada itu. Sebab Aku pergi kepada Bapa; dan apa juga yang kamu minta dalam nama-Ku, Aku akan melakukannya, supaya Bapa dipermuliakan di dalam Anak. Jika kamu meminta sesuatu kepada-Ku dalam nama-Ku, Aku akan melakukannya.”* (Yoh 14:12-14). “... segala sesuatu yang kamu minta kepada Bapa, akan diberikan-Nya kepadamu dalam nama-Ku. Sampai sekarang kamu belum meminta sesuatupun dalam nama-Ku.

Mintalah maka kamu akan menerima, supaya penuhlah sukacitamu.” (Yoh 16:23-24). Ini merupakan janji Tuhan Yesus yang pasti kepada kita yang percaya supaya kita tahu betapa bahagianya kita berada di dalam Tuhan pada hari ini dan betapa hebatnya kasih karunia yang Kristus mahu berikan kepada kita.

2. Dapat mengusir syaitan dengan nama Tuhan

Pada satu kali Tuhan mengutus murid-murid pergi memberitakan Injil. Selepas pulang, murid-murid melaporkan kepada Tuhan Yesus dengan berkata: “*Tuhan, juga setan-setan takluk kepada kami demi nama-Mu.*” (Luk 10:17). Dari sini kita dapat melihat kuasa yang diberikan oleh nama Tuhan kepada kita. Ini juga merupakan janji Tuhan Yesus kepada kita (Mrk 16:17). Semasa Paulus memberitakan Injil di Filipi, dia bertemu dengan seorang hamba perempuan yang mempunyai roh tenung. Dia berkata kepada roh itu: “*Demi nama Yesus Kristus aku menyuruh engkau keluar dari perempuan ini.*” dan keluarlah roh itu (Kis 16:18).

3. Dapat menyembuhkan penyakit dengan nama ini

Tuhan Yesus pernah berjanji kepada orang-orang yang percaya kepada Dia bahawa “mereka akan meletakkan tangannya atas orang sakit, dan orang itu akan sembuh.” Setiap janji Tuhan membawa kuasa. Maka, apabila para rasul memberitakan Injil pada hari-hari kemudian, mereka melakukan banyak tanda mujizat dengan kuasa ini. Apabila Petrus baru keluar memberitakan Injil, dia bertemu dengan seorang laki-laki yang lumpuh sejak lahirnya di Gerbang Indah bait suci. Petrus berkata kepadanya: “... Demi nama Yesus Kristus, orang Nazaret itu, berjalanlah!” Hasilnya, orang itu berdiri dan berjalan. Kemudian, dia bersaksi kepada orang-orang di sekelilingnya, “Yesus, Tuhan kehidupan, nama itu yang menguatkan orang ini” (Kis 3:6,16). Dari sini dapat dilihat betapa berkuasanya nama Yesus yang terhormat ini.

(VI) HARUS BAGAIMANA MELAYAN NAMA INI

1. Meninggikan nama Tuhan dalam segala sesuatu

Filipi 2:9-11, “*nama ini ialah nama di atas segala nama, supaya dalam nama Yesus bertekuk lutut segala yang ada di langit dan yang ada di atas bumi dan yang ada di bawah bumi, dan segala lidah mengaku: ‘Yesus Kristus adalah Tuhan,’ bagi kemuliaan Allah, Bapa!*” Memandangkan nama Tuhan adalah begitu terhormat, tidakkah kita yang menerima anugerah keselamatan ini harus meninggikan nama Tuhan dalam segala tindak-tanduk kita dalam kehidupan harian? (Kol 3:17) “*segala sesuatu yang kamu lakukan dengan perkataan atau perbuatan, lakukanlah semuanya itu dalam nama Tuhan Yesus, sambil mengucap syukur oleh Dia kepada Allah, Bapa kita.*”

2. Menyambut orang yang datang dalam nama Tuhan

Memandangkan kita takut kepada Kristus dari dalam batiniah, maka menerima orang yang percaya kepada nama Tuhan atau orang yang datang demi nama Tuhan, oleh nama Tuhan, sememangnya haruslah demikian. Tuhan Yesus sendiri juga memberi jaminan kepada kita bahawa jika kita menyambut seorang yang percaya dalam namaNya, kita menyambut Dia (Mat 18:5). Dia juga berjanji bahawa kita akan menerima upah (Mat 10:40-42), terutamanya apabila kita dapat menerima orang yang berangkat kerana nama Tuhan, maka kita boleh mengambil bagian dalam pekerjaan mereka untuk kebenaran (3 Yoh 5-8).

3. Melakukan segala sesuatu untuk kemuliaan nama ini

Anugerah keselamatan ini diatur oleh Tuhan sebelum dunia dijadikan menurut pelbagai ragam hikmatNya. Betapa berbangganya kita yang dipilih oleh Tuhan. Oleh itu, kita yang telah menerima anugerah keselamatan lehih lagi harus mempunyai perbuatan dan hidup yang berpadanan dengan anugerah yang telah didapati untuk memuliakan Tuhan (Flp 1:27). Dalam kehidupan harian, jika engkau makan atau jika engkau minum, atau jika engkau melakukan sesuatu yang lain, lakukanlah semuanya itu untuk kemuliaan Allah (1 Kor 10:31). Dengan itu, kita tidak mensia-siakan pemilihan Tuhan. Seumur hidup Paulus adalah maju ke arah matlamat ini. Dia berkata: "Kristus dengan nyata dimuliakan di dalam tubuhku, baik oleh hidupku, maupun oleh matiku."

4. Harus pergi memberitakan dan menyebarkan nama ini

Nama kudus yang kita peroleh dan hormati ini merupakan satu-satunya nama yang olehnya dunia dapat diselamatkan. Maka kita harus berikan dengan cuma-cuma apa yang telah kita perolehi dengan cuma-cuma supaya dunia mendapat bagian dalam Injil (1 Kor 9:23). Tambahan pula, memberitakan Injil merupakan tanggungjawab yang tidak dapat ditolak oleh kita sebagai orang-orang yang percaya kepada Tuhan (1 Kor 9:16-17) dan ianya telah ditanggungkan kepada kita semasa percaya kepada Tuhan (Mat 28:19-20; Kis 1:8). Maka, tidak kira ke mana kita pergi, kita harus menyaksikan nama Tuhan dengan rajin.

KESIMPULAN

Selepas Paulus menjelaskan anugerah keselamatan Tuhan dalam kitab Roma, dia menyatakan suara kekaguman dari batiniahnya dengan berkata: “O, alangkah dalamnya kekayaan, hikmat dan pengetahuan Allah! Sungguh tak terselidiki keputusan-keputusan-Nya dan sungguh tak terselami jalan-jalan-Nya! ... Sebab segala sesuatu adalah dari Dia, dan oleh Dia, dan kepada Dia.” Betapa ajaibnya Tuhan kita. Dia mengatur dengan hikmatNya yang ajaib agar anugerah keselamatanNya dinyatakan melalui Yesus Kristus dalam zaman akhir ini dan menyatakan namaNya yang ajaib kepada dunia. Kita juga berbangga kerana menerima pernyataan Tuhan tentang namaNya yang mulia (Yoh 17:6) bahkan mendapat segala kasih karunia yang datang berikutan dengan nama yang terhormat ini. Oleh itu, manakah boleh kita tidak mempersembahkan seumur hidup kita sebagai persembahan yang hidup dan hidup untuk memuliakan nama ini?

SEJARAH PEMBUKUAN DAN KEWIBAWAAN ALKITAB

Saudara Lin Da Yu

Alkitab merupakan buku bercetak yang pertama di dunia yang dicetak oleh orang Jerman, Johannes Gutenberg pada tahun 1456 setelah teknik percetakan diciptakan dalam sejarah barat (1454 M). Ia telah mencatatkan kadar pengedaran yang tertinggi di dunia selama beratus-ratus tahun. Ia bukan sahaja merupakan sebuah karya klasik agama tentang penyelamatan dan penebusan, malahan ia juga amat berpengaruh ke atas orang-orang bukan Kristian. Artikel ini khususnya membincangkan tentang penilaian Alkitab oleh dunia umum, menceritakan sejarah pembukuan dan kewibawaannya sebagai rujukan bagi pembaca yang berminat.

(I) PENILAIAN DAN KETIDAKBOLEHPINDAAN ALKITAB

1. Selalunya jika isi kandungan sesebuah buku adalah menarik, ia mungkin boleh dijual selama 25 tahun. Buku yang dapat dibaca selama satu abad sangat jarang didapati. Jika ia kekal untuk lebih daripada seribu tahun, ia sesuatu yang luar biasa yang sangat jarang berlaku. Namun, walaupun telah melalui lebih daripada dua ribu tahun, Alkitab masih merupakan buku yang terlaris di dunia.
2. Dr. Robert Downs (pernah memegang jawatan sebagai Professor of Library Science di University of Illinois, Amerika Syarikat) pernah menulis dua buah buku yang sangat laris: "Books That Changed the World" dan "Books That Changed America". Beliau telah memilih enam belas buah buku yang mempunyai pengaruh mendalam terhadap ketamadunan sejarah manusia (termasuk ekonomi, politik, sosial, sains, agama dan sebagainya). Antaranya termasuklah "Mein Kampf" karya Hitler, "Das Kapital" karya Marx dan sebagainya. Namun dia tidak memasukkan Alkitab agama Kristian dalam penulisannya. Orang berasa terkejut dan bertanyakan sebabnya. Dia berkata: "Alkitab, buku Alkitab, tidak boleh disenaraikan dalam kategori yang sama. Pengaruh dan kesannya kepada sejarah manusia adalah hebat dan tidak boleh dibandingkan dengan buku biasa."
3. Ahli falsafah Denmark, Søren A. Kierkegaard (1813-1855): "Alkitab adalah sebuah buku yang ditulis oleh Bapa kita di syurga kepada anak-anak dunia, dengan nama kamu dan nama saya di dalamnya."
4. Sejak zaman-berzaman, ada orang yang memutuskan untuk menyerang dan menghapuskan Alkitab. Contohnya seperti berikut:
 - a) Pada awal zaman perkembangan gereja, Kaisar Romawi tahu bahawa kehidupan gereja adalah berdasarkan kepercayaan dalam Alkitab, maka mereka mencuba untuk menghapuskan Alkitab. Pada tahun 303 M, Diocletian mengeluarkan perintah untuk membakar setiap Alkitab. Dia telah membunuh ramai umat Kristian dan membakar Alkitab yang tidak terkira banyaknya. Dia beranggapan bahawa dia

telah menghapuskan agama Kristian. Untuk meraikan kejayaannya, dia membuat satu duit syiling dengan ukiran “agama Kristian telah dihapuskan, penyembahan para dewa dipulihkan semula.” Namun dia tersilap besar. Ini kerana selepas sepuluh tahun, Kaisar Romawi, Constantine bukan sahaja memeluk agama Kristian, bahkan tidak lama kemudian melantik Eusebius untuk membuat semula lima puluh buah Alkitab dengan perbelanjaannya ditanggung oleh perbendaharaan negara.

- b) Voltaire, ahli humanis Perancis yang terkenal pernah bermegah dan mengumumkan: “Lima puluh tahun dari sekarang, dunia tidak akan mendengar lagi tentang perkataan dalam Alkitab”. Pada tahun yang sama dia mengeluarkan kata-kata ini, Muzium British telah menawarkan \$ 500,000 untuk membeli sebuah manuskrip Perjanjian Baru dalam bahasa Yunani daripada kerajaan Rusia. Lima puluh tahun selepas Voltaire meninggal dunia, The Geneva Bible Society of Switzerland mencetak Alkitab di rumah yang didiami oleh Voltaire semasa dia hidup dengan menggunakan mesin pencetaknya.
- c) Thomas Paine, penulis yang terkenal ini telah menulis sebuah buku yang bertajuk “The Age of Reason”. Dia meramalkan bahawa Alkitab akan berhenti dicetak tidak lama kemudian. Dia mengumumkan: “apabila pelan saya dilaksanakan dengan lancar, bilangan Alkitab yang tertinggal di Amerika Syarikat tidak akan melebihi lima buah.” Pada hari ini, Alkitab bukan sahaja boleh didapati dalam banyak terjemahan dan versi, malahan ramai yang memiliki lebih daripada sebuah Alkitab.

(II) NAMA ALKITAB

Perkataan “Alkitab” datang daripada istilah “biblia” dalam bahasa Yunani. Ia merupakan kata jamak bagi kata tunggal “biblion”. Maka, biblia bermaksud “kitab bersiri”. Walaupun Alkitab merupakan sebuah kitab, namun ia bukan hanya sekadar satu kitab sahaja melainkan sebuah kitab yang terdiri daripada banyak kitab.

Sebelum zaman Yesus, orang Yahudi selalu menggunakan “Kitab” (The Books) untuk merujuk kepada Alkitab mereka (Dan 9:2).

Apabila penulis Perjanjian Baru berbicara tentang Kitab-kitab yang disebutkan di atas, mereka selalu menggunakan “Kitab Suci” (Mat 21:42), “kitab-kitab suci” (Rm 1:2), “hukum Taurat” (Yoh 12:34), “hukum Musa dan kitab para nabi” (Kis 28:23), “kitab Taurat Musa dan kitab nabi-nabi dan kitab Mazmur” (Luk 24:44) untuk merujuk kepadanya.

(III) ASAL-USUL “PERJANJIAN” BARU DAN LAMA

Alkitab bahasa Cina meletakkan tajuk kitab ini sebagai “Kitab Lengkap Perjanjian Baru dan Lama”. Mengapa digelar sebagai “Perjanjian Baru dan Lama”? Sebabnya adalah seperti berikut:

1. Dalam zaman Perjanjian Lama, Tuhan dan umatNya membuat sebuah “kitab perjanjian”, dan Musa juga membacakan “kitab perjanjian” ini dengan didengar oleh bangsa itu (Kel 24:7).
2. Yeremia: “Sesungguhnya, akan datang waktunya, demikianlah firman TUHAN, Aku akan mengadakan perjanjian baru dengan kaum Israel dan kaum Yehuda.” (Yer 31:31).
3. Paulus menggelar karya klasik orang Yahudi yang digunakan dalam gereja zaman awal sebagai “perjanjian lama” (2 Kor 3:14).
4. Yesus membuat perjanjian baru dengan darah yang ditumpahkanNya bagi menyelamatkan dan menebus umat manusia (Mat 26:28-29).
5. Yesus menjadi Pengantara dari perjanjian (baru) yang lebih mulia bagi kita (Ibr 8:6-13).

“Perjanjian” dalam Alkitab diadakan oleh Tuhan untuk menyelamatkan dan menebus umat manusia. Oleh yang demikian, orang-orang pada kemudian hari secara semula jadinya menggelar zaman selepas Yesus sebagai “Perjanjian Baru” manakala zaman sebelum kelahiran Yesus digelar sebagai ‘Perjanjian Lama”.

(IV) KANON, APOKRIFA, PSEUDOPIGRAFA

Apa yang disebut “Kanon” ialah perkataan Tuhan yang diakui. Perkataan “Kanon” datang daripada bahasa Sem zaman purba yang bererti buluh. Ia bermaksud piawaian kewibawaan untuk mengukur perkara-perkara lain. Apabila perkataan ini digunakan dalam Alkitab, ini bermakna kita dapat mencari perancangan Tuhan dan kehendakNya terhadap manusia dalam penulisan yang berbeza dengan pernyataan-pernyataan khusus yang lain. Oleh itu, hanya Kanon sahaja yang boleh dimuatkan dalam Alkitab.

(A) Perjanjian Lama

1. Faktor penilaian pembentukan Kanon Perjanjian Lama

Di luar Kanon, setelah berakhirnya zaman Perjanjian Lama, dan sebelum bermulanya zaman Perjanjian Baru, terdapat ramai orang yang memalsukan gerakan Roh Tuhan dan menuliskan banyak penulisan yang digelar sebagai Apokrifa (juga digelar sebagai Deuterokanonika, Kitab Kedua). Catatan di dalam penulisan-penulisan tersebut adalah lebih kepada firman yang tidak murni ataupun ajaran sesat dan siapa penulisnya juga kebanyakannya tidak dapat dikenalpasti. Walaupun Septuaginta mengandungi Apokrifa, namun ianya tidak terdapat dalam Perjanjian Lama Ibrani. Puncanya ialah ia tidak bertepatan dengan piawaian yang digunakan oleh Yudaisme dalam menilai

Kanon. Apakah pertimbangan yang diambil oleh Yudaisme dalam menilai Kanon? Senarainya adalah seperti berikut:

- (1) Adakah kitab ini ditulis oleh nabi yang menerima gerakan Roh Tuhan?
- (2) Adakah pengajarannya bersesuaian dengan hukum taurat Tuhan tradisional?
- (3) Adakah ia sesuai untuk dibaca dan boleh digunakan untuk mengajar di dalam ibadah umum di bait suci dan gereja?
- (4) Adakah ia setia memuji perbuatan agung Tuhan di kalangan Israel?
- (5) Adakah ia mengingatkan orang Israel supaya tidak melupakan tanggungjawab yang dinyatakan oleh Tuhan dalam perjanjian?

Martin Luther yang menggerakkan Reformasi Agama pada tahun 1517 pernah menggunakan Apokrifa. Namun dia tidak berpendapat bahawa Apokrifa tersebut mempunyai kewibawaan yang mutlak. Pada masa ini, gereja ini dan semua gereja Kristian masing-masing tidak mengiktiraf Apokrifa ini. Sebab utamanya adalah seperti berikut:

- (1) Orang Yahudi tidak pernah menganggapnya sebagai sebahagian daripada perkataan Tuhan dalam Perjanjian Lama.
- (2) Tuhan Yesus tidak pernah memetik daripada kitab tersebut, begitu juga dengan para rasul.
- (3) Sejarahwan Yahudi, Yosef ben Matityahu sangat menafikannya.
- (4) Gereja zaman awal juga tidak mengiktiraf penulisan ini mempunyai kewibawaan Alkitab.

Berdasarkan faktor-faktor di atas, adalah dipercayai bahawa Kanon "Alkitab Perjanjian Lama" yang diiktiraf di seluruh dunia ini telah disunting dan dihasilkan di bawah pimpinan Tuhan.

Selain itu, Alkitab Perjanjian Lama juga ada menyebut tentang beberapa kitab. Contohnya: "kitab peperangan TUHAN" (Bil 21:14), "Kitab Orang Jujur" (Yos 10:13), "kitab riwayat Salomo" (1 Raj 11:41), "kitab sejarah raja-raja Israel" (1 Raj 14:19), "kitab sejarah raja-raja Yehuda" (1 Raj 14:29), "hak-hak kerajaan" (1 Sam 10:25), "riwayat Samuel, pelihat itu", "riwayat nabi Natan", "riwayat Gad, pelihat itu" (1 Taw 29:29), "nubuat Ahia, orang Silo itu", "penglihatan-penglihatan Ido, pelihat itu" (2 Taw 9:29), "riwayat Semaya, nabi itu" (2 Taw 12:15), "riwayat Yehu bin Hanani" (2 Taw 20:34), "riwayat Uzia, ditulis oleh nabi Yesaya" (2 Taw 26:22), "syair ratapan" (perhatian: syair ratapan yang dibuat oleh Yeremia mengenai Yosia. Ratapan yang sedia ada tidak menyebut tentang Yosia) (2 Taw 35:25), "tiga ribu amsal, seribu lima nyanyian dan penulisan-penulisan yang membincangkan tentang sejarah alam semulajadi oleh Salomo" (mungkin pernah ada koleksi) (1 Raj 4:32-33) dan lain-lain. Namun, ia hanyalah petikan dan tidak ada keperluan untuk dimasukkan ke dalam Kanon.

2. Pembentukan Kanon Perjanjian Lama

(i) Kedudukan kitab hukum “Taurat” (Torah, “lima wadah“ atau “lima gulungan”)

Alkitab mencatatkan Tuhan berbicara kepada Musa dengan berhadapan muka (Kel 33:11) lalu Musa menuliskan segala firman Tuhan itu (Kel 24:4; Ul 31:9). “*Ketika Musa selesai menuliskan perkataan hukum Taurat itu dalam sebuah kitab sampai perkataan yang penghabisan, maka Musa memerintahkan kepada orang-orang Lewi pengangkut tabut perjanjian TUHAN, demikian: ‘Ambilah kitab Taurat ini dan letakkanlah di samping tabut perjanjian TUHAN, Allahmu, supaya menjadi saksi di situ terhadap engkau.’*” (Ul 31:24-26). Seluruh orang Israel harus mendengar pembacaan hukum Taurat ini (Ul 31:11), raja-raja pada masa hadapan juga perlu menyuruh menulis salinan hukum ini untuk dijadikan sebagai piawaian dalam melaksanakan penghakiman dan membuat keputusan (Ul 17:18-20).

Manuskrip Musa mungkin pernah disunting oleh Eleazar atau pemimpin awal Israel dan kemudiannya dijadikan hukum Taurat yang berwibawa bagi Israel. Pada tahun 622 SM (kira-kira tahun ke-18 raja Yosia), imam besar Hilkia mendapati kitab ini (Taurat Musa) ataupun hanya sebahagian daripadanya di dalam bait suci (2 Raj 23:25). Raja Yosia juga mengakui kedudukan kewibawaannya, dia menganggapnya sebagai perkataan Tuhan dan menurutinya dengan segenap hati dan dengan segenap kekuatan (2 Raj 22:3-23:25).

Selepas Musa, Tuhan juga menunjukkan perintah dan permintaanNya melalui pewarisnya, Yosua. Sama seperti Musa, Yosua juga menuliskannya dalam kitab Taurat Tuhan. Yosua juga dipesan untuk merenungkan kitab Taurat siang dan malam. Alkitab juga mencatatkan “tidak ada sesuatu yang diabaikannya dari segala yang diperintahkan TUHAN kepada Musa” (Yos 1:8, 11:15). Pada zaman hakim-hakim, masih terdapat bangsa asing di wilayah Kanaan dan kawasan sekitarnya. Ini bertujuan untuk “mencobai orang Israel dengan perantaraan mereka untuk mengetahui, apakah mereka mendengarkan perintah yang diberikan TUHAN kepada nenek moyang mereka dengan perantaraan Musa” (Hak 3:4).

Selain itu, Tuhan juga pernah memerintahkan agar menyediakan satu salinan hukum Taurat menurut kitab kepada raja yang dilantik (Ul 17:18). Dalam keseluruhan zaman raja-raja, takdir raja-raja adalah berkait rapat dengan sikap mereka terhadap hukum Taurat. Saul (1 Sam 15), Daud (1 Raj 3:14, 9:4, 11:34,38), Salomo (1 Raj 2:3, 8:56-61; 2 Taw 8:13), Yerobeam (1 Raj 14:7-20), Asa (2 Taw 14:4), Yosafat (2 Taw 17:9), Yoyada (2 Taw 23:18, 24:6), Amazia (2 Raj 14:6; 2 Taw 25:4), Hizkia (2 Raj 18:6; 2 Taw 30:16), Manasye (2 Raj 21:2-18); Yosia (2 Raj 23:3-30; 2 Taw 34:14-33). Perbuatan mereka semua dinilai dengan piawaian ini. Penawanan merupakan hasil melanggar hukum (2 Raj 17:7-18; 2 Taw 33:8; Dan 9:11; Neh 1:7-9, 9:14-30). Orang-orang yang

ditawan dapat pulang juga kerana taat kepada hukum Taurat (Ezr 3:2, 6:16; Neh 8:1-8, 10:28, 13:1).

Kira-kira 400 tahun SM, menurut apa yang diperintahkan oleh Tuhan, ahli kitab Ezra bukan sahaja membawa pulang kitab hukum Taurat Tuhan dari Babel (Ezr 7:17), bahkan membacakannya untuk didengarkan oleh semua semasa berkumpul. Undang-undang dan ajaran yang terkandung di dalam kitab hukum Taurat telah lama mempunyai kedudukan yang berwibawa dalam kehidupan orang-orang Israel, sehinggakan secara logiknya ia dimasukkan ke dalam skop koleksi Kanon.

(ii) Koleksi “kitab nabi-nabi”

Hukum Taurat Musa sentiasa mempunyai kedudukan yang paling utama sepanjang sejarah orang Israel. Namun wahyu Tuhan tidak berhenti setakat Musa. Musa juga bernubuat bahawa seorang nabi akan dibangkitkan untuk mengatakan perintah Tuhan (Ul 18:15-19). Dia juga menyenaraikan prinsip-prinsip untuk mengenalpasti nabi supaya nabi palsu dapat didedahkan dan dihapuskan (Ul 13:1-5, 18:20-22).

Bermula dengan Samuel, ramai nabi telah muncul - Elia, Elisa, Amos, Hosea sehingga ke Maleakhi dan lain-lain lagi. Mereka semua meninggalkan penulisan yang abadi. Dalam sejarah wahyu, mereka juga mempunyai kedudukan yang hampir sama penting dengan Musa.

Skop penulisan para nabi ini adalah sangat luas, termasuklah semua sejarah Israel bermula dari Daud hingga ke masa penawanan (1 Taw 29:29; 2 Taw 9:29). Oleh sebab banyaknya pelbagai penulisan ini, apabila sampai ke zaman Daniel, “kitab” (books, kata jamak) ini meliputi “kitab nabi-nabi” dan “hukum Taurat Musa” (Dan 9:2,6,11).

Orang-orang yang takut akan Tuhan dalam Israel mengiktiraf dan menerima perkataan nabi (selalunya dimulakan dengan “Beginilah firman TUHAN”) sebagai perkataan Tuhan yang kudus. Semasa sebahagian daripada mereka masih berada di dalam dunia, sudah ada orang yang mula mengumpulkan bahagian-bahagian daripada mesej mereka. Contohnya: Yeremia sendiri (Yer 36) memberi tunjuk ajar kepada orang untuk menuliskan perkataan Tuhan yang kudus. Orang lain juga mungkin akan berbuat demikian (Yes 8:16).

Dalam penulisan nabi-nabi, para nabi selalunya saling mengambil petikan dan saling mengajar. Contoh: nabi Daniel pernah memetik perkataan Yeremia, nabi sebelumnya dan berkata: “aku, Daniel, memperhatikan dalam kumpulan kitab ... yang menurut firman TUHAN kepada nabi Yeremia...” (Dan 9:2), nabi Zakharia memetik pengajaran para nabi sebelumnya (Za 1:4-6, 7:7,12), Mikha, nabi zaman awal juga dirujuk oleh para tua-tua negeri sebagai yang berwibawa (Yer 26:17).

Apa yang perlu diberikan perhatian khusus di sini ialah Talmud (hukum Taurat kuno dan Kod Genetik Yahudi). Gulungan kitab yang mencatatkan tentang kepercayaan Yudaisme zaman kuno dan menyebut: “semenjak nabi-nabi terakhir mati, Haggai, Zakharia, dan Maleakhi, maka Roh Kudus pergi meninggalkan Israel.” Ini jelas menunjukkan bahawa sejak itu sehinggalah dengan berakhirnya Yesus, tidak ada lagi kata-kata nabi. Oleh yang demikian, selepas tamatnya pekerjaan nabi Maleakhi, tidak ada lagi gulungan kitab yang ditambahkan ke dalam Kanon.

Oleh sebab Tuhan sering menyampaikan kehendak Tuhan melalui nabi, maka kitab nabi-nabi juga harus disenaraikan dalam skop koleksi Kanon. Pada tahun 180 SM, buku “Wisdom of Sirach” atau “Book of Ecclesiasticus” yang ditulis oleh Yeshua ben Sirach pernah memetik daripada 12 kitab nabi-nabi kecil (The Minor Prophets / Twelve Prophets). Bukan sahaja urutannya semua sama seperti hari ini, bahkan (Mal 4:5,6) juga muncul dalam artikel tersebut. Urutan dan isi kandungan dalam terjemahan Septuaginta yang disiapkan sebelum kedatangan Tuhan juga semuanya sama dengan hari ini.

(iii) Koleksi penulisan

Dalam kalangan orang Yahudi, terdapat banyak karya yang tidak termasuk dalam hukum Taurat dan kitab nabi-nabi yang juga diedarkan dengan cara yang sama. Contohnya, dalam Pentaksiran Alkitab Babel dan Yahudi, munculnya isi kandungan penulisan Mazmur, Ayub, Amsal, Daniel dan sebagainya. Sehinggalah akhir abad pertama AD (atau awal abad kedua), ada yang terfikir untuk memilih sebahagian daripada karya sastera ini untuk diiktiraf sebagai kitab Kanon. Pada ketika itu, di bawah bimbingan para rabbi di The Council of Jamnia, mereka memulakan tugas ini bersama dengan para rabbi dari pelbagai tempat. Sehinggalah pada abad ketiga, kedudukan penulisan sebelas buku dalam bahagian ketiga kitab Ibrani (Nota: sama sepenuhnya dengan kitab Perjanjian Lama pada hari ini) dikenalpasti (rujuk butir KEENAM.1.II.C.).

(B) Perjanjian Baru

1. Kanon

(i) Faktor penilaian pembentukan Kanon Perjanjian Baru

Dalam beberapa abad ini, pemilihan karya sastera yang berwibawa dan akhirnya dijadikan sebagai Kanon di gereja mempunyai tiga piawai rujukan berikut:

- a) Tahap penerimaan dan penggunaan karya tersebut di dalam gereja.
- b) Isi kandungannya tidak melanggar pengajaran tradisional gereja.
- c) Akar umbinya mestilah daripada tradisi para rasul (iaitu dituliskan oleh seorang rasul atau orang yang diberikan kewibawaan).

Secara umumnya, memang bukan perkara yang mudah untuk memilih sebahagian daripada karya yang banyak lalu mengiktirafnya sebagai Kanon manakala yang lain pula dipandang sebagai Apokrifa. Namun, sememangnya terdapat perbezaan antara perkataan Tuhan dan perkataan manusia. Maka, berdasarkan prinsip-prinsip di atas, masih terdapat piawaian yang optimis untuk mengenalpasti kesahihan semasa membuat pilihan. Piawaian tersebut boleh dikategorikan kepada tiga seperti berikut:

- Kewibawaan rasul

Pada masa itu gereja banyak bergantung kepada para rasul. Ini kerana para rasul ialah saksi yang dipilih oleh Kristus dan diutus untuk menjadi saksiNya yang berwibawa. Memandangkan mereka mempunyai identiti ini, maka mereka menerima janji, mendapat ilham Roh Kudus yang memimpin mereka ke dalam seluruh kebenaran (Yoh 16:12-16). Dalam karya (surat-surat) mereka, mereka mendakwa bahawa mereka memberitakan firman dari Tuhan melalui wahyu. Oleh sebab gereja (jemaat) dapat melihat kewibawaan Kristus dalam pengajaran mereka, maka mereka dibangun di atas “pengajaran rasul-rasul” (Kis 2:42; Ef 2:20). Oleh yang demikian, mereka melihat kesusasteraan para rasul dengan pandangan yang berbeza. Ini dapat dinyatakan dengan jelas daripada perbincangan gereja zaman awal mengenai apakah Ibrani termasuk dalam Kanon dan perihal menolak surat-surat hasil tulisan bukan rasul yang lain.

Walaupun terdapat beberapa kitab seperti Injil Markus, Injil Lukas dan Kisah Para Rasul yang bukan ditulis oleh rasul dalam Perjanjian Baru, namun oleh sebab penulis-penulis tersebut mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan para rasul (contohnya: Markus mengikuti Petrus, Lukas mengikuti Paulus), atau karya tersebut jelas memberitakan pengajaran yang bertepatan dengan tradisi rasul (contohnya: Ibrani dengan Yakobus dan Yudas yang ditulis oleh saudara Yesus, Yakobus dan Yudas. Yakobus kemudiannya menjadi penilik jemaat di Yerusalem.), maka mereka juga mempunyai kewibawaan rasul.

- Pengiktirafan gereja zaman awal

Petrus meletakkan penulisan Paulus bersama dengan “tulisan-tulisan yang lain” (Nota: merujuk kepada Perjanjian Lama) (2 Ptr 3:15-16). Dalam kebaktian ibadah gereja zaman awal, selain selalu memetik daripada Perjanjian Lama, surat-surat Perjanjian Baru juga dibacakan secara terbuka di dalam gereja (1 Tes 5:27; Kol 4:16; Why 1:3; 1 Tim 4:13), sama seperti menghormati perkataan Tuhan dalam Perjanjian Lama. Inilah prinsip mereka dalam mengiktiraf dan mentaati kewibawaan.

- Kemurnian doktrin

Piawaian terakhir bagi kitab-kitab Perjanjian Baru disenaraikan di dalam Kanon ialah doktrinnya haruslah murni, terutamanya ia tidak boleh ada konflik dan percanggahan dengan Perjanjian Lama dan pemberitaan lisan para rasul serta tiada perihal yang tidak bermoral.

(ii) Pembentukan Kanon Perjanjian Baru

(a) Kemunculan dan penyuntingan kitab Injil

Gereja merasakan bahawa sejarah Yesus dan kata-kataNya dicatatkan kerana gerakan Roh Kudus, maka ianya ada kewibawaan (contohnya: Mat 28:18-20; Kis 1:6-8 catatan tentang kebangkitan Kristus). Oleh yang demikian, kitab Injil harus disenaraikan di dalam Kanon.

Penulis Injil Lukas dan Kisah Para Rasul memberitahu kita bahawa semasa dia memulakan penulisannya, pada hakikatnya banyak orang telah berusaha menyusun suatu berita (Luk 1:1-2). Namun mengapa akhirnya hanya empat laporan sahaja yang dimasukkan ke dalam Kanon Alkitab? Ini merupakan satu soalan yang susah untuk dijawab. Jawapannya berkemungkinan adalah bahawa setiap empat nota ini telah diedarkan secara berasingan di tempat-tempat yang berbeza di gereja zaman awal, dan secara beransur-ansur ianya dianggap sebagai penulisan yang berwibawa.

Penerimaan umum keempat-empat kitab Injil mungkin merupakan proses yang sangat perlahan. Umumnya, gereja-gereja zaman awal rata-ratanya lebih menyukai laporan lisan mengenai Yesus dan para rasul. Kira-kira tahun 130M, Papias berkata: “Bagi saya, perkara yang dipelajari daripada peristiwa hidup adalah lebih berguna berbanding apa yang dipelajari daripada buku.” Apa yang dikatakan di sini bermaksud apa yang dipelajari daripada orang-orang yang mempunyai hubungan awal dengan rasul adalah lebih berguna.

Penulis gereja zaman awal (contohnya Clement of Rome dan Ignatius) kadang-kadang juga memetik maklumat yang sama dengan yang dipetik dalam empat Injil. Justin Martyr yang mati syahid (mati pada kira-kira tahun 285M) beranggapan bahawa Injil merupakan “memoir” para rasul dan mereka yang mengikuti rasul-rasul. Dia percaya bahawa perkataan dan perbuatan Yesus di dunia dicatatkan secara berwibawa dalam kitab Injil. Dia menceritakan bahawa dalam zamannya, semasa upacara ibadah gereja, memoir seperti kitab nabi-nabi dalam Perjanjian Lama ini dibacakan secara meluas.

“Diatessaron” merupakan rujukan bagi kitab-kitab Injil yang ditulis oleh Tatian, orang Siria (kira-kira tahun 170 M). Ini menunjukkan bahawa keempat-empat kitab Injil ini mempunyai kedudukan yang sangat baik dalam era itu. Kira-kira tahun 180 M, masa zaman Irenaeus, dia memberikan satu pernyataan yang sangat bersesuaian dengan keempat-empat kitab Injil: “oleh sebab terdapat empat jenis angin dan empat orientasi arah, maka perlu adanya empat kitab Injil.” Tidak kira pernyataannya betul atau tidak, pada abad kedua dan seterusnya, “kitab Injil” yang mengandungi teologi ajaran sesat, pengetahuan misteri Gnostisisme, cerita-cerita fantasi dan legenda-legenda bangsa asing yang ditokok-tambah muncul dalam gereja. Mereka telah menghapuskan semuanya dan ini memang tepat. Dari keputusan yang terakhir, keempat-empat kitab Injil Matius, Markus, Lukas dan Yohanes, nampaknya ia membuat penerangan berdasarkan empat ciri yang berbeza bagi Yesus - singa (raja), lembu (hamba), manusia (manusia sempurna) dan burung nazar (Anak Tuhan) (Yeh 1:10; Why 4:6,7). Proses penyuntingan pemercaya-pemercaya kuno benar-benar ajaib.

(b) Koleksi surat Paulus

Surat-surat Paulus dianggap sebagai penulisan yang mempunyai ilham Tuhan oleh ramai pembaca pada masa itu. Apa yang dikatakan dan dituliskan oleh dia dan para rasul semuanya adalah “berkata-kata tentang karunia-karunia Allah dengan perkataan yang bukan diajarkan kepada kami oleh hikmat manusia, tetapi oleh Roh” (1 Kor 2:13). Perintah mereka ada kewibawaan Tuhan, penulisan mereka merupakan koleksi catatan perintah-perintah ini (1 Tes 4:2; 2 Tes 2:15). Tulisan-tulisan ini harus dibaca secara terbuka dalam kebaktian gereja selari dengan pembacaan Perjanjian Lama. Oleh itu, pastinya ada orang yang menyalin, mengumpul dan menguruskan surat-suratnya.

Tidak dapat diketahui siapa yang paling awal mengumpul surat-surat Paulus. Terdapat spekulasi yang mengatakan bahawa orangnya berkemungkinan ialah Onesimus, hamba Filemon yang melarikan diri kerana bersalah kepada tuannya. Dia berterima kasih kepada Paulus yang berjasa kepadanya lalu mengumpul surat-surat Paulus sekitar tahun 90 M. Namun spekulasi ini sememangnya tidak dapat disahkan.

Pada hujung abad pertama, Clement of Rome beranggapan bahawa I Korintus merupakan “penulisan yang benar-benar diilhamkan”. Dia juga beranggapan bahawa surat-surat Paulus seharusnya mempunyai kewibawaan yang sama dengan Perjanjian Lama. Pada awal abad kedua, semasa Ignatius menulis surat kepada jemaat Efesus, dia berkata bahawa Paulus “dalam setiap suratnya ada mencatatkan tentang mengingati kamu dalam Kristus Yesus”. Ini bermaksud Ignatius telah mengenali satu koleksi surat Paulus pada masa itu.

Marcion yang sangat tidak bersetuju dengan Perjanjian Lama telah menerbitkan koleksi surat Paulus yang disunting olehnya sendiri pada sekitar tahun 140 M. Ini menunjukkan bahawa mengumpul surat-surat Paulus merupakan sesuatu perkara yang sangat biasa dalam gereja zaman Marcion.

(c) Pembentukan gulungan-gulungan lain dalam Perjanjian Baru

Pada abad pertama Masehi, terdapat kira-kira 300 buku lain yang berkaitan dengan gereja muncul. Namun kebanyakan isi kandungannya mengandungi ajaran sesat atau fantasi dan gereja Kristian ortodoks enggan menerima mereka. Paulus juga pernah memberi amaran kepada jemaat di Tesalonika kerana terdapat surat yang dikatakan dari dia telah diedarkan (2 Tes 2:2), mereka perlu memberi perhatian semasa membacanya.

Selepas ujian masa, Bapa Gereja, Ireneus, Tertullian dan Clement dari Alexandria (ketiga-tiganya hidup dalam hujung abad kedua) bersetuju dengan kewibawaan kitab-kitab berikut: empat kitab Injil, tiga belas surat Paulus, Kisah Para Rasul, 1 Petrus, 1 Yohanes, Wahyu. Kewibawaan Ibrani, Yakobus, 2 Petrus, 2 Yohanes, 3 Yohanes dan Yudas tidak mendapat keputusan yang sepakat dalam kalangan pemimpin gereja zaman awal. Kewibawaan Wahyu pula masih menjadi kontroversi di beberapa tempat (terutamanya gereja-gereja di sebelah Timur). Walau bagaimanapun, selepas tahun 400 AD, gulungan-gulungan awal dalam Perjanjian Baru telah diterima secara meluas dan mempunyai kedudukan yang berwibawa.

Beberapa kitab juga telah disebarikan secara meluas dalam tempoh ini, tetapi pada akhirnya mereka tidak diterima sebagai Kanon Perjanjian Baru. Contohnya 1 Klemens, Gembala Hermas, surat-surat Barnabas, Didache dan Wahyu Petrus.

(d) Kepastian Kanon Perjanjian Baru

Selepas Tuhan Yesus disalibkan, gereja di pelbagai tempat pada awalnya hanya mengumpul gulungan kitab yang mereka sukai lalu disunting untuk digunakan. Kemudian, secara perlahan-lahan terdapat ramai orang yang mencuba untuk menyunting dan menyusun indeks “Kitab Lengkap Perjanjian Baru”. Marcion nampaknya merupakan orang pertama yang menyiapkan koleksi penulisan agama Kristian. Dia dari mazhab Gnostik. Dia tegas menolak Perjanjian Lama dan segala yang berkaitan dengan “Yudaisme”. Dia menyokong penggantian kedudukan Perjanjian Lama dengan “kitab Injil” (ringkasan Lukas) dan “Para Rasul” (sepuluh surat versi Paulus).

Bermula tahun 200 M, Bapa Gereja, Irenaeus dan lain-lain telah mempunyai pandangan yang sangat sepakat dengan kita pada hari ini berkenaan indeks suntingan Kanon. Namun gereja pada masa itu menghadapi penganiayaan besar daripada empayar Rom., terutamanya pada tahun 303 M, ketika Diocletian

menjadi maharaja, penganiayaan menjadi lebih serius. Dia pernah mencuba untuk membakar dan menghapuskan Alkitab semua agama Kristian. Oleh itu, kerja-kerja suntingan “Kanon” langsung tidak dapat dijalankan secara terbuka.

Sehingga tahun 325 AD, barulah Eusebius terlibat dalam kerja yang berhati-hati ini. Dia mempertimbangkan tentang bagaimana untuk membezakan gulungan-gulungan yang diiktiraf dan yang tidak diterima. Oleh itu, secara tegasnya, pengkanonan Perjanjian Baru boleh dikatakan telah bermula dari dia. Dia menandakan gulungan mana yang diiktiraf sebagai Kanon, gulungan mana yang masih ada kontroversi dan gulungan mana yang ditolak. Gulungan yang disenaraikan sebagai Gulungan kitab yang disebut oleh Athanasius dari Alexandria sebagai Kanon pada tahun 367 M telah terkandung dalam Perjanjian Baru kita kini. Pada zaman Bapa Gereja Jerome (tahun 340-420) dan Augustine (tahun 400), pengiktirafan mereka terhadap Kanon Perjanjian Baru adalah sama dengan 27 gulungan kitab Perjanjian Baru yang kita gunakan pada hari ini.

Perlu disebutkan di sini bahawa Kaisar Constantine mengeluarkan Dekri Milan dan menjadikan agama Kristian sebagai agama yang sah kerana dia menganuti agama Kristian. Dia juga melantik Eusebius sebagai penasihat utama agama. Selain itu, dia juga mengarahkan orang menyalin 50 set gulungan kitab lalu orang ramai mempunyai kebebasan yang secukupnya untuk melakukan pemilihan dan perbincangan Kanon secara terbuka. Pengesahan terakhir Kanon Perjanjian Baru telah disahkan dalam mesyuarat gereja di Rom (tahun 382), Hippo (tahun 393), Carthage (tahun 397, tahun 419), terutamanya selepas persidangan di Hippo Regius pada tahun 393 M. Ini kerana gereja pada umumnya telah mempunyai pandangan yang sama berkaitan Kanon pada masa itu, maka tidak ada pertikaian dan dengan sangat lancar sekali telah meluluskan secara rasminya 27 gulungan dalam Perjanjian Baru yang kita gunakan pada hari ini. Sudah tentu, penilaian manusia terlibat dalam proses menetapkan Kanon. Namun untuk mengenalpasti sama ada sesuatu itu adalah benar, mesti ada sesuatu yang nyata di sana untuk dikenalpasti. Pada dasarnya, ia memerlukan ilham daripada Tuhan.

Dari proses sejarah sebenar “penubuhan Kanon”, ayat berikut langsung tidak didapati dalam mesyuarat gereja, “kami telah mengkaji karya ini dan mendapati ianya sangat berharga, oleh itu, ia harus dimasukkan ke dalam Kanon.” Maka, pengisytiharan dalam mesyuarat gereja selalunya hanya membuat pengesahan rasmi gulungan-gulungan kitab yang telah diiktiraf sebagai Kanon oleh jemaah yang bertaburan di merata tempat. Walaupun kata-kata Tuhan tidak perlu diputuskan oleh keputusan mesyuarat gereja, namun memandang itu ialah perkataan Tuhan, apabila syarat-syaratnya dipenuhi, maka pastinya perkara tersebut akan berjaya dan mudah dipersetujui oleh semua.

2. Penulisan Bapa Gereja, Apokrifa, Pseudopigrafa

Di sini turut disebutkan, pada peringkat Perjanjian Baru dan Lama serta gereja zaman awal, terdapat banyak penulisan yang diedarkan di gereja pada masa itu. Berikut diterangkan secara ringkas untuk rujukan:

(i) Penulisan Bapa Gereja

Penilik jemaat yang ditetapkan oleh para rasul pada zaman rasul digelar sebagai Bapa Gereja (Church Father) dalam gereja Kristian umum pada kemudian hari. Kita juga menggunakan gelaran ini untuk sementara waktu. Tidak banyak penulisan mereka yang tersimpan sehingga hari ini. Isi kandungannya tertumpu kepada memberi dorongan kepada pemercaya pada masa itu dan ada yang memetik ayat-ayat daripada Perjanjian Baru. Penulisan-penulisan seperti ini yang berkaitan dengan Bapa Gereja boleh dianggap sebagai jambatan perantaraan antara zaman rasul dan gereja-gereja pada kemudian hari. Ia mengandungi nilai rujukan. Sebahagian daripadanya juga telah dimasukkan ke dalam manuskrip Alkitab Alexandria. Nama penulisan-penulisan Bapa Gereja yang terkenal termasuklah surat untuk orang Korintus (tulisan Clement), surat untuk orang Filipi (tulisan Polycarp), surat untuk orang Efesus (tulisan Ignatius), surat-surat untuk semua pemercaya (tulisan Barnabas), Fragments (tulisan Papias), Gembala Hermas (tulisan Hermas), Apology of Aristides (tulisan Aristides) dan sebagainya.

(ii) Apokrifa

(a) Asal Apokrifa

Apokrifa juga dikenali sebagai “Deuterokanonika”. Maksud asalnya ialah “buku tersembunyi” yang merupakan penulisan tersembunyi yang tidak dibaca secara terbuka oleh orang awam, hanya diedarkan di dalam organisasi-organisasi yang tertentu. Sebenarnya, penulisan-penulisan ini ditulis dalam tempoh antara seratus hingga dua ratus tahun sebelum dan selepas kelahiran Yesus. Beberapa orang yang mengambil berat tentang negara menuliskannya untuk mendorong, memberi inspirasi dan menghibur rakyat. Mereka mendorong rakyat untuk mempertahankan negara dengan minda yang tegas, setia kepada negara, memelihara ibadah kepada Tuhan, menjauhi kejahatan, bersyukur kepada perlindungan Tuhan atau mengharap kedatangan Mesias dan sebagainya. Sebahagian daripada Apokrifa ini secara umumnya dapat mencerminkan keadaan agama, politik dan sosial bagi tempoh antara Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru. Ia dapat memberikan kita maklumat latar belakang yang berkaitan bagi aspek-aspek tertentu dalam memahami catatan Perjanjian Baru. Walau bagaimanapun, oleh sebab ianya tidak ada pengesahan ilham dan kewibawaan nabi, maka tidak ada keperluan untuk mengkajinya sebagai karya klasik.

(b) Penulisan Apokrifa

Terdapat banyak sekali penulisan Apokrifa. Antara yang terkenal ialah 1 & 2 Edras, Tobit, Yudit, Kebijaksanaan Salomo, Eklesiastikus (Sirakh), Barukh, Nyanyian Tiga Anak Kudus, Susana, Dewa Bel dan Naga, Surat Nabi Yeremia, Doa Manasye, 1 & 2 Makabe, Tambahan pada Ester dan sebagainya.

(c) Sebab-sebab Apokrifa tidak disenaraikan dalam Kanon

Walaupun penulis-penulis Kristian di gereja zaman awal kadang-kala memetik daripada kitab-kitab ini dalam penulisan mereka, namun kita tidak dapat menerimanya sebagai Kanon kerana beberapa sebab yang berikut:

- (1) Kitab-kitab ini tidak dicatatkan dalam Kanon Perjanjian Lama bahasa Ibrani.
- (2) Yesus dan penulis-penulis Perjanjian Baru pernah banyak memetik daripada Perjanjian Lama, namun langsung tidak pernah memetik daripada Apokrifa. (Nota: butir ini perlu diberi perhatian khas. Terjemahan bahasa Yunani Perjanjian Lama (Septuaginta) iaitu kewibawaan yang digunakan oleh para rasul pada ketika itu ada mengandungi Apokrifa. Adakah ianya sama dalam zaman Perjanjian Baru, itu tidak diketahui. Namun jika ianya sedemikian, Yesus dan para penulis Perjanjian Baru sengaja tidak memetik daripadanya, maka ini lebih lagi bermakna).
- (3) Walaupun ianya mengandungi tidak sedikit pengajaran yang benar dan berharga, namun ia ada kesilapan dari segi kebenaran. Contohnya membenarkan orang bunuh diri dan berdoa untuk orang mati, kesalahan sejarah, legenda dan mitos. Dari isi kandungannya, kita dapat mengetahui dengan jelas bahawa ia tidak boleh diterima sebagai karya yang diilhamkan.
- (4) Ia menyebut bahawa Israel tidak mempunyai nabi pada masa itu, dan ia sendiri tidak mengaku telah diilhamkan oleh Tuhan.
- (5) Berdasarkan sebab-sebab di atas, orang Yahudi tidak pernah memandangnya sebagai sebahagian daripada firman Tuhan. Yesus dan para rasul juga tidak pernah memetik daripadanya. Josephus, sejarawan Yahudi bukan sahaja menafikannya, gereja zaman awal juga tidak pernah mengiktiraf bahawa ianya mempunyai kewibawaan Alkitab.

(d) Kesaksian sejarawan

(1) Josephus

Josephus dilahirkan pada tahun 37 M, iaitu kira-kira empat puluh tahun selepas kelahiran Yesus. Dia mungkin merupakan orang Yahudi yang paling menyerlah dan yang paling berilmu pada masa itu. Bapanya seorang imam dan ibunya ialah keturunan diraja Makabe. Dia telah menerima pendidikan yang paling cemerlang. Ketika berumur 16 tahun, dia mula mengkaji pelbagai mazhab Yudaisme secara terperinci dan telah menjalani kehidupan yang sunyi bersama dengan kaum Eseni selama tiga tahun. Ketika berumur 19 tahun, dia menyertai mazhab Farisi. Dalam perang Yahudi pada sekitar tahun 67 M, dia berperang dengan pasukan tentera Rom dan ditawan di Rom. Kemudian, dia diutus oleh orang Rom untuk menyampaikan berita Rom kepada orang-orang di negara itu. Selepas kejatuhan provinsi Yehuda, dia bertungkus-lumus dalam penulisannya lalu menghasilkan “Sejarah Kuno Orang Yahudi” (*Antiquities of the Jews*) dan “Sejarah Perang Yahudi” (*History of the Jewish War*) yang terkenal. Pada akhir abad pertama, iaitu pada masanya yang paling matang, dia menulis *Melawan Apion* kepada Apion, pakar tatabahasa dari Alexandria yang kuat menyerang orang Yahudi.

Dia merupakan calon yang paling sesuai untuk melaporkan tentang kepercayaan orang Yahudi. Dalam keadaan ini, dia tidak teragak-agak untuk memilih kata-kata yang paling tepat dan sesuai, di samping mengelakkan sebarang kejatuhan, supaya tidak disangkal oleh pihak yang lain. Apabila mempertahankan Alkitab orang Yahudi, dia menulis: “Apa yang kita ada bukannya beribu-ribu buah kitab yang menolak antara satu sama lain dan saling bercanggahan, tetapi hanyalah 22 buah kitab dengan catatan zaman-berzaman, yang dipercayai benar (sebagai yang suci) secara bersesuaian. Antara kitab-kitab ini, lima ialah kitab Musa yang mengandungi hukum Taurat dan tradisi sejak manusia diciptakan sehingga kepada kematian dia (Musa). Tempoh ini mengambil masa hampir tiga ribu tahun. Dari kematian Musa sehingga kepada raja Artaxerxes (iaitu pewaris kepada Xerxes, raja Persia), penulisan nabi-nabi yang meneruskan tulisan Musa ada 13 buah kitab. Baki 4 buah kitab lagi termasuk Mazmur kepada Tuhan dan nasihat-nasihat yang mengajar tentang bagaimana orang harus hidup dan berperilaku. Dari Artaxerxes hingga zaman kita, semua perkara juga ada dicatatkan. Namun ianya tidak dianggap mempunyai kedudukan yang sama seperti kitab-kitab sebelumnya kerana kesinambungan nabi telah berhenti. Dari tindakan kita, kita dapat melihat keyakinan kita terhadap penulisan ini. Walaupun masa telah berlalu begitu lama, tetapi tiada siapa yang berani untuk menambah, memadamkan atau mengubah apa-apa di dalamnya. Semua orang Yahudi secara naluri mengakui

ia sebagai perintah Tuhan sejak dari hari mereka dilahirkan dan bertekad untuk mematuhi, bahkan rela mati deminya jikalau perlu.” (Nota: dipetik daripada *Journal of Biblical Literature*, 69(1950), p.186. Rujuk juga A. Bentzen, *Old Testament Introduction*, I (Copenhagen, 1958), p. 97).

Dari kata-kata Josephus, beberapa butir berikut perlu diberi perhatian khusus:

- Dia membuat perbezaan yang jelas di antara kitab-kitab Kanon dan bukan Kanon.
- Dia amat jelas dan pasti tentang tarikh yang tepat berakhirnya Kanon. Raja Artaxerxes memerintah untuk kira-kira 40 tahun, dari tahun 465 SM sehingga 425 SM. Ezra pulang ke Yerusalem pada tahun ke-7 pemerintahannya manakala Nehemia pula pada tahun ke-20 (Ez 7:1,8; Neh 8:1). (Nota: nabi-nabi zaman akhir Alkitab Perjanjian Lama seperti Ezra, Nehemia dan Maleakhi rata-ratanya menyelesaikan pekerjaan mereka dalam tempoh ini)

(2) Philo

Pada separuh pertama abad pertama, adanya Philo yang menulis. Ilmu dan pengetahuannya adalah setanding dengan Josephus. Dia mempunyai ilmu yang sangat mendalam, amat fasih tentang pengetahuan orang Ibrani dan mempunyai pandangan yang sama. Dia mempunyai kedudukan yang tinggi di kota Alexandria. Dia dipilih sebagai duta ke Rom untuk membela orang Yahudi di depan raja Caligula, menyangkal tuduhan Apion dan orang lain. Bapa Gereja, Eusebius pernah memetik kata-kata Philo dengan mengatakan orang Yahudi “tidak pernah mengubah apa-apa perkataan yang dituliskannya (Musa). Mereka rela mati sepuluh ribu kali daripada tunduk kepada apa jua kata-kata yang melanggar etika hukum Tauratnya.” (Nota: dipetik daripada R. D. Wilson, *A Scientific Investigation of the Old Testament* (London, n. d.) chapter 2)

(e) Asal-usul Apokrifa disenaraikan dalam Alkitab agama Roman Katolik

Semasa Reformasi Agama, pemercaya Protestan menggunakan firman Tuhan sebagai dasar kempen Reformasi Agama. Oleh itu, mereka menafikan Apokrifa sebagai sebahagian daripada firman Tuhan, sama seperti gereja zaman awal dan orang Yahudi. Pada tahun 1546, Council of Trent agama Katolik (Nota: majlis ini bertujuan untuk melawan Reformasi Agama dan tanpa penyertaan pakar Ibrani) mengumumkan Apokrifa sebagai sebahagian daripada Alkitab. Apokrifa masih disenaraikan dalam Alkitab yang mereka gunakan pada hari ini. (Nota: Perjanjian Lama gereja Katolik ada 46 gulungan (mengandungi 7 gulungan Apokrifa), Perjanjian Lama gereja Ortodoks Timur ada 45 gulungan (mengandungi 6 gulungan Apokrifa), iaitu tidak ada lampiran “Barukh” Perjanjian Lama gereja Katolik). Gereja Roman Katolik menerimanya atas sebab doktrin. Apokrifa menyokong amalan mereka yang berdoa untuk orang mati.

Secara kesimpulannya, pemahaman orang Yahudi Ortodoks, Jerome dan ahli-ahli Reformasi Agama terhadap Kanon Perjanjian Lama adalah tepat. Percobaan teologi Roman atau liberal untuk menyamakan Kanon Yahudi dengan Apokrifa adalah salah.

(iii)Pseudopigrafa

Pseudopigrafa juga digelar sebagai Wilder Apocrypha. Makna asalnya ialah “kitab nama palsu”. Namun gereja Katolik menggelar “Pseudopigrafa” sebagai “Apokrifa” manakala “Apokrifa” pula digelar sebagai “Deuterokanonika”. Pseudopigrafa telah muncul sejak antara dua perjanjian, terutama antara tahun 200 SM dan 200 M, dan terus wujud hingga abad keenam. Sebahagian daripadanya ialah cerita-cerita legenda, sebahagian pula ialah penglihatan dan mimpi yang berbentuk wahyu. Tujuannya adalah untuk membantu orang-orang Yahudi memelihara iman kepercayaan mereka semasa menghadapi masa-masa yang sangat sukar.

Kebanyakan Pseudopigrafa adalah bersifat nubuat. Ia merupakan injil, kisah dan surat yang dipalsukan. Kebanyakan isi kandungannya merupakan cerita-cerita fiksi yang penuh dengan fantasi atau cerita tentang kehidupan Kristus Yesus dan rasul-rasul yang tidak masuk akal. Ia secara palsu mendakwa mempunyai kewibawaan yang suci. Beberapa peristiwa yang terkandung di dalamnya adalah aneh dan mempunyai doktrin yang jelas salah. Oleh itu, ia tidak pernah diakui sebagai klasik.

Selain itu, ia juga selalu menggunakan nama-nama orang hebat Israel pada masa lalu. Contohnya mendakwa ia dituliskan oleh Adam, Henokh, Musa dan Ezra. Oleh itu, ia mendapat nama Pseudopigrafa. Mereka mendakwa bahawa penglihatan dalam buku mereka dilihat oleh mereka sendiri. Memang ia merupakan suatu kerja yang sangat sukar bagi gereja zaman awal untuk membezakan mana yang benar dan mana yang palsu daripada himpunan kitab palsu yang banyak ini. Dikatakan bahawa kebanyakan teori Kristus yang diperoleh oleh Muhammad berasal daripada kitab-kitab Pseudopigrafa ini. Pseudopigrafa yang utama ialah: 1 & 2 Henokh, Wasiat Dua Belas Patriarkh, Kitab Yobel, Yesaya Mati Syahid, Pengangkatan Musa ke Syurga, Pesanan Ayub, Kelahiran Maria, Injil Tomas dan lain-lain lagi.

Isi kandungan dan makna berkenaan Alkitab, penulisan Bapa Gereja, Apokrifa dan Pseudopigrafa adalah seperti yang diterangkan di atas. Ringkasnya, Alkitab ialah “perkataan Tuhan”, penulisan Bapa Gereja dan Apokrifa ialah “perkataan manusia” manakala Pseudopigrafa pula ialah “mitos”.

(V) PENYUNTINGAN ALKITAB

1. Perjanjian Lama

Prinsip penyuntingan bagi Kanon Perjanjian Lama telahpun dibincangkan. Namun, bilakah dan siapakah yang menyunting gulungan-gulungan kitab dalam Alkitab Perjanjian Lama sehingga ianya dibukukan? Oleh sebab tahun-bertahun telah berlalu dan kekurangan bahan sastera, ia tidak lagi tersedia untuk dikaji. Namun menurut warisan orang Yahudi, pada akhir zaman Alkitab Perjanjian Lama, iaitu pada zaman Ezra, Orang Yahudi pernah menubuhkan Sanhedrin. Ezra bukan sahaja merupakan seorang ahli kitab yang mahir, dia juga merupakan keturunan imam. Dia berperanan sebagai pemulih agama, dia juga pasti memainkan peranan yang penting dalam penyuntingan Klasik. Kita boleh bayangkan, selain menyediakan manuskrip hukum Taurat Musa yang tepat dan jelas, pastinya dia juga secara bersistematiknya mengumpul dan menguruskan catatan tentang peristiwa-peristiwa Tuhan melaian Israel dan karya para nabi di samping menyunting Mazmur yang berwibawa untuk bait suci yang kedua. Oleh itu, diyakini bahawa Kanon Perjanjian Lama adalah disunting oleh Ezra, dan ketepatannya juga tinggi. Pada masa itu, dia mengumpul Klasik untuk sebab-sebab berikut:

- (1) Menjadikan Klasik sebagai panduan dan bimbingan, membina semula kehidupan keagamaan umat.
- (2) Memelihara Kebenaran Tuhan supaya kehidupan keagamaan umat dapat diteruskan dari generasi ke generasi.
- (3) Pada peringkat tidak ada pewaris bagi kehidupan keagamaan baru dan lama, dikhuatiri ada orang yang memalsukan Klasik sesuka hati. Oleh itu, perlu adanya satu set Klasik yang sempurna dan diiktiraf.
- (4) Beranggapan wahyu Tuhan mungkin akan semakin berkurang (1 Sam 3:1; Am 8:1) atau berhenti. Jadi ia perlu dikumpul dan diuruskan secepat mungkin.

Menurut kajian ahli sejarah Yahudi, Josephus (tahun 38-100 M), Kanon Alkitab Perjanjian Lama telah disunting menjadi kitab kecil sekitar tahun 400 SM, kenyataan ini amat munasabah. Selain itu, Yesus juga telah memberikan tafsiran yang sangat baik tentang suntingan isi kandungan seluruh Perjanjian Lama. Sebelum terangkat ke syurga, ketika Dia menampakkan diriNya kepada murid-murid, Dia menyebut “harus digenapi semua yang ada tertulis tentang Aku dalam kitab Taurat Musa dan kitab nabi-nabi dan kitab Mazmur” (Luk 24:44), bertepatan dengan tiga bahagian yang melengkapkan Kanon Perjanjian Lama - “kitab Taurat”, “kitab nabi-nabi” dan “Mazmur”. Oleh itu, dapat dilihat bahawa Yesus telah memandangi Alkitab Perjanjian Lama yang terdiri daripada tiga bahagian ini sebagai Kanon yang berwibawa (Yoh 10:35).

2. Perjanjian Baru

Isi kandungan suntingan utama Alkitab Perjanjian Baru terbahagi kepada dua: satu ialah kitab Injil yang mencatatkan riwayat, pertuturan dan perbuatan Yesus manakala yang satu lagi mencatatkan kisah-kisah para rasul dan surat-surat untuk meneguhkan pemercaya. Butiran utama penyuntingan dijelaskan di bawah:

A. Kitab Injil

Tuhan Yesus tidak mempunyai penulisan di dunia. Namun mesej yang disebarkanNya digelar sebagai 'Injil' (Gospel) (berasal daripada perkataan God dan Spele dalam bahasa Inggeris dengan makna "khabar baik Tuhan"). Pada awal zaman rasul, umat Kristian pada masa itu kebanyakannya merupakan rakyat yang tidak berpendidikan, tidak berupaya dan tidak mempunyai masa untuk terlibat dengan penulisan. Keluarga Yahudi secara umumnya tidak mempunyai Alkitab untuk kegunaan di rumah kecuali gulungan kitab di gereja dan pengetahuan Alkitab yang diajar oleh guru. Selain itu, skop pemberitaan Injil umat Kristian pada zaman awal juga tidak melangkaui Palestin. Oleh itu, untuk memberitakan Injil kerajaan Tuhan, pada mulanya mereka menggunakan cara pemberitaan secara lisan dan bersemuka di antara murid-murid. Dengan cara pemberitaan secara lisan dan bersemuka, ahli sejarah mendapati bahawa isi kandungan utama dan jenis-jenisnya yang paling diingati dan dikagumi tentang jejak Tuhan Yesus yang diberitakan secara lisan atau bersemuka dan yang dicatatkan boleh dikategorikan kepada empat seperti berikut:

a) Pengumuman pemberitahuan

Menjadikan ucapan yang mendalam, jelas dan berwibawa oleh Tuhan Yesus sebagai klimaks dan yang paling penting. Contohnya Yesus berkata: "*Berikanlah kepada Kaisar apa yang wajib kamu berikan kepada Kaisar dan kepada Allah apa yang wajib kamu berikan kepada Allah*" (Mrk 12:13-17) dan "*Anak Manusia adalah juga Tuhan atas hari Sabat*" (Mrk 2:28) dan sebagainya.

b) Tanda-tanda mujizat

Kitab-kitab Injil menunjukkan jenis yang tetap berkenaan tanda-tanda mujizat seperti Tuhan Yesus menyembuhkan orang buta, orang yang kerasukan roh jahat dan orang yang sakit kusta atau membangkitkan anak perempuan Yairus, Lazarus dan anak tunggal kepada janda: dimulakan dengan orang sakit atau ahli keluarga mereka memohon kepada Tuhan, Tuhan menjawab mereka dengan cara soal jawab atau memberi perintah, akhir sekali menggunakan kuasaNya untuk menyembuhkan supaya manusia dapat merasainya sendiri dan percaya.

c) Biografi tokoh

Menerangkan kisah hidup Tuhan Yesus, bermula dari zaman kanak-kanak, terima baptisan, menghadapi pencobaan, melawat Nazaret, berubah wajah, memilih dan memanggil murid-murid, memberitakan Injil, mati, bangkit

sehingga terangkat ke syurga. Dalam peristiwa-peristiwa ini, doktor Lukas menggunakan bakat sasteranya hingga ke tahap yang lebih tinggi. Dia bukan sahaja menuliskannya dengan sempurna dalam gaya penulisan yang indah, tetapi juga mencatatkannya mengikut kronologi berdasarkan masa kejadian secara kasar. Oleh itu, jika menjadikan kisah hidup Yesus sebagai pusat kajian Alkitab, sila pertimbangkan untuk memilih Injil Lukas sebagai rangka tindakan (blue-print) kajian dan kemudian merujuk kepada kitab-kitab Injil yang lain, ini lebih sesuai.

d) **Pepatah dan perumpamaan**

Tuhan Yesus mempunyai banyak pepatah yang penuh dengan hikmat. Contoh: *“Janganlah kamu menghakimi, maka kamu pun tidak akan dihakimi. Dan janganlah kamu menghukum, maka kamu pun tidak akan dihukum; ampunilah dan kamu akan diampuni.”* (Luk 6:37). PerumpamaanNya penuh dengan makna pendidikan. Contoh: “perumpamaan tentang seorang penabur”, “perumpamaan tentang biji sesawi dan ragi”, “perumpamaan tentang domba yang hilang” dan lain-lain lagi. Selepas mengucapkan pepatah-pepatah dan perumpamaan-perumpamaan ini, Dia akan mengakhirinya dengan kata-kata yang penuh dengan falsafah.

Penyebaran secara lisan atau catatan pena di atas pada mulanya adalah bersifat individu atau tidak lengkap. Seperti yang dikatakan dalam Luk 1:1: “Banyak orang telah berusaha menyusun suatu berita...” Ini juga merupakan kemunculan kali pertama kitab-kitab bukan Kanon Perjanjian Baru. Kemudian, dalam gereja rasul zaman awal, iaitu dalam tempoh 30 tahun selepas Tuhan Yesus mati di atas kayu salib, bangkit dan terangkat ke syurga, para murid pada masa itu merasakan bahawa walaupun banyak kata-kata dan perbuatan-perbuatan Kristus yang dipelajari dari Yesus atau para rasul, namun oleh sebab Yesus telah terangkat ke syurga dan para rasul juga bakal meninggalkan dunia, maka kitab-kitab yang berwibawa dan perkataan Tuhan yang diiktiraf oleh para rasul perlu disebarkan sebelum mereka meninggal dunia. Terutamanya selepas peristiwa Yakobus mati syahid (Kis 12:2), maka perihal mencatatkan kisah hidup Tuhan perlu disegerakan dan adalah amat perlu. Tambahan pula, gereja berkembang dengan cepat pada masa itu, iaitu telah disebarkan dari Yerusalem, Samaria hingga ke Siria. Selepas Paulus menjalani pengembaraan pemberitaan Injil, secara perlahan-lahan telah mendirikan gereja bangsa asing di daerah Asia Kecil dan Makedonia seperti Efesus, Filipi dan Tesalonika. Dalam gereja-gereja yang baru ditubuhkan, pengajaran, kata-kata dan perbuatan Tuhan perlu disampaikan kepada mereka untuk meneguhkan iman mereka.

B. Kisah Para Rasul dan surat-surat

Selain itu, oleh sebab gereja dianiayai siang dan malam, maka perkataan dan perbuatan Tuhan tampak lebih bernilai, kebarangkalian untuknya hilang dari warisan juga meningkat. Tambahan pula, ajaran sesat pada masa itu semakin berleluasa dan menuliskan penulisan untuk menjelaskan Firman Kebenaran Tuhan adalah prioriti utama. Maka, menuliskan kitab Injil menjadi lebih penting. Ramai orang yang mengendalikan rekod yang menggambarkan kehidupan Yesus lalu menjadi “kitab Injil”. Setelah kitab Injil disiapkan, murid-murid zaman awal melihat kewibawaan kitab Injil adalah melebihi Perjanjian Lama.

Ketika rasul Paulus ingin menyelesaikan atau menejalskan sesuatu persoalan, dia juga selalu memetik perkataan Tuhan Yesus secara langsung sebagai jawapan. Selain itu, murid-murid Tuhan memberitakan Injil di merata tempat dan catatan peristiwa tersebut digelar sebagai “Kisah Para Rasul”. Demi keperluan penggembalaan dan menjelaskan rahsia Injil, hamba-hamba Tuhan juga selalu menuliskan banyak surat semasa membuat pengembaraan pemberitaan Injil atau semasa dipenjarakan. Berdasarkan wahyu yang diperolehi atau pengalaman hidup mereka, mereka memberitahu para murid apa yang perlu dilakukan. Selain itu, apabila sesetengah gereja menghadapi masalah yang tidak dapat diselesaikan, mereka juga memandang kewibawaan surat-surat Paulus atau orang-orang lain sama seperti kitab Injil. Surat-surat ini kemudiannya beransur-ansur menjadi peraturan dan kewibawaan kerja-kerja dalam gereja. Yohanes, rasul yang terakhir juga setia mencatatkan tentang penglihatan yang dilihatnya semasa berada di Pulau Patmos. Kepentingan isi kandungannya juga dipandang berat oleh gereja pada masa itu. (Nota: bukan semua surat Paulus disuntingkan ke dalam Alkitab (rujuk 1 Kor 5:9)).

(VI) KLASIFIKASI ALKITAB

Merujuk kepada pembentukan Kanon Alkitab dan hasil suntingan yang telah dibincangkan, isi kandungan Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru boleh diklasifikasikan kepada beberapa kategori menurut pandangan yang berbeza. Penerangannya seperti berikut:

1. Perjanjian Lama

A. Klasifikasi umum

Pada masa ini, terdapat 39 gulungan dalam Perjanjian Lama yang biasa digunakan. Berdasarkan isi kandungan dan ciri umum, ia boleh dibahagikan kepada tiga kategori berikut:

- a) 17 gulungan hukum Taurat dan kitab sejarah: dari Kejadian hingga Ester. Antaranya ialah 5 gulungan biografi dan 12 gulungan catatan sejarah.

- b) 5 gulungan nyanyian mazmur: dari Ayub hingga Kidung Agung.
- c) 17 gulungan kitab nabi-nabi: dari Yesaya hingga Maleakhi. Antaranya ialah 5 gulungan kitab nabi besar dan 12 gulungan kitab nabi kecil.

B. Klasifikasi isi kandungan Alkitab bahasa Ibrani

Di bawah klasifikasi umum, gulungan sejarah mengandungi mazmur dan nubuat, manaka kitab nabi-nabi pula juga mengandungi sejarah. Oleh itu, orang Yahudi pada zaman awal mengklasifikasikan Alkitab bahasa Ibrani kepada 3 kategori: hukum Taurat (Torah), kitab nabi-nabi (Nevi'im) dan karya tulisan (Ketuvim) lalu digelar sebagai "TaNaKh" (akronim TNK) dengan jumlah 24 gulungan.

a) 5 gulungan hukum Taurat

Kej, Kel, Im, Bil, Ul (digelar sebagai lima kitab Musa, ditulis oleh Musa. Oleh sebab bahagian akhir Ulangan mencatatkan perihal tentang Musa meninggal dunia, maka ada yang meragui samada penulisnya ialah Musa. Namun selepas dikaji oleh ramai ahli sejarah, isi kandungan bahagian tersebut dimasukkan oleh orang lain selepas kematian Musa. Isi kandungan yang lain semuanya memang dituliskan oleh Musa.)

b) 8 gulungan kitab nabi-nabi

- (1) 4 gulungan kitab nabi awal: Yos, Hak, 1 & 2 Sam, 1 & 2 Raj.
- (2) 4 gulungan kitab nabi akhir: Yes, Yer, Yeh, 12 kitab nabi kecil.

c) 11 gulungan karya tulisan

- (1) 3 gulungan puisi: Mzm, Ams, Ayb.
- (2) 5 gulungan kitab: Kid, Rut, Rat, Pkh, Est.
- (3) 1 gulungan kitab nubuat: Dan.
- (4) 2 gulungan kitab sejarah: Ezz dan Neh (digabungkan menjadi 1 gulungan), 1 & 2 Taw.

C. Klasifikasi abjad Alkitab bahasa Ibrani

Oleh sebab terdapat 22 abjad dalam bahasa Ibrani, maka Alkitab Perjanjian Lama dibahagikan kepada 22 gulungan untuk kemudahan penggunaan. Klasifikasinya seperti berikut:

a) 5 gulungan hukum Taurat: Kej, Kel, Im, Bil, Ul.

b) 13 gulungan kitab nabi-nabi:

- (1) 4 gulungan bahagian sejarah: Yos, Hak dan Rut (digabungkan menjadi 1 gulungan), 1 & 2 Sam, 1 & 2 Saj.
- (2) 4 gulungan bahagian nabi: Yes, Yer dan Rat (digabungkan menjadi 1 gulungan), Yeh, 12 kitab nabi kecil (digabungkan menjadi 1 gulungan).

- (3) 5 gulungan bahagian lain: Ayb, 1 & 2 Taw, Ezra dan Nehemia (digabungkan menjadi 1 gulungan), Est, Dan.
- c) 4 gulungan nyanyian mazmur: Mzm, Ams, Pkh, Kid.

2. Perjanjian Baru

Alkitab Perjanjian Baru yang dikanonkan mengandungi 27 gulungan pada masa kini. Berdasarkan motif penulisan dan sifat-sifat gulungan kitab, ia boleh diklasifikasikan seperti berikut:

A. Klasifikasi berdasarkan motif penulisan

Boleh dibahagikan kepada enam kategori seperti berikut:

- a) (1) Mencatatkan dan memberitakan Injil (5 gulungan): Mat, Mrk, Luk, Yoh, Kis.
- b) Membincangkan firman (5 gulungan): Rm, Ef, Ibr, 1 Yoh, Yud.
- c) Memberi petunjuk, memperbetulkan kesilapan (6 gulungan): 1 Kor, Gal, Kol, Yak, 2 Yoh, 3 Yoh.
- d) Memberi galakan dan menasihati pemercaya (7 gulungan): 2 Kor, Flp, 1 Tes, 2 Tes, Flm, 1 Ptr, 2 Ptr.
- e) Mengajar penggembala (3 gulungan): 1 Tim, 2 Tim, Tit.
- f) Nubuat (1 gulungan): Why

B. Klasifikasi berdasarkan sifat-sifat gulungan kitab

Boleh dibahagikan kepada empat kategori seperti berikut:

- a) Kitab Injil (4 gulungan): Mat, Mrk, Luk, Yoh.
- b) Kitab sejarah (1 gulungan): Kis.
- c) Surat-surat (21 gulungan):
 - (i) Surat Paulus (13 gulungan)
 - Surat pengembaraan: Rm, 1 Kor, 2 Kor, Gal, 1 Tes, 2 Tes.
 - Surat dalam penjara: Ef, Flp, Kol, Flm.
 - Surat penggembalaan: 1 Tim, 2 Tim, Tit.
 - (ii) Surat-surat biasa (8 gulungan)
 - Untuk pemercaya Ibrani: Ibr, Yak.
 - Lain-lain: 1 Ptr, 2 Ptr, 1 Yoh, 2 Yoh, 3 Yoh, Yud.
- d) Nubuat dan Wahyu (1 gulungan): Why.

(VII) BAHASA ALKITAB

1. Perjanjian Lama

Perjanjian Lama ditulis oleh orang Ibrani. Oleh itu, kebanyakannya adalah menggunakan bahasa Ibrani. Namun sejak umat pilihan pulang dari tempat perbudakan, mereka membawa bersama bahasa Aram yang diasimilasikan dari bahasa kaum Sem. Oleh itu, terdapat juga sebahagian kecil isi kandungannya yang ditulis dalam bahasa Aram (Ezr 4:8

- 6:18, 7:12-26; Dan 2:4 - 7:28; Yer 10:11 dan sebagainya). Pada ketika itu, bahasa Ibrani dipandang sebagai bahasa penggunaan Klasik manakala bahasa Aram pula ialah bahasa kebanyakan di kalangan rakyat. Pada zaman kelahiran Tuhan Yesus, Alkitab Perjanjian Lama telah diterjemahkan ke dalam bahasa Aram.

2. Perjanjian Baru

Alkitab Perjanjian Baru disiapkan dalam tempoh 100 M. Oleh itu, bahasa yang digunakan ialah bahasa Yunani, tetapi bukannya bahasa Yunani kuno atau dialek Yunani. Ia juga berbeza dengan bahasa Yunani moden. Secara umumnya, bahasa ini ialah bahasa Yunani yang digunakan oleh Alexander dalam ekspedisinya ke timur. Bahasa ini digunakan oleh banyak kumpulan etnik pada masa itu dan merupakan bahasa dunia yang digunakan secara meluas. Bahasa yang digunakan oleh rasul Paulus dan Petrus semasa memberitakan Injil kepada bangsa asing juga kebanyakannya ialah bahasa Yunani. Selain itu, ketika Yesus dan para rasul memetik daripada Alkitab Perjanjian Lama pada masa itu, kebanyakannya memetik daripada Septuaginta yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Yunani.

Oleh sebab bahasa Yunani banyak digunakan untuk menyampaikan kebenaran dan rahsia kerajaan Tuhan, maka banyak perkataan lama seperti “firman”, “kebenaran” dan sebagainya selalunya diberikan makna yang baru. Oleh sebab kerajaan Rom pada masa itu menggunakan bahasa Latin sebagai bahasa rasmi, maka Alkitab Perjanjian Baru juga menggunakan kira-kira 30 istilah Latin. Selain itu, oleh sebab orang Yahudi yang pulang ke negara sendiri pada masa itu juga menggunakan bahasa Aram secara meluas, maka sebahagian kecil dalam Alkitab Perjanjian Baru juga menggunakan bahasa Aram. Semasa memberitakan Injil, Yesus juga menggunakan bahasa Yunani atau bahasa Aram mengikut keadaan pendengarNya (Nota: perkataan-perkataan yang diucapkan oleh Yesus - “Talita kum” (Mrk 5:41); “Efata” (Mrk 7:34); “Eloi, Eloi, lama sabakhtani” (Mrk 15:34) semuanya ialah dalam bahasa Aram). Secara fizikalnya, Yesus ialah orang Yahudi, maka semasa Dia disalibkan, ada tulisan di atas kepadaNya “Inilah raja orang Yahudi” yang ditulis dalam bahasa Ibrani, bahasa Yunani dan bahasa Latin.

(VIII) PENULIS DAN MASA PENULISAN ALKITAB

1. Perjanjian Lama

Menurut kajian John Rea dan yang lain tentang pelbagai gulungan dalam Perjanjian Lama, gulungan kitab yang paling awal siap dituliskan ialah lima kitab Musa, kira-kira pada tahun 1420 SM manakala yang paling lewat siap dituliskan ialah Maleakhi, kira-kira pada tahun 400 SM dengan jarak antara dua masa ini ialah 1000 tahun. Bilangan penulisnya melebihi 35 orang. Tahun kelahiran, persekitaran meningkat dewasa, latar belakang masyarakat dan pengalaman setiap mereka adalah berbeza. Antaranya ada nabi, imam, ahli kitab, raja, orang kedua di bawah raja, bupati / kepala daerah, penggembala, petani dan sebagainya. Walaupun gaya penulisan adalah sangat berbeza, tetapi tema dan

protagonisnya adalah sama. Rata-rata menjadikan salib sebagai tema utama, Juruselamat sebagai pusat dan kemuliaan Tuhan sebagai kandungan keseluruhan di mana ianya selari dan teratur. Puncanya adalah kerana mereka semua menerima gerakan Roh Tuhan dan menulis untuk menyampaikan perkataan Tuhan supaya dunia berjaga-jaga. Maka penulis yang sebenar hanya ada satu sahaja, iaitu Tuhan.

2. Perjanjian Baru

Penulis-penulis Alkitab Perjanjian Baru meliputi nelayan, pemungut cukai, doktor, ahli kitab dan lain-lain iaitu dari sembilan profesion yang berbeza. Tujuan penulisan mereka adalah sama, iaitu untuk menyebarkan anugerah keselamatan dan membangun pemercaya. Injil Matius yang paling awal dituliskan pada kira-kira tahun 45-50 M (Nota: ada yang mengatakan bahawa Injil Markus dituliskan sedikit awal dari Injil Matius), Wahyu yang paling lewat dituliskan pada kira-kira tahun 96 M. Jarak antara dua masa ini ialah kira-kira 50 tahun.

(IX) FASAL DAN AYAT DALAM ALKITAB

Alkitab Perjanjian Baru dan Perjanjian Lama pada asalnya tidak ada pembahagian fasal dan ayat. Namun kemudian untuk memudahkan penggunaannya, Kardinal Caro dari Rom telah membuat pembahagian fasal pada tahun 1236 M.

Perjanjian Lama kemudiannya dibahagikan kepada ayat oleh rabbi Yahudi pada tahun 1660. Jumlah keseluruhan Perjanjian Lama ialah 39 gulungan, 929 fasal, 23145 ayat. Ayat bagi Perjanjian Baru pula dibahagikan oleh Robertus Stephanus, seorang pencetak dari Paris pada tahun 1551 M. Jumlah keseluruhan Perjanjian Baru ialah 27 gulungan, 260 fasal, 7957 ayat.

Jika Perjanjian Baru dan Perjanjian Lama digabungkan, jumlahnya ialah 66 gulungan, 1189 fasal, 31102 ayat, 658545 patah perkataan (Nota: kiraan untuk Alkitab terjemahan bahasa Melayu).

(X) MANUSKRIP ALKITAB

1. Perjanjian Lama

A. Manuskrip Ibrani

Manuskrip asal bagi penulisan Perjanjian Lama dalam bahasa Ibrani telahpun hilang. Pengumpulan dan kajian ayat-ayat Perjanjian Lama sepanjang zaman adalah berdasarkan manuskrip ataupun maklumat yang terukir pada objek. Ayat yang paling awal ditemui ialah ucapan berkat imam yang terukir di atas kotak perak (Bil 6:24-26) yang ditemui pada kira-kira tahun 600 SM. Apa yang ditemui selepas itu kebanyakannya ialah manuskrip. Dalam manuskrip yang masih tersimpan, terdapat kira-kira 1300 manuskrip Perjanjian Lama bahasa Ibrani. Pada tahun 895

M, banyak manuskrip kuno yang ditemui di Kairo, Mesir. Walaupun jarak masanya dengan Naskah Laut Mati ialah seribu tahun, namun ia masih mempunyai nilai yang tinggi untuk kajian dan rujukan.

a) **Manuskrip paling kuno (tahun 250 SM - 135 M)**

Manuskrip yang paling awal ditemui ialah serpihan Naskah Laut Mati tulisan Ibrani yang ditemui pada tahun 1947 di gua keempat di Qumran. Mengikut susunan kronologi salinan manuskrip, urutannya ialah Keluaran (tahun 250 SM), Samuel (tahun 200 SM) dan Yeremia (tahun 175 SM). Kemudian ditemui pula satu-persatu Raja-raja, Yesaya, Daniel dan sebahagian Apokrifa serta Keluaran dan Imamat dalam bahasa Yunani.

Kaedah penulisan semuanya berlainan. Antaranya, Yesaya adalah yang paling lengkap tersimpan. Ia ditemui di gua pertama, dengan panjang 24.5 kaki dan ketinggian 10.5 inci, dan di dalamnya terkandung ayat-ayat bagi setengah kitab Yesaya (33 fasal). Gulungan ini adalah dalam bentuk tujuh belas keping kulit domba yang dijahit bersama dengan jarum dan benang. Oleh sebab teksturnya yang sangat baik dan kulitnya yang tebal, maka ia dipelihara dengan baik. Ia diikuti oleh Papyrus Nash (Nash Papyrus) (tahun 150 SM) yang ditemui pada tahun 1903 di Mesir. Isi kandungannya ialah Sepuluh Hukum. Kaedah penulisannya adalah hanya menulis di satu sisi kulit domba sahaja dan dalam bentuk barisan lajur.

Manuskrip kuno menggunakan dua jenis abjad yang berlainan iaitu bahasa Paleo-Hebrew dan bahasa Aram. Tidak ada tanda baca dalam ayat-ayatnya tetapi terdapat nota yang ditambahkan oleh orang yang menyalinnya.

b) **Manuskrip Zaman Pertengahan (tahun 135 M - 1475 M)**

Manuskrip yang paling kuno untuk Zaman Pertengahan ialah Taurat Samaria (Samaritan Pentateuch) dan biasanya digelar sebagai gulungan Abisha (Abisha scroll). Ini dibawa oleh orang Samaria dari Damsyik ke Nablus untuk disimpan, masanya adalah pada sekitar abad ke-11 M. Orang Samaria menegaskan bahawa lima kitab ini dituliskan 13 tahun selepas Yosua menakluk tanah Kanaan. Walau bagaimanapun, para sarjana telah mengenalpasti ianya adalah pada zaman Nehemia dalam abad ke-5 SM. Tetapi jika kita melihat bentuk penulisannya, sejarah Samaria dan merujuk kepada ayat-ayat kitab Palestin sebagai kajian, salinan lima kitab ini dikhuatiri tidak akan lebih awal daripada abad kedua SM.

Manuskrip Perjanjian Lama bahasa Ibrani dalam Zaman Pertengahan banyak tersimpan dalam perpustakaan, muzium dan gereja Yahudi. Teks Masoret (Masoretic Text) di sana selalunya diberikan tanda baca. Di samping itu, pada tahun 969 M, tempat penyimpanan gulungan kitab kuno ditemui di Kairo. Ia sangat berharga dalam penilaian ayat-ayat kitab gulungan kuno.

c) **Ayat-ayat Standard Perjanjian Lama**

Dalam manuskrip kuno Zaman Pertengahan, terdapat dua manuskrip yang paling berharga untuk kajian. Satu ialah Kodeks Allepo (Allepo Codex) tahun 930 M yang disunting oleh Aaron ben Moses ben Asher. Penilaian para sarjana beranggapan bahawa ayat-ayat kitab gulungan kuno ini adalah sangat standard. Satu lagi manuskrip ialah Kodeks Leningrad (Leningrad Codex) tahun 1009 M yang merupakan tradisi Ben Asher. Ini diiktiraf sebagai ayat-ayat kitab standard bagi Perjanjian Lama. Alkitab Rabbini Pertama (Biblia rabbinica, Venice, 1518) yang disusun berdasarkan ayat-ayat kitab ini diiktiraf sebagai Textus Receptus yang boleh diterima. Penyunting bagi Alkitab Rabbini Kedua ialah Daniel Bomberg. Edisi pertama ini dicetak pada tahun 1524 dan ada cetakan-cetakan lain selepas itu (Kennicott, 1776, Ginsburg, 1908).

Dua buah Alkitab Perjanjian Lama yang dicetak dalam abad ini adalah berdasarkan manuskrip Leningrad. Satu ialah Alkitab Ibrani (Biblia Hebraica yang disunting oleh Kittel, singkatannya BHK) pada tahun 1937. Satu lagi ialah yang selesai disunting dengan mengambil masa 10 tahun iaitu dari tahun 1968 hingga tahun 1978 di Stuttgart, Jerman. Singkatannya ialah BHS (Biblia Hebraica Stuttgartensia) (Penyuntingnya ialah K. Elliger dan W. Rudolph). Ia memberikan penjelasan yang lebih terperinci dari aspek penilaian ayat-ayat kitab.

Selain itu, terdapat juga Alkitab Perjanjian Lama bahasa Ibrani yang disunting oleh British and Foreign Bible Society (penyuntingnya ialah N. H. Snaith), diterbitkan pada tahun 1958. Ia disunting berdasarkan manuskrip kuno Lisbon tahun 1483, tetapi ia adalah lebih kurang sama dengan manuskrip Leningrad.

B. Manuskrip bahasa Yunani

Ayat-ayat kitab Perjanjian Lama diterjemahkan ke dalam bahasa Yunani. Manuskrip terjemahan Yunani (Septuaginta) yang tersimpan sehingga sekarang ada 1800 gulungan. Ada yang ditulis di atas kertas papirus yang selalunya berukuran panjang 35 inci. Gulungan dari kulit domba (perkamen) adalah lebih banyak kerana ia lebih kukuh. Antara manuskrip yang terkenal:

a) **Kodeks Sinaiticus (Codex Sinaiticus) (Abad ke-4):**

Perjanjian Baru dan Perjanjian Lama, 156 muka surat disimpan di Muzium British di London dan 43 muka surat disimpan di Leipzig di Jerman.

b) **Kodeks Vaticanus (Codex Vaticanus) (Pertengahan abad ke-4):**

Mengandungi Perjanjian Baru dan Perjanjian Lama. Mungkin merupakan gulungan kuno Septuaginta yang paling awal. Dalamnya tidak mengandungi Kejadian 1:1 - 46:8.

- c) **Kodeks Alexandrinus (Codex Alexandrinus) (Abad ke-5):**
Mengandung Perjanjian Baru dan Perjanjian Lama. Disimpan di Muzium British. Kejadian dan 1 Samuel tidak lengkap.
- d) **Kodeks Marchalianus (Codex Marchalianus) (Abad ke-6):**
Isi kandungan utamanya ialah kitab nabi-nabi. Disimpan di Perpustakaan Vatikan. Pernah mengambil maklumat nota daripada terjemahan Yunani yang lain.
- e) **Lain-lain manuskrip Perjanjian Lama (Abad ke-9 dan kemudian):**
Tidak lengkap. Terdapat kira-kira 300 gulungan. Ayat-ayat kitabnya banyak perbezaan. Jumlah keseluruhan ialah 1500 gulungan.

Pada tahun 1518, Aldine membuat suntingan di Vienna berdasarkan manuskrip-manuskrip di atas untuk dijadikan kitab dan diterbitkan. Persidangan gereja Katolik pada tahun 1587 memutuskan untuk mencetak Kodeks Vaticanus. Apa yang digunakan oleh gereja secara umumnya adalah berdasarkan Kodeks Vaticanus dan Kodeks Sinaiticus serta panduan C. von Tischendorf yang menyunting semula Septuaginta.

2. Perjanjian Baru

Seperti yang kita tahu, penulisan-penulisan Perjanjian Baru semuanya adalah dalam abad pertama. Maka jarak masa antara penulisan yang terlewat dengan sekarang pun telah melebihi 1900 tahun. Semua manuskrip asal Alkitab Perjanjian Baru telah hilang. Walaupun terdapat ramai orang pada ketika itu yang menyediakan manuskrip yang berharga untuk gereja, namun selepas satu tempoh masa, manuskrip lama menjadi buruk dan rosak. Maka manuskrip yang baru segera disalin untuk simpanan bagi keperluan pada masa itu dan generasi seterusnya. Pada mulanya, kertas jerami digunakan sebagai bahan dan kemudiannya bertukar kepada kertas kulit lembu yang lebih tahan lama. Apabila teknik percetakan diciptakan pada abad ke-15, barulah kerja-kerja menyalin manuskrip dihentikan. Kini, serpihan-serpihan manuskrip gulungan-gulungan tunggal telah ditemui satu persatu di Palestin, Asia Kecil, Greek, Rom dan lain-lain tempat. Keseluruhan atau sebahagian daripada Perjanjian Baru yang ditemui ada kira-kira 4000 keping. Bilangannya jauh melebihi jumlah manuskrip karya warisan yang lain.

Walaupun jarak masa antara zaman manuskrip dengan sekarang sudah lama, namun dari penulisan orang-orang zaman-zaman kemudian (kira-kira 90-250 tahun), contohnya Clement dari Rom, Origenes dari Aleksandria dan lain-lain yang berkali-kali memetik ayat-ayat kitab dari pelbagai gulungan Perjanjian Baru, ini dapat membuktikan bahasa Alkitab Perjanjian Baru yang kita gunakan sekarang adalah sepenuhnya sama dengan yang dilihat dan yang digunakan oleh mereka pada masa itu.

Dalam manuskrip kuno Perjanjian Lama, terdapat juga bahagian bagi Perjanjian Baru. Manuskrip-manuskrip ini adalah dalam bahasa Yunani. Antaranya ada Kodeks Sinaiticus, Kodeks Vaticanus, Kodeks Alexandrinus (Nota: telah dibincangkan di atas). Yang lain digariskan di bawah:

A. Kodeks Bezae (Codex Bezae) (Abad ke-5)

Manuskrip ini ditulis di Afrika Utara atau Mesir dan hanya mengandungi Perjanjian Baru. Antaranya termasuk empat Injil, Kisah Para Rasul dan 1,2,3 Yohanes, serta ada bahasa Latin dan bahasa Yunani sebagai rujukan. Ditemui oleh Beza, pemimpin Reformasi Agama Geneva di biara pada tahun 1562. Ia merupakan karya agung tradisi The western text-type. Kompilasi ayat-ayat kitab manuskrip tersebut telah wujud pada tahun 1961.

B. Lain-lain manuskrip Perjanjian Baru

Pada abad ke-5, terdapat Kodeks Ephraemi (Codex Ephraemi Rescriptus) yang menyimpan 3/5 daripada Perjanjian Baru. Kodeks Washingtonensis (Codex Washingtonensis) ditemui di Mesir pada tahun 1906. Ia kini disimpan di muzium di Washington, Amerika Syarikat, lengkap dengan empat bahagian Injil. Terdapat juga Codex Koridethians yang ditemui di Koridethians di bahagian timur Laut Hitam pada abad ke-9.

C. Textus Receptus

Dalam beribu-ribu manuskrip, sarjana menggunakan Kodeks Alexandrinus dan Kodeks Bezae, dengan memerhatikan tradisi ayat-ayat kitab yang berbeza, mula merancang pada tahun 1514 lalu menerbitkan Perjanjian Baru bahasa Yunani cetakan yang pertama pada tahun 1522 dan telah disemak semula secara berterusan semenjak itu. Pada abad ke-19, Tischendorf menemui satu lagi gulungan kuno lalu menyunting sebuah Perjanjian Baru bahasa Yunani. Pada zaman itu, terdapat juga sebuah lagi Perjanjian Baru lengkap bahasa Yunani yang disunting oleh B.F. Westcott dan F.J.A. Hort, sarjana di Cambridge University berdasarkan Kodeks Vaticanus dan manuskrip Tischendorf.

Nestle-Aland Perjanjian Baru bahasa Yunani ada ayat-ayat kitab dengan komen.

(XI) TERJEMAHAN ALKITAB

1. Terjemahan kuno

Terjemahan kuno utama bagi Alkitab adalah seperti berikut:

A. Terjemahan Septuaginta (bahsa Yunani) (singkatan: LXX) (tahun 150 SM)

Juga dikenali sebagai Alkitab Yunani. Mengikut legenda, semasa zaman Yunani, Ptolemy II Philadelphus di Mesir telah menjemput 72 ahli kitab Yahudi (Nota: daripada 12 suku, 2 orang setiap suku) untuk menterjemahkan bahasa Ibrani asal

yang diperoleh dari Yerusalem ke dalam bahasa Yunani di Perpustakaan Alexandria, Mesir. Ini adalah untuk kegunaan umat Kristian yang berbahasa Yunani. Isi kandungannya termasuklah 24 gulungan dalam Alkitab bahasa Ibrani (Nota: semua Perjanjian Lama pada masa kini, rujuk butir KEENAM, 1, II) dan juga 17 gulungan Apokrif (Nota: gereja Roman Katolik menggunakan 12 gulungan daripadanya).

Lima gulungan awal, lima kitab Musa diselesaikan antara tahun 285 - 247 SM dan selebihnya telah selesai diterjemahkan sepenuhnya pada tahun 150 SM. Terjemahan ini adalah yang paling berwibawa antara semua terjemahan. Ia telah biasa digunakan secara meluas sejak zaman Yesus lagi. Selain itu, oleh sebab Perjanjian Baru juga dituliskan dalam bahasa Yunani, maka petikan-petikan Perjanjian Lama juga kebanyakannya diambil daripada terjemahan Septuaginta. Terjemahan ini digunakan secara meluas oleh gereja-gereja Kristian. Kemudian, semakan semula di Palestin menyebabkan penghasilan terjemahan-terjemahan bahasa Yunani yang lain. Walaupun terjemahan-terjemahan ini atas namanya merujuk kepada terjemahan Septuaginta, namun ia tidak berasaskan terjemahan Septuaginta sepenuhnya. Ia boleh digambarkan sebagai terjemahan bebas. Malang sekali terjemahan-terjemahan ini hanya tinggal serpihan sahaja dan hanya muncul dalam Hexapla oleh Origen (Origen's Hexapla).

B. Terjemahan Akwila (bahasa Yunani) (Aquila) (130 M)

Berdasarkan ayat-ayat kitab Ibrani, malah struktur tatabahasanya bukan bahasa Yunani, tetapi sama dengan bahasa Ibrani dan mempunyai tradisi Yahudi yang kuat.

C. Terjemahan Symmakus (bahasa Yunani) (Symmachus) (180-192 M)

Terjemahan yang ketat dan terperinci, sangat dihormati oleh Bapa Gereja Jerome pada abad ke-4. Ada latar belakang Samaria, masih ada warna-warni Ibrani yang kuat.

D. Terjemahan Latin Kuno (Vetus Latina) (abad ke-2)

Diterjemahkan semula berdasarkan terjemahan Septuaginta. Perjanjian Baru kekurangan Ibrani, Yakobus dan 2 Petrus.

E. Terjemahan Syria kuno (Old Syriac) (abad ke-2)

Digunakan oleh orang Siria (tidak mengandungi Apokrif, Perjanjian Baru kekurangan Yakobus, 1 & 2 Petrus, 1,2,3 Yohanes, Yudas dan Wahyu)

F. Terjemahan Koptik (Coptic) (abad ke-2)

Terjemahan Koptik dibahagikan kepada dua dialek, selatan dan utara. Tidak ada versi Perjanjian Lama yang lengkap. Yang terpelihara ialah lima kitab, Mazmur, Ayub, Amsal dan kitab nabi-nabi. Popular di kalangan orang Kristian, banyak istilahnya menggunakan bahasa asing - bahasa Yunani.

G. Terjemahan Aram / Targum (Targums) (Palestin: abad ke-2, Babel: abad ke-5)

Pada abad pertama SM, bahasa Ibrani tidak lagi populer, bahkan ibadah di gereja juga menggunakan bahasa Aram / Targum. Maka terjemahan Aram / Targum dilakukan untuk memenuhi keperluan pada masa itu. Sekitar tahun 200 SM, terdapat terbitan doktrin Yudaisme. Terjemahan Aram / Targum di Babel disunting oleh orang Yahudi di Babel pada abad ke-5. Isi kandungan utamanya ialah kitab nabi-nabi dan lima kitab. Banyak ayat kitab diterjemahkan berdasarkan makna, bukan diterjemahkan secara terus.

H. Terjemahan Theodotion (peringkat akhir abad-2)

Penterjemahnya menganuti agama Yudaisme di Efesus. Teks terjemahan banyak menambah kepada kekurangan dalam terjemahan Septuaginta. Sangat berharga dalam aspek ulasan ayat kitab.

I. Terjemahan Lucian dari Antioch (Lucian of Antioch) (abad ke-4)

Pada tahun 396 SM, Jerome mengatakan bahawa terdapat tiga versi pindaan Septuaginta, Hesychius, Caesarea dan Lucian. Penyunting bagi pindaan versi ketiga ialah Lucian, tempatnya di Antiokhia dan masanya adalah pada abad ke-4 SM (Lucian meninggal dunia pada tahun 312). Isi kandungannya seolah-olah dipengaruhi oleh gulungan kuno di Laut Mati. Paling berharga dalam aspek ulasan ayat kitab.

J. Terjemahan Peshitta (Syria) (Peshito Syriac) (abad ke-4)

Diterjemahkan semula daripada terjemahan Syria kuno (Nota: tidak mengandungi Apokrif). Juga digelar sebagai terjemahan Syria yang popular, digunakan di gereja Syria.

K. Terjemahan Ethiopia (Arab) (Ethiopic) (Perjanjian Lama: abad ke-4, Perjanjian Baru: abad ke-5)

Juga muncul dalam gereja zaman awal. Tergolong dalam bahasa Arab, bahasa Semitik Barat Daya. Diterjemahkan daripada terjemahan Septuaginta (bahasa Yunani).

L. Terjemahan Goth (Gothic) (abad ke-4)

M. Terjemahan Georgia (Caucasus) (abad ke-4)

N. Terjemahan Vulgata (bahasa Latin) tahun 404)

Ini merupakan pindaan kepada terjemahan Latin Kuno (Vetus Latina), juga digelar sebagai terjemahan Latin yang popular. Diterjemahkan oleh Bapa Gereja St. Jerome pada tahun antara 382 - 404 M. Terjemahan ini digunakan sebagai Alkitab di Barat selama kira-kira seribu tahun. Selain Mazmur, seluruh Perjanjian Lama diterjemahkan daripada bahasa Ibrani. Persidangan the Council of Trent pada tahun 1546 memutuskan bahawa selain daripada 39 gulungan Alkitab yang sedia ada, isi kandungan Alkitab bahasa Latin ini juga meliputi isi kandungan dari banyak

Apokrifa dan berjumlah 46 gulungan. Di samping itu, Pseudopigrafa Doa Manasye dan 1 & 2 Esdras juga disenaraikan dalam lampiran. Panduan bagi Alkitab bahasa Latin agama Katolik ada dalam Lampiran 1.

O. Terjemahan Armenia (abad ke-5)

Kata-katanya indah, bahkan digelar sebagai “ratu versi”. Perjanjian Lama diterjemahkan daripada terjemahan Vulgata (bahasa Latin), Perjanjian Baru diterjemahkan daripada terjemahan Yunani dan terjemahan Syria.

P. Terjemahan Arab (abad ke-5)

Q. Terjemahan dari Vulgata (bahasa Latin)

R. Terjemahan Slavonik / Slavia (Slavic) (abad ke-9)

2. Terjemahan semasa

Sehingga kini, menurut statistik, seluruh Alkitab atau sebahagian daripada Alkitab telah diterjemahkan ke dalam lebih daripada 2,000 dialek. Dianggarkan 98% orang dalam seluruh dunia dapat membaza Alkitab dalam dialek sendiri. Berikut dibincangkan tentang terjemahan bahasa Inggeris dan Cina yang lebih dekat kepada kita:

A. Terjemahan bahasa Inggeris

Terjemahan bahasa Inggeris yang utama adalah seperti berikut:

(1) Wycliffe’s Bible (tahun 1382, disemak pada tahun 1397)

Oleh sebab masa penyelesaian penterjemahan adalah sebelum mesin cetakan diciptakan pada tahun 1454, maka hanya ada manuskrip sahaja sebagai Alkitab bahasa Inggeris yang pertama dan merupakan terjemahan semula oleh Wycliffe berdasarkan terjemahan bahasa Latin yang popular. Apabila terjemahan ini dijadikan umum, orang awam juga mempunyai mempunyai peluang akses kepada Alkitab. Tafsiran gereja Rom tidak lagi dianggap sebagai kuasa mutlak. Oleh itu, Paus menentangnya sekeras-kerasnya terlebih dahulu, tetapi tindakan ini membangkitkan Reformasi Agama. Selepas Wycliffe meninggal dunia, mayatnya dibakar oleh pihak lawan lalu abunya dibuang ke dalam sungai.

(2) Tyndale Bible (tahun 1525)

Hasil terjemahan oleh Tyndale berdasarkan Alkitab bahasa Yunani dan bahasa Ibrani. Ia lebih tepat dan jelas menyatakan maksud asal Alkitab berbanding Wycliffe’s Bible. Selepas dicetak, Alkitab ini pernah disembunyikan di dalam bungkusan barang dan diseludup ke United Kingdom. Dia terpaksa melarikan diri ke merata tempat kerana menterjemahkan Alkitab. Pada 6 Jun 1536, dia dibakar hingga mati oleh biarawan yang berstatus lebih tinggi. Dia berusia 46 tahun pada masa itu.

- (3) **Coverdale Bible (tahun 1535)**
Hasil terjemahan oleh Coverdale daripada Alkitab bahasa Belanda dan bahasa Latin.
- (4) **Matthew's Bible (tahun 1537)**
Salinan oleh Rogers daripada Tyndale Bible dan Coverdale Bible.
- (5) **Great Bible (tahun 1539)**
Hasil suntingan Coverdale (nama samaran Matthew) berdasarkan Alkitab bahasa Latin, Tyndale Bible, Coverdale Bible dan Matthew Bible.
- (6) **Geneva Bible (tahun 1560)**
Hasil terjemahan semula oleh sarjana Protestan yang melarikan diri ke Geneva berdasarkan Tyndale Bible dan Great Bible, pernah popular untuk satu jangka masa. Alkitab yang digunakan secara paling meluas sebelum King James Version diterbitkan.
- (7) **Bishops' Bible (tahun 1568)**
Diadaptasi daripada Geneva Bible. Dibimbing oleh Parker, Uskup Agung British. Digunakan khas oleh gereja Anglikan di United Kingdom.
- (8) **King James Version (KJV) dan New King James Version (tahun 1611, versi baru tahun 1997)**
Raja James I melantik 47 orang sarjana pada tahun 1604 untuk menyemak semula "Bishop's Bible" yang telah digunakan secara rasmi pada masa itu supaya ia seboleh-bolehnya dekat kepada kebenaran dalam teks asal dan mengambil masa selama tujuh tahun. Isi kandungan terjemahan ini banyak dipengaruhi oleh Tyndale Bible. Pada asalnya adalah untuk kegunaan di gereja Presbyterian Scotland dan gereja Anglikan England dalam ibadah awam. Tetapi selama 300 tahun ini, Alkitab ini menjadi Alkitab yang paling penting dalam dunia bahasa Inggeris. Pada tahun 1997, New King James Version diterbitkan selepas memodenkan perkataannya dan ditambahkan dengan tanda baca yang baru.
- (9) **English Revised Version (Perjanjian Baru: tahun 1881, kitab lengkap: tahun 1885)**
Hasil daripada pindaan King James Version.

(10) American Standard Bible (ASB) dan New American Standard Bible (NASB) (tahun 1901, versi baru: tahun 1963, kitab lengkap: tahun 1970)

Hasil terjemahan oleh 51 orang United Kingdom dan 32 orang Amerika Syarikat berdasarkan King James Version dengan teks yang lebih jelas dan lebih mudah difahami. Banyak maktab teologi suka menjadikan terjemahan ini sebagai bahan pengajaran untuk kajian Alkitab. Merupakan Alkitab bagi gereja Katolik. Setelah itu, ada New American Standard Bible (NASB) yang telah selesai disemak.

(11) New Jewish Publication Society (NJPS) (tahun 1917, terjemahan baru: tahun 1982)

Pada asalnya merupakan Alkitab yang digunakan oleh orang Yahudi di Amerika Syarikat, dicetak pada abad ke-19. Walaupun penerbit Yahudi pernah merancang untuk menghasilkan satu lagi terjemahan lain (M. Jastrow sebagai penyunting utama, tahun 1892 - 1903), namun ianya tidak diselesaikan. Walau bagaimanapun, pada tahun 1917, ia masih menurut terjemahan Alkitab versi ayat tradisional. Pada tahun 1962, dengan menggabungkan kepercayaan agama Kristian, agama Katolik dan Yudaisme, Perjanjian Lama diterjemahkan menurut ayat kitab tradisional. New Jewish Publication Society Bible diterbitkan pada tahun 1982 dan ia sangat bernilai.

(12) Chicago Bible (Perjanjian Baru: tahun 1923, Perjanjian Lama: tahun 1927, kitab lengkap: tahun 1931, tambahan Apokrifa: tahun 1937)

Terjemahan dan penerbitan oleh Goodspeed. Dicadangkan secara khas oleh University of Chicago lalu ia menjadi popular. Gabungan Alkitab lengkap pada tahun 1931 (diberi nama The Bible, An American Translation).

(13) Revised Standard Version (RSV) (Perjanjian Baru: tahun 1946, Perjanjian Lama: tahun 1952, Apokrifa: tahun 1957, semakan semula: tahun 1959, 1971, 1990)

Merupakan Alkitab gereja Katolik. Dari tahun 1930 - 1957, ahli jawatankuasa yang dianggotai oleh sarjana Amerika Syarikat yang telah diberi kuasa oleh banyak denominasi besar menyelesaikan semakan ke atas American Standard Bible dengan kerjasama National Council of Churches dan International Council of Religious Education. Pada masa yang sama, terjemahan bagi Apokrifa juga ditambahkan. Misi asalnya ialah menghasilkan sebuah terjemahan yang dapat membekalkan "pemahaman yang terbaik tentang makna ayat kitab oleh sarjana masa kini, pada masa yang sama mengekspresikan pemahaman ini dengan kata-kata bahasa Inggeris yang sesuai digunakan dalam ibadah umum dan penyempurnaan rohani peribadi. Bahkan perlu mengekalkan ciri-ciri seperti King James Version (KJV) yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kesusasteraan bahasa Inggeris."

Sikap orang terhadap terjemahan ini adalah rumit. Ramai orang di Amerika Syarikat dan United Kingdom yang menghormatinya sebagai sebuah terjemahan bahasa Inggeris yang boleh dipercayai dan terkini. Ia mengekalkan keanggunan King James Version, dan pada masa yang sama membolehkan setiap ahli gereja, tidak kira muda atau tua memahaminya.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kritikan terhadap versi dan penterjemah ini. Mereka beranggapan bahawa idea-idea “modernisme” (Modernist) dalam teks terjemahan adalah terlalu kuat. Namun terdapat kumpulan sarjana lain yang mempunyai idea lain. Mereka merasakan bahawa penterjemah-penterjemah ini terlalu terikat dengan bahasa tradisional. Mereka sepatutnya menunjukkan lebih banyak kreativiti dan kebaruan dalam teks terjemahan. Versi ini cuba untuk berbentuk klasik dan juga moden pada masa yang sama. Oleh yang demikian, beberapa kekurangan tidak dapat dielakkan.

(14) The Gospel in Modern English (tahun 1952), The Young Church in Action (iaitu terjemahan Kisah Para Rasul) (tahun 1955), Wahyu (tahun 1957), The New Testament in Modern English (tahun 1958) dan Four Prophets (tahun 1963)

Sejak tahun 1947, dengan “Letters to Young Churches” sebagai tajuk, J. B. Phillips dari United Kingdom telah menerbitkan satu demi satu terjemahan bagi New Testament in Modern English dan Four Prophets: Amos, Hosea, First Isaiah, Micah. Teks terjemahan Phillips selalunya sangat aktif, mendekati terjemahan makna. Terdapat tiga prinsip dalam terjemahannya:

- (a) Teks terjemahan tidak terasa seperti teks terjemahan semasa dibaca.
- (b) Penterjemah tidak seharusnya memasukkan pendapat sendiri ke dalam teks terjemahan dan memaksa orang menerimanya.

Penterjemah harus melakukan yang terbaik untuk menghasilkan komunikasi yang berkesan dengan pembaca, sama seperti pengaruh penulis Alkitab ke atas pembaca asalnya.

(15) Amplified Bible (Perjanjian Baru: tahun 1958, Ayub - Maleakhi: tahun 1962, Kejadian - Ester: tahun 1964, kitab lengkap diterbitkan pada tahun 1965)

Terjemahan ini pada asasnya merupakan hasil perkembangan karya Frances Siewert di bawah tajaan The Lockman Foundation. Secara beransur-ansur, ia diterjemahkan dan diterbitkan dari bahagian ke bahagian secara berasingan.

Terjemahan ini adalah untuk menyenaraikan sebanyak mungkin kata-kata tunggal bahasa Inggeris yang sama dengan kata tunggal bahasa Ibrani utama (dan bahasa Yunani) di samping memasukkan pelbagai kata tunggal dan frasa bahasa Inggeris dalam kurungan ke dalam ayat kitab untuk menunjukkan skop makna bagi kata tunggal dan frasa dalam Alkitab utama. Akibatnya, teks terjemahan

menjadi sangat panjang. Contoh: 1 Kor 10:13 dalam Revised Standard Version (terjemahan RSV) hanya menggunakan 44 patah perkataan tetapi terjemahan ini pula telah menggunakan 139 patah perkataan.

Selain itu, terjemahan ini juga selalu memasukkan pendapat peribadi ke dalam ayat kitab dalam bentuk kurungan. Contohnya Kej 1:26 diterjemahkan kepada “God said, Let Us [Father, Son, and Holy Spirit] make mankind in Our image” yang bermaksud “Baiklah Kita (Bapa, Anak dan Roh Kudus) menjadikan manusia menurut gambar Kita”. (Bapa, Anak dan Roh Kudus) dalam kurungan ini ditambah sendiri oleh penterjemah. Oleh itu, semasa menggunakan terjemahan ini, kita perlu lebih berjaga-jaga dan berhati-hati.

(16) The New World Translation of the Holy Scriptures (NWT) (tahun 1960, 1971)

Jehovah’s Witnesses menerbitkan terjemahan ini pada tahun 1960 dengan tujuan “seboleh-bolehnya mengikut teks asal tetapi boleh difahami”. Oleh itu, terjemahan makna jarang berlaku. Pada tahun 1971, ia diterbitkan dalam lima bahasa. Keistimewaan terjemahan ini adalah menterjemahkan nama Tuhan sebagai Jehovah (Yahweh) dari awal sampai akhir. Penterjemahnya berpendapat bahawa penyunting atau penerjemah kuno menggunakan perkataan Lord atau God bagi menggantikan perkataan yang asalnya ialah Jehovah merupakan tindakan yang salah dan nama Jehovah harus digunakan semula. (Contoh: Kejadian 18:3). Dalam kata pengantar, ia membuat teguran terbuka terhadap terjemahan moden yang menggunakan frasa The Lord untuk menyembunyikan nama Tuhan iaitu Jehovah atau Yahweh.

Prestasi gaya bahasa Inggeris bagi terjemahan ini kebanyakannya janggal dan tidak elegan. Oleh sebab ia cuba untuk mempertahankan doktrin Jehovah’s Witnesses melalui teks terjemahan dan ulasan ayat kitab, maka itu mengurangkan nilai penggunaannya.

(17) The New English Bible (NEB) (Perjanjian Baru: tahun 1961, kitab lengkap: tahun 1970)

Gereja Scotland mencadangkan terjemahan baru ini pada tahun 1946. Tidak lama kemudian, gereja-gereja di United Kingdom, Wales, dan Ireland, gereja-gereja bebas utama di Amerika Syarikat (Methodist, Baptist, Congregational, Presbyterian, Quaker dan lain-lain.), serta Persatuan Alkitab di Amerika Syarikat dan Scotland menyokong perancangan ini.

Terjemahan ini adalah berdasarkan kitab-kitab tradisional versi terkini bagi ayat-ayat kitab Perjanjian Lama bahasa Ibrani dan bahasa Aram. Namun penterjemahnya juga banyak membuat perubahan berdasarkan Manuskrip Laut Mati, versi zaman kuno, serta manuskrip bahasa Ibrani yang berlainan

dan ramalan. Semua perubahan terjemahan, makna perkataan bahasa Ibrani secara harfiah, makna kata nama khas, pembetulan ayat kitab, susunan aturan maklumat dan sebagainya ditandakan dengan nota.

Perjanjian Baru pula tidak berdasarkan ayat kitab Yunani yang tetap. Para penterjemah secara terperinci mempertimbangkan pelbagai manuskrip kuno dan pemahaman yang berbeza bagi pelbagai versi lalu memilih perkataan yang tampak paling primitif dan seterusnya mencatatkan perkataan-perkataan penting lain yang berkemungkinan dipilih dalam nota. Terjemahan ini juga membekalkan pengenalan umum kepada Perjanjian Lama, Apokrifa dan Perjanjian Baru. Dengan itu, pembaca dapat memahami prosedur dan isu yang terlibat dalam terjemahan setiap bahagian. Kitab dicetak dalam bentuk bahagian, dengan tajuk di depan setiap perenggan.

The New English Bible merupakan sebuah terjemahan baru yang sebenar dan bukannya pindaan kepada terjemahan sedia ada. Ia hampir tidak mempunyai terjemahan perkataan untuk perkataan. Ia menggunakan idiom bahasa Inggeris yang terkenal, serius, berkesan dan langsung di samping mengelak daripada menggunakan frasa kuno dan slanga moden. Sudah tentu, sesetengah kata-kata kebiasaan juga muncul sekali-sekala.

Versi ini direka untuk pembacaan dan kegunaan samada di tempat umum ataupun tempat peribadi. Namun ia juga mendapat kritikan yang hebat. Ia menggabungkan pengetahuan para sarjana Alkitab yang terbaik di United Kingdom dan Scotland serta mempunyai kuasa rasmi yang diberikan oleh gereja-gereja bukan Roman Katolik utama di Kepulauan British.

(18) The Living Bible (TLB) (Perjanjian Baru: tahun 1962, kitab lengkap: tahun 1967)

Terjemahan ini mementingkan penterjemahan makna. Ia percaya bahawa terjemahan makna yang lebih maju daripada penterjemahan merupakan komen yang bersesuaian. Alkitab terjemahan makna ini sememangnya mempunyai sebahagian besar komen. Komennya adalah sama seperti yang dikatakan dalam kata pengantarnya iaitu ia merupakan “kedudukan Injil yang ketat”.

Dalam penterjemahan kesusasteraan, ia tidak terikat oleh susunan teks asal. Ia sedaya upaya menggunakan istilah yang berlainan untuk menyampaikan pemikiran penulis. Maka hampir semua bahagian mazmur dalam Alkitab diterjemahkan ke dalam bentuk prosa.

Terdapat nota kaki untuk ayat kitab dalam teks terjemahan. Mereka mencadangkan terjemahan yang berbeza sebagai makna tersirat penulis. Namun makna tersiratnya kadang-kala melebihi makna yang tidak pernah ada pada ayat kitab (contoh: rujuk nota kaki Yoh 13:20; Rm 3:21 dan Ibr 5:7, 9:18), dan kadang-kala mengubah naratif Alkitab itu sendiri (contoh: Mazmur 132 pada

asalnya adalah dalam kata ganti diri ketiga, tetapi terjemahan ini mengubahnya menjadi kata ganti diri pertama, dan ini membuat Daud menjadi pengarang mazmur tersebut).

Selain itu, terjemahan yang tidak tepat dan tidak bersesuaian juga selalu muncul dalam terjemahan ini. Contohnya “Pokok Kesedaran” di Kejadian 2:9,17, terjemahan asalnya ialah “pohon pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat”. Ini bermaksud ia menyemai pemikiran Yunani ke dalam teks Alkitab bahasa Ibrani secara paksaan dan tindakan ini tidak boleh diterima oleh dunia luar. Maksud Paulus dengan perkataan “menyelamatkan” dan “dibenarkan” juga telah diterjemahkan secara tidak sesuai iaitu “ke syurga” (Rm 1:16,17, 3:21, 4:4,5). Bahagian yang susah untuk diterjemahkan juga tidak diterjemahkan (contoh: Mrk 13:30).

Kesederhanaan kata-kata dalam teks terjemahan adalah menyenangkan, namun kesederhanaan yang keterlaluan selalunya tidak dapat menyampaikan makna sebenar teks keseluruhan secara lengkap. Contoh: 1 Kor 13:1 hanya diterjemahkan secara ringkas menjadi “I would only be making noise”, manakala 1 Kor 15:58 hanya diterjemahkan menjadi “nothing you do for the Lord is ever wasted”. Oleh itu, semasa membaca terjemahan ini, adalah lebih bersesuaian untuk mempunyai terjemahan lain di sisinya untuk membuat perbandingan.

(19) Good News for Modern Man - Today's English Version (TEV) (Perjanjian Baru: tahun 1966)

Pada tahun 1964, Robert G Bratcher, sarjana Alkitab dan pakar penterjemah dari The American Bible Society memulakan penterjemahan dari Injil Markus dalam Perjanjian Baru dengan The Right Time sebagai tajuk. Dengan bantuan jawatankuasa penasihat yang terdiri daripada sarjana dari United Kingdom dan Amerika Syarikat, pada tahun 1966, Bratcher menerbitkan keseluruhan terjemahan Perjanjian Baru - Good News for Modern Man - Today's English Version.

Today's English Version merupakan terjemahan baru yang menggunakan bahasa moden. Ia tidak menggunakan kosa kata dan gaya Alkitab yang tradisional. Kebolehbacaannya yang tinggi serta keaslian dan ketepatan penguasaan terjemahan makna ialah ciri-cirinya. Ilustrasi garisan Annie Valloton juga dimasukkan ke dalamnya untuk menerangkan ayat kitab. Tajuk bagi perenggan dan pembahagian ayat yang berkesan juga amat membantu pembacaan. Selain itu, ia memberi anotasi kepada kata nama, nama tempat dan nama manusia yang disebut dalam Perjanjian Baru dalam bentuk kaedah kamus. Tema utama, manusia, tempat dan peristiwa juga dimudahkan pencariannya dengan kaedah pengindeksan. Ini meningkatkan kepraktikalan pengguna.

(20) The Jerusalem Bible (JB) (tahun 1966)

Merupakan Alkitab gereja Katolik. Penyunting bagi terjemahan ini ialah Alexander Jones di Christ's College, Liverpool. Dengan bantuan 27 orang rakan sekerja, dia menterjemah dari tahun 1948 hingga tahun 1954 bersama dengan kumpulan sarjana yang diketuai oleh Roland De Vaux dari denominasi Dominican yang terkenal di Yerusalem. Terjemahan bahasa Perancis yang diterbitkan pada tahun 1956 dijadikan sebagai asas dalam kerja penterjemahan Alkitab bahasa Inggeris. Semasa menterjemah, penekanan khusus diberikan kepada aspek mencerminkan kesetiaan kepada Alkitab bahasa Ibrani dan bahasa Yunani.

Isi kandungan teks terjemahan termasuk kitab yang digelar oleh gereja Roman Katolik sebagai Kanon Kedua (gereja Protestan menggelarnya sebagai Apokrifa). Terjemahan ini ada artikel pengenalan, kaya dengan nota kaki, jadual dan peta. Merupakan sebuah terjemahan yang sangat penting yang kaya dengan warna-warni liberal bagi gereja Roman Katolik.

Walaupun pemikiran teologi penterjemah ada dinotakan di beberapa tempat (contoh: Mat 1:25, 18:18, 19:9), namun ia selalunya menunjukkan sikap konservatif dalam perihal berkaitan kritikan sejarah. Selain itu, bagi ayat-ayat kitab yang tidak terdapat dalam beberapa manuskrip kuno, walaupun ada perbezaan pendapat, namun ia tetap disenaraikan dalam teks terjemahan yang bersifat objektif (contoh: Mrk 16:9,20; Yoh 5:31-34, 6:53 - 8:11), dan diterangkan dalam nota kaki.

(21) The New American Bible (NAB) (tahun 1970)

Terjemahan ini merupakan hasil terjemahan secara langsung daripada teks asal di bawah sokongan Episcopal Committee of the Confraternity of Christian Doctrine, dengan melibatkan kira-kira 50 orang sarjana (4 antara mereka ialah pemercaya Protestan) dan mengambil masa hampir 25 tahun. Merupakan Alkitab gereja Katolik.

Inspirasi untuk mengerjakan terjemahan baru ini datang daripada Teori Umum Paus pada tahun 1943. Ia membenarkan penterjemahan Alkitab daripada bahasa asal dan meluluskan kerja "kerjasama antara saudara yang terpisah". Dengan itu, sarjana Alkitab dari gereja Roman Katolik memulakan kerja dalam bidang ini.

Teks terjemahan ini (mengandungi Apokrifa) secara keseluruhannya adalah sangat lancar dan berkemahiran dalam penulisannya. Hanya terdapat sedikit doktrin khas gereja Roman Katolik yang muncul dalam pengenalan dan nota kaki. Pemercaya Protestan juga menggunakannya sama seperti pemercaya Katolik.

(22) The New International Version (NIV) (Perjanjian Baru: tahun 1973, Perjanjian Lama: tahun 1976)

Terjemahan ini bertujuan untuk menjadi “versi standard” gereja-gereja denominasi konservatif dan denominasi evangelikal dengan sokongan dan tajaan New York Bible Society. Dari 34 buah organisasi gereja yang berlainan, dibahagikan kepada 20 kumpulan, lebih daripada 100 orang sarjana Protestan daripada denominasi konservatif dan denominasi evangelikal mengambil bahagian dalam kerja ini. Tujuan asal menerbitkan terjemahan ini pada masa itu adalah untuk mensasarkan orang-orang yang tidak puas hati dengan Revised Standard Version (RSV) dan New English Bible (NEB) yang dikatakan cenderung ke arah “liberal”, dan juga tidak puas hati dengan The Living Bible Paraphrased dan Amplified Bible yang popular di kalangan denominasi konservatif pada hari ini.

(23) Good News Bible (tahun 1976)

Menambah teks terjemahan Perjanjian Lama kepada Good News for Modern Man yang hanya mempunyai Perjanjian Baru. Digabungkan dan diterbitkan oleh American Bible Society.

B. Terjemahan bahasa Cina

Terjemahan bahasa Cina yang utama adalah seperti berikut:

(1) Terjemahan Nestorian (abad ke-7)

Terjemahan Alkitab bahasa Cina yang paling awal boleh dikaji dari tulisan di atas Monumen Nestorian. Pada tahun 1625, sebuah monumen batu ditemui berhampiran Xi’an, Shaanxi. Tulisan di atas batu tersebut ialah “Tugu Peringatan Penyebaran Agama Luminous dari Daqin di China”. Dari teks monumen tersebut kita dapat mengetahui bahawa agama Luminous (nota: agama Kristian denominasi Nestorianisme, muncul pada abad ke-5 AD) telah disebarkan di China pada tahun kesembilan Kaisar Tang Taizong (tahun 635 AD). Dalam teks monumen, ada kata-kata seperti “Kitab ... 27”, “Alkitab Sejati”, “Hukum Lama” (merujuk kepada Alkitab Perjanjian Lama) dan lain-lain. Dari beberapa rekod pada monumen ini, kita dapat memastikan bahawa Perjanjian Baru telah diterjemahkan ke dalam bahasa Cina pada sekurang-kurangnya pertengahan pertama abad ke-7. Malang sekali terjemahan ini tidak diwariskan sehingga kini. Namun, dari sejarah China, beberapa maklumat juga boleh didapati untuk membuktikan bahawa terjemahan Alkitab bahasa Cina sudah lama wujud.

(2) Terjemahan biarawan gereja Katolik (abad ke 13 - 17)

Biarawan gereja Katolik yang datang ke China juga mempunyai karya terjemahan. Bermula pada abad ke-13, Perjanjian Baru dan Mazmur diterjemahkan oleh gereja Franciscan pada zaman dinasti Yuan. Pada zaman dinasti Ming, Matteo Ricci menterjemahkan “Sepuluh Hukum” dengan nama bukunya sebagai “Jiren shipian” (Sepuluh Artikel dari Manusia Luar Biasa / Ten Chapters from the Extraordinary Man) (tahun 1584). “Interpretasi Langsung Alkitab” (Direct Bible Interpretation) (tahun 1636) terbitan gereja Katolik ada ayat-ayat kitab Injil.

(3) Terjemahan Marshman (John Marshman Version) (Perjanjian Baru bahasa Cina Klasik: tahun 1811, kitab lengkap: tahun 1822)

Pada awal abad ke-19, terdapat sesetengah orang yang menterjemahkan bahagian-bahagian Alkitab secara tidak putus-putus, namun hanya sedikit sahaja penterjemah yang menterjemahkan kesemuanya. Terjemahan penuh yang terawal ialah terjemahan yang diterbitkan di India. John Marshman merupakan mubaligh Baptist Church British di India. Terjemahan ini mula dilakukan oleh Joannes Lassar di sebuah universiti Anglo-Indian di kota Kolkata, India pada awal abad ke-19. Tidak lama kemudian, dia berpindah ke Serampore dan bekerjasama dengan Marshman lalu membuat terjemahan ke dalam bahasa Cina Klasik.

(4) Terjemahan Morrison (Milne) (Robert Morrison Version) (Perjanjian Baru bahasa Cina Klasik: tahun 1814, kitab lengkap: tahun 1824)

Semasa Marshman dan Lassar menterjemahkan Alkitab ke dalam bahasa Cina di India, Robert Morrison, mubaligh dari denominasi pemulihan (restorasi) yang pertama datang ke China juga melakukan pekerjaan yang sama di Guangzhou. Selepas tiba di Guangzhou pada tahun 1807, dia mula menterjemahkan Alkitab dengan berdasarkan manuskrip Muzium British (terjemahan gereja Katolik sekitar abad ke-17, hanya mengandungi 4 Injil, Kisah Para Rasul, surat-surat Paulus dan Ibrani fasal 1). Pada tahun 1810, Kisah Para Rasul terlebih dahulu siap dicetak. Pada tahun kedua, Injil Lukas juga selesai diterjemahkan dan dicetak. Dengan bantuan ekonomi daripada British Bible Society dan beberapa orang perseorangan, Morrison dapat meneruskan kerjanya sehingga menyelesaikan semua terjemahan Alkitab Perjanjian Baru pada tahun 1813 dan diterbitkan pada tahun 1814. Pada tahun yang sama, seorang lagi mubaligh, William Milne bekerjasama dengan Morrison untuk bersama-sama menterjemahkan Perjanjian Lama. Teks terjemahan Alkitab Perjanjian Lama diselesaikan pada tahun 1819. Kitab lengkap diterbitkan di Melaka, Malaysia pada tahun 1824 dan dibahagikan kepada 21 gulungan.

Jika membuat perbandingan antara terjemahan Morrison dan terjemahan Marshman, keduanya tidak jauh berbeza kerana menggunakan rangka tindakan (blue-print) yang sama sebagai dasar.

(5) Pindaan Empat Orang - “Kitab Reskrip Baru” (Perjanjian Baru bahasa Cina Klasik: tahun 1837, kitab lengkap: tahun 1840)

Kedua-dua terjemahan Morrison dan Marshman hanya dapat menampung keperluan pada masa itu. Kemudian, oleh sebab mubaligh barat semakin bertambah banyak, maka dirasakan adanya keperluan untuk menterjemahkan semula Alkitab. Pada masa itu, satu jawatankuasa kecil yang terdiri daripada empat orang pun mula bekerja. Terjemahan Alkitab Perjanjian Baru diselesaikan pada tahun 1835, semakan yang terakhir dilakukan oleh Medhurst pada tahun 1836 dan diterbitkan di Batavia pada tahun 1837 dan diberi nama “Kitab Reskrip Baru”. Ia berjumlah 325 muka surat dalam bentuk cetakan litografi. Ia amat popular dalam kalangan Taiping Heavenly Kingdom Army. Dalam tempoh 10-12 tahun kemudian, gereja denominasi pemulihan (restorasi) menjadikan terjemahan ini sebagai terjemahan Alkitab yang utama. Terjemahan Perjanjian Lama diselesaikan pada tahun 1840 dan berjumlah 665 muka surat.

(6) Terjemahan Gützlaff (Perjanjian Baru bahasa Cina Klasik: tahun 1840)

(7) Delegates Version (Perjanjian Baru bahasa Cina Klasik: tahun 1852, kitab lengkap: tahun 1854)

Apabila mubaligh United Kingdom dan Amerika Syarikat membuat keputusan untuk menterjemahkan semula Alkitab pada tahun 1843, London Missionary Society dan Congregational Church United Kingdom, serta Baptist Church Amerika Syarikat, Morrison Education Society dan lain-lain lagi menghantar wakil untuk berkumpul di Hong Kong pada tahun 1843. Keputusan penting resolusi adalah seperti berikut:

- a) Alkitab harus diterjemahkan ke dalam bahasa Cina dan diedarkan secara meluas.
- b) Hantar semua terjemahan pada masa itu kepada satu jawatankuasa untuk membuat semakan penuh.
- c) Jawatankuasa tersebut harus menyediakan satu terjemahan bahasa Cina Perjanjian Lama supaya ia bersesuaian dengan Perjanjian Baru yang disemak semula ini.
- d) Terjemahan bahasa Cina mestilah selaras dengan teks asal Ibrani dan Yunani dari segi makna. Walau bagaimanapun, dari segi idiom, gaya dan genre, mereka boleh ditulis mengikut gaya aksara Cina.

- e) Teks terjemahan haruslah menjadikan “Textus Receptus” sebagai rangka tindakan (blue-print).
- f) Semua jenis pengukuran dan nama mata wang mesti ditukar kepada nombor Cina, benda-benda semula jadi juga harus menggunakan nama yang sama.
- g) Bagi istilah “baptis”, Baptist Church dan bukan Baptis Church boleh mencetak dua versi dalam terjemahan yang sama. Selain istilah ini, segala-galanya harus sama.
- h) Bagi istilah “Shangdi” (Tuhan), penterjemah boleh menggunakan gelaran “Shen” atau “Shangdi” menurut kehendak sendiri, namun isu ini mesti dirujuk kepada jawatankuasa pusat untuk kata putus yang terakhir.
- i) Barangsiapa mubaligh yang berwibawa sebagai penterjemah mesti terlibat dalam kerja ini.
- j) Kerja semakan dibahagikan kepada lima bahagian berikut: (a) Kisah Para Rasul, Ibrani, 2 Petrus. (b) Injil Markus, 1 & 2 Korintus. (c) Injil Matius, Filipi, Filemon. (d) Injil Lukas, Roma, Galatia, Efesus. (e) Injil Yohanes, surat-surat Yohanes, Yudas, Wahyu.
- k) Cetakan versi semakan ini bukan kerja sebahagian orang, melainkan kerjasama antara semua ahli.

Menurut resolusi di atas, kerja terjemahan ini telah dilakukan oleh para mubaligh dari pelbagai tempat (malangnya, Baptist Church mengumumkan untuk menarik diri lalu membuat terbitan lain dengan terjemahan Marshman sebagai dasar). Mesyuarat perwakilan yang pertama diadakan di kediaman Medhurst di Shanghai pada bulan Jun tahun 1847. Mereka membaca dan mengkaji teks terjemahan Perjanjian Baru yang dihantar oleh para mubaligh dari pelbagai tempat untuk membuat keputusan yang terakhir. Namun para wakil sangat bertegas dalam pendapat mereka dari aspek istilah, contohnya “Shangdi” dan “Shen” (Tuhan). Keputusan akhirnya, ketika Perjanjian Baru dicetak, pihak penerbit yang berkenan boleh menyebutnya “Shen” atau “Shangdi” sebagaimana yang dikehendakinya. Maka, American Bible Society menggunakan istilah ‘Shen’ manakala British and Foreign Bible Society pula menggunakan istilah “Shangdi”.

Kerja menyemak Alkitab Perjanjian Lama adalah sangat berat. Dari pengalaman penterjemahan Perjanjian Baru, rancangan penterjemahan bersama sangat sukar untuk dilaksanakan. Oleh itu, para wakil bermesyuarat untuk berbincang pada bulan Disember tahun 1849. Rancangan awal tidak lagi diteruskan sebaliknya mengamanahkan kerja itu kepada jawatankuasa

perwakilan yang dianggotai oleh paderi. Mesyuarat mereka yang pertama diadakan pada 3/08/1850. Tidak lama kemudian, Medhurst, Stronach dan Milne yang mewakili London Missionary Society mengumumkan untuk menarik diri pada tahun 1851 kerana perbezaan pendapat. Namun mereka masih membuat semakan semula Perjanjian Lama selaras dengan prinsip-prinsip semakan semula Perjanjian Baru dan menjemput James Legge untuk membantu. Sejak dari itu, terdapat dua buah organisasi yang masing-masing melakukan kerja semakan yang sama bagi Perjanjian Lama sesuai dengan prinsip terjemahan mereka sendiri.

Edisi semakan Medhurst dan rakannya diselesaikan pada tahun 1853 dan diterbitkan pada tahun yang berikutnya. Oleh sebab disatukan dengan Perjanjian Baru yang diterjemahkan oleh jawatankuasa perwakilan, maka ia diberi nama “Delegates Version”.

Walaupun “Delegates Version” ini ialah edisi semakan, namun pada dasarnya ia ialah tulisan terjemahan baru. Terjemahan ini diubahsuai dengan bantuan seorang sarjana Cina, encik Wang Tao. Oleh itu, gaya penulisannya lebih baik berbanding dahulu. Walau bagaimanapun, dalam makna teks asal, banyak bahagian yang tepat telah dikorbankan kerana frasa yang digunakan adalah dekat dengan falsafah Cina. Ia kurang bersesuaian dengan pemahaman doktrin Kristian. Terjemahan ini menjadi universal di kalangan umat Kristian selama bertahun-tahun.

(8) Terjemahan Goddard (Perjanjian Baru bahasa Cina Klasik: tahun 1853, seluruh kitab: tahun 1868)

Goddard, mubaligh Baptist Church bertegas menggunakan istilah “jinli” (rendaman) bagi baptisan. Setelah menterjemahkan Kejadian hingga Imam, dua mubaligh lain, E. C. Lord dan W. Dean meneruskan serta menyelesaikan terjemahan ini kerana kesihatannya yang kurang baik.

(9) Terjemahan Bahasa Mandarin Nanking (Perjanjian Baru) (Perjanjian Baru bahasa Mandarin: tahun 1856)

Berdasarkan keperluan penyebaran agama oleh mubaligh di China, selain terjemahan kesusasteraan dan kesusasteraan mudah, terdapat satu lagi kerja yang penting iaitu terjemahan bahasa Mandarin bagi lisan. Pada masa itu, teks terjemahannya berkembang serentak dengan pembaharuan tulisan bahasa Cina. Alkitab Perjanjian Baru diterbitkan pada tahun 1856. Terjemahan ini digelar sebagai terjemahan Bahasa Mandarin Nanking (Perjanjian Baru).

- (10) Terjemahan Medhurst (Perjanjian Baru bahasa Mandarin: tahun 1857)**
- (11) Terjemahan Bridgman (Perjanjian Baru bahasa Cina Klasik: tahun 1859, kitab lengkap: tahun 1862)**
- (12) Terjemahan Bahasa Mandarin Peking (Perjanjian Baru bahasa Mandarin: tahun 1866, edisi semakan: tahun 1872, kitab lengkap: tahun 1878)**

Oleh sebab terdapat banyak kekurangan dalam terjemahan Bahasa Mandarin Nanking (Perjanjian Baru), maka satu jawatankuasa di Peking melaksanakan terjemahan bahasa Mandarin yang kedua dan terbitan pertamanya dicetak pada tahun 1866 di Peking. Edisi semakan pula diterbitkan pada tahun 1872. Penterjemahan istilah “Shangdi” (Tuhan) dan “Roh Kudus” sekali lagi menimbulkan perbincangan. Bagi istilah “Shangdi” (Tuhan) sahaja, terdapat tiga pendapat yang berbeza iaitu “Shen”, “Shangdi” dan “Tianzhu”. Hasil persetujuannya, tiga versi dibenarkan semasa penerbitan. British and Foreign Bible Society membuat terbitan dengan istilah “Shangdi” dan “Tianzhu” manakala American Bible Society pula membuat terbitan dengan istilah “Shen”. Selepas terjemahan ini diterbitkan, ia segera menggantikan kedudukan Wenli Version. Gaya terjemahan ini adalah secara terus, ringkas dan jelas, bahkan tidak menggunakan bahasa ibunda. Oleh itu, orang menggunakannya dengan rela hati.

- (13) Terjemahan Bishop Schereschewsky (Perjanjian Lama bahasa Mandarin: tahun 1874, kitab lengkap: tahun 1878, kitab lengkap dalam kesusasteraan mudah: tahun 1902)**

Selepas terjemahan Bahasa Mandarin Peking (Perjanjian Baru) diedarkan, Bishop Schereschewsky menerbitkan terjemahan bahasa Mandarin untuk Perjanjian Lama pada tahun 1874. Selepas disemak semula, pada tahun 1878, British and Foreign Bible Society menggabungkan Perjanjian Lama bahasa Mandarin terjemahan Bishop Schereschewsky dan Perjanjian Baru bagi terjemahan Bahasa Mandarin Peking untuk membentuk sebuah Alkitab yang lengkap. Ia menjadi universal di seluruh China selama bertahun-tahun. Pena terjemahan Perjanjian Lama ini adalah setia dan teks terjemahannya lancar. Selepas itu, Bishop Schereschewsky sekali lagi menyelesaikan terjemahan kesusasteraan mudah bagi Perjanjian Baru dan Lama. Kitab lengkap ini diterbitkan pada tahun 1902.

- (14) Terjemahan Lord (bahasa Cina Klasik: tahun 1885)**

(15) Terjemahan Griffith (Griffith John) (Perjanjian Baru dalam kesusasteraan mudah: tahun 1885, edisi semakan: tahun 1889, Perjanjian Baru bahasa Mandarin: tahun 1889, kitab lengkap: tahun 1905)

Walaupun terdapat banyak kelebihan dalam terjemahan Bahasa Mandarin Peking bagi Perjanjian baru, namun ada orang yang merasakan bahawa loghat utaranya terlalu kuat dan tidak sesuai dengan keperluan di bahagian selatan. Oleh itu, British and Foreign Bible Society dan National Bible Society of Scotland sekali lagi meminta Griffith untuk menterjemahkan satu terjemahan vernakular bagi Alkitab. Terjemahan Perjanjian Baru bahasa Mandarin Griffith diterbitkan pada tahun 1889. Perjanjian Lama pula selesai diterjemahkan pada tahun 1905. Terjemahan baru ini adalah berdasarkan terjemahan kesusasteraan mudahnya pada tahun 1885.

(16) Terjemahan Henry (John Burdon dan Henry Blodget) (Perjanjian Baru dalam kesusasteraan mudah: tahun 1889)

(17) Terjemahan Union Version (“Union Easy Wenli Version” Perjanjian Baru: tahun 1904; “Union High Wenli Version” Perjanjian Baru: tahun 1907, Perjanjian Lama: tahun 1919; “Union Mandarin Version” Perjanjian Baru: tahun 1906, seluruh kitab: tahun 1919; “Chinese Union Version with New Punctuation”, kitab lengkap: tahun 1989)

Oleh sebab mubaligh yang datang ke China masing-masing membuat penterjemahan dan mempromosikan terjemahan sendiri, ia menjadi halangan kepada pelaksanaan kerja penyebaran agama. Alkitab dalam dialek tempatan pada ketika itu juga meliputi terjemahan Shanghai, Fujian, Ningbo, Guangdong, Xiamen, Xinghua, Suzhou, Chaozhou, Wenzhou, Hakka dan lain-lain lagi. Oleh itu, di bawah kepimpinan persatuan Alkitab, mesyuarat agung mubaligh British and Foreign Bible Society dan American Bible Society diadakan di Shanghai pada tahun 1890. Dalam mesyuarat tersebut, mereka memutuskan untuk membentk jawatankuasa penterjemahan. Slogan mereka ialah “One Bible in three versions”. English Revised Version tahun 1885 dijadikan sebagai dasar utama bagi terjemahan baru dan melancarkan terjemahan gabungan. Tiga jawatankuasa ditubuhkan pada masa itu untuk bertanggungjawab menterjemahkan terjemahan 3 dalam 1 yang melibatkan “Union High Wenli Version”, “Union Easy Wenli Version” dan “Union Mandarin Version”. Khususnya untuk bahagian bahasa Mandarin, prinsip terjemahan mereka adalah seperti berikut:

a) Teks terjemahan mestilah vernakular supaya orang yang boleh membaca dapat memahaminya.

- b) Teks terjemahan mestilah dalam bahasa biasa, tidak boleh menggunakan dialek tempatan.
- c) Gaya penulisan mesti mudah difahami, tetapi juga mesti jelas dan boleh dibaca.
- d) Teks terjemahan mestilah sepadan dengan teks asal.
- e) Metafora harus diterjemahkan secara langsung dengan sebaik mungkin. Jangan menterjemahkan maknanya secara kasar.

Semua penterjemah berkumpul untuk kali pertama pada tahun 1891. Antara tiga jawatankuasa ini, kerja jawatankuasa untuk Union Mandarin Version adalah yang paling perlahan. Puncanya, dari bahasa Mandarin ke bahasa kebangsaan, mereka perlu mempertimbangkan isu tentang kepopularan, dan perubahan nama bukan sebab yang utama. Pada masa itu, bahasa vernakular masih belum dipandang berat oleh kelas cendekiawan. Mereka menganggapnya sebagai tidak layak untuk dipandang berat. Tetapi kitab terjemahan yang kreatif ini menjadi perintis utama kepada pergerakan vernakular. Untuk terjemahan perkataan Cina yang melibatkan kepercayaan dan terminologi biasa dalam gereja - Shangdi atau Shen, Roh Kudus atau Roh, baptisan atau rendaman, itu terpulang kepada budi bicara setiap persatuan Alkitab. Sehingga kini, persatuan Alkitab ada versi “Shangdi” dan versi “Shen”. Baptist Church mendapat kebenaran khas daripada persatuan Alkitab untuk mencetak versi “Shen” dan mengubah “baptisan” kepada “rendaman”.

Pada tahun 1907, Alkitab Perjanjian Baru tiga terjemahan diterbitkan secara berasingan. Ketika gereja-gereja bergabung untuk menyambut ulang tahun ke-100 Morrison ke China pada masa itu, wakil yang hadir kemudian mencadangkan untuk menggabungkan kedua-dua jawatankuasa Union High Wenli Version dan Union Easy Wenli Version kerana penulisan umum pada masa itu telah beransur-ansur cenderung ke arah gaya biasa. Terjemahan kitab penuh Wenli dan bahasa Mandarin masing-masing diterbitkan pada tahun 1919. Ia mengambil masa melebihi dua puluh tujuh tahun dari awal hingga akhir. Kini, “Union Mandarin Version” telah menjadi Alkitab bahasa Cina yang digunakan secara paling meluas di gereja Cina. Itulah Alkitab “Chinese Union Version” pada hari ini.

Dalam lapan puluh tahun ini, “Chinese Union Version” tidak henti-henti diedarkan dan digunakan. Walau bagaimanapun, oleh sebab kaedah tanda baca dan susun atur yang digunakan pada masa itu merupakan cara pada abad kesembilan belas, maka persatuan Alkitab menggunakan tanda baca baru dan cara baru untuk menyunting, mencetak dan menerbitkan “Chinese Union Version with New Punctuation” pada tahun 1989.

(18) Terjemahan Lu Zhen Zhong (Perjanjian Baru: tahun 1952, kitab lengkap: tahun 1972)

Terjemahan Alkitab oleh perseorangan Lu Zhen Zhong dari Hong Kong. Dia pernah menyempurnakan “the First Draft of the New Testament” pada tahun 1946 (diterbitkan oleh Yenching University Press). Pada bulan Mac tahun 1949, dia meneruskan kerja terjemahan di Hong Kong dengan bantuan kewangan dari British and Foreign Bible Society. Pada tahun 1952, “New Testament and New Translation” diterbitkan. Pada tahun 1972, “The Holy Bible A New Translation” pula diterbitkan. Disebabkan dedikasi dan kerja keras sepanjang hidupnya, alma mater Universiti Hong Kong menganugerahi dia Ijazah Doktor Kehormat Teologi pada 12/04/1973. Ia adalah lima puluh satu tahun selepas tarikh tamat pengajian asalnya (tahun 1922).

(19) Terjemahan Pontifical Biblical Commission (tahun 1969)

Terjemahan ini merupakan Alkitab bahasa Cina bagi gereja Katolik. Demi memenuhi harapan Second Vatican Council, Pontifical Biblical Commission merujuk kepada terjemahan Alkitab bahasa Yunani yang diterbitkan bersama oleh lima persatuan Alkitab lalu menterjemahkannya dengan diberi nama “Chinese New and Old Testament editions”. Selain disertakan dengan Apokrif, terdapat lagi tiga lampiran: (1) senarai imam-imam besar terdahulu, (2) kronologi Alkitab dan peristiwa besar dalam dunia, (3) indeks doktrin Alkitab.

(20) Terjemahan Today’s Chinese Version (TCV) (Perjanjian Baru: tahun 1975, tambahan Mazmur: tahun 1976, kitab lengkap: tahun 1979, edisi semakan: tahun 1997)

Hasil terjemahn berdasarkan Good News for Modern Man - Today’s English Version (TEV). Diterbitkan oleh United Bible Societies.

Pada zaman 60-an, persatuan Alkitab terima respon daripada gereja dan para pemercaya lalu beranggapan banyak frasa yang digunakan di dalam Chinese Union Version adalah terlalu lama. Oleh itu, terdapat cadangan untuk menterjemahkan dan menyemaknya semula. Semasa ekuinoks musim luruh tahun 1971, profesor Xu Mu Shi, dr. Luo Wei Ren dan dr. Chow Lien Hwa menterjemahkan semula Alkitab bahasa Cina dengan prinsip “makna yang konsisten dan kesan yang sama”. Sebab-sebab terjemahan ini diterjemahkan semula adalah seperti berikut:

- a) Atas sebab sumbangan arkeologi dan banyak manuskrip Alkitab bahasa asal yang dekat kepada zaman rasul ditemui satu-persatu berturut-turut, maka ia dijadikan sebagai dasar bagi terjemahan baru supaya dapat menjelaskan kebenaran dengan lebih berkesan.

- b) Bahasa akan berubah dari masa ke masa. Untuk mengelakkan daripada perkataan yang sama menghasilkan makna yang berbeza akibat masa yang berlainan dan ayat-ayat kitab disalahertikan oleh pembaca di kemudian hari, maka perlu adanya terjemahan Alkitab yang bersesuaian dengan bahasa moden.

Ketika “Chinese Union Version” diselesaikan, ayat-ayat yang dapat dibaca dan difahami atau dianggap lancar oleh pembaca pada masa itu mungkin sukar untuk difahami oleh pembaca pada hari ini. Maka, terjemahan ini membuang istilah dan ayat yang sukar difahami dalam “Chinese Union Version” sebaliknya menjadikan istilah dan ayat yang selaras, lancar, mudah difahami, mementingkan aspek lisan, fasih dalam pembacaan dan bersifat kontemporari sebagai prinsip panduan utama.

Oleh yang demikian, terjemahan ini khususnya menegaskan bahawa “mendengar” dan “membaca” adalah sama penting. Selari dengan perkembangan bidang penyiaran, “mendengar” juga merupakan salah satu cara untuk mendapatkan maklumat. Maka jika ayatnya terlalu elegan, sehingga menyebabkan bacaannya tidak lancar, atau tidak dapat difahami pada pendengaran pertama, ia mesti diubah. Menurut prinsip ini, “Today’s Chinese Version” mengubah terjemahan “Chinese Union Version”. Contohnya Mazmur 23:3 “menuntun aku di jalan yang benar oleh kerana nama-Nya”, “jalan yang benar” diubah kepada “jalan yang jujur” supaya lebih sesuai untuk lisan.

Prinsip terjemahan ini dari aspek transliterasi adalah dengan meminimumkan transliterasi (contoh: Mat 5:22 - “Kafir”, “Jahil” diterjemahkan sebagai “sisa buangan” dan “benda bodoh”; Yoh 11:16 - “Didimus” diterjemahkan sebagai “kembar”; Mat 6:24 - “Mamon” diterjemahkan sebagai “wang”). Sistem pengukuran dan timbangan adalah menggunakan sistem metrik antarabangsa, manakala masa pula adalah berdasarkan kaedah pengiraan antarabangsa moden.

(21) Terjemahan Chinese Living Bible (Perjanjian Baru: tahun 1976; Perjanjian Lama: tahun 1978)

Hasil terjemahan berdasarkan The Living Bible.

(22) Terjemahan Chinese New Version (Perjanjian Baru: tahun 1976, Perjanjian Lama: tahun 1992, panduan kitab lengkap: tahun 1992)

Hasil terjemahan di bawah tajaan The Lockman Foundation, menjadikan New American Standard Bible terbitan yayasan tersebut sebagai rangka tindakan (blue-print), dengan penglibatan sarjana Alkitab Cina yang dikumpulkan oleh jawatankuasa penyuntingan dan penterjemahan pada tahun 1972. Diterbitkan oleh Tien Dao Publishing House Ltd pada tahun 1993.

Ciri utama dalam terjemahan ini adalah mengelakkan pemikiran yang tidak senonoh ketika menterjemahkan nama orang. Contohnya “Liu Bian” (Ruben) diubah menjadi “Liu Ben”, “Ni Ge Di Mu” (Nikodemus) diubah menjadi “Ni Ge De Mu”, “You A Die” (Euodia) diubah menjadi “You A Di”, “A Ni Xi Mu” (Onesimus) diubah menjadi “Ou Ni Xi Mu”. Selain itu, setiap gulungan kitab disertakan dengan pengenalan ringkas dan ini sangat berguna kepada pembaca. Teks terjemahan lancar dan anotasinya senang untuk dibaca.

(23) Kitab Panduan (tahun 1989)

Hasil suntingan menggunakan Union Version dengan ditambahkan komen (1989).

(Nota: perlu berhati-hati semasa menggunakannya. Pandangannya tentang Tuhan dan hari Sabat berbeza dari gereja ini.)

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, terjemahan baru untuk bahasa Cina telah diperkenalkan secara berterusan. Ini fenomena yang menggembirakan bagi Gereja Cina. Kebenaran dalam Alkitab adalah kekal dan abadi. Namun disebabkan bahasa mempunyai sifat dan prestasi yang unik pada masa yang berlainan, maka terdapat keperluan untuk mengemaskini bahasa supaya ia sesuai dengan keperluan kontemporari. Kemunculan terjemahan bahasa Cina yang baru secara berterusan tidak merugikan kebenaran kerana kebenaran catatan Alkitab yang asal dapat dilihat dengan membuat banyak perbandingan.

(XII) KEWIBAWAAN, KEPENTINGAN DAN PERBANDINGAN PERKAITAN ALKITAB

1. Kewibawaan Alkitab

A. Sumber kewibawaan

Walaupun dituliskan oleh manusia, namun Alkitab ada kewibawaan kerana ia ialah perkataan Tuhan yang dituliskan dengan pimpinan Tuhan. Tentu sekali, ada banyak cara pimpinan Tuhan. Berikut diterangkan cara pimpinan Tuhan dan kata-kata yang digunakan dalam Alkitab:

(1) Perintah Tuhan

- a) “Sungguh, TUHAN yang mengucapkannya” (Yes 1:20)
- b) “Beginilah firman TUHAN” (Am 1:3)
- c) “beginilah firman TUHAN kepadaku” (Yes 8:11)
- d) “mulut TUHAN semesta alam yang mengatakannya” (Mi 4:4)
- e) “Firman TUHAN datang kepadaku / datanglah firman TUHAN kepadaku” (Yer 1:2,4; Yeh 3:16)

- f) “Hai anak manusia, bangunlah dan berdiri, kerana Aku hendak berbicara dengan engkau” (Yeh 2:1)
- g) “yang difirmankan Allah dengan perantaraan nabi-nabi-Nya...” (Kis 3:21)
- h) “Allah ... berbicara ... dengan perantaraan nabi-nabi” (Ibr 1:1)
- i) “orang-orang berbicara atas nama Allah” (2 Ptr 1:21)

(2) Gerakan Roh Tuhan

- a) Daud sendiri oleh pimpinan Roh Kudus berkata: “...” (Mrk 12:36)
- b) Tepatlah firman yang disampaikan Roh Kudus kepada nenek moyang kita dengan perantaraan nabi Yesaya (Kis 28:25)

Catatan dalam Alkitab, sama ada ianya perkataan Tuhan secara langsung atau dituliskan oleh manusia kerana gerakan Roh Tuhan, semuanya mewakili Tuhan. Oleh itu, menurut catatan (Luk 2:22,23), “hukum Taurat Musa” umat Israel juga merupakan “hukum Tuhan”. Selain itu, Paulus juga berkata kepada jemaat: “kamu telah menerima firman Allah yang kami beritakan itu, bukan sebagai perkataan manusia, tetapi — dan memang sungguh-sungguh demikian — sebagai firman Allah, yang bekerja juga di dalam kamu yang percaya.” (1 Tes 2:13). Memandangkan ia ialah firman Tuhan, maka semestinya Alkitab mempunyai kewibawaan Tuhan.

B. Penampilan kewibawaan

(1) Perkataan Tuhan

- a) Tuhan menyebarkan firmanNya melalui kata-kata atau surat-surat bertulis dalam pemberitaan Injil dan menunjukkan kewibawaan penyelamatan manusia. Barangsiapa yang tidak percaya atau yang tidak melakukannya, dia tidak dapat menikmati kerajaan syurga yang diharapkan (Rm 1:1; Gal 1:8,9; 1 Tes 2:13; 1 Tim 2:7; 1 Kor 15:1; 2 Tes 2:15, 3:14; Why 1:3; Rm 16:26).
- b) Perkataan dalam Alkitab bukan sahaja benar (1 Tim 1:15, 3:1, 4:9; 2 Tim 2:11; Tit 3:8), bahkan sungguh benar dan boleh dipercayai (Luk 1:1-4; Yoh 19:35), dan siapa yang percaya tidak akan dipermalukan (Rm 9:33).

(2) Ilham Tuhan

- a) "... oleh dorongan Roh Kudus orang-orang berbicara atas nama Allah." (2 Ptr 1:21). Selain berbicara dan menyatakan secara langsung, Tuhan juga menggunakan cara ilham supaya penulis Alkitab menuliskan mesej Tuhan. Maka jika ditolak Tuhan berbicara secara langsung, "segala tulisan yang diilhamkan Allah" (2 Tim 3:16) bukan sahaja tepat, bahkan pada masa yang sama juga menunjukkan kewibawaan yang diwakili oleh ilham Alkitab.
- b) Pengetahuan manusia terbatas dan perasaan rohani tidak mencukupi. Kita harus bergantung kepada Roh Tuhan untuk memahami makna sebenar Alkitab. Oleh itu, Ayub berkata: "roh yang di dalam manusia, dan nafas Yang Mahakuasa, itulah yang memberi kepadanya pengertian." (Ayb 32:8). Petrus juga mengingatkan kita: "Yang terutama harus kamu ketahui, ialah bahwa nubuat-nubuat dalam Kitab Suci tidak boleh ditafsirkan menurut kehendak sendiri, sebab tidak pernah nubuat dihasilkan oleh kehendak manusia, tetapi oleh dorongan Roh Kudus orang-orang berbicara atas nama Allah." (2 Ptr 1:20-21). Maka, untuk memahami Alkitab, kita perlu bersandar kepada ilham Roh Kudus.

(3) Perbuatan gereja

Rasul mendirikan gereja selepas Yesus terangkat ke syurga untuk meneruskan penyebaran firman Tuhan dan kebenaran Alkitab. Demi memberikan kewibawaan kepada gereja, Yesus khasnya memberitahu Petrus: "Engkau adalah Petrus dan di atas batu karang ini Aku akan mendirikan jemaat-Ku dan alam maut tidak akan menguasainya. Kepadamu akan Kuberikan kunci Kerajaan Sorga. Apa yang kauikat di dunia ini akan terikat di sorga dan apa yang kaulepaskan di dunia ini akan terlepas di sorga." (Mat 16:18-19). Sebuah gereja yang benar-benar menyebarkan menurut firman dalam Alkitab sepenuhnya adalah yang diberikan kewibawaan khas oleh Tuhan sebab barangsiapa yang berseru kepada nama Tuhan di sana akan diselamatkan (Rm 10:13).

2. Kepentingan Alkitab

A. Perjanjian Lama

Melihat dari segi pembukuan Alkitab Perjanjian Lama dan isi kandungannya, penulis sebenarnya ialah Tuhan. Jika dilihat dari segi masa, walaupun ianya telah berlalu, namun dalam teori agung Tuhan menyelamatkan dunia secara konsisten, kepentingannya tetap sama seperti Perjanjian Baru. Sebab-sebab utamanya adalah seperti berikut:

(1) Perkataan Tuhan tidak akan berlalu

Perjanjian Lama juga merupakan perkataan Tuhan. Satu iota atau satu titik pun tidak akan ditiadakan, sebelum semuanya terjadi (Mat 24:35)

(2) Tuhan dan murid-murid juga memandang berat tentang Perjanjian Lama

Dalam Perjanjian Baru, kata-kata Tuhan dan murid-murid yang menyatakan tentang Alkitab di samping memetik samada secara langsung atau tidak langsung daripada Perjanjian Lama adalah melebihi 600 kali. Selain itu, menurut Alkitab King James Version, terdapat 3779 ayat dalam empat kitab Injil. Berdasarkan statistik pendakwah Alkitab, Graham Scroggie, antaranya terdapat 1934 ayat yang merupakan sebahagian ataupun kesemuannya daripada perkataan Yesus. Dalam perkataan Yesus, terdapat 180 ayat (kira-kira satu dalam setiap sepuluh ayat) yang memetik daripada atau terus menyebut tentang Perjanjian Lama. Ini menunjukkan kepentingan Perjanjian Lama.

(3) Pernyataan tentang Alkitab

- a) Yesus menjawab ahli Taurat: “Apa yang tertulis dalam hukum Taurat?”, “Apa yang kaubaca di sana?” (Luk 10:26)
- b) Yesus mengucapkan perumpamaan: “Tidak pernahkah kamu membaca nas ini?...” (Mrk 12:10,11)
- c) Yesus berkata kepada orang-orang Farisi: “Sungguh pandai kamu mengesampingkan perintah Allah, supaya kamu dapat memelihara adat istiadatmu sendiri. Dengan demikian firman Allah kamu nyatakan tidak berlaku demi adat istiadat yang kamu ikuti itu.” (Mrk 7:9,13)
- d) Jawab Yesus kepada orang Saduki: “Kamu sesat, justru karena kamu tidak mengerti Kitab Suci maupun kuasa Allah.” (Mrk 12:24)
- e) Yesus berkata kepada orang-orang Yahudi: “Karena Aku berkata kepadamu: Sesungguhnya selama belum lenyap langit dan bumi ini, satu iota atau satu titikpun tidak akan ditiadakan dari hukum Taurat, sebelum semuanya terjadi.” (Mat 5:18)
- f) Yesus berkata kepada murid-murid: “Kitab-kitab Suci itu memberi kesaksian tentang Aku.” (Yoh 5:39)

(4) Memetik daripada Perjanjian Lama

- a) Yesus pernah memetik ayat Alkitab yang bersesuaian untuk menentang pencobaan Iblis. Dia berkata; “Enyahlah, Iblis! Sebab ada tertulis: Engkau harus menyembah Tuhan, Allahmu, dan hanya kepada Dia sajalah engkau berbakti!” (Mat 4:10)

- b) Petrus berkata kepada jemaat: “Bukankah telah dikatakan Musa: ... semua nabi ... mulai dari Samuel, dan sesudah dia, ...” (Kis 3:22,24)
- c) Yesus berkata kepada orang Saduki: “Tetapi tentang kebangkitan orang-orang mati tidakkah kamu baca apa yang difirmankan Allah, ketika Ia bersabda: Akulah Allah Abraham, Allah Ishak dan Allah Yakub? Ia bukanlah Allah orang mati, melainkan Allah orang hidup.” (Mat 22:31,32)
- d) Yesus berkata kepada orang-orang Farisi: “Jika demikian, bagaimanakah Daud oleh pimpinan Roh dapat menyebut Dia Tuannya, ketika ia berkata: Tuhan telah berfirman kepada Tuanku: duduklah di sebelah kanan-Ku, sampai musuh-musuh-Mu Kutaruh di bawah kaki-Mu.” (Mat 22:43,44)
- e) Sebenarnya, jika tempat di mana Tuhan menyebut tentang Perjanjian Lama diatur secara sistematis, isi kandungannya termasuk manusia diciptakan dan sistem perkahwinan diasaskan (Mat 19:4-6), kematian Habel (Mat 23:35), zaman Nuh (Mat 24:37), Sodom dimusnahkan (Luk 17:29), Abraham (Yoh 8:56), Tuhan menampakkan diri di dalam nyala api yang keluar dari semak duri (Mrk 12:26), kisah hidup Daud (Mat 12:3), pelayanan Elia (Luk 4:25), nabi Zakharia mati syahid (Mat 23:35) dan sebagainya. Ia meliputi semua sejarah Perjanjian Lama. Ayat yang paling bermakna ialah ayat berikut: “... penumpahan darah orang yang tidak bersalah mulai dari Habel, orang benar itu, sampai kepada Zakharia...” Ketika Yesus menyebut tentang kes pembunuhan dari Habel sampai kepada Zakharia, secara kebetulannya ia merupakan permulaan dan penghujung bagi catatan kes pembunuhan dalam sejarah seluruh Perjanjian Lama.

(5) Sebagai cerminan bagi generasi akan datang

Walaupun Perjanjian Lama mencatatkan peristiwa lepas yang telah berlaku, namun apa yang pernah ada akan ada lagi. Maka ia masih boleh dijadikan sebagai teladan ataupun sempadan bagi jemaat generasi yang seterusnya.

(6) Janji dan nubuat belum tergenap semuanya

Walaupun janji-janji dan nubuat-nubuat yang tercatat dalam Perjanjian Lama telah digenapi bagi bahagian yang berkaitan dengan kelahiran, pemberitaan Injil dan kematian Kristus, namun bahagian-bahagian yang lain ada yang sedang digenapi ataupun belum lagi digenapi. Maka, ia masih perlu dianggap sebagai klasik untuk meneroka rahsiannya.

B. Perjanjian Baru

Penulis sebenarnya bagi setiap gulungan dalam Alkitab Perjanjian Baru juga ialah Tuhan. Ia menerangkan tentang kehidupan Yesus dan para rasul beserta catatan kata-kata dan perbuatan mereka, permintaan dan harapan Tuhan terhadap gereja (jemaat) di samping memberi pengharapan hidup kekal kepada manusia. Penglihatan yang dilihat oleh rasul Yohanes di pulau Patmos pada tahun 95 SM telah ditunjukkan kepadanya oleh Tuhan supaya dia menuliskannya satu-persatu dan memberitahu generasi seterusnya tentang bagaimana perkembangan pengakhiran dunia.

Perjanjian Lama merupakan bayangan bagi Perjanjian Baru, sedang wujudnya ialah Kristus (Kol 2:17). Dalam Perjanjian Lama, ia adalah samar-samar, anugerah keselamatan Kristus dinyatakan antara tersirat mahupun tersurat. Dalam Perjanjian Baru, anugerah keselamatan disempurnakan sepenuhnya dengan kelahiran dan kematian Kristus Yesus.

3. Perbandingan perkaitan Alkitab Perjanjian Baru dan Perjanjian Lama

Jika kita membandingkan peristiwa yang dicatatkan dalam Perjanjian Baru dan Perjanjian Lama, kita boleh tahu: Perjanjian Lama menyebut tentang Tuhan menciptakan dunia, Perjanjian Baru menyebut tentang Tuhan memusnahkan dunia; Perjanjian Lama menyebut tentang Satan mengkhianati Tuhan, Perjanjian Baru menyebut tentang Tuhan membinasakan Satan; Perjanjian Lama mencatatkan tentang kegagalan manusia dalam Adam, Perjanjian Baru mencatatkan tentang kemenangan manusia dalam Kristus; permulaan Perjanjian Lama ialah asal-usul segala sesuatu, permulaan Perjanjian Baru ialah kelahiran Kristus; penghujung Perjanjian Lama ialah kutukan, penghujung Perjanjian Baru ialah berkat; dalam Perjanjian Lama tersembunyi janji dan harapan terhadap Kristus, Perjanjian Baru menyatakan janji dan memberitakan Kristus. Oleh yang demikian, Perjanjian Lama ialah benih, Perjanjian Baru ialah buah; Perjanjian Lama ialah ibu kunci, Perjanjian Baru ialah anak kunci. Maka, tema Perjanjian Baru dan Perjanjian Lama adalah sama, kesaksiannya sama, dan tentu sekali, kepentingannya juga sama.

(XIII) KESIMPULAN

Selama dua ribu tahun, Alkitab telah disebut sebagai “buku yang paling hebat di dunia” dan ini ada sebabnya. Alkitab pada asalnya dituliskan dalam bahasa Ibrani dan bahasa Yunani. Sehingga hujung bulan September tahun 2001, Alkitab telah diterjemahkan ke dalam 2,261 bahasa di dunia. Angka ini menunjukkan bahasa 98% populasi dunia dapat membaca Alkitab dalam bahasa mereka sendiri. Di Taiwan, terdapat Alkitab dalam bahasa Cina, Taiwan, Hakka dan tujuh suku kaum Orang Asli (Truku, Atayal, Amis, Bunun, Paiwan, Yami, Rukai). (Nota: belum ada Alkitab dalam bahasa Thao, Saisiyat, Pinuyumayan dan Tsou). Boleh dikatakan bahawa di mana ada manusia, di situ ada Alkitab. Pada tahun 1999

sahaja, persatuan Alkitab di seluruh dunia telah menjual sebanyak 628 juta buah Alkitab dari semua jenis. Malahan di Tanah Besar China, sejak Alkitab dibolehkan untuk dicetak pada tahun 1987, 25 juta buah Alkitab telah dicetak sehingga hujung tahun 2000 (RMB 12.5 setiap salinan), bahkan bekalnya tidak cukup untuk menampung permintaan. Nampaknya tidak ada mana-mana klasik dalam dunia yang dapat menandinginya. Alkitab telah menjadi sebuah buku yang terlaris, mempunyai pembaca yang paling ramai dan paling berpengaruh.

Dalam proses pembukuan dan perkembangan Alkitab, terdapat ramai orang yang ingin memusnahkan Alkitab, namun mereka tidak berjaya. Firman Tuhan ada kewibawaannya. Kuasa manusia tidak dapat menggoncangkan Alkitab. “rumput menjadi kering, dan bunga gugur, tetapi firman Tuhan tetap untuk selama-lamanya.” (1 Ptr 1:24-25). Memandangkan kita sebagai umat Kristian lebih memahami Alkitab berbanding orang biasa dalam dunia, maka kita harus lebih rajin mengkaji agar kita lebih memahami rahsia kebenaran Kristus. Selain itu, semasa memahami firman Perjanjian Lama, apa yang lebih penting dalam perjalanan Perjanjian Baru adalah lebih berjaga-jaga. Dengan bersandar kepada Tuhan, kita dapat berjalan dalam kasih karunia dan kasih Tuhan yang berkelimpahan dengan penuh keberanian sampai selama-lamanya.

(XIV) MAKLUMAT RUJUKAN

1. Robert L. Saucy. (1978). *Is the Bible Reliable?* Victor Books; Edition Unstated edition.
2. John W. Wenham. (1973). *Christ and the Bible*. Inter Varsity Press, Downers Grove, Illinois.
3. John R.W. Stott. (1982). *Understanding the Bible*. Scripture Union Publishing.
4. Laman web United Bible Societies <https://www.unitedbiblesocieties.org>

Lampiran 1: Indeks Alkitab bahasa Latin gereja Katolik

Perjanjian Lama: (46 gulungan dan 3 gulungan lampiran)

Kejadian, Keluaran, Imamat, Bilangan, Ulangan, Yosua, Hakim-hakim, Rut, 1 - 4 Raja-raja (* 1 & 2 Samuel dan 1 & 2 Raja-raja), Riwayat (* 1 & 2 Tawarikh), 1 & 2 Esdras (Ezra dan Nehemia), Tobit, Yudit, Ester, Ayub, Mazmur, Amsal, Pengkhotbah, Kidung Agung, Kebijakan Salomo, Sirakh, Yesaya, Yeremia, Ratapan, Barukh, Yehezkiel, Daniel, Hosea, Yoel, Amos, Obaja, Yunus, Mikha, Nahum, Habakuk, Zefanya, Hagai, Zakharia, Maleakhi, 1 & 2 Makabe. Lampiran: Apokrifa Doa Manasye dan 1 & 2 Edras.

Perjanjian Baru: (27 gulungan, sama dengan Alkitab Perjanjian Baru gereja-gereja denominasi pemulihan / restorasi)

MELIHAT KONSEP NILAI YESUS DARIPADA UCAPAN LAPAN BAHAGIA

Pendeta Xie Hong Jun

Keinginan setiap orang untuk mengejar kebahagiaan adalah sama. Namun, perjalanan setiap orang adalah berbeza. Kita harus berfikir samada kaedah yang digunakan adalah tepat. Jika tidak, kita umpama menjaring angin, tertanam di biji hampa dan selama-lamanya tidak akan mendapat kebahagiaan.

Yesus menunjukkan kepada kita lapan cara untuk mendapat kebahagiaan. Itulah nilai bagi kehidupan kita.

PERTAMA, NILAI MISKIN DI HADAPAN ALLAH

Miskin di hadapan Tuhan bermaksud kemiskinan dan kekurangan di dalam roh (the poor in spirit).

Pembelajaran bermula dengan mengakui kebodohan sendiri. Kata-kata bijak Socrates: "Satu-satunya perkara yang saya tahu ialah saya tidak tahu apa-apa". Zhongyong juga berkata: "anda hanya tahu kekurangan pengetahuan anda selepas belajar". Ucapan lapan bahagia dimulakan dengan orang yang miskin di hadapan Tuhan. Ini sama seperti memasuki pintu istana. Tanpa memasuki pintu ini, adalah mustahil untuk menikmati kecantikan di dalam istana. Setelah memasuki pintu ini, maka anda telah bersiap-sedia sepenuhnya. Dengan itu, barulah anda mendapat peluang untuk menerima berkat yang seterusnya.

Yesus pernah berkata, orang sakitlah yang memerlukan tabib (Mat 9:10-13). Jika penyakit anda sudah sampai ke tahap yang sangat kritikal, namun anda sendiri beranggapan bahawa anda tidak berpenyakit, anda tidak akan pergi berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan. Dengan adanya kesedaran penyakit, anda akan mencari cara untuk mengubati penyakit anda dan menyelesaikan penyakit tersebut.

Yang kedua, belajar menerima kekurangan dan kelemahan sendiri. Ternyata setiap orang adalah unik dan tunggal dalam dunia, masing-masing mempunyai keistimewaan dan nilai kewujudannya yang tersendiri. Namun, oleh sebab ada tubuh jasmani, ada pengaruh dosa, maka setiap orang juga ada kekurangan. Sekalipun sengaja menutup mata dan tidak memandangnya, ia tetap berada di sana dan tidak akan hilang. Hanya dengan menghadapinya, mengawalinya dan mengubahnya, kita akan bertumbuhbesar.

Oleh itu, memahami diri sendiri merupakan langkah pertama untuk pertumbuhan. Fahami kekuatan dan juga kelemahan sendiri.

Selepas refleksi, harus akui kesalahan dan kegagalan sendiri. Perkara yang dilakukan dalam gelap tidak dapat disembunyikan, pasti akan nyata bagi semua orang (1 Tim 5:24). *“Siapa menyembunyikan pelanggaranannya tidak akan beruntung, tetapi siapa mengakuinya dan meninggalkannya akan disayangi”* (Ams 28:13). Oleh itu, jangan merasionalkan kelakuan sendiri dan mencari alasan untuk diri sendiri (Ams 16:2).

Diri sendiri ada kelemahan. Meminta bantuan tidak akan mengurangkan nilai anda atau menjatuhkan air muka anda. Sebaliknya, anda akan mendapat penghormatan daripada orang lain. Tahu memang tahu, tidak tahu memang tidak tahu. Itulah pengetahuan.

Terdapat satu cerita dalam Perang Dunia ke-2. Sebuah kapal perang menemui cahaya di hadapannya semasa belayar di dalam kabus tebal. Kapten berfikir bahawa pihak yang satu lagi mungkin ialah kapal musuh lalu berkomunikasi dengannya melalui isyarat cahaya. Apabila mengetahui bahawa pihak yang satu lagi ialah sekutunya, dia memberikan perintah agar pihak tersebut mengelak ke tempat lain. Namun pihak tersebut menjawab bahawa mereka tidak boleh berbuat demikian. Kapten jeneral utama bertanya apakah pangkat pihak yang satu lagi. Pihak tersebut menjawab bahawa dia ialah tentera kelas pertama. Kapten berasa lebih marah lalu mengeluarkan ancaman melanggar perintah. Akhirnya pihak tersebut memberikan isyarat yang bermaksud situ adalah sebuah menara.

KEDUA, NILAI DUKACITA

Situasi yang paling ekstrem bagi istilah “dukacita” ialah kesedihan dan kesakitan yang melampau semasa saudara-mara meninggal dunia. Contohnya dukacita Yakob apabila dia beranggapan bahawa Yusuf telah mati (Kej 37:33-35).

Kita berdukacita apabila kehilangan orang yang dikasihi kerana adanya kasih yang mendalam. Contohnya Abraham meratapi dan menangi kematian Sara (Kej 23:2). Dukacita kerana penindasan dan kekecewaan juga adalah yang berbahagia. Walaupun ianya kelihatan bercanggahan, sebenarnya ini adalah sejenis paradoks, iaitu kebenaran yang seolah-olah bukan kebenaran tetapi ia sememangnya kebenaran.

Terdapat makna dan nilai yang positif di sebalik dukacita. Setelah kehilangan, kita akan lebih menghargai apa yang dimiliki sekarang, tahu berpuas hati dan bersyukur dengan keadaan semasa, menghargai nilai kehidupan, memegang masa yang ada dan hidup pada masa sekarang.

Setelah melalui dukacita, kita akan dapat memahami dukacita orang lain. Mendapat penghiburan Kristus dalam segala penderitaan kami, sehingga kami sanggup menghibur mereka, yang berada dalam bermacam-macam penderitaan dengan penghiburan yang kami terima sendiri dari Allah (2 Kor 1:3-7).

Dalam dukacita, terhasilnya keberanian dan harapan. Inilah optimisme yang paling benar, iaitu optimisme dalam pengalaman tragis, bukan optimisme yang naif dan jahil. Contohnya seperti pengalaman pakar psikologi, Viktor Frankl dalam kem konsentrasi (pusat tahanan). Dia membina aliran psikologi logoterapi. Makna hidup adalah sangat bernilai. Hanya orang yang pernah berjalan di sempadan maut sahaja yang dapat memahaminya.

Kehidupan kita adalah sama seperti permata yang diamanahkan Tuhan kepada kita untuk disimpan sementara dan untuk dinikmati bagi satu tempoh masa. Apabila masanya tiba, Tuhan akan mengambilnya semula untuk diletakkan di dalam perbendaharaanNya. Oleh itu, apabila orang yang sangat kita kasihi meninggal dunia, hidupnya telah beristirahat, berbahagialah orang-orang mati yang mati dalam Tuhan (Why 14:13).

KETIGA, NILAI LEMAH LEMBUT

Lemah lembut bermaksud perlu terlebih dahulu mengatasi sikap terburu-buru, kemarahan dan keganasan diri sendiri. Orang yang sabar melebihi seorang pahlawan, melebihi orang yang merebut kota (Ams 16:32). Pemupukan sifat lemah lembut ialah buah yang kuat, matang dan terdidik.

Lemah-lembut bukan bermaksud penakut melainkan memerlukan kekuatan yang lebih besar daripada keganasan untuk menundukkan keganasan. Siapapun yang menampar pipi kananmu, berilah juga kepadanya pipi kirimu (Mat 5:38-42). Kebiasaannya, seseorang menggunakan tangan kanan untuk menampar pipi kiri orang yang lain, melainkan jika dengan sikap yang sangat menghina, maka seseorang akan menampar pipi kanan orang lain dengan belakang telapak tangan kanan. Fokus utamanya bukan persoalan tentang kesakitan, melainkan sejenis penghinaan yang memalukan. Namun Tuhan berkata, berikanlah juga kepadanya pipi kirimu. Ini bukan bermaksud menyuruhnya untuk menampar sekali lagi, tetapi bermaksud rela bersabar sehingga akhir, bersikap lemah lembut dan menghadapinya secara positif.

Ishak ditindas oleh orang Filistin. Mereka merebut sumurnya sebanyak dua kali. Ishak bersabar dan mengaku kalah. Untuk sumur yang ketiga, orang Filistin tidak bertengkar lagi. Maka Ishak menamainya "Rehobot" (Kej 26:17-22) yang bermaksud kelonggaran. Orang yang lemah lembut tidak akan dipandang rendah oleh orang lain. Ishak bukannya tidak mempunyai kekuatan untuk melawan. Bapanya, Abraham pernah mengalahkan empat raja dengan memimpin 318 orang dan menyelamatkan Lot sekeluarga. Namun Ishak menghadapinya dengan kelemah-lembutan dan akhirnya mempengaruhi pihak lawannya.

"Orang yang sabar besar pengertiannya, tetapi siapa cepat marah membesarkan kebodohan." (Ams 14:29). Sememangnya hati kita akan berasa marah apabila melihat sesuatu yang tidak adil. Namun apa yang dilakukan semasa berada dalam kemarahan mungkin akan ada silapnya. Bukankah itu hanya membawa kepada kejahatan dan menyatakan kebodohan sendiri (Mzm 37:7-8). Hendaklah lambat untuk marah, sebab amarah manusia tidak mengerjakan kebenaran di hadapan Allah (Yak 1:19).

“Dengan kesabaran seorang penguasa dapat diyakinkan dan lidah lembut mematahkan tulang.” (Ams 25:15). “kalaupun seorang kedapatan melakukan suatu pelanggaran, maka kamu yang rohani, harus memimpin orang itu ke jalan yang benar dalam roh lemah lembut.” (Gal 6:1). “Dan siap sedialah pada segala waktu untuk memberi pertanggungjawaban jawab kepada tiap-tiap orang yang meminta pertanggungjawaban dari kamu tentang pengharapan yang ada padamu, tetapi haruslah dengan lemah lembut dan hormat.” (1 Ptr 3:15-16).

Kelemah-lembutan ialah rahsia komunikasi yang dapat memperoleh hasil hubungan sosial yang baik dengan kata-kata yang benar, yang munasabah, masuk akal dan memaafkan. Jika dapat memenangi hati orang lain seperti ini, maka ianya umpama mendapat tanah yang luas. Intipati falsafah Lao Tzu: “merendahkan diri”, “bertahan dalam kelemahan”, lautan berada di kedudukan yang rendah lalu dapat menerima air daripada beratus sungai. “Dapat melihat dengan teliti - bijak, dapat bertahan dalam kelemahan - kuat” (Lao Tzu bab 52).

KEEMPAT, NILAI LAPAR DAN HAUS AKAN KEBENARAN

“Kebenaran” ialah perkara-perkara yang adil, betul dan harus dilakukan. Dapatkan realisasi “kebenaran” dengan keperluan yang kuat umpama lapar dan haus.

Minuman dan makanan ialah syarat hidup bagi tubuh jasmani. Realisasi kebenaran ialah nilai kewujudan jiwa rohani. *“Siapa berpegang pada kebenaran yang sejati, menuju hidup, tetapi siapa mengejar kejahatan, menuju kematian.” (Ams 11:19).*

Mula-mula sekali, harus mengenali konotasi “kebenaran”. Baca Alkitab dengan fasih, fahami Alkitab dan praktikkan Alkitab (2 Tim 3:16); bukannya mengenalpasti konotasi “kebenaran” dengan idea subjektif sendiri. Orang yang menganggap dirinya benar adalah seperti orang Farisi. Hakikatnya, konsepnya telah menyimpang, namun masih merasakan dirinya memegang peraturan dalam hukum Taurat dengan ketat. Hari Sabat dijadikan sebagai tali yang mengikat manusia, firman Allah dinyatakan tidak berlaku demi adat istiadat nenek moyang (Mat 15:1-6).

“Berbahagialah yang kesukaannya ialah Taurat TUHAN, dan yang merenungkan Taurat itu siang dan malam. Ia seperti pohon, yang ditanam di tepi aliran air, yang menghasilkan buahnya pada musimnya, dan yang tidak layu daunnya; apa saja yang diperbuatnya berhasil.” (Mzm 1:2-3).

Tetapkan koordinasi hidup, tuliskan manifesto bagi amanat hidup manusia, jadikan “prinsip” sebagai fokus dalam kehidupan. Kekayaan, nama, kuasa, pencapaian, kenikmatan dan lain-lain lagi bukanlah matlamat utama dalam kehidupan manusia, tidak dapat memberikan kepuasan yang sebenar kepada manusia.

Seekor musang yang lapar berasa sangat gembira ketika ia melihat sebuah ladang anggur. Ia menemui satu lubang kecil lalu menyelinap masuk ke dalam dan makan sepuas-puasnya selama tiga hari berturut-turut. Apabila ia mendengar bunyi tapak kaki peladang, ia ingin keluar melalui lubang tetapi menghadapi kesulitan kerana kegemukannya melebihi saiz lubang tersebut. Ia terpaksa bersembunyi dan menahan kelaparan selama tiga hari dan menjadi kurus seperti sebelumnya untuk keluar daripada ladang anggur.

Perjalanan hidup Paulus merupakan realisasi kebenaran. Akhirnya dia percaya bahawa dia dapat memperoleh mahkota kebenaran (2 Tim 4:6-8).

KELIMA, NILAI MURAH HATI

Bersimpati dengan tragedi kesedihan orang lain seolah-olah sendiri mengalaminya.

Mencius atau Mengzi berkata dalam buku Gong Sun Chou: “semua orang mempunyai hati yang berhati-hati dan bersimpati dengan nasib orang lain”. “Berhati-hati” bermaksud ekspresi yang terkejut. Kita takut dan risau perkara yang sama akan terjadi ke atas diri kita sendiri lalu melahirkan perasaan tergerak dengan belas kasihan dalam hati kita.

Belajar mengalami kelemahan dan kesulitan orang lain. Setiap orang sebenarnya memiliki hati yang berbelas kasihan. Tetapi, hati sesetengah orang telah tercemar dan menjadi lali. Ini kerana perkara-perkara yang salah semakin banyak dan kasih manusia telah beransur-ansur menjadi dingin dan tawar. Walau bagaimanapun, hati yang berbelas kasihan janganlah hilang.

Anak tunggal kepada janda telah mati. Dia tidak ada suami sebagai tempat sandaran dan kini anak tunggalnya juga telah pergi. Apa lagi yang boleh dilakukan dalam hidupnya? Apakah hidupnya masih mempunyai nilai? Ketika dia dalam kekecewaannya, ketika Tuhan melihat janda itu, tergeraklah hati-Nya oleh belas kasihan, lalu Ia berkata kepadanya, jangan menangis, lalu membangkitkan orang mati (Luk 7:11-17).

Yesus melihat orang banyak yang lelah dan terlantar lalu tergeraklah hatiNya oleh belas kasihan kepada mereka (Mat 9:36).

Oleh itu, dengan hati yang berbelas kasihan, kita memberitakan Injil Kristus dan mengkhabarkan berita baik kasih karunia.

Di dalam gereja, kita merupakan banyak anggota bagi tubuh Kristus. Kita sepatutnya saling menjaga. “*Jika satu anggota menderita, semua anggota turut menderita.*” (1 Kor 12:26). Sama seperti Paulus yang mempunyai hati yang berbelas kasihan: “*Jika ada orang merasa lemah, tidakkah aku turut merasa lemah? Jika ada orang tersandung, tidakkah hatiku hancur oleh dukacita?*” (2 Kor 11:29).

Gunakan belas kasihan untuk meningkatkan deposit perasaan dan nilai dalam hubungan, fahami keadaan, perasaan dan idea orang lain. Jadikan keperluan pihak yang lain sebagai pertimbangan prioriti dan bekerjasama dengannya. Semakin banyak belas kasihan yang diberikan, semakin banyak juga belas kasihan yang diterima.

Belas kasihan akan menang ke atas penghakiman. Ini kerana orang yang berbelas kasihan juga akan menerima belas kasihan semasa penghakiman; Tuhan, Hakim akan memberikan belas kasihan. Ini satu-satunya cara untuk “berjalan melalui pintu belakang” dan “menghadiahkan angpau” di hadapan penghakiman (Yak 2:13). Belas kasihan juga merupakan simbol bagi kuasa, yang berkedudukan besar menunjukkan belas kasihan kepada yang berkedudukan kecil.

KEENAM, NILAI SUCI HATI

Hati yang suci (the pure at heart) bermaksud tumpukan perhatian, tidak ada perkara-perkara sampingan, tidak ada keraguan, tidak ada penipuan, tidak ada ikatan.

“Sucikanlah hatimu, hai kamu yang mendua hati!” (Yak 4:8). “Hendaklah ia memintanya dalam iman, dan sama sekali jangan bimbang, sebab orang yang bimbang sama dengan gelombang laut, yang diombang-ambingkan kian ke mari oleh angin. Orang yang demikian janganlah mengira, bahwa ia akan menerima sesuatu dari Tuhan. Sebab orang yang mendua hati tidak akan tenang dalam hidupnya.” (Yak 1:6-8).

“Siapakah yang boleh naik ke atas gunung TUHAN? Siapakah yang boleh berdiri di tempat-Nya yang kudus? Orang yang bersih tangannya dan murni hatinya, yang tidak menyerahkan dirinya kepada penipuan, dan yang tidak bersumpah palsu.” (Mzm 24:3-4).

Mula-mula sekali, harus suci hati dengan satu niat dalam doa, masuklah ke dalam kamar, tutuplah pintu dan berdoalah kepada Bapa yang ada di tempat tersembunyi. Kemudian, harus mengejar hati yang suci dalam fikiran dan cita-cita. Orang yang memandang perempuan serta menginginkannya sudah berzinah dengan dia. Mengapakah penghakiman Tuhan Yesus begitu ketat sekali? Ini bertujuan menyuruh kita untuk perhatikan pergerakan niat dan cita-cita kita. Pemikiran ialah permulaan bagi tindakan. Jika dapat berhati-hati dan berwaspada dalam pemikiran, maka sesuatu kesilapan tidak akan diteruskan.

Orang yang suci hatinya tidak dibebani oleh dunia kerana benih yang ditaburkan di tengah semak duri tidak dapat berbuah (Mat 13:22). Sebahagian beban yang menghalang jalan ke syurga harus diambil, dan batu-batu sandungan yang mudah menjatuhkan harus dialihkan (Ibr 12:1). Beberapa tabiat buruk dalam kehidupan haruslah diubah. Dosa kecil juga ialah dosa. Jangan beranggapan bahawa ianya tidak apa-apa, sikit-sikit lama-lama jadi bukit, kelak nanti ia menjadi dosa besar yang tidak terampuni.

“Sebab itu jauhilah nafsu orang muda, kejarlah keadilan, kesetiaan, kasih dan damai bersama-sama dengan mereka yang berseru kepada Tuhan dengan hati yang murni.” (2 Tim 2:22).

Secara praktikalnya, orang yang suci hatinya harus belajar tentang intipati pengurusan masa, membezakan antara perkara yang utama dan tidak, utamakan yang prioriti. Hapuskan pertalian perkara-perkara sekunder, perlu ada keberanian untuk mengatakan “tidak”.

Orang yang suci hatinya menjadi kudus, sama seperti sifat keilahian Tuhan yang kudus. Antah berkumpul sama antah, beras bersama beras. Orang yang kudus akan dapat mendekati Tuhan yang kudus, “tanpa kekudusan tidak seorangpun akan melihat Tuhan.” (Ibr 12:14).

KETUJUH, NILAI MEMBAWA DAMAI

Orang yang membawa damai ialah pencipta keamanan (peacemakers). Konflik yang sedia dapat diselesaikan dan dileraikan menerusi komunikasi dan penyelarasan lalu menghasilkan keamanan.

“Engkau akan membangun reruntuhan yang sudah berabad-abad, dan akan memperbaiki dasar yang diletakkan oleh banyak keturunan. Engkau akan disebutkan ‘yang memperbaiki tembok yang tembus’, ‘yang membetulkan jalan supaya tempat itu dapat dihuni’” (Yes 58:12).

Jika Musa tidak mengetengahi umat di hadapan-Nya, Tuhan telah memusnahkan mereka (Mzm 106:23). Musa ialah pembela. Dia menjadi jambatan antara Tuhan dan umat Israel yang pengkhianat. *“Ah, bangsa ini telah berbuat dosa besar, sebab mereka telah membuat allah emas bagi mereka. Tetapi sekarang, kiranya Engkau mengampuni dosa mereka itu — dan jika tidak, hapuskanlah kiranya namaku dari dalam kitab yang telah Kautulis.”* (Kel 32:31).

Jawatan yang paling penting bagi pembawa damai antara manusia dan Tuhan ialah penyelamatan Yesus. Dia datang ke dalam dunia, merobohkan tembok pemisah, iaitu perseteruan (Ef 2:13-16).

Pada masa yang sama, kita harus membawa damai di antara manusia (Rm 14:19), jangan saling jadi pemfitnah, mengasingkan atau menceraikan (Ams 16:28).

“Siapa menutupi pelanggaran, mengejar kasih, tetapi siapa membangkit-bangkit perkara, menceraikan sahabat yang karib.” (Ams 17:9).

Orang yang menasihatkan kesejahteraan mendapat sukacita (Ams 12:20). Jadilah adil dan munasabah. Bagian orang yang tinggal di dekat barang-barang adalah sama seperti bagian orang yang pergi berperang (1 Sam 30:21-25). Oleh itu, Daud memenangkan hati semua orang dan tidak menimbulkan konflik dalaman.

Seorang umat Kristian menghadapi kesesakan lalu lintas semasa memandu. Berhenti sekejap, maju sedikit dan begitulah seterusnya. Di persimpangan, dia mendapati bahawa kesesakan lalu lintas tersebut disebabkan oleh kemalangan kereta. Dua orang pemandu bergaduh tentang siapa yang betul dan siapa yang salah. Kedua-dua buah kenderaan diletakkan di tengah-tengah jalan. Tiada siapa yang mengambil peduli dan pergaduhan tersebut tidak berpenghujung. Umat Kristian tersebut turun dari keretanya dan bertanya. Rupa-rupanya pemilik kereta yang lebih rosak menegaskan pampasan, tetapi pihak yang lain merasakan bahawa dia tidak bersalah dan tidak rela membayar pampasan. Umat Kristian bertanyakan jumlah pampasan yang perlu dibayar, iaitu tiga ribu Yuan sahaja. Umat Kristian membayar jumlah pampasan itu dari poketnya sendiri. Dengan itu, dua buah kereta tersebut dialihkan dan lalu lintas segera menjadi lancar. Setiap orang memuji umat Kristian tersebut dan berkata, rupanya umat Kristian. Dengan itu dia memberi kemuliaan kepada nama Tuhan bahkan digelar sebagai “anak Tuhan”.

KELAPAN, NILAI DIANIYAI OLEH SEBAB KEBENARAN

Berbahagialah orang yang dinista kerana nama Kristus, sebab roh Tuhan ada padanya (1 Ptr 4:14).

Para rasul dianiayai, tetapi mereka telah dianggap layak menderita penghinaan oleh kerana Nama Yesus lalu mereka bergembira (Kis 5:40-41). Jika iman kepercayaan anda tidak berpengaruh, penganiaya tidak akan menasarkannya kerana anda tidak memberikan apa-apa ancaman. Jika kebolehan anda dalam memberitakannya menyebabkan orang lain memberikan perhatian dan berasa risau, tidakkah anda patut berasa gembira atas nilai mewujudan anda?

Stefanus mati teraniayai, dia menatap ke langit, lalu melihat kemuliaan Allah (Kis 7:54-56).

Lebih baik menderita kerana berbuat baik, daripada menderita kerana berbuat jahat (1 Ptr 3:17). Contohi teladan Kristus, mengikuti jejak-Nya (1 Ptr 2:20-25). Yesus pun dianiayai, kita sebagai murid-muridNya, adalah normal untuk dianiaya, tetapi ia adalah pelik dan tidak normal untuk tidak dianiaya.

Nabi palsu zaman purba tidak menghadapi penganiayaan kerana mereka pandai berkata-kata yang mengambil hati dan mengampu supaya raja dan umat berasa tenang dan gembira; tetapi tidak ada bahagian mereka dalam kerajaan syurga.

KEBIJAKSANAAN HIDUP YESUS

Pendeta Pan Jia Zhou

(I) KATA PENGANTAR

Tuhan Yesus berpesan kepada murid-murid *“Lihat, Aku mengutus kamu seperti domba ke tengah-tengah serigala, sebab itu hendaklah kamu cerdik seperti ular dan tulus seperti merpati.”* (Mat 10:16).

Umat Kristian bukan sahaja perlu memelihara iman kepercayaan diri sendiri apabila berhadapan dengan angkatan yang jahat, bahkan juga perlu menyempurnakan amanat yang telah dipercayakan oleh Tuhan iaitu memimpin orang kembali kepada Tuhan. Jika tidak mempunyai hati yang berjaga-jaga dan cerdik, adalah dikhuatiri bahawa diri sendiri pun tidak terlindungi lalu tidak usah lagi membincangkan tentang masuk ke dalam dunia untuk “menjala manusia”.

Oleh itu, belajarlah daripada kebijaksanaan hidup Yesus. Pertahankan iman kepercayaan sendiri dan jadi prajurit yang baik bagi Injil Tuhan merupakan isu penting bagi pemercaya benar pada masa kini.

(II) HIDUP MANUSIA UNTUK APA?

Jawab-Nya: *“Marilah kita pergi ke tempat lain, ke kota-kota yang berdekatan, supaya di sana juga Aku memberitakan Injil, karena untuk itu Aku telah datang.”* (Mrk 1:38).

Sebaik sahaja Tuhan Yesus mula memberitakan Injil, Dia membuatkan manusia berasa segar. PengajaranNya berkuasa, boleh menyembuhkan penyakit, mengusir roh jahat dan melakukan tanda mujizat. Oleh itu, orang ramai yang mengikutinya datang seperti sekumpulan lebah sehinggakan dirinya sendiri pun tidak terjaga dan Dia tidak dapat berehat. Namun Dia tidak membiarkan “matlamat”Nya yang betul disesatkan dan dikaburkan oleh orang ramai yang membuta tuli. Tuhan tahu untuk apa Dia datang!

Orang-orang zaman kini sering bersuara lantang bahawa mereka tersesat. Apabila mendengar suara begini, adakah anda bertanya kepada diri anda sendiri, apakah hala tuju hidup anda sekarang? Apakah pula matlamat masa depan?

Sila fikirkan, kehidupan yang tidak ada matlamat hidup, bagaimanakah keadaan hari-hari tersebut?

(III) SELAGI SAYA BERTUMBUH BESAR

“Dan Yesus makin bertambah besar dan bertambah hikmat-Nya dan besar-Nya, dan makin dikasihi oleh Allah dan manusia.” (Luk 2:52).

Yesus ialah Tuhan “Firman yang telah menjadi manusia”. Dia menjadi manusia dan diam di antara manusia duniawi. Oleh itu, Dia juga melalui perjalanan pertumbuhan seperti orang biasa, cuma Tuhan Yesus bukan sahaja bertambah umurnya, makin bertambah besar, hikmatNya juga turut bertambah. Pada masa yang sama, Tuhan Yesus bukan sahaja “berkenan kepada Tuhan”, bahkan manusia juga mengasihinya.

Oleh yang demikian, seorang umat Kristian yang telah meningkat dewasa dan matang harus mempunyai hikmat yang rohani dalam hidup (Ef 5:15-16; Kol 4:5) di samping harus tahu bagaimana untuk bergaul secara harmoni dengan orang-orang yang belum percaya dan mendapatkan penghormatan.

Cuba fikirkan, adakah hidup anda berbeza daripada yang biasa di dunia tanpa dianggap sebagai “heterogen”?

(IV) PASTI ADA YANG BOLEH MENJADI GURU SAYA DI ANTARA TIGA ORANG YANG BERJALAN BERSAMA

Sesudah tiga hari mereka menemukan Dia dalam Bait Allah; Ia sedang duduk di tengah-tengah alim ulama, “sambil mendengarkan mereka dan mengajukan pertanyaan-pertanyaan kepada mereka.” (Luk 2:46).

“Pembelajaran sepanjang hayat” bukan lagi sekadar slogan. “Malu bertanya sesat jalan, malu berdayung perahu hanyut” sememangnya merupakan tindakan positif bagi orang yang berjaya untuk sekali lagi mencapai transenden diri dan sekali lagi mencipta kemuncak tinggi dalam kehidupan. Bagi umat Kristian, pencarian pengetahuan rohani yang benar dan pertambahan pengetahuan umum harus diusahakan bersama (Flp 1:9-11).

Oleh itu, janganlah menggunakan alasan yang “rohaniah” sebagai justifikasi untuk malas belajar bagi diri sendiri.

(V) BUKTIKAN KEPADA KAMU!

Lalu datanglah si pencoba itu dan berkata kepada-Nya: “Jika Engkau Anak Allah, perintahkanlah supaya batu-batu ini menjadi roti...” Kemudian Iblis membawa-Nya ke Kota Suci dan menempatkan Dia di bubungan Bait Allah, lalu berkata kepada-Nya: “Jika Engkau Anak Allah, jatuhkanlah diri-Mu ke bawah, sebab ada tertulis: ‘...’ (Mat 4:3-7).

Tuhan Yesus memetik kata-kata dalam Alkitab untuk melawan pencobaan Iblis. Selain membuktikan Firman Tuhan ialah pedang Roh dan senjata kemenangan yang terbaik dalam perang rohani, ia juga mengingatkan kita bahawa Tuhan Yesus dengan muka yang tenang menggunakan kaedah radikal semasa berhadapan dengan si pencoba dan tidak melakukan tanda mujizat. Ini adalah untuk membuktikan status Dia sebagai “Anak Allah”. Ini kerana Tuhan sememangnya ialah “Anak Allah” dan ini bukannya dapat dibuktikan dengan “tanda mujizat”.

Demi air muka, terdapat ramai orang, terutamanya remaja dan belia yang mengorbankan kos yang sangat besar untuk membuktikan bahawa diri sendiri ada cara dan tidak sesekali kalah kepada orang lain. Tetapi umat Kristian yang bijak harus belajar daripada Paulus, bermegah atas kelemahanku, supaya kuasa Kristus turun menaungi aku (2 Kor 12:9-10).

(VI) JANGAN TERLALU MEMPERCAYAI MATA KAMU

Mengapakah engkau melihat selumbar di mata saudaramu, sedangkan balok di dalam matamu tidak engkau ketahui? Bagaimanakah engkau dapat berkata kepada saudaramu: Biarlah aku mengeluarkan selumbar itu dari matamu, padahal ada balok di dalam matamu. Hai orang munafik, keluarkanlah dahulu balok dari matamu, maka engkau akan melihat dengan jelas untuk mengeluarkan selumbar itu dari mata saudaramu (Mat 7:3-5).

Ini merupakan suatu zaman yang kekurangan kebolehan refleksi. Kebenaran Tuhan ialah terang yang sesungguhnya. Ia menerangi mata hati kita supaya kita dapat melihat diri sendiri dengan jelas, kurangkan mengkritik orang lain dan banyakkkan membuat refleksi diri (Gal 6:4).

Oleh itu, jangan terlalu mempercayai apa yang dilihat oleh mata anda. Ada kemungkinannya bahawa andalah orang yang dilihat itu.

(VII) MENJAWAB ORANG BEBAL MENURUT KEBODOHANNYA

Datanglah imam-imam kepala dan ahli-ahli Taurat serta tua-tua ke situ, dan mereka berkata kepada Yesus: "Katakanlah kepada kami dengan kuasa manakah Engkau melakukan hal-hal itu, dan siapa yang memberikan kuasa itu kepada-Mu?" Jawab Yesus kepada mereka: "Aku juga akan mengajukan suatu pertanyaan kepada kamu. Katakanlah kepada-Ku: Baptisan Yohanes itu, dari sorga atau dari manusia?" ... mereka menjawab, bahwa mereka tidak tahu dari mana baptisan itu. Maka kata Yesus kepada mereka: "Jika demikian, Aku juga tidak mengatakan kepadamu dengan kuasa manakah Aku melakukan hal-hal itu." (Luk 20:1-8).

Tetapi Yesus mengetahui maksud mereka yang licik itu, lalu berkata kepada mereka: "Tunjukkanlah kepada-Ku suatu dinar; gambar dan tulisan siapakah ada padanya?" Jawab mereka: "Gambar dan tulisan Kaisar." Lalu kata Yesus kepada mereka: "Kalau begitu berikanlah kepada Kaisar apa yang wajib kamu berikan kepada Kaisar dan kepada Allah apa yang wajib kamu berikan kepada Allah!" Dan mereka tidak dapat menjerat Dia dalam perkataan-Nya di depan orang banyak. Mereka heran akan jawab-Nya itu dan mereka diam (Luk 20:19-26).

Yakobus fasal 3 membincangkan tentang lidah manusia. Lidah, walaupun suatu anggota kecil dari tubuh, namun dapat memegahkan perkara-perkara yang besar. Ia merupakan suatu dunia kejahatan hasil daripada fikiran jahat dalam hati, tetapi boleh menyamar

menjadi kata-kata yang sedap didengar untuk mencobai orang dan mencari jerat untuk menyerang orang. Apabila berhadapan dengan angkatan yang bengkok hatinya dan yang sesat ini, kita bukan sahaja perlu berjaga-jaga dengan pertuturan sendiri (Yak 3:2), bahkan juga perlu berhati-hati dengan pelbagai “perangkap” ketika berhadapan dengan orang lain.

Oleh itu, kita harus memohon kepada Tuhan yang memberikan pelbagai hikmat untuk memberikan kita hikmat dalam memberi jawapan lidah (Ams 16:1) supaya kita tahu “Jangan menjawab orang bebal menurut kebodohnya, supaya jangan engkau sendiri menjadi sama dengan dia. Jawablah orang bebal menurut kebodohnya, supaya jangan ia menganggap dirinya bijak” (Ams 26:4-5).

(VIII) PERTIMBANGAN YANG WAJAR DI LUAR PERUNDANGAN

Ketika Yesus dan murid-murid-Nya tiba di Kapernaum datanglah pemungut bea Bait Allah kepada Petrus dan berkata: “Apakah gurumu tidak membayar bea dua dirham itu?” Jawabnya: “Memang membayar.”

Dan ketika Petrus masuk rumah, Yesus mendahuluinya dengan pertanyaan: “Apakah pendapatmu, Simon? Dari siapakah raja-raja dunia ini memungut bea dan pajak? Dari rakyatnya atau dari orang asing?” Jawab Petrus: “Dari orang asing!” Maka kata Yesus kepadanya: “Jadi bebaslah rakyatnya. Tetapi supaya jangan kita menjadi batu sandungan bagi mereka, pergilah memancing ke danau. Dan ikan pertama yang kaupancing, tangkaplah dan bukalah mulutnya, maka engkau akan menemukan mata uang empat dirham di dalamnya. Ambillah itu dan bayarkanlah kepada mereka, bagi-Ku dan bagimu juga.” (Mat 17:24-27).

Secara logiknya, Yesus, Firman yang telah menjadi manusia tidak perlu membayar bea (Kel 30:11-16). Namun demi mengelak daripada menjadi batu sandungan bagi orang lain (Mat 17:27), Dia tetap mengikuti mana yang baik dan menggenapkan seluruh kehendak Allah.

Oleh itu, sebagai seorang umat Kristian, prinsip hidup kita adalah amat jelas. Perkara-perkara yang dianggap halal / diperbolehkan oleh diri sendiri juga perlu diberikan pertimbangan, adakah ianya membangun? Adakah ianya berguna? Adakah diperhambakan olehnya? Adakah ia dapat memuliakan Tuhan? (1 Kor 6:12, 10:23-24,31) (Rm 14:21).

Cuba fikirkan, ketika anda merasakan ianya haruslah demikian dan anda mempunyai alasan yang kukuh / wajar, pernahkah anda pertimbangkan pertimbangan di luar perundangan secara lebih mendalam?

(IX) TAKUT MENJADI TERKENAL

Lalu keluarlah orang-orang Farisi itu dan bersekongkol untuk membunuh Dia. Tetapi Yesus mengetahui maksud mereka lalu menyingkir dari sana. Banyak orang mengikuti Yesus dan Ia menyembuhkan mereka semuanya. Ia dengan keras melarang mereka memberitahukan siapa Dia, supaya genaplah firman yang disampaikan oleh nabi Yesaya: "Lihatlah, itu Hamba-Ku yang Kupilih, yang Kukasihi, yang kepada-Nya jiwa-Ku berkenan; Aku akan menaruh roh-Ku ke atas-Nya, dan Ia akan memaklumkan hukum kepada bangsa-bangsa. Ia tidak akan berbantah dan tidak akan berteriak dan orang tidak akan mendengar suaranya di jalan-jalan. Buluh yang patah terkulai tidak akan diputuskan-Nya, dan sumbu yang pudar nyalanya tidak akan dipadamkan-Nya, sampai Ia menjadikan hukum itu menang. Dan pada-Nyalah bangsa-bangsa akan berharap." (Mat 12:14-21).

Amat sukar dibayangkan bahawa Yesus, yang pada-Nyalah bangsa-bangsa akan berharap, melarang orang memberitahukan siapa Dia. Tidakkah ini amat bercanggahan dengan tujuan Yesus dilahirkan di dunia?

Tuhan tahu kelemahan manusia. Orang-orang Yahudi mengasihi dan pada masa yang sama membenci Kristus yang tidak memenuhi penantian mereka tetapi yang dapat memenangi hati dan sokongan manusia (Yoh 6:15; Mat 27:18). Tuhan lemah lembut dan rendah hati (Mat 11:29) dan tidak mencari hormat bagi diriNya sendiri (Yoh 5:41). Walaupun nama Tuhan pasti akan ditinggikan; diberitakan hingga ke hujung bumi dan disampaikan kepada segala bangsa merupakan perancangan yang telah ditetapkan oleh Tuhan, namun Tuhan Yesus tidak mengambil jalan singkat. Sebaliknya, sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain. Penyus bertelur beratus-ratus senyap. Perlahan-lahan Dia mengumpulkan dan membentuk pengaruh yang mendalam dan jauh. Ini tidak dapat ditandingi oleh orang-orang masa kini yang terburu-buru untuk mencapai kejayaan dan mendapat kebaikan, yang biasa mengurut kedek, yang mengembangkan sayap untuk diri sendiri, yang berangan-angan menjadi orang yang terkenal atau pemimpin yang berpengaruh, yang mendapat kedua-dua nama dan faedah sekali gus.

Walau bagaimanapun, kita tidak dapat menafikan bahawa Yesus yang tidak memberitahukan siapa Dia secara sengaja, yang tidak mahu jadi terkenal dan yang selalu memerintahkan orang supaya jangan memberitahukan siapa Dia itu, Dialah manusia yang paling terkenal dan mempunyai daya pengaruh yang paling lama dalam sejarah.

Maka, anda yang bijaksana, janganlah terburu-buru untuk mengejar nama yang dikenang. Selesaikan dahulu apa yang boleh dilakukan, apa yang patut dilakukan dan tunggu dengan ketekunan dan kesabaran. Maka kejayaan akan tercapai selepas dayung sudah di tangan, perahu sudah di air.

(X) TAHAN SABAR

Sesudah itu Yesus berjalan keliling Galilea, sebab Ia tidak mau tetap tinggal di Yudea, karena di sana orang-orang Yahudi berusaha untuk membunuh-Nya. Ketika itu sudah dekat hari raya orang Yahudi, yaitu hari raya Pondok Daun. Maka kata saudara-saudara Yesus kepada-Nya: "Berangkatlah dari sini dan pergi ke Yudea, supaya murid-murid-Mu juga melihat perbuatan-perbuatan yang Engkau lakukan. Sebab tidak seorangpun berbuat sesuatu di tempat tersembunyi, jika ia mau diakui di muka umum. Jikalau Engkau berbuat hal-hal yang demikian, tampilkanlah diri-Mu kepada dunia." Sebab saudara-saudara-Nya sendiripun tidak percaya kepada-Nya. Maka jawab Yesus kepada mereka: "Waktu-Ku belum tiba, tetapi bagi kamu selalu ada waktu. Dunia tidak dapat membenci kamu, tetapi ia membenci Aku, sebab Aku bersaksi tentang dia, bahwa pekerjaan-pekerjaannya jahat. Pergilah kamu ke pesta itu. Aku belum pergi ke situ, karena waktu-Ku belum genap." Demikianlah kata-Nya kepada mereka, dan Ia pun tinggal di Galilea. Tetapi sesudah saudara-saudara Yesus berangkat ke pesta itu, Ia pun pergi juga ke situ, tidak terang-terangan tetapi diam-diam. (Yoh 7:1-10).

Tuhan Yesus berhadapan dengan rakan kerja dan saudara sekaum yang selalu menyakitkan hatiNya dari segi perkataan dan perbuatan. Dia juga berhadapan dengan penganiayaan dan ketidak-adilan yang besar. Namun apabila Yesus berhadapan dengan serangan dan penganiayaan luaran ini, Dia adalah begitu tenang sekali dan penuh dengan keberanian (Yoh 19:1-11). Ini kerana Tuhan Yesus tahu, "Bukankah Aku harus minum cawan yang diberikan Bapa kepada-Ku?" (Yoh 18:11). Dia hanya ambil kisah tentang bagaimana anugerah keselamatan disempurnakan dan bagaimana kerja penyelamatan dan penebusan diselesaikan. Pertengkaran yang tidak perlu dan yang tidak bersesuaian adalah membuang masa. Oleh yang demikian, Dia tidak berkorban sewenang-wenangnya sebelum masanya dan apabila masanya tiba, Dia tidak takut untuk berkorban. Maka, pada hari genap waktunya, Tuhan Yesus pasti berjalan di atas jalan penderitaan kayu salib dengan penuh keberanian (Mat 26:51-56).

Oleh yang demikian, umat Kristian haruslah berusaha dalam mencari dan memahami apakah tujuan hidup saya? Apakah matlamat pembelajaran saya? Apakah makna hidup saya? Tuhan memilih saya, apakah harapanNya terhadap saya? Bagaimana pula saya dapat mencapai semua matlamat ini dan tidak mengecewakan apa yang telah dipercayakan oleh Tuhan Yesus?

PEMUPUKAN MURID-MURID TUHAN

Pendeta Lin Zhang Wei

Maksud “pemupukan” boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Satu ialah “terhadap benda” - penanaman tumbuhan. Tumbuhan yang baru ditanam boleh mendapat persekitaran pertumbuhan yang sesuai melalui usaha dan cara manusia. Lantas, kehidupan yang berdikari ini dapat memberi manfaat kepada umat manusia. Satu lagi pemupukan ialah “terhadap orang” - mengajar orang-orang yang berbakat. Mendidik dengan menggunakan pelbagai persekitaran dan pengalaman hidup, melatih supaya seseorang tidak menjadi kuntuman bunga di rumah hijau sebaliknya dapat keraskan semangat, lebih daripada orang-orang yang menang semasa menghadapi cabaran yang susah, meninggalkan jejak iman kepercayaan yang harum, menjadi tulang belakang bagi kerja-kerja kerajaan Tuhan. Bagaimanakah Yesus melatih murid-murid?

(I) MEMUPUK SEMANGAT MENGAMBIL INISIATIF DALAM MENGEJAR SESUATU DAN SIKAP AUTONOMI MURID-MURID (MRK 1:35-37)

Tuhan Yesus menjadi teladan dengan pergi ke tempat yang sunyi untuk berdoa sewaktu hari masih gelap,. Dia ingin memotivasikan murid-murid untuk mengambil inisiatif untuk mengejar usaha dalam doa bahkan murid-murid sendiri membuka mulut meminta Tuhan mengajar mereka bagaimana untuk berdoa lalu meninggalkan satu petikan isi kandungan “kata doa” (Luk 11:1-4). Hari ini, kita harus belajar sikap mengambil inisiatif dalam penyempurnaan rohani. Ambil inisiatif untuk membaca Alkitab, menghadiri kebaktian, berdoa; bukannya perlu digesa-gesa atau ditindas dengan cara pasif. Ketika Lot berada di bawah pimpinan Abraham, dia beribadah kepada Tuhan sama seperti Abraham (Kej 12:5-9, 12:1-4). Setelah mereka berpisah, kualiti iman kepercayaan Lot telah berubah (Kej 13:10-13). Raja Yoas pada zaman raja-raja dapat melakukan apa yang benar di mata Tuhan apabila iman kepercayaannya diseliakan oleh imam Yoyada (2 Taw 24:1-2). Setelah Yoyada meninggal dunia, kualiti iman kepercayaannya juga turut berubah (2 Taw 24:15-18). Pada hari ini, mengejar iman kepercayaan dengan cara mengambil inisiatif merupakan sasaran dalam melatih iman kepercayaan yang berdikari. Apabila berhadapan dengan kesusahan, adakah anda akan mengambik inisiatif untuk berdoa? Apabila meninggalkan kampung halaman dan berada di luar pandangan ibu bapa, adakah anda akan mengambil inisiatif untuk mencari gereja dan mendekati Tuhan? Adakah anda dapat mengambil inisiatif untuk bertekad dengan mengatakan: saya pasti berkahwin di dalam Tuhan?

(II) MEMBANGUN KEMAJUAN IMAN MURID-MURID MELALUI PERSEKITARAN HIDUP (MRK 4:35-41)

Terdapat satu fenomena iklim yang aneh di Laut Galilee. Setiap tahun, angin timur yang tidak bermusim yang membawa kersik / batu halus akan meniup ke Laut Galilee dari padang gurun di sebelah timur (kadang-kadang 1 hari, kadang-kadang 3-4 hari, dan mungkin berlaku samada semasa musim bunga, musim panas, musim luruh ataupun musim sejuk, berjumlah 50 hari yang bertaburan sepanjang tahun). Orang tempatan menggelar ribut ini sebagai “50 hari”. Tuhan menggunakan persekitaran ini untuk memberitahu murid-murid tentang kepentingan iman. Dia juga membangun iman murid-murid dengan menggunakan burung-burung di langit dan bunga bakung di ladang (Mat 6:25-34) dengan harapan ada kemajuan dalam iman kepercayaan mereka dan mata iman mereka dapat tertumpu kepada kerajaan syurga yang kekal (Yoh 20:29). Apa yang ditempuhi dalam kehidupan hari ini merupakan ujian bagi iman kepercayaan, sama seperti apa yang dilalui oleh Yusuf dan Ayub. Selepas melaluinya, Yusuf berkata: sebab untuk memelihara kehidupanlah Allah menyuruh aku mendahului kamu (Kej 45:5-6). Dia berkata lagi: Allah telah merekarekakannya untuk kebaikan, dengan maksud melakukan seperti yang terjadi sekarang ini, yakni memelihara hidup suatu bangsa yang besar (Kej 50:19-20). Ayub berkata dalam persekitaran yang sukar: terpujilah nama TUHAN (Ayb 1:20-22, 2:9-10). Ujian Tuhan datang tanpa sebarang amaran awal bahkan membangun kemajuan iman melalui pengalaman hidup. Adakah persekitaran hidup dan apa yang ditempuhi dalam hidup anda sekarang mendorong anda untuk bersungguh-sungguh kepada Tuhan seperti umat Israel di padang gurun (Ibr 3:7-11) dan menafikan kasih Tuhan? Atau ianya menjadikan iman anda maju - sama seperti “Tuhan menyediakan” yang dilalui oleh Abraham (Kej 22:1-14)?

(III) MENGUJI TAHAP PENGETAHUAN MURID-MURID TENTANG DIA (MAT 16:13-16)

Tuhan Yesus hidup bersama dengan murid-murid dan murid-murid juga mendapat pemupukan (latihan) firman daripada Tuhan serta melihat kuasa Tuhan dalam diri Yesus. Tuhan menguji tahap pengetahuan murid-murid tentang Dia di daerah Kaisarea Filipi. Sama juga, selepas mengatakan tentang kerahsiaan Perjamuan Kudus (Yoh 6:52-59), terdapat murid yang menolak untuk mengikut Tuhan (Yoh 6:60-61,66). Setiap kali Yesus menyatakan bahawa Dialah Yesus, Firman yang telah menjadi manusia, timbullah pertentangan di antara orang banyak (Yoh 7:37-44), bahkan mengambil batu untuk melempari Dia (Yoh 8:51-59, 10:30-39). Malahan, pengetahuan Filipus, murid Yesus tentang Tuhan juga samar-samar (Yoh 14:8-11). Ketika Paulus dipilih, perkara pertama yang ingin difahaminya ialah “Siapakah Engkau, Tuhan?” (Kis 9:2, 22:8, 26:15). Selepas mengenali Tuhan ini - Yesus, dia berkata: “Yesus lebih mulia daripada semuanya” (Flp 3:7-8). Dia rela melepaskan segalanya di dalam dunia dan berkata: “aku tahu kepada siapa aku percaya dan aku yakin bahwa

Dia berkuasa memelihara apa yang telah dipercayakannya kepadaku hingga pada hari Tuhan.” (2 Tim 1:12). Dunia Paulus berubah kerana pengetahuannya tentang Tuhan Yesus (Kis 9:8,17-19; Gal 6:14). Perubahan dalam konsep hidup manusia dan konsep nilai memberikan kepastian tentang nilai Paulus yang bekerja untuk Tuhan seumur hidupnya (2 Tim 4:7-8). Pada hari ini, apakah pengetahuan anda tentang Yesus? Doktor yang merawat penyakit? Atendan? Mesin penjual alam semesta? Alat penyelesaian masalah? Atau Dialah Kristus?

(IV) PESANAN YANG TUHAN BERIKAN KEPADA MURID-MURID (MAT 28:19-20; MRK 16:15-20)

Selepas proses “iman kepercayaan adalah bersifat mengambil inisiatif”, “pengalaman hidup merupakan ujian bagi iman” dan “benar-benar mengetahui tentang Dia”, Tuhan memberikan satu amanat sebelum terangkat ke syurga, iaitu tanggungjawab yang dipercayakan - beritakanlah Injil kepada segala makhluk dan baptislah mereka untuk pengampunan dosa. Sudahkah anda melakukan kerja ini? Adakah Tuhan memberikan Roh Kudus hanya untuk memberikan anda jaminan untuk memasuki kerajaan syurga? Bukankah Ia juga memberikan anda kuasa untuk memberitakan Injil (Kis 1:8)? Kita lihat Paulus yang tidak menghiraukan nyawanya demi memberitakan Injil (Kis 20:22-24), Petrus dan Yohanes dianiayai, mereka masih boleh berkata: Sebab tidak mungkin bagi kami untuk tidak berkata-kata tentang apa yang telah kami lihat dan yang telah kami dengar (Kis 4:19-20), gembira menderita penghinaan oleh karena Nama Yesus (Kis 5:41). Jika masih tidak dapat menjadi pahlawan yang memberitakan firman bagi kerajaan Tuhan setelah terima pemupukan, apa yang dipupuk? Apa yang dilatih? Kiranya anda dan saya saling mendorong.

EVOLUSI ATAU PENCIPTAAN?

Saudara Hu Zheng Chuan

KATA PENGANTAR

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, pandangan para saintis dunia bebas tentang teori evolusi tidak lagi ghairah dan membabi buta seperti pada permulaan abad kedua-puluh. Mereka mengakui bahawa teori evolusi ialah teori yang dapat menjelaskan sumber kehidupan di bumi, (teori penciptaan juga dapat menjelaskannya), namun ia kebenaran dan fakta sejarah yang tidak dapat dibuktikan dengan eksperimen, bahkan ia tidak boleh dikira sebagai satu teori sains. Hujah-hujah mereka yang bersifat revolusi ini tentunya mendapat tentangan daripada pihak-pihak yang berkuasa, tetapi ia juga dipandang berat oleh golongan-golongan yang berilmu. Asal-usul segala sesuatu adalah daripada evolusi? Ataupun ianya daripada penciptaan? Terdapat banyak isu yang perlu diterokai, dan ianya sangat rumit. Artikel ini hanya membincangkannya secara ringkas.

(I) KEPENTINGAN PENEROKAAN ASAL-USUL SEGALA SESUATU

Tidak kira apa kursus yang diambil, pemahaman pelajar tentang asal-usulnya adalah sangat penting. Sesuatu kursus yang tidak membincangkan perkara-perkara berkenaan asal-usulnya mungkin dapat mengelakkan beberapa pertikaian, tetapi ia mengorbankan perkembangan rasa ingin tahu dan kreativiti. Penerangan dan amalan teknikal adalah penting untuk mana-mana kursus yang baik. Namun ianya hanya boleh menghasilkan kemahiran dan bukannya menghasilkan pemahaman yang sebenar. Berikut merupakan penjelasan yang komprehensif tentang mengapa penting untuk mengkaji asal-usul mana-mana kursus:

1. Alasan saintifik

- a) Sains mesti mencari jawapan kepada soalan-soalan seperti “dari mana” dan “apa yang berlaku”.
- b) Sains ialah penaakulan berdasarkan hubungan kausalitas. Oleh itu, semasa menganalisis faktor dan akibat, menganalisis selangkah demi selangkah sehingga ke pokok pangkal adalah tidak dapat dielakkan.
- c) Jika tidak mempunyai sedikit pemahaman pun tentang asal-usul pengetahuan mengenai undang-undang alam dan fenomena semula jadi, maka pengetahuan bagi penemuan dan pemahaman prinsip sains yang baru hanya semata-mata permukaan sahaja dan bukannya pengetahuan tentang intipatinya.

2. Alasan sosiologi

- a) Sains boleh digunakan dalam masyarakat dan ia akan memberi impak yang besar kepada masyarakat. Penyelesaian masalah sosial memerlukan pemahaman tentang akar umbi faktor-faktor yang mempengaruhi masyarakat.
- b) Apa yang dikatakan dengan sains sosial bermaksud asal-usul bagi masalah sosial yang dikaji juga perlu difahami.
- c) Trend pemikiran politik sentiasa berubah. Pengajaran sosiologi, jika ia tidak melibatkan sejarah, tetapi hanya mengambil kira strategi politik dan teori sosial yang popular sekarang, maka ia tidak akan dapat menangani trend yang baru muncul.

3. Alasan peribadi

- a) Setiap orang perlu memahami siapa dirinya dan matlamat hidupnya. Ini sukar untuk dilakukan jika seseorang itu kekurangan pengetahuan tentang asal-usul diri sendiri. Persepsi seseorang tentang asal-usulnya semestinya mempengaruhi kepercayaannya tentang destinasiinya.
- b) Belia zaman kini kekurangan pengetahuan saintifik tentang asal usul manusia. Ini menyebabkan mereka mendapatkan bantuan dengan cara-cara penyelesaian yang tidak saintifik seperti ubat ekstasi, ilmu sihir, astrologi dan sebagainya.
- c) Psikologi yang benar-benar sihat tidak dapat dipisahkan dengan falsafah hidup yang sempurna dan yang memuaskan hati. Falsafah yang kedua memerlukan idea yang betul tentang asal usul dan masa depan individu.

(II) ASAL-USUL TIDAK DAPAT DIBUKTIKAN DENGAN SAINS

Tidak pernah ada seorang saintis pun yang dapat memerhati atau mereka-bentuk satu set eksperimen untuk „melakonan semula” asal-usul kebendaan dalam alam semesta, kehidupan atau umat manusia. Penyelidikan saintifik adalah terhad kepada fakta yang boleh “dilakonan semula” dan boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung. Oleh itu, walaupun persoalan tentang asal-usul adalah sangat penting, tetapi pendapat dan pendirian tentang asal usul hanya dapat dibina melalui iman, bukan dengan melihat. Dalam kata pengantar bagi buku “On the origin of species” karya Charles Robert Darwin yang diterbitkan semula kebelakangan ini, Profesor Mathews, ahli biologi yang merupakan salah seorang pemimpin teori evolusi British, mengakui bahawa: “Kepercayaan dalam teori evolusi dan kepercayaan dalam teori penciptaan khusus adalah sama -kedua-duanya dipercayai benar, tetapi tidak ada cara untuk membuktikannya setakat ini”. Pendekatan mengambil pendirian berdasarkan iman ini bukannya tidak dapat bertahan. Ini kerana setiap langkah yang diambil dalam hidup kita adalah berdasarkan iman. Walaupun positivisme hanya menegaskan apa yang dapat dia lihat, dan percaya bahawa positivisme

ialah falsafah yang terbaik, namun beliau juga tidak dapat membuktikan tentang ini. Beliau juga percaya kepada atom-atom yang tidak kelihatan dan perkara-perkara yang abstrak sepenuhnya. Menurut kaji selidik, iman ialah syarat yang perlu untuk psikologi yang sihat. Namun, imannya bukanlah yang membabi buta melainkan iman kepercayaan yang awal dibuat, akhir diingat. Iman sebeginilah yang berguna.

1. Penciptaan tidak dapat dibuktikan

- a) Dari apa yang dapat kita perhatikan, penciptaan bukan sesuatu perkara yang sedang berlangsung sekarang. Penciptaan telah disiapkan pada suatu masa dahulu. Maka kaedah saintifik tidak dapat mengesannya.
- b) Mereka-bentuk satu eksperimen saintifik untuk menggambarkan proses penciptaan adalah sesuatu yang mustahil, bahkan ingin mengenalpasti samada penciptaan dapat terjadi juga tidak dapat dilakukan. Tuhan Pencipta tidak mencipta berdasarkan idea seorang saintis.

2. Evolusi tidak dapat dibuktikan

- a) Jika evolusi masih berlaku pada hari ini, ianya mesti tidak dapat diketahui kerana prosesnya yang terlalu lambat. Oleh itu, ia adalah di luar skop sains eksperimen. Menurut teori evolusi, evolusi dari satu makhluk kepada satu makhluk yang lain mengambil masa berjuta-juta tahun. Tiada mana-mana kumpulan saintis yang dapat memerhatikan eksperimen seperti ini.
- b) Varian kecil makhluk yang dapat kita lihat pada hari ini tidak ada kaitan dengan persoalan ini kerana tidak mungkin untuk membuktikan bahawa variasi spesies-spesies ini pada hari ini dapat menghasilkan spesies yang bertaraf lebih tinggi yang berbeza di masa depan. Memandangkan varian kecil (termasuk mutasi) juga boleh berlaku dalam teori penciptaan, sama seperti dalam teori evolusi, maka ini tidak boleh digunakan untuk membezakan mana yang baik dan mana yang buruk antara keduanya.
- c) Walaupun saintis pada masa kini betu-betul dapat menghasilkan kehidupan daripada benda mati dalam makmal eksperimen, atau mengubah makhluk bertaraf rendah kepada makhluk yang bertaraf lebih tinggi, ini masih tidak dapat membuktikan bahawa perubahan tersebut telah berlaku ataupun mungkin berlaku pada masa dahulu oleh proses semulajadi yang tidak sengaja.

(III) MODEL SAINTIFIK BAGI KEDUA-DUA ASAL-USUL

Sains tidak dapat membuktikan mana yang betul dan mana yang salah bagi kedua-dua teori berkaitan asal-usul. Walaupun ramai orang telah mengajar teori evolusi sebagai fakta saintifik yang telah terbukti, tetapi jelas sekali, ini merupakan pengajaran yang salah. Sudah tentu, perkara yang sama juga berlaku kepada teori penciptaan. Walaupun

ramai orang percaya bahawa penciptaan khusus ialah fakta sejarah yang mutlak, mereka mesti percaya berdasarkan teologi, bukan berdasarkan sains. Kedua-dua teori evolusi dan teori penciptaan tidak dapat dibuktikan ataupun dinafikan dengan sains. Walaupun tidak mungkin untuk mereka-bentuk satu set eksperimen saintifik untuk membuktikan bahawa teori evolusi atau teori penciptaan adalah benar, tetapi ini tidak bermakna kita tidak boleh membincangkan isu ini secara objektif dan saintifik. Pendekatan yang lebih praktikal adalah dengan memulakannya dengan dua model saintifik - “model evolusi” dan “model penciptaan”. “Model” ialah garis panduan bagi sesuatu idea, satu sistem pemikiran yang berperaturan. Model boleh digunakan untuk membandingkan maklumat yang diperolehi melalui pemerhatian bahkan boleh juga cuba untuk meramalkan perkembangan yang baru. Apabila dua model wujud pada masa yang sama, anda boleh bandingkan model-model ini dengan pelbagai data untuk melihat model mana yang lebih realistik. Apabila kedua-duanya tidak dapat dibuktikan, sama seperti teori evolusi dan teori penciptaan, ketika memilih salah satu daripada kedua-dua ini, kita tidak dapat sepenuhnya bersifat objektif. Biasanya dalam keadaan ini, model yang bersesuaian dengan kebanyakan data dan yang kurang bercanggahan dengan data harus diterima sebagai model yang lebih tepat.

1. Perbezaan teori antara dua model teori evolusi dan teori penciptaan

Model evolusi	Model penciptaan
Berkembang daripada sifat asal benda tidak hidup melalui proses mekanikal dan semulajadi. Masih dalam proses.	Diciptakan oleh Tuhan Pencipta. Telah diselesaikan.
Benda tidak hidup → benda hidup → kehidupan hasil evolusi pelbagai jenis kehidupan primitif. Setiap makhluk berasal daripada proses perkembangan evolusi nenek moyang secara perlahan. Dari mudah kepada rumit secara berterusan.	Setiap makhluk dicipta dari jenisnya sendiri, dan makhluk yang dicipta telah mempunyai ciri-ciri utama bagi setiap jenis. Dari rumit kepada mudah secara berterusan.
Variasi yang tidak terbatas. Semua faktor genetik biologi adalah saling berkaitan.	Variasi terhad boleh berlaku dalam jenis yang sama.
Sejarah bumi sepenuhnya dijelaskan dari zaman purba hingga moden.	Sejarah bumi dijelaskan dengan kesengsaraan besar.

2. Menurut kedua-dua model evolusi dan penciptaan, fosil boleh diramalkan seperti berikut:

Model evolusi	Model penciptaan
Makhluk mudah perlahan-lahan berubah menjadi makhluk yang lebih kompleks.	Jenis-jenis makhluk yang sangat kompleks tiba-tiba muncul.
Harus ada makhluk perantaraan di antara semua jenis makhluk, tidak seharusnya ada gelung yang hilang di mana-mana.	Apabila setiap “jenis” yang diciptakan muncul tiba-tiba untuk pertama kali, ia sudah mempunyai ciri utama jenis ini. Terdapat perbezaan yang jelas antara jenis. Tiada makhluk perantaraan di antara jenis dan jenis.

(IV) MODEL PENCIPTAAN ADALAH LEBIH BAIK DARIPADA MODEL EVOLUSI

Pengetahuan dalam aspek kosmologi, kimia, termodinamik, matematik, biologi molekul, genetik dan sebagainya boleh digunakan untuk menentukan sama ada teori evolusi berjaya menjelaskan persoalan tentang asal-usul spesies dengan sempurna. Walau bagaimanapun, berbuat demikian hanya membolehkan kita mengetahui sama ada evolusi mungkin berlaku, tetapi tidak dapat mengetahui sama ada evolusi benar-benar telah berlaku. Untuk meneroka sama ada evolusi pernah berlaku, ia hanya dapat diketahui daripada jejak sejarah yang didapati daripada kajian fosil. Clark, ahli evolusi British yang terkenal berkata: “Jika anda ingin membuktikan secara saintifik bahawa evolusi pernah berlaku, anda hanya boleh bergantung kepada bukti fosil, iaitu, mencari makhluk-makhluk perantaraan yang kita anggap seharusnya ada.” Dengan kata yang lain, bukti penting yang benar-benar dapat menyokong teori evolusi mesti datang daripada paleontologi yang pakar dalam mengkaji fosil.

Sejarah kewujudan makhluk hidup di bumi dapat diterokai dengan mengkaji peninggalan-peninggalan fosil dan seterusnya jika berjumbai tempat bergantung. Jika kehidupan benar-benar berkembang daripada organisma yang tidak bernyawa melalui proses evolusi mekanikal dan semulajadi, dan kemudian berkembang menjadi puluhan ribu jenis spesies yang semakin kompleks dan berbeza, maka fosil seharusnya menunjukkan jejak sejarah yang sepadan dengan penerangan ini. Tidak sepatutnya ada gelung yang hilang di mana-mana dan kekurangan fosil bagi makhluk perantaraan.

Tetapi jika kehidupan benar-benar “diciptakan oleh Tuhan” seperti yang dicatatkan dalam dua fasal pertama Kejadian, maka jejak sejarah fosil yang boleh diramalkan berdasarkan teori ini adalah berbeza dengan yang sebelumnya. Perpadanan antara hujah penciptaan dan rekod fosil adalah jauh lebih baik daripada hujah evolusi, dan rekod fosil

sebenarnya adalah bertentangan dengan hujah evolusi. Hasil penyelidikan oleh banyak saintis telah memberikan maklumat untuk menunjukkan bahawa semua bukti fosil adalah berpadanan dengan teori model penciptaan. Kemudian, buat penilaian dari sudut saintifik tanpa menggunakan Alkitab sama sekali berdasarkan pelbagai hujah dan sejarah awal tentang asal-usul, hasilnya ternyata bahawa dari setiap perspektif, model penciptaan memang lebih unggul daripada model evolusi. Walaupun beberapa persoalan masih memerlukan masa untuk dijawab, namun tahap keseriusan persoalan-persoalan ini tidak menjejaskan rangka kerja asas teori penciptaan. Sebaliknya, banyak masalah serius yang timbul daripada penggunaan model evolusi.

(V) TEORI PENCIPTAAN DALAM ALKITAB

Jika penciptaan itu memang benar, maka mesti ada Tuhan Pencipta di antara alam semesta. PenciptaanNya mempunyai matlamatNya, dan umat manusia ternyata merupakan pusat utama matlamat ini. Jika bukan Tuhan Pencipta yang menyatakan kepada umat manusia tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan penciptaan, manusia selamanya tidak dapat melakukan dengan sendirinya perbuatan Tuhan Pencipta (Pkh 3:11). Tuhan mengilhamkan rangka penciptaan dalam “Kejadian” (Kej 1:1). Fasal-fasal yang berkaitan dengan penciptaan dalam Kejadian adalah catatan yang ajaib dan tepat tentang sejarah awal alam semesta, bukannya cerita rakyat yang lapuk. Berdasarkan maklumat yang diberikannya, sains boleh menerangkan pelbagai fenomena yang diperhatikan. Pada masa yang sama, penciptaan segala sesuatu yang indah membolehkan manusia mengenali Tuhan (Rm 1:20).

Semua penulis dalam Alkitab, termasuk Yesus Kristus sendiri telah menerima catatan-catatan beberapa fasal pertama Kejadian. Mereka menganggapnya sebagai sejarah yang benar dan ilham yang kudus (2 Tim 3:16; Yoh 10:35). Jika kita percaya bahawa Kristus adalah setia dan boleh dipercayai, kita mesti menerima kesetiaan dan kebolehpercayaan catatan ini.

Sesetengah mazhab telah mengambil pendirian kompromi untuk mengelakkan konflik antara iman kepercayaan agama Kristian dan teori evolusi. Mereka menegaskan bahawa: “Tuhan menyatakan fakta-fakta penciptaan-Nya dalam Alkitab; manakala cara-cara penciptaan diserahkan kepada saintis untuk dikaji.” Akibatnya, beberapa hujah yang tidak bertepatan dengan Alkitab telah dikembangkan. Contohnya “evolusi teistik” (Theistic Evolution), “penciptaan secara progresif” (progressive Creation), “teori sehari-seribu tahun” (The Day-age Theory), “teori jurang” (The Gap Theory), “hipotesis rangka kerja” (The Framework Hypothesis) dan sebagainya. Hujah-hujah ini tidak lebih daripada sekadar penerimaan teori evolusi secara putar belit. Alkitab mengajar kita untuk tidak menyimpang dari iman demi pertentangan-pertentangan yang berasal dari apa yang disebut pengetahuan (1 Tim 6:20-21), jangan ditawan oleh filsafat yang kosong dan palsu (Kol 2:8). Kita percaya bahawa Alkitab adalah benar. Apa yang perlu kita terokai ialah

bagaimana menafsirkan bukti saintifik supaya bertepatan dengan Alkitab, bukannya menafsirkan semula Alkitab untuk memenuhi pelbagai perspektif teori evolusi. Apa-apa hujah yang mahukan kompromi antara Alkitab dan teori evolusi tidak akan berjaya untuk selama-lamanya kerana sesiapa yang menerima teori evolusi mesti menggunakan alam semesta yang atheistik. Pada asasnya, kedua-duanya adalah bercanggah antara satu sama lain dan tidak ada kompromi sama sekali.

Kita harus percaya sepenuhnya bahawa segala sesuatu dalam dunia diciptakan oleh Tuhan (Ibr 3:4). Hanya Dia sahaja Tuhan yang harus disembah oleh umat manusia (Why 14:7). Fakta sejarah yang dicatatkan dalam Alkitab - Tuhan menyelesaikan semua ciptaan dalam masa enam hari, inilah kepercayaan yang harus kita terima dan tidak boleh beralih kepada yang lain (Ibr 11:3).

ORANG BARU DI KAMPUS

Saudara Lu Kui Qi

(I) KATA PENGANTAR

Mengucapkan selamat tinggal kepada usia remaja dan hari-hari yang mana perlu belajar berhempas-pulas sebagai persediaan untuk menjejakkan kaki ke kolej / universiti, ramai pelajar muda yang mencapai cita-cita lalu memasuki satu peringkat yang baru. Setiap hati yang muda ini bersemangat untuk mencuba dan menerokai bidang pengetahuan yang belum pernah diketahui sebelumnya di samping lebih memahami diri sendiri dan orang lain.

Pada peringkat kehidupan yang penting ini, pelajar-pelajar kolej / universiti diserang dengan pelbagai trend ideologi, budaya dan perubahan sosial disebabkan oleh kemajuan masa yang berterusan serta perkembangan pesat pengetahuan dan teknologi. Pengajaran pula adalah amat mendalam dan tidak dapat dielakkan. Dalam persekitaran yang berubah-ubah dan titik perubahan yang penting dalam kehidupan ini, bagaimana mengekalkan arah yang betul dan berusaha berlari-lari kepada tujuan untuk memperoleh hadiah, iaitu panggilan syurgawi (Flp 3:14)? Ini merupakan topik yang perlu difikirkan dan dirancang dengan baik oleh setiap orang baru di kampus.

(II) PERANCANGAN KEHIDUPAN KAMPUS

“dan pergunakanlah waktu yang ada, karena hari-hari ini adalah jahat. Sebab itu janganlah kamu bodoh, tetapi usahakanlah supaya kamu mengerti kehendak Tuhan.” (Ef 5:16-17).

“Hiduplah dengan penuh hikmat terhadap orang-orang luar, pergunakanlah waktu yang ada.” (Kol 4:5).

1. Iman Kepercayaan

- a) Jangan menjauhkan diri dari pertemuan-pertemuan ibadah (Ibr 10:25): Harus menghadiri kebaktian gereja, jalani kehidupan anggota (1 Kor 12:12-27), pada hari-hari biasa, hadiri kebaktian dan aktiviti persahabatan dalam kampus, saling berhubung dengan seiman dalam Tuhan, harus pergi ke gereja untuk memegang hari Sabat pada hari Sabat.
- b) Buat pelan pembacaan Alkitab untuk empat tahun: Empat tahun di kolej / universiti merupakan tempoh keemasan bagi “memasuki kebenaran”. Pelan pembacaan Alkitab untuk empat tahun perlu dirancang dengan baik. Tidak perlu terlalu tamak, hanya bergantung kepada “ketekunan”. Selepas empat tahun, anda pasti mempunyai pemahaman dan keyakinan terhadap apa yang anda percaya.

- c) Menitikberatkan kehidupan doa: Jadikan doa sebagai kehidupan anda. Berdoalah setiap waktu tidak kira semasa keluar, pulang, kerja, ataupun berehat (Ef 6:18-20).
- d) Konsep hidup umat Kristian:
 - (1) Dilahirkan di dunia dan masuk ke dalam dunia (Mat 5:13-16) → jadi garam dan terang dunia
 - (2) Taat dan dimerdekakan (Yoh 8:31,32,36)
 - (3) Mencukupkan diri dan sentiasa bersukacita (2 Kor 6:10; Flp 4:11-13)
 - (4) Memberi dan menerima (Mat 5:7)
 - (5) Sementara dan kekal (2 Kor 5:1; 2 Ptr 3:12,13)

2. Akademik

Prioriti utama tahun pertama di kolej / universiti adalah menstabilkan akademik bagi memastikan kedudukan yang berperancangan. Jika tidak, jika anda kehilangan status sebagai pelajar kerana prestasi akademik yang kurang baik, maka semua perancangan ialah perbincangan kosong. Dari segi keputusan, apabila orang lain tidak mengetahui apa-apa tentang masa lalu anda, transkrip ialah satu-satunya bukti untuk orang lain mengenali anda. Jika anda mahu menukar bidang, orang lain juga berharap dapat menilai sama ada anda mempunyai keupayaan pembelajaran yang diperlukan daripada transkrip anda.

3. Pembelajaran tentang perasaan dan hubungan interpersonal

- a) Bina kepercayaan dan tanggungjawab sesama sendiri, belajar tentang kekuatan dan kelemahan sendiri daripada reaksi orang lain.
- b) Hubungan interpersonal ialah sebab utama bagi kejayaan atau kegagalan seseorang.
- c) Jangan tunggu secara pasif untuk orang lain datang mengenali anda: Bersikap terbuka dan ambil inisiatif untuk bercakap dengan orang lain. Jika dapat mengambil langkah ini, jangan kedekut untuk memuji orang lain semasa berkawan. Pujian atau keprihatinan yang ikhlas sering dapat menjalinkan persahabatan.
- d) Sepuluh hukum dalam berkawan: Bina konsep berkahwin di dalam Tuhan, janganlah merupakan pasangan yang tidak seimbang dengan orang-orang yang tidak percaya (2 Kor 6:14)
 - (1) Jangan terburu-buru: Fikirkan tentang kematangan anda terlebih dahulu.
 - (2) Tetapkan arah terlebih dahulu, kemudian tetapkan target: Adakah arah dan konsep nilai yang diusahakan oleh kedua belah pihak dapat dipadankan?
 - (3) Cinta pada pandangan pertama tidak dapat dielakkan: Langkah yang berhati-hati tidak pernah menyesal selama-lamanya.
 - (4) Minta tunjuk ajar apabila perlu.

- (5) Kenali, terima dan hormati pihak yang lain.
- (6) Luahkan perasaan sendiri secara terus terang.
- (7) Tidak menjejaskan aktiviti harian.
- (8) Buat keputusan tanpa teragak-agak: Jika mendapati tidak berpadanan, luka jangka pendek adalah lebih baik daripada luka jangka panjang.
- (9) Berhati-hati dalam perkataan dan perbuatan, setia dalam hubungan.
- (10) Serahkan, harapkan dan taat kepada Tuhan sepenuhnya.

Perkenan dan Berkat Tuhan merupakan jaminan terbesar kebahagiaan perkahwinan!

4. Pengurusan hidup

- a) Jaga diri sendiri: Terutamanya ketika tinggal di luar, semuanya bergantung kepada diri sendiri, belajar untuk berdikari dan buat keputusan sendiri. Boleh menghubungi keluarga ketika sedang merindui rumah, atau berbual-bual dengan rakan sekelas dan teman-teman, dan anda akan merasa lebih selesa.
- b) Menguruskan kediaman: letakkan kembali sesuatu di tempatnya selepas digunakan, maka kebersihan dan kekemasan kediaman dapat diuruskan dengan mudah. Uruskannya dengan sepenuh hati supaya ia memberikan perasaan rumah kepada anda. Jika menyewa rumah di luar sekolah, pilih tempat yang berhampiran dengan sekolah. Minta tunjuk ajar daripada penyewa sebelumnya untuk memahami keadaan rumah. Kongsi rumah sewa dengan rakan sekelas supaya boleh menjaga antara satu sama lain dalam pelajaran. Sekiranya gereja mempunyai pusat pelajar yang berdekatan dengan sekolah, itu lebih baik. Bukan sahaja dekat dengan gereja, kehidupan iman kepercayaan ada sandaran, bahkan adanya seiman yang dapat saling membantu dalam kehidupan.
- c) Berjimat-cermat: Jimat selagi boleh. Hanya membeli barang-barang yang benar-benar digunakan, jangan membeli barang-barang yang tidak perlu. Ukur baju di badan sendiri. Tidak sedikit pelajar yang perlu bekerja untuk mendapatkan wang bagi menampung perbelanjaan hidup mereka. Walau bagaimanapun, adalah yang terbaik untuk mencari kerja yang berkaitan dengan kepakaran sendiri. Pendapatannya mungkin tidak banyak, tetapi ia kondusif untuk mengumpul pengalaman dan membina jaringan sosial.
- d) Jangan memohon kad kredit: Belajar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan biasiswa juga merupakan satu cara.
- e) Atur jadual rutin: Jangan menghadkan diri dengan hanya menghadiri kelas dalam bidang sendiri, harus juga memilih kelas dari bidang-bidang lain dan dengar lebih banyak ceramah. Ramai orang yang mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan secara keterlaluan sehingga pengajian mereka terabai.

Perkara yang paling penting dalam kolej / universiti ialah meningkatkan ilmu dan pengetahuan. Dengan mengatur jadual rutin, anda akan mempunyai kawalan masa yang lebih baik. Masa untuk belajar dan masa untuk menghadiri aktiviti, kebaktian dan penyempurnaan rohani perlu dirancang dengan baik. Ini juga membantu menetapkan jadual kemajuan untuk setiap perkara dan melakukannya secara praktikal.

- f) Gunakan komputer dan perpustakaan dengan sebaiknya: Semakin awal anda belajar menggunakan komputer untuk mencari maklumat dan menyediakan laporan, semakin baik untuk anda. Anda boleh mencari buku dengan menggunakan sistem pertanyaan bibliografi bersepadu dalam internet. Di samping itu, jika menggunakan sistem kerjasama internet nasional untuk memasuki laman web, anda boleh meminjam buku secara langsung daripada perpustakaan dalam talian. Untuk mencari artikel jurnal tunggal Cina dan asing, anda boleh menggunakan pangkalan data pelbagai perpustakaan kolej / universiti ataupun sistem pertanyaan berkala perpustakaan negara. Jika ada masa, anda boleh melayari talian untuk melihat kumpulan perbincangan subjek profesional. Jangan lupa untuk menyediakan buku rujukan di tangan yang boleh dirujuk pada bila-bila masa.

5. Buat pilihan “praktikal” untuk kerjaya dan gaya hidup yang sesuai untuk masa hadapan

- a) Fahami diri sendiri: Gunakan pelbagai saluran untuk mengenali kekuatan dan potensi diri, di mana bidang minat sendiri, apakah keperibadian (personaliti) diri sendiri.
- b) Janganlah memikirkkan hal-hal yang lebih tinggi daripada yang patut difikirkan (Pkh 9:11; Rm 9:16).
- c) Fahami pasaran kerja masa hadapan, pilih dan tetapkan matlamat praktikal. Digunakan oleh Tuhan, bersinar untuk Tuhan (Rm 12:2,3; 2 Tim 2:21).

(III) KESIMPULAN

Kehidupan kolej / universiti adalah penuh dengan warna-warni. Asalkan masa, semangat dan tenaga dibahagikan dengan baik, orang baru di kampus boleh cuba untuk menyesuaikan diri dan menikmatinya. Sama seperti menjadi penziarah di tanah suci, semasa dalam perjalanan, anda dapat menikmati pemandangan yang indah di sepanjang jalan, dan bersukacita kerana semakin mendekati tujuan. Sebagai seorang penggali emas, anda boleh bergembira untuk emas sebenar yang bakal muncul semasa proses penapisan emas, bergembira bahawa anda semakin tahu menghargainya. Sama seperti seorang olahragawan, anda boleh mendapatkan kemajuan harian sebagai hasil semasa latihan.

Inilah batu asas bagi terus bertambah baik dan mencapai kecemerlangan. Keseronokan dalam hidup ada di mana-mana. Ia terpulang kepada anda sama ada anda mempunyai hati yang terbuka dan berusaha bersungguh-sungguh ataupun berhampa tangan.

“Bersukarialah, hai pemuda, dalam kemudaanmu, biarlah hatimu bersuka pada masa mudamu, dan turutilah keinginan hatimu dan pandangan matamu, tetapi ketahuilah bahwa karena segala hal ini Allah akan membawa engkau ke pengadilan!” (Pkh 11:9).

Oleh itu, dalam kehidupan kolej / universiti, *“takutlah akan Allah dan berpeganglah pada perintah-perintah-Nya,”* (Pkh 12:13). Ini juga merupakan tanggungjawab setiap orang baru di kampus. Dalam perjalanan hidup yang serba baru, marilah kita berpegang teguh kepada janji Tuhan: *“Engkau memahkotai tahun dengan kebaikan-Mu, jejak-Mu mengeluarkan lemak.”* (Mzm 65:12).

PERBEZAAN ANTARA DUA JANTINA DAN PENGURUSAN HUBUNGAN CINTA

Saudara Xu Shi Hui

KATA PENGANTAR

Apabila kita membincangkan topik berkaitan perbezaan antara dua jantina, ia mestilah didirikan atas hubungan“ antara dua jantina supaya kita boleh menyerlahkan pengaruh yang dibawa oleh perbezaan jantina. Di peringkat institusi pengajian tinggi, kedua-dua lelaki dan wanita telah mempunyai kelayakan yang sangat matang secara fizikal dan psikologi. Mereka membuat persediaan yang baik bagi kedua-dua jantina mendirikan rumah tangga bersama-sama. Manusia dibahagikan kepada dua jantina, dan komunikasi antara dua jantina ialah perkara yang biasa. Komunikasi emosi tertutup antara jantina yang berlainan juga wujud secara semula jadi. Walau bagaimanapun, bukan semua orang berfikir tentang fasa perkembangan hubungan cinta dan cara untuk berpisah terlebih dahulu. Oleh itu, lagu cinta telah dinyanyikan tanpa putus sejak zaman purba dan sentiasa berada di tangga teratas dalam senarai jualan terlaris. Oleh itu, kita cuba membuat susunan kasar mod pengurusan hubungan cinta antara dua jantina. Diharapkan ini dapat dijadikan sebagai rujukan dalam perjalanan hubungan cinta. Sama seperti perbezaan antara dua jantina, terdapat perbezaan yang amat besar dalam cara pengurusan hubungan cinta. Apa yang dibincangkan berikut hanyalah prinsip sahaja, banyak perincian pengurusan yang tidak dapat disenaraikan satu persatu. Kiranya Tuhan mengaruniakan kebijaksanaan dan kekuatan kepada kita untuk menghadapi kelemahan kita sendiri, melawan tipu muslihat si jahat dan menjauhkan diri daripada godaan nafsu.

(I) PERBEZAAN ANTARA DUA JANTINA

Perbezaan antara dua jantina tidak mutlak. Ia hanya menunjukkan sesuatu trend yang tertentu dan perbezaan individu masih sangat besar. Oleh itu, makna bagi memahami perbezaan antara satu sama lain bukanlah terletak pada pelabelan suatu jenis atau satu orang, tetapi ia merupakan permulaan bagi percubaan untuk memahami. Janganlah pandangan anda terhadap dia yang unik di hadapan anda dikaburkan oleh stereotaip terhadap jantina yang berlainan. Tujuan pemahaman adalah untuk menjadikan kedua-dua pihak lebih bertimbang rasa antara satu sama lain, bukannya dijadikan sebagai alasan untuk menolak tanggungjawab.

1. Faktor fisiologi

Perbezaan jantina bermula dengan perbezaan dari segi fizikal. Alkitab berkata: “isteri, sebagai kaum yang lebih lemah” (1 Ptr 3:7). Ini sedikit sebanyak menunjukkan bahawa wanita secara fizikalnya adalah lebih lemah daripada lelaki (tetapi daya ketahanan sakit wanita jauh lebih tinggi daripada lelaki). Perbezaan sebegini adalah bahawa lelaki sepatutnya lebih menyayangi dan menghargai isteri mereka yang berkongsi rahmat hidup kerana dia ialah perkakas yang rapuh dan indah. Dilihat dari perspektif yang lain, wanita mungkin lebih kekurangan rasa selamat. Oleh itu, ia membawa kepada perasaan yang halus dan teliti, pemikiran yang tajam, boleh membawa perasaan yang menyenangkan kepada orang lain serta penghiburan yang bersesuaian. Beban membesarkan dan mendidik anak kadang-kadang jatuh secara langsung atas bahu wanita. Relatifnya, lelaki mempunyai rasa selamat yang lebih tinggi atau boleh mengalas tugas dalam membuat keputusan dan mereka lebih kompeten dalam kerja yang memerlukan kekuatan fizikal. Mata pencarian keluarga mungkin jatuh pada lelaki. Wanita mungkin berfikir sempit dan degil, maka biarlah keputusan rasional lelaki memimpin mereka keluar daripada pemikiran tersebut. Prestasi kedegilan lelaki mesti diubati / diselamatkan dengan ketelitian wanita.

Namun, perbezaan sebegini tidak semestinya menghasilkan hasil yang disebutkan di atas dalam masyarakat moden. Ini kerana perubahan alat pengeluaran, populariti pendidikan dan juga perbezaan personaliti individu akan membentuk pembahagian tugas yang berbeza. Walau bagaimanapun, perkara yang utama ialah perbezaan antara dua jantina membawa kepada pembahagian tugas dan mereka saling melengkapi. Memahami perbezaan antara satu sama lain boleh menjadikan pembahagian tugas dibuat dengan lebih sesuai.

Tetapi apabila kita berkompromi dengan konsep-konsep dan nilai-nilai tradisional, perbezaan antara dua jantina akan menyebabkan banyak pertikaian akibat perubahan dalam masyarakat moden. Sebagai contoh, apabila ekspresi diri gagal mematuhi peranan jantina tradisional, merasakan ianya bertentangan dengan nilai-nilai tradisi, maka seseorang akan kehilangan keyakinan diri dan tidak dapat bekerjasama dengan jantina yang berlainan lalu mengubah kekecewaannya kepada kemarahan lalu membuat serangan ke atas jantina yang berlainan. Kadang-kadang, kekuatan lelaki menjadi kekerasan yang menyakiti wanita yang lemah manakala wanita pula mengeluarkan kata-kata yang agresif hasil daripada psikologinya yang terluka (Perbezaan corak serangan ini juga merupakan salah satu perbezaan antara dua jantina). Keterangan di atas merupakan perkara biasa dalam banyak konflik antara dua jantina dan bukan sesuatu yang pelik. Nampaknya, komunikasi dan pemahaman yang baik antara dua jantina memerlukan pembelajaran dari pelbagai aspek.

2. Faktor Kebudayaan

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, faktor fisiologi ditambah dengan faktor ekonomi menyumbang kepada konsep nilai budaya suatu tempat. Menurut budaya orang Cina, patriarkisme merupakan fenomena yang umum. Pendidikan dan sikap patriarkisme juga membuatkan lelaki mempunyai kebiasaan dihormati dan dimewahkan manakala wanita pula menunjukkan tekanan emosi dan mengalami neurosis. Dari gaya keibubapaan, kita dapat belajar tentang bagaimana lelaki dan wanita menangani sesuatu isu. Contohnya konsep tentang lelaki tidak harus memasuki dapur. Ini menyebabkan banyak anak lelaki tidak responsif dan lambat bertindak terhadap kerja rumah tangga. Khususnya dari segi sensitiviti interpersonal, mereka yang pada asalnya mempunyai kelebihan dalam status sosial, namun mereka kekurangan tindak balas dari segi sifat empati dan ini tidak dapat dielakkan. Relatifnya, kelemahan wanita mungkin menyebabkan mereka terbiasa untuk tahan sabar dan akhirnya mengalami banyak penderitaan dan kerugian. Tabiat yang tidak pandai meluahkan perasaan menyebabkan dia tidak dapat membuat tuntutan secara rasional, dan terpaksa mencari jalan keluar secara bersembunyi yang akhirnya menimbulkan lebih banyak kecurigaan.

Faktor kebudayaan tradisional sedemikian sedang beransur-ansur pudar. Peranan kedua-dua jantina dalam status sosial telah menjadi semakin dekat. Tetapi tidak semua orang menyedari perubahan ini. Seseengah orang mungkin masih memegang konsep nilai yang lama, seseengah orang mungkin tidak sabar untuk mengejar ke hadapan. Satu undur ke belakang, satu pula maju ke depan. Ini lebih cenderung menyebabkan konflik ideologi. Siapa yang membayar bil di restoran? Siapa yang buat kerja rumah tangga selepas balik dari kerja? Bagaimana untuk membahagikannya kepada separuh? Jadi sama ada anda seorang LKK dalam kerangka sosial lama atau generasi e yang telah dibaptiskan dalam era baru, nilai-nilai kebudayaan membentuk corak tingkah laku kedua-dua jantina secara tidak langsung. Jika anda tidak menyedari kewujudan kuasa luar biasa ini, sukar untuk anda keluar dari kepompong ini dan menghasilkan corak tingkah laku yang sesuai untuk kedua-dua pihak.

3. Faktor psikologi

Ketinggian bukan jarak, berat bukan tekanan, tetapi perbezaan psikologi mungkin merupakan perbezaan yang terbesar. Carta horoskop sangat popular di kalangan golongan muda masa kini demi menguasai psikologi orang lain dan untuk mendapatkan sedikit rasa selamat. Dari perspektif iman, hidup kita dipelihara di dalam Kristus, maka tentunya kita tidak patut percaya tentang itu. Dari perspektif kaedah saintifik, kita bimbang tentang kekasaran klasifikasi dan kekurangan bukti serta mengabaikan pengaruh dari perbezaan individu dan faktor-faktor kemudian hari. Akibatnya, secara membabi buta kita percaya bahawa seseorang mempunyai watak ini dan mengabaikan prestasinya yang lain. Beberapa butiran berikut disediakan untuk rujukan. Butiran-butiran ini juga berasal daripada faktor fisiologi dan sosial yang dinyatakan di atas.

A. Perbezaan dalam keperluan psikologi

Lelaki perlu dihormati, wanita perlu diambil berat dan dikasihi. Puncak tujuan lelaki ada di mana-mana demi mengejar status sosial. Tidak kira bagaimanapun, tekanan terbesar kepada lelaki dalam masyarakat ialah pencapaian dan status sosial. Apabila menyerahkan kad nama, jangan terlalu membongkokkan badan kerana itu menunjukkan kelemahan lelaki iaitu keperluan untuk mendapatkan penghormatan. Apabila lelaki tidak mendapat penghormatan yang sewajarnya, contohnya menghadapi kegagalan dan halangan dalam kerjaya mereka, mereka mudah menunjukkan ekspresi marah. Dalam hubungan antara dua jantina, jika lelaki tidak dihormati oleh wanita, itulah kekecewaannya yang terbesar. Akibatnya, mereka saling naik tangan dan dapat dijangka bahawa mereka tidak mahu pulang ke rumah pada waktu malam. Wanita suka kepada perasaan romantis. Dalam aspek perkara-perkara yang indah, mereka mempunyai keutamaan dan nilai estetika mereka sendiri. Oleh itu, kedai-kedai bunga selalunya makmur dalam perniagaan. Fokus utamanya bukan pada tempat / suasana untuk bercinta, tetapi perasaannya itu betul. Wanita mengejar rasa selamat serta perasaan dilindungi, disayangi dan dihargai. Ini merupakan tindak balas yang semula jadi (Kej 3:16), hanya perlu berikan perhatian bahawa hubungan antara dua jantina bukan hanya sekadar mengejar perasaan ini sahaja. Bagi kedua-dua jantina, mengetahui keperluan masing-masing boleh mengelak daripada menyentuh titik kesakitan masing-masing, dan dapat benar-benar memberikan keperluan dan sokongan kepada pihak yang lain.

B. Perbezaan dalam desakan fisiologi

Tanpa membincangkan tentang sebabnya, desakan seks lelaki umumnya lebih tinggi daripada wanita. Oleh itu, dalam proses bercinta antara dua jantina, lelaki mungkin menggunakan bunga ros untuk menyembunyikan tujuannya yang bercinta demi seks lalu menggunakan keprihatinan dan kasih sayang yang diingini oleh wanita sebagai pertukaran bagi kepuasan seksual. Akibatnya, ini memmutarbelitkan sepenuhnya makna bagi percintaan antara dua jantina. Bagi saudara saudari dalam Tuhan, elakkan hubungan seks sebelum berkahwin dan percabulan. Ini tidak boleh tidak diberikan perhatian. Di bawah pengaruh budaya popular sosial, seks juga dianggap sebagai simbol bagi sesuatu kelebihan lelaki. Hasilnya, ini menyesatkan persepsi seks bagi kedua-dua jantina. Ia tidak dibincangkan secara mendalam di sini, tetapi dinyatakan sebagai peringatan. Dalam masyarakat, keperluan fisiologi sering digunakan untuk menggambarkan tentang desakan (drive) seks. Jika dilihat dari segi perkataannya, ia ialah permintaan maka ia mesti dipuaskan untuk menyelesaikan masalah. Namun jika berbincang dari hati ke hati, banyak kelakuan sebenarnya dilakukan kerana digodai atau didorong. Khususnya

dalam era moden media optik ini, ditambah dengan pengaruh rakan-rakan, orang sering membuat banyak tindakan yang berlebihan terutamanya perbelanjaan yang berlebihan dan mengejar perkara-perkara yang popular. Jadi mengenai seks, kita boleh mengatakan bahawa ia ialah dorongan fisiologi dan tidak semestinya perlu “dipuaskan”. Tanpa perbuatan ini tidak semestinya akan menyebabkan penyesalan yang tidak dapat diperbaiki atau tidak dapat menyatakan rasa kasih sayang di dalam hati. Oleh itu, dalam proses bercinta antara dua jantina, wanita harus tahu bagaimana melindungi diri sendiri, beri perhatian kepada situasi yang dihadapi dan cara berpakaian; lelaki pula harus menggunakan kerasionalan dengan sebaik-baiknya, hormati pihak yang lain dan lawanlah nafsu. Ini bukan bertujuan untuk menyekat kebebasan dalam bercinta tetapi untuk memberikan lebih banyak jaminan dan perlindungan.

C. Perbezaan kognitif

Lelaki sering bersandar kepada logik dan fakta, wanita pula sering meurut perasaan sendiri. Selalu ada jenaka yang menjadikan ini sebagai tema: ketika melihat hutan dengan pemandangan yang menghijau dan berpemandangan indah, wanita hanya mengkagumi pemandangan indah, lelaki pula hanya peduli tentang menganalisis spesies pokok dan usianya. Tetapi perbezaan seperti ini sering membuatkan orang mengeluh sama ada kedua-dua jantina pada dasarnya ialah orang dari planet yang berlainan dan langsung tidak dapat berkomunikasi. Dari sisi positif, perbezaan kognitif sebenarnya merupakan hubungan yang saling melengkapi yang membolehkan pemahaman yang lebih luas terhadap dunia luar. Jika masing-masing mempertahankan pendapat sendiri dan enggan bertoleransi, itu sama seperti orang buta dengan gajah, apa yang diketahui hanyalah cerita satu sisi sahaja. Oleh itu, belajar untuk melihat masalah daripada perspektif pihak yang lain ialah isu yang sangat penting dalam percintaan antara dua jantina. Bagaimana untuk belajar mengalah tanpa merasa rugi juga merupakan satu perkara yang memerlukan refleksi diri yang kerap. Sering kali, konflik yang disebabkan oleh perbezaan kognitif tidak dapat diselesaikan kerana menurut perspektif kedua-dua ciptaan, tidak ada caranya untuk menyiasat apakah kesalahannya, dan tidak ada yang ingin terlebih dahulu mengaku salah. Jika dapat kembali kepada kasih Tuhan, bertolak ansur dengan kasih, dan kedua-dua pihak bersedia mengakui kekurangan (bukan kesalahan) diri sendiri, maka perbezaan kognitif dapat menjadi sesuatu aspek yang paling berpadanan antara dua jantina.

D. Perbezaan dalam luahan perasaan

Lelaki tidak suka bercakap tentang hati dan perasaan, wanita pula tidak peduli dengan dunia. Menurut statistik, bilangan wanita yang mengalami kemurungan adalah lebih tinggi berbanding lelaki. Namun sesetengah orang berfikir bahawa sebenarnya lelaki tidak sudi memberitahu orang asing mengenai masalah dalam hati mereka. Maka ini menghasilkan perbezaan dalam statistik. Lelaki seolah-olah tidak mahir berkata-kata sejak lahir, sering mengeluarkan kata-kata yang tidak bijak, hanya bersedia untuk membanting tulang atau meluahkan perasaan mereka melalui ekspresi emosi yang berbeza. Mereka sukar untuk membicarakan tentang isi hati dalaman mereka, seolah-olah air mata akan menjatuhkan martabat tertinggi lelaki, seolah-olah bercakap dengan nada yang rendah itu ialah penakut. Terdapat juga wanita yang mendakwa sebagai orang bodoh dalam aspek jalan. Mereka tidak tahu apa-apa kecuali masuk dan keluar daripada kereta. Topik perbualannya tidak boleh dipisahkan dengan “orang”. Sebenarnya, ini juga boleh digelar sebagai perbezaan keupayaan kognitif yang menyebabkan isi kandungan ungkapan berbeza. Oleh itu, wanita merasakan bahawa lelaki cuai, tidak cukup bertimbang rasa dan menyakitkan hati; lelaki pula merasakan bahawa wanita tidak tahu mencari kemajuan dan berfikiran sempit. Perbezaan sebegini, seperti apa yang disebutkan sebelum ini, ia berfungsi sebagai pelengkap, bukannya untuk saling mempersalahkan. Bagi kedua-dua lelaki dan wanita, belajar untuk berlapang dada dan berhati terbuka. Ini adalah perlu di dalam dunia talian moden kerana peredaran maklumat yang cukup dan semua orang sedang bertumbuh besar. Tidak perlu mahir dalam semuanya, tetapi perlu tahu di mana sumber-sumbernya apabila diperlukan. Jika tidak, maka anda akan berada di posisi yang mana masa dan ruang anda ditekan dalam masyarakat perindustrian dan komersil yang sibuk, anda mungkin tidak ada masa yang cukup untuk berbincang seperti masa lalu. Ini mudah menyebabkan jurang dalam komunikasi dua jantina.

E. Perbezaan individu

Terdapat begitu banyak perbezaan antara jantina. Tetapi pembaca tidak boleh menganggap bahawa ini semua pasti berlaku. Apa yang menyakitkan kepala dan menarik adalah, tiada seorang pun yang sama. Keperibadian khas bagi sesetengah orang mungkin mengelirukan dan tidak boleh dijelaskan dengan mana-mana model sehingga orang lain menganggapnya sebagai tidak munasabah. Semakin orang menganggapnya aneh, semakin kurang dia dapat difahami oleh orang lain. Apabila menghadapi perbezaan individu, anda harus mempunyai sikap terbuka dan pemahaman objektif, lepaskan kepercayaan dan andaian (atau keraguan) stereotaip, dan kenali seseorang dari awal.

(II) CARA PENGURUSAN HUBUNGAN CINTA

Dalam masyarakat hari ini, bercinta dan berpisah ialah perkara yang biasa. Di bawah pengaruh media dan drama, perbuatan seks sebelum berkahwin juga tidak mengapa. Data perceraian pula semakin meningkat seperti pasaran saham yang berwarna merah. Ia kelihatan seolah-olah merupakan realisasi bagi meningkatkan usaha individu dalam penegasan diri, tapi sebenarnya ia ialah kejatuhan maruah dan nilai manusia. Kacang lupukan kulit merupakan sikap yang sangat tidak menghormati orang lain. Bagi diri sendiri, ia mencerminkan ketidakpastian tentang konsep nilai. Secara keseluruhannya, ia merupakan hasil dari dosa kejahatan manusia lalu manusia mahu menggunakan cara sendiri untuk menutupi rasa malu, tetapi ianya adalah menjaring angin (rujuk Kej 3:7). Mungkin putus cinta boleh membawa tumbesaran kepada manusia, atau mungkin hanya tahu perasaan yang mendalam selepas pernah mencintai (kesedihan cinta)? Tetapi jika ada peluang untuk kekal selama-lamanya, mengapa tidak bersedia dengan baik terlebih dahulu? Kenalpasti arah dan biarkan cinta tumbuh di tanah yang paling subur. Sekiranya kecewa dalam percintaan (perkahwinan), kadang-kadang ia mungkin menjadi penyesalan seumur hidup dan tidak ada ruang untuk berpatah balik.

Dari bujang kepada bertemu, dari bertemu kepada saling mengenali, dari saling mengenali kepada saling menghargai dan saling melindungi, itu merupakan proses yang mengagumkan bagi sesebuah hubungan cinta. Ianya tidak dapat dipadamkan atau ditenggelamkan oleh air. Untuk membina cinta yang luar biasa ini, bolehkah ia hanya diliputi oleh ungkapan "Saya cinta kamu"? Oleh itu, haruslah memahat di dalam baris, berkata dalam pusaka dan berfikir sebelum berkata, berunding sebelum dibuat. Itu lebih baik daripada mengambil risiko.

Apabila membincangkan tentang pengurusan hubungan cinta, mari kita bincangkan langkah-langkah bercinta terlebih dahulu. Secara umumnya, permulaan percintaan antara lelaki dan wanita nampaknya tidak mempunyai tujuan yang khusus. Ia hanya semata-mata dia senang di mata saya ataupun saya meminatinya, atau dia membuat saya jatuh hati, tiada sebabnya. Kemudian, kebetulannya mereka mempunyai peluang untuk sering bersama-sama, jadi mereka melangkah ke proses bercinta. Oleh itu, motif sesetengah orang dalam bercinta adalah untuk kepuasan psikologi dan fisiologi mereka pada mulanya. Ia sejenis keberahian yang istimewa terhadap jantina yang berlawanan dan kurang mempertimbangkan tentang keperluan pihak yang lain. Bagi perkembangan masa depan, ia mungkin tidak berada di dalam jangkaan, maka mereka kurang berkeyakinan dalam pengurusan hubungan cinta. Oleh itu, konsep penulis di sini adalah bahawa percintaan antara dua jantina haruslah dengan motif untuk memasuki perkahwinan. Dengan cara ini, barulah berkemungkinan untuk menguasai proses bercinta dan ini ialah sikap yang bertanggungjawab. Pada masa akan datang, mereka akan menikmati buah cinta sejati

dengan mudah dan mempunyai keluarga yang sihat dan bahagia. Jika tidak, percintaan antara dua jantina dengan mudahnya akan menjadi pergaulan yang buruk dan ini akan diikuti dengan banyak masalah kekeliruan.

Ada orang yang mencadangkan proses bercinta seperti berikut untuk rujukan kita bersama:

1. Hubungan sosial

Mengenali seseorang dalam organisasi atau melalui pihak yang ketiga (contohnya telangkai) ialah suatu permulaan yang lebih ideal. Kita boleh memahaminya dari pelbagai aspek melalui mata rujukan yang lain, bukan hanya menilai dari pengalaman kita sendiri. Di peringkat sosial, adalah mudah untuk kita melihat sikap seseorang dalam menguruskan sesuatu dan melayan orang lain.

2. Rasional

Jadi kawan yang boleh berkomunikasi terlebih dahulu, seperti saudara saudari biasa. Boleh berkomunikasi dengan jelas supaya tidak seperti ayam bercakap dengan itik. Bidang-bidang dan pengalaman hidup masing-masing haruslah lebih kurang sama. Ini sangat penting untuk dunia dua orang yang sebenar pada masa akan datang supaya tidak akan ada terlalu banyak amalan yang tidak konsisten dalam kehidupan. Dalam banyak perkara, ia bukannya soal betul atau salah, tetapi ianya ialah soal tabiat, tetapi sesetengah orang sangat ambil peduli tentang tabiat. Jika bahasa antara satu sama lain adalah sama, anda boleh pergi ke fasa seterusnya.

3. Jiwa dan roh

Apa yang ingin dibincangkan di sini ialah pengenalan kepercayaan dan penilaian bagi nilai sesuatu. Percaya dan tidak percaya merupakan pasangan yang tidak seimbang. Terdapat banyak lagi penilaian peribadi bagi konsep nilai. Contohnya sikap dalam menghadiri kebaktian, konsep kerja suci, pembahagian masa, perancangan hidup, tabiat komunikasi interpersonal, cara hidup dan lain-lain lagi. Ini ialah bahagian yang sangat penting bagi seseorang. Berapa banyak persamaan yang diperlukan untuk lulus, tidak ada jawapannya. Ini terpulang kepada apa yang paling diutamakan oleh seseorang individu, dan merujuknya ke hadapan Tuhan.

4. Perasaan

Apabila corak komunikasi, pengalaman hidup dan orientasi nilai antara satu sama lain adalah lebih kurang sama, kita boleh menyerahkan perasaan berharga kita. Jika tidak, apabila pihak yang lain tidak menghargai perasaan kita, tetapi bajak sudah terdorong ke bencha, ini menyakitkan hati. Pada fasa ini, bab perkahwinan boleh dibincangkan. Tetapi sebelum itu, kedua-duanya hanya boleh dikatakan sebagai kawan biasa. Mereka boleh datang nampak muka, pergi nampak belakang. Walaupun tidak ada hasil, mereka berdua merasakan keuntungan dan pertumbuhan.

5. Tubuh badan

Ini ialah isu selepas berkahwin. Kedua-duanya lebih saling mencintai kerana mereka saling mengenali dan dapat saling memperlakukan dengan tulus tanpa ada apa-apa rahsia. Ini boleh dikira sebagai kesudahan yang indah dan juga permulaan bagi fasa yang lain.

Berapa lama tempoh yang perlu dilalui bagi setiap fasa untuk menjadi matang, sama ada mesti melalui fasa-fasa ini (fasa kelima mestilah adalah selepas berkahwin), ini tidak pasti. Walau bagaimanapun, dalam proses-proses ini, pendapat orang lain harus dirujuk, dan hal ini perlu dibawa ke hadapan Tuhan. Perkara-perkara berikut mungkin sesuatu yang perlu diingat oleh semua orang.

- a) Berdasarkan banyak perbezaan antara dua jantina yang disebutkan dalam bahagian sebelum ini, ketika menangani isu-isu hubungan cinta, jangan membatasi diri dan hanya membuat pertimbangan dari sudut pandangan diri sendiri. Jika kita berpegang kepada keutamaan personaliti peribadi, hanya peduli tentang beberapa aspek yang negatif dan konflik, mengabaikan banyak aspek yang positif, dan tidak bersedia untuk mengambil inisiatif dalam mengenali pihak yang lain, maka komunikasi akan jadi tidak berkesan sehingga masing-masing mempertahankan pendapat sendiri dan tidak akan ada titik pertemuan. Lantas, hubungan antara dua jantina akan jadi porak peranda dan tidak ada ruang untuk memutarkannya semula.
- b) Harus saling menghormati. Jangan menyakiti / melukai sesiapa pun. Jika anda ingin melindungi diri anda sekali pun, jangan menyakiti / melukai orang lain. Ini kerana hati adalah sangat rapuh. Dalam proses bercinta, tidak harus ada pemikiran tentang kepemilikan ataupun menahan pihak yang lain dengan sikap yang mengugut.
- c) Tahukah anda bahawa Tuhan mengasihi anda? Kita tahu untuk mengasihi kerana Tuhan lebih dahulu mengasihi kita. Melangkah masuk ke dalam fasa hubungan antara dua orang, perkahwinan, keluarga, ia memang memerlukan banyak tenaga, masa, kesabaran dan kasih. Jika kekurangan pemahaman tentang kasih Tuhan, anda bukannya tidak boleh berkahwin, tetapi anda akan mudah bosan. Kualiti hubungan antara keduanya akan menjadi kasar. Masa itulah anda mengeluh bahawa “mudah untuk saling mengasihi, susah untuk bersama”. Jika betul-betul tidak mempunyai hikmat / kebijaksanaan, apa masalah yang akan berlaku pada masa hadapan memang sukar untuk diramalkan.

- d) Fahami dahulu apa yang diri sendiri mahu? Berapa banyak yang boleh diri sendiri berikan? Berkahwin bukan sebab mabuk cinta. Dalam hubungan antara dua orang, bukan hanya mengharapkan pihak yang satu lagi itu ialah putera idaman (Prince Charming) dan puteri idaman (Snow White). Jika diri sendiri bukan putera idaman, apabila puteri idaman muncul, adalah dikhuatiri bahawa sukar untuk melalui kehidupan yang bahagia dan gembira. Tuhan menciptakan Hawa sebagai penolong bagi mausia itu. Adakah para saudara telah mengenalpasti apa kelemahan diri sendiri? Atau hanya mempamerkan sisi yang terbaik sahaja? Para saudara telah dibesarkan di bawah penjagaan ibu bapa mereka sejak kecil lagi. Kemudian, mereka akan menjadi isteri dan ibu dalam sekelip mata. Kerja keras yang mereka berikan adalah sukar untuk dibayangkan. Lelaki dan wanita yang sedang bercinta sering mempunyai jangkaan yang tidak realistik untuk masa depan dan mempunyai harapan yang terlalu tinggi untuk satu sama lain. Keberadaan kasih (cinta) yang sebenar hanya dapat dilihat dalam kehidupan realiti. Oleh itu, proses bercinta harus lebih praktikal, jangan terlalu romantis. Dalam beberapa perkahwinan yang bermasalah, kadang-kadang kita dapati bahawa salah seorang daripada mereka adalah dari keluarga yang tidak bahagia, atau keluarga yang porak peranda, telah mengalami trauma fizikal dan mental, dan ingin melepaskan diri daripada keluarga asal secara terburu-buru. Dalam situasi ini, adalah mudah baginya untuk mengabaikan pembentukan keperibadian daripada keluarga asal. Semasa bercinta, mereka mengabaikan sepenuhnya ciri-ciri negatif pihak yang lain, terlalu meninggikan andaian tentang kekuatan dan kesabaran diri sendiri. Mereka beranggapan bahawa perkahwinan ialah permulaan bagi kebahagiaan. Akibatnya, terlepas dari mulut buaya, masuk ke mulut harimau. Kitaran yang tidak baik ini banyak dan sering dilihat.
- e) Ketahui bahawa manusia tidak sempurna. Selepas tempoh bercinta yang panjang atau berkahwin, anda akan mendapati kekurangan-kekurangan pihak yang lain yang tidak sedap pada pandangan anda. Itu kadang-kadang menjadi bunga api kepada konflik, perpisahan atau perceraian. Aspek-aspek yang tidak memenuhi hati sendiri ini penting atau tidak? Adakah ianya berbaloi untuk mengadu buku lidah? Ini sememangnya tiada jawapan yang mutlak. Inti utamanya, apa sebenarnya yang anda mahu? Untuk aspek-aspek yang lain, sabarlah seorang terhadap yang lain dengan kasih, saling mendorong dan bertumbuh besar. Manusia memang tidak sempurna. Ini pengetahuan yang wajib ada.
- f) Urus hubungan cinta atau emosi diri sendiri? Dalam proses bercinta, akan ada masa-masanya yang tidak lancar. Kadang-kadang agak ambil kisah dengan perasaan pihak yang lain, tidak tahu sama ada pihak yang lain mempunyai perasaan yang baik, kadang-kadang berasa sedih dalam hati kerana ditolak. Ini

tidak dianggap sebagai masalah percintaan. Ia hanyalah tindak balas emosi, jika kedua-dua pihak tidak memberi kepastian antara satu sama lain. Kebanyakan tindak balas emosi ini datang dari mentaliti peribadi yang sangat berkira tentang mendapat atau kehilangan sesuatu, kekurangan keyakinan diri dan terlalu ambil peduli dengan pemikiran orang lain. Pada masa ini, sila bekerja lebih keras dari aspek lutut, banyakkkan membaca Alkitab, datang kepada Tuhan, fahami bahawa kita ialah umat pilihan yang ditebus oleh Anak tunggal Tuhan. Kita mempunyai status yang rajani, jangan memandang ringan terhadap diri sendiri.

- g) Ada persediaan untuk mengakhirinya apabila bermula: jangan hanya menyulam mimpi-mimpi indah dalam psikologi tetapi juga harus membuat persediaan awal untuk putus hubungan. Sekiranya kedua-duanya berkembang menurut fasa yang sama seperti di atas, hubungan itu tidak terlalu sukar untuk diputuskan. Walau bagaimanapun, roh memang penurut, tetapi daging lemah. (Hati kita berfikir atau merindui pihak yang lain, dipengaruhi oleh gelak ketawa dan tangisannya). Kadang-kadang, ia melebihi apa yang dapat dikuasai oleh kerasionalan kita. Kesakitan berpisah adalah seperti nyawa yang terkoyak. Tidak kira sama ada anda aktif atau pasif dalam memutuskan hubungan, perasaan itu sebenarnya amat sukar untuk dihadapi. Jadi ingatlah bahawa percintaan tidak harus dirahsiakan. Biarlah ianya diketahui oleh orang-orang yang lebih tua dan rakan-rakan seiman. Jika ada apa-apa yang terjadi, jangan berkunci diri. Harus berhubung dengan seiman atau telangkai. Mereka boleh memberikan bantuan dan penghiburan pada waktunya. Jika tidak, anda menanggung kepahitannya seorang diri. Bukan sahaja anda merasa sangat sengsara, ia akan menyebabkan penyimpangan mentaliti pada masa hadapan.
- h) Harus menikmati keindahan perasaan cinta, juga harus bertanggungjawab dalam usahanya. Masyarakat hari ini mempunyai kecenderungan makanan segera. Mereka melepaskan hawa nafsu tubuh jasmani dan menikmati kegembiraan pada masanya. Kedua-dua pihak lelaki dan wanita suka ditatang bagai minyak yang penuh dan menikmati penjagaan kasih yang unik. Tetapi apabila kekurangan proses pengenalan yang sebenar dan perbincangan rasional, hubungan cinta seperti ini hanya boleh dianggap sebagai hubungan yang sembarangan. Cinta berahi pada asalnya akan menjadi kebencian (rujuk 2 Sam 13:1-15). Bukankah kita banyak mendengar berita tentang kes pembunuhan yang berkaitan dengan cinta dalam masyarakat? Oleh itu, saya menasihati orang muda di dalam Tuhan, kita telah dipanggil oleh Tuhan, hiduplah dalam terang dan jadilah anak-anak terang.

- i) Gadis-gadis jangan terlalu romantis, anak-anak lelaki jangan terlalu berpura-pura. Dalam proses bercinta, kita ingin mencari pasangan yang bersesuaian dengan kita, bukannya memilih ratu cantik atau lelaki kacak. Kekalkan kesopanan yang sepatutnya sudah mencukupi. Saling melayan dengan hati yang terbuka supaya tidak menerima mesej yang tidak betul dan menghasilkan tindak balas yang salah.
- j) Kekalkan jarak untuk tujuan keselamatan. Jika ada peluang untuk bertemu bersendirian, pilihlah tempat-tempat yang umum, bukan di ruangan yang tertutup. Beri ruang untuk diri sendiri dan pihak yang lain. Jangan beri peluang kepada si Iblis. Siapa yang menyangka bahawa ia tetap berdiri, harus lebih berhati-hati.
- k) Harus berjalan bersama seumur hidup setelah bergandingan tangan. Pada pandangan pertama, ayat ini agak tidak masuk akal. Adakah memegang tangan sahaja memerlukan janji bagi sepanjang hayat? Gereja masa lalu mengajar bahawa tidak boleh ada hubungan fizikal sebelum perkahwinan, sudah tentu, ini termasuk memegang tangan. Perasaan manusia adalah amat ajaib sekali. Ia bukan hanya sentuhan kulit, ia ialah sentuhan psikologi, dorongan fisiologi, dan seterusnya membawa kepada reaksi berantai yang sukar untuk dikatakan (maka kita menegaskan untuk tidak bercinta terlalu lama dan ini sememangnya ada sebabnya). Mengikuti proses bercinta yang disebutkan di atas, jika terdapat tindakan untuk memegang tangan, mereka sebenarnya telah mengenalpasti status masing-masing di dalam hati. Dengan kata yang lain, jika ada keraguan atau ketidakpastian tentang pihak yang lain, elakkan berpegang tangan. Khususnya bagi rakan-rakan wanita, apabila memberikan tangan anda kepada pihak yang lain dengan mudah, hati anda juga akan dicuri secara senyap-senyap. Jika tidak mahu hati terluka, sila fikir masak-masak. Bagi rakan-rakan lelaki, pikullah tanggungjawab selepas memegang tangannya. Bagi mereka yang berfikir bahawa artikel ini keterlaluan, geleng kepala anda, selepas itu anda boleh memerhatikan sekeliling anda untuk melihat pasangan yang bercinta dan berpisah.
- l) Artikel ini tidak mungkin dapat menyenaraikan semua situasi dan butir-butir pengurusannya. Apa yang paling penting ialah naik dari janjang, turun dari tangga supaya tidak merosakkan hubungan cinta yang dijalin. Kita ialah umat milik Tuhan. Carilah dahulu kerajaan dan kebenaran Tuhan, maka Tuhan akan memberikan apa yang diperlukan kepada kita. Ini kebenaran yang tidak akan berubah. Kebimbangan manusia tidak boleh ditangguhkan. Namun kita harus menunaikan kewajipan kita dan pada masa yang sama pegang dan lakukan firman Tuhan, memohon supaya Tuhan memimpin jalan di hadapan. Tuhan pasti akan membawa orang yang sesuai (yang terbaik untuk individu) ke hadapan kita.

Perbezaan antara dua jantina merupakan perancangan indah Tuhan. Ekspresi emosi ialah keindahan yang paling nyata (benar) di dunia. Tetapi Iblis sengaja menghancurkan hubungan antara Tuhan dan manusia, dan juga menghancurkan kebaikan yang diatur oleh Tuhan. Tambahan pula, manusia diperhamba oleh dosa, hidup menurut daging, tidak taat kepada kebenaran. Lantas, kita melihat banyak perkahwinan yang tidak bahagia dan juga masalah percintaan. Setelah percaya kepada Kristus, jadilah manusia ciptaan baru di dalam Tuhan dan kembalikan status yang sepatutnya ada pada manusia. Maka harus belajar dan fasih tentang kebenaran, dipenuhi Roh Kudus, taat kepada kehendak Tuhan supaya hubungan antara Tuhan dan manusia pulih seperti masa ketika berada di Firdaus. Ketika itu, Adam berkata kepada Hawa, engkaulah tulang dari tulangku dan daging dari dagingku, keduanya bersatu sehingga menjadi satu daging. Kiranya saudara-saudari di dalam Tuhan diberkati oleh Tuhan supaya dapat membuat perjanjian yang paling indah di hadapan Tuhan dan manusia untuk menikmati cinta yang harum dan manis.

Pengenalan Ringkas Kepercayaan Rakyat Taiwan

Saudara Zhang Jun Jia

KATA PENGANTAR

Kira-kira 70% orang di Taiwan percaya kepada agama rakyat, dan agama ini sangat mempengaruhi kehidupan dan pertimbangan nilai pemercayanya. Kita boleh memisahkan diri daripadanya melalui “menguduskan diri”, takut “melakukan apa yang cemar” dan sebab-sebab yang lain dalam penyempurnaan rohani. Namun ia berada di dalam kehidupan harian kita. Ia bongkok kail hendak mendapat untuk meresap ke dalam kehidupan harian kita. Dalam pendirian menyebarkan firman, adakah ianya mencukupi jika kita hanya memberitahu orang lain tentang betapa baiknya Tuhan kita? Jika dia bertanya: “adakah tuhan kami tidak baik?” lalu kemudian mengatakan tentang serangkaian mukjizat (atau yang kita anggap sebagai mitos, malah takhayul), adakah sepatah “itu palsu” daripada kita sudah cukup sebagai penamat?

Oleh yang demikian, “keras ditakik, lunak disudu”, “kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya” mungkin merupakan sikap yang kita perlu ada. Tetapi jangan lupa bahawa kita perlu mengenali diri kita sebelum mengenali pihak lawan. Jika tidak terlebih dahulu mengenakan seluruh perlengkapan senjata Kristus untuk memasuki kandang harimau, bukankah kita umpama domba yang memasuki mulut harimau?

ARTIKEL

(I) Dewa-Dewi Yang Disembah

1. Menyembah hantu

- A. Menyembah orang agung dan orang yang berjasa
 - a) Dewa-dewi kebangsaan: Mazu, Guan Gong (En Zhu Gong) dan sebagainya.
 - b) Dewa-dewi tempatan:
 - Orang Sanyi di Quanzhou (Hui'an, Nan'an, Jinjiang): Kuil Longshan (Guan Yin), Guang Ze Zun Wang.
 - Orang Tong'an di Quanzhou: Xia-Hai City God Temple, Bao Sheng Da Di.
 - Orang Anxi di Quanzhou: Bao Yi Da Di, Qingshui.
 - Orang Zhangzhou: Kai Zhang Sheng Wang (Tan Goan-kong).
 - Kantonis (dikenali sebagai Hakka): San Shan Guo Wang (dewa semula jadi), Baozhong Yimin Temple (roh hantu).
 - c) Dewa Seni: Lu Ban, Hua Tuo ...
 - d) Lain-lain: Polis Jepun, Chiang Kai-shek ... dan sebagainya.
- B. Menyembah nenek moyang: pai-kong-ma, dewa-dewi dengan nama keluarga yang sama.

2. Menyembah alam semula jadi: Kebanyakannya berubah menjadi tuhan-tuhan keperibadian
 - a) Tanda dan bintang astrologi: Bintang Utara (Xuan Tian Shang Di - Zhen Wu Da Di), Tai Yang Gong, Wu Lei Yuan Shuai.
 - b) Benda-benda bumi: San Shan Guo Wang (gunung), pokok besar, batu, ular, lembu, anjing ... dan sebagainya.
3. Menyembah dewa-dewi dongeng / kuasa ghaib dan mitos
 - a) Dewa-dewi dongeng / kuasa ghaib: Feng Shen Bang (The Investiture of the Gods / The Creation of the Gods) sebagai yang utama. San Tai Zi (Na Zha), Wang Mu Niang Niang (Queen Mother of the West), Zhang Tian Shi / Thio Thian Su, Jiu Tian Xuan Nü (Mysterious Lady of the Ninth Heaven)...
 - b) Dewa-dewi mitos: Huang Di (The Yellow Emperor), Shennong, San Guan Da Di (syurga, bumi, air - Yao, Shun, Yu), Cheng Huang...
4. Menyembah “Saya tidak tahu apa yang harus ditakuti”
 - a) Campur tangan ilahi (Divine Intervention)
 - b) Menyembah roh-roh hantu: Wang Ye, You Ying Gong Ma, Bai Xing Gong, Da Zhong Ye, Yi Min Ye
5. Lain-lain

(II) Penampilan Kepercayaan Yang Sangat Sekular

1. Kedudukan keberkesanan
Kedudukan ketuhanan tidak menentukan jumlah orang yang percaya atau ketebalan asap kemenyan, tetapi ia bergantung kepada sama ada dewa tersebut berkesan.
2. Ibadah kesejahteraan - hubungan kepentingan
Kebanyakan mereka memohon dari segi perbuatan, kelakuan syukur bergantung kepada berkesan atau tidak.
3. Kekaburan sasaran ibadah
Ramai pemercaya kepercayaan rakyat hanya tahu serba-sedikit sahaja tentang dewa-dewi yang mereka sembah dan bukannya merupakan perbuatan penyembahan dengan pengenalan yang rasional.
4. Penciptaan dewa-dewi
Dalam kepercayaan rakyat, dewa-dewi baru boleh diwujudkan kerana mukjizat keberkesanan atau atas pelbagai sebab. Sebagai contoh: proses pembuatan “She Zi Wang Gong” di Chiayi, Minxiong.

5. Keboleh-ubahan tahap, ciri-ciri istimewa dewa-dewa

Contoh: Hai Shen Mazu di pantai tenggara China diangkat sebagai Tian Hou (Queen / Empress of Heaven) dan Tian Shang Sheng Mu (Holy Heavenly Mother) oleh Maharaja Kang Xi dan Maharaja Qian Long. Di dalam perubahan persekitaran selama tiga, empat ratus tahun di Taiwan, ia telah berubah menjadi dewi rahmat di seluruh negara secara beransur-ansur.

6. Sekularisasi ritual dan perayaan

Dibincangkan bermula dengan “Zhen Tou” dan “opera”.

7. Sesuai dengan kehidupan sosial

A. Etika kehidupan peribadi:

“Xia Ding” semasa kelahiran, sembahyang kepada nenek moyang semasa berkahwin, menebus dosa orang mati selepas meninggal dunia. “Hubungan Tuhan-Manusia” dalam kehidupan harian: “cukai kepala” dan “derma sukarela” di kuil, “An Tai Sui” dan “menyalakan lilin penyembahan” semasa Tahun Baharu Cina ...

B. Organisasi keagamaan dalam kumpulan sosial:

Pemimpin-pemimpin agama seperti “Lu Zhu” (Ketua Relau), “Tou Jia” membina kedudukan sebagai pemimpin melalui proses simbolik “Poe divination” tetapi calon-calon digantikan hampir setiap tahun (tidak konsisten di seluruh wilayah).

C. Perbuatan saling membantu dan mengambil berat dalam kehidupan berkumpulan sering dicapai melalui organisasi keagamaan ini. Contohnya: menyelesaikan perbuatan saling membantu, mengambil berat dan komunikasi bersama melalui “jamuan makan”.

8. Ciri skop penyembahan / sembahyang sangat kuat, dan skop kepercayaan yang kabur

Terdapat syarat kelayakan yang ketat untuk mengambil bahagian dalam penyembahan / sembahyang secara berkumpulan. Contohnya: hanya penduduk di kampung yang berkenaan sahaja yang boleh mengambil bahagian sebagai peramal bagi persatuan Shen Ming di kuil Zhuang Tou Zhuang (terdapat pengecualian). Namun, jika ia ialah tingkah laku ibadat individu, tiada siapa yang akan campur tangan. Mereka sangat bebas untuk menyembah apa jua dewa-dewi dan kepercayaan-kepercayaan kabur dari pelbagai kampung.

(III) Refleksi Kepercayaan Rakyat Di Taiwan

Kepercayaan rakyat di Taiwan sangat meresap masuk ke dalam kehidupan rakyat. Bahkan orang yang tidak mempunyai kepercayaan rakyat juga dipengaruhi oleh budaya mereka. Oleh itu, memahami kepercayaan rakyat Taiwan membolehkan kita memahami proses pembentukan konsep-konsep nilai dalam tradisi masyarakat Taiwan yang bermanfaat kepada kerja penyebaran agama kita. Dari perspektif yang lain, kita boleh menyemak semula kepercayaan kita, berapa banyak tradisi kepercayaan rakyat (ragi) yang terkandung di dalamnya tanpa kita ketahui!

1. Konsep ‘ibadah kewajipan’ dalam Alkitab

Dalam proses kepercayaan kita sendiri, hubungan dengan Tuhan sering dibina atas “ibadah kesejahteraan - hubungan kepentingan”. Malah dalam proses penyebaran firman, sama ada secara sengaja atau secara tidak sedar, kita terlalu menekankan tentang keberkesanan Tuhan dan konsep “ibadah kesejahteraan-kepentingan”. Bagi bapa dan anak lelaki yang telah dipisahkan selama bertahun-tahun, mungkin kita tidak seharusnya hanya sekadar memberitahunya tentang betapa mulia, kaya, dan berkuasa bapanya, boleh pulang dan meminta bantuan daripadanya. Kita juga harus memberitahunya bahawa dialah bapanya, harus pulang ke rumah bagai sirih pulang ke gagang kerana itulah kewajipannya.

2. Rajin membaca Alkitab, fahami Yesus

Kepercayaan rakyat adalah berdasarkan “berkesan jika ikhlas dalam hati” dan tidak terlalu banyak bertanya tentang apakah sasaran ibadah mereka. Akhirnya ia menjadi mitos tentang takhayul. Namun Alkitab mengajar kita untuk rajin membaca Alkitab dan fahami Kebenaran. Kita harus tahu siapa yang kita percaya.

3. Pengenalpastian tentang Tuhan yang Esa

Kepercayaan rakyat adalah bersifat politeisme dan berkaitan dengan penciptaan dewa-dewi. Mereka khasnya perlu diajar tentang konsep Tuhan yang Esa dalam proses penyebaran firman. Ini untuk mengelakkan mereka daripada berpatah balik pergi mencari dewa-dewi yang lain dalam kepercayaan rakyat apabila kepercayaan atau kehidupan mereka berhadapan dengan kesukaran.

4. Refleksi mengenai upacara ibadat

Ritual kepercayaan rakyat adalah sangat serasi dengan perubahan kehidupan. Ia mempunyai kebolehbentukan yang berubah seiring dengan persekitaran, tetapi kadang-kadang ia mengalir ke dalam kebiasaan yang melampau. Contohnya, “kereta berhias”, “pertunjukan tarian bogel” (striptease) dan sebagainya muncul dalam “Chou Shen Zuo Xi” (opera) di kuil. Tetapi dari perspektif yang bersesuaian dengan kehidupan, mungkin ia juga boleh menjadi rujukan kepada gereja kita pada hari ini apabila memikirkan tentang “ibadah yang pelbagai.”

5. Amalkan kehidupan dalam kepercayaan, amalkan kepercayaan dalam kehidupan
Gereja sering menekankan tentang “amalkan kehidupan dalam kepercayaan, amalkan kepercayaan dalam kehidupan” tetapi selalunya terdapat jurang yang besar antaranya. Bagi kepercayaan rakyat pula, ia diamalkan dengan begitu baik sekali. Organisasi kepercayaan rakyat juga merupakan organisasi yang membantu, mengambil berat dan berkomunikasi antara satu sama lain dalam kehidupan. Kita sering dapat mendengar gereja mengajar pemercaya untuk bergaul dengan kepercayaan yang murni, saling membantu dan mengambil berat dalam kehidupan serta bergaul dengan batasan. Seboleh-bolehnya jangan ada pergaulan yang melibatkan wang dalam gereja untuk mengelakkan iman menjadi lemah apabila terjadinya masalah. Walau bagaimanapun, sering kedengaran tentang perselisihan yang berkepanjangan bagi agam dalam kepercayaan rakyat. Ia memberikan impak jangka pendek ke atas organisasi kehidupan kepercayaan yang sempurna.

KESIMPULAN

Paulus tahu tentang keterbatasan orang-orang Atena dalam menyembah tuhan ketika dia memerhatikan mezbah pemujaan mereka. Lantas dia menyampaikan khutbah yang sangat menarik untuk memperkenalkan Tuhan yang sejati dengan sepenuhnya kepada orang-orang Atena dan ada yang percaya kepada Tuhan kerana itu (Kis 17). Inilah yang harus kita belajar daripada Paulus iaitu bagaimana memahami kepercayaan bangsa asing dan kemudian membawa mereka ke dalam kepercayaan yang sebenar (Kol 1:28-29).

BAGAIMANA MEMPROMOSIKAN PENGINJILAN DI DALAM KAMPUS

Pendeta Chen Zhong Yang

Kampus institut pengajian tinggi ialah taman Injil yang sangat baik kerana golongan sasaran di dalamnya merupakan sekumpulan orang yang mencari / mengejar kebenaran. Jika pekerjaan Injil dalam kampus dapat berkembang, pastinya terdapat banyak pasukan daya baru yang akan menyertai gereja. Sayang sekali, untuk tempoh masa yang lama, pekerjaan Injil gereja kita adalah berat sebelah ke arah hospital atau rumah orang tua dan mengabaikan pekerjaan dalam kampus. Diharapkan para pemuda di dalam Tuhan yang sedang belajar di kampus dapat merasai hati Yesus, menyedari amanat sendiri dan secara aktif menyebarkan “Injil keselamatan” kita di dalam kampus masing-masing. Inilah tanggungjawab dan kasih karunia kita.

Tuhan pernah berfirman kepada Abraham: *“Pandanglah sekelilingmu dan lihatlah dari tempat engkau berdiri itu ke timur dan barat, utara dan selatan, sebab seluruh negeri yang kau lihat itu akan Kuberikan kepadamu dan kepada keturunanmu.”* (Kej 13:14-15). Adakah ayat ini sering terngiang-ngiang di telinga anda? Adakah ia memberikan kuasa kepada anda? Jadi, apa anda tunggu lagi? Tuhan Yesus juga pernah berkata kepada murid-murid: *“Bukankah kamu mengatakan: Empat bulan lagi tibalah musim menuai? Tetapi Aku berkata kepadamu: Lihatlah sekelilingmu dan pandanglah ladang-ladang yang sudah menguning dan matang untuk dituai.”* (Yoh 4:35-38). Rakan-rakan sekalian, adakah anda telah memandangi ladang-ladang yang sudah menguning dan matang di sekeliling anda? Bangunlah! Ambillah sabit Roh Kudus yang telah Tuhan berikan dan kumpulkanlah tuaian Tuhan ke dalam lumbungNya!

(I) SEDAR TENTANG AMANAT

1. Harus mengakui bahawa memberitakan Injil ialah tanggungjawab umat pilihan

Paulus pernah berkata: *“Karena jika aku memberitakan Injil, aku tidak mempunyai alasan untuk memegahkan diri. Sebab itu adalah keharusan bagiku. Celakalah aku, jika aku tidak memberitakan Injil. Kalau andaikata aku melakukannya menurut kehendakku sendiri, memang aku berhak menerima upah. Tetapi karena aku melakukannya bukan menurut kehendakku sendiri, pemberitaan itu adalah tugas penyelenggaraan yang ditanggungkan kepadaku”*. Ini merupakan pemahaman Paulus terhadap Kebenaran dan kesedarannya tentang tanggungjawab. Oleh sebab adanya kesedaran ini, maka dia mempunyai konsep tentang berhutang Injil (Rm 1:14). Konsep ini menjadi daya penggerak dalam pemberitaan firman seumur hidupnya. 1 Petrus 2:9: *“Tetapi kamulah bangsa yang terpilih, imamat yang rajani, bangsa yang kudus, umat kepunyaan Allah sendiri, supaya kamu memberitakan perbuatan-perbuatan yang besar dari Dia, yang telah memanggil kamu keluar dari kegelapan kepada terang-Nya yang ajaib.”* Tujuan

Tuhan Yesus memilih kita bukan hanya untuk memberikan janji hidup yang kekal kepada kita tetapi juga supaya kita memberi kesaksian untukNya dan memuliakanNya (Yes 43:6-7). Oleh itu, memberitakan Injil merupakan tugas yang tidak boleh ditolak kepada orang lain bagi setiap pemercaya.

2. Harus sedar tentang kewajipan sebagai murid Tuhan

Selepas bangkit, Tuhan Yesus berkata kepada murid-murid: “... *dalam nama-Nya berita tentang pertobatan dan pengampunan dosa harus disampaikan kepada segala bangsa, mulai dari Yerusalem. Kamu adalah saksi dari semuanya ini.*” (Luk 24:47-48). Kemudian, dengan janji pencurahan Roh Kudus (Yoh 20:21-22; Kis 1:8), Dia mengutus murid-murid pergi menjadi saksiNya sampai ke hujung bumi. Ini mengingatkan kita supaya tidak melupakan kewajipan sebagai murid Tuhan. Setelah percaya kepada Tuhan, jika kita hanya tamakkan kegembiraan yang sementara dalam hidup ini, apakah bezanya hidup ini dengan dunia? Di manakah pula makna hidup? Oleh yang demikian, kita harus meneladani Musa yang rela menderita demi mendapatkan upah daripada Kristus (Ibr 11:24-26). Kita harus mempunyai kesedaran sedemikian pada hari ini.

3. Meneladani pemercaya purba dalam zaman rasul

Ketika Roh Kudus dicurahkan untuk buat pertama kalinya di dalam sejarah, ia mendirikan gereja (jemaat) di Yerusalem. Murid-murid pada masa itu digerakkan oleh Roh Kudus dan setiap mereka menjadikan pemberitaan Injil sebagai tanggungjawab sendiri. Terutamanya rasul-rasul memperoleh kuasa yang besar lalu tidak takut dengan ancaman Mahkamah Agama atau penganiayaan orang-orang Yahudi. Mereka menjawab: “*Silakan kamu putus sendiri manakah yang benar di hadapan Allah: taat kepada kamu atau taat kepada Allah. Sebab tidak mungkin bagi kami untuk tidak berkata-kata tentang apa yang telah kami lihat dan yang telah kami dengar.*” Dengan semangat ini, tidak hairanlah bahawa Injil berkembang pesat dalam zaman rasul. Selepas itu, mulailah penganiayaan yang hebat terhadap jemaat di Yerusalem dan rasul-rasul tersebar ke merata tempat. Namun ke mana sahaja mereka pergi, mereka menyebarkan Injil di sana (Kis 8:4-8). Tuhan menyertai mereka dengan tanda dan mujizat untuk mengesahkan apa yang diberitakannya. Oleh itu, Injil telah diberitakan ke Rom dalam masa yang singkat dalam zaman rasul. Kita juga harus meneladani semangat mereka. Kenakanlah kasut Injil, bersaksilah untuk Tuhan di mana sahaja di dalam kampus anda.

(II) CARA PENGINJILAN DI DALAM KAMPUS

1. Kesaksian peribadi

A. Melengkapi diri sendiri terlebih dahulu

Memberi kesaksian tidak sama dengan belajar atau bersyarahan. Ia hanya dapat dilakukan dengan baik jika ada kuasa yang diberikan oleh Tuhan. Oleh itu, kita harus berusaha dalam doa kita setiap hari untuk memohon kuasa dari atas. Kita juga memohon Tuhan memperlengkapi iman kita, memberikan kita hikmat yang secukupnya untuk melihat tipu muslihat Iblis dengan jelas.

Kita juga harus rajin membaca Alkitab supaya kita fasih tentang firman Kristus dan salibNya. Kita juga harus fasih tentang doktrin asas keselamatan dan beriman terhadapnya. Dengan itu, kita tidak takut untuk memberi kesaksian kepada orang lain kerana inilah yang kita percaya dan yang kita ketahui.

B. Mulakan dengan doa

Kita harus faham bahawa pekerjaan Injil ialah Tuhan sedang bekerja (Yoh 5:17). Kita hanyalah rakan sekerja Tuhan (1 Kor 3:9). Oleh itu, memahami kehendak Tuhan merupakan matlamat utama dalam kerja ini. Maka, kita harus selalu memohon melalui doa agar Tuhan memimpin kita supaya kita tahu kepada siapa harus kita beritakan dan siapakah orang yang dipilih Tuhan. Melalui doa juga, biarlah kesaksian yang kita berikan masuk ke dalam hati rakan kita di samping memohon Roh Kudus menghapuskan halangan yang membutuhkan fikiran mereka. Dengan cara ini, kita akan mendapati bahawa memberitakan Injil tidaklah sukar seperti yang kita bayangkan!

C. Jadi terang dan garam dunia (Mat 5:13-16)

Di dalam kelas, kita harus dapat menjadi terang bagi kehidupan orang di dunia supaya orang-orang yang hidup dalam lembah kekelaman dapat melihat terang dan datang kepada terang. Menjadi terang dan garam dunia merupakan kewajipan kita sebagai umat yang kudus. Dalam kehidupan harian kita, jika rakan dapat melihat tingkah laku kita yang baik dan melihat sukacita yang datang daripada Tuhan ada pada kita, ini akan menarik perhatian mereka untuk datang mendekati Tuhan secara semula jadi. Ini khususnya tampak lebih penting dalam abad ke-21 ini iaitu abad di mana umat manusia tersesat.

D. Memberi kesaksian kepada rakan tentang kepercayaan diri sendiri

Apabila terang anda telah bercahaya di depan orang dan telah menarik perhatian rakan, anda boleh memberi kesaksian kepadanya tentang kepercayaan diri sendiri (Yoh 1:41,45). Ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras. Janganlah malu bersaksi tentang Tuhan kita (2 Tim 1:8). Harus berani membuka mulut dengan

bersandar kepada Roh Kudus yang diam di dalam hati kita, Tuhan pasti memberikan hikmat kepada anda. Apabila hendak memberi kesaksian kepada rakan, terlebih dahulu lihat apa kesulitannya pada masa tersebut.

- a) Jika dia seorang yang sedang patah semangat: harus beritakan tentang kasih agung Tuhan kepadanya (Mat 11:28-29). Dalam masyarakat hari ini, banyak ketidak-tenteraman dalam jiwa dan roh yang terhasil akibat tersesat arah dan diikat mati oleh ketamadunan material. Contohnya schizophrenia, kemurungan dan sebagainya. Perubatan moden pula tidak dapat menyembuhkan penyakit-penyakit ini sehingga ke akar umbinya. Inilah masanya yang terbaik untuk anda memberi kesaksian kepada rakan anda.
- b) Jika dia seorang yang kurang sihat: boleh memberi kesaksian kepadanya tentang kasih karunia Tuhan. Gereja kita ialah gereja yang didirikan oleh Tuhan. Tanda-tanda dan mujizat-mujizat yang Tuhan janjikan sentiasa menyertai kita untuk menyaksikan kuasa besar Tuhan. Untuk orang seperti ini, anda boleh membawakan banyak pita rakaman kesaksian gereja kepada dia untuk didengarkan di samping mengajarnya bagaimana berdoa untuk mengecap kebaikan Tuhan.
- c) Jika dia seorang yang terjerat dalam dosa: pelajar institut pengajian tinggi pada umumnya kurang merasakan perasaan yang kuat tentang terjerat dalam dosa. Jika ada, kebanyakannya ialah tabiat hidup yang tidak baik. Contohnya merokok, bermain kad, menari, menagih dadah, dan sebahagian kecil melempiaskan hawa nafsu dalam perzinahan. Jika bertemu dengan orang begini, boleh beri kesaksian kepadanya tentang cara melepaskan diri dari dosa kejahatan dan dilahirkan kembali (Rm 7:21-23).
- d) Jika dia seorang yang dahagakan Kebenaran: kaji Alkitab bersamanya dan bincangkan isu-isu dalam kehidupan manusia. Jikalau boleh, buat temu janji setiap minggu untuk membaca dan berkongsi tentang Alkitab dengan kawan-kawan persahabatan. Dia seharusnya dapat dibangunkan dalam perkongsian Kebenaran.

E. Mengedarkan bahan-bahan kesusasteraan kepada rakan

Pada masa dahulu, rakan-rakan dalam persahabatan kampus pergi ke bilik darjah untuk menulis papan hitam setiap kali mengadakan persahabatan jamuan teh Injil. Impaknya tidaklah besar. Sebenarnya, persahabatan boleh menjemput kawan-kawan dalam persahabatan mengambil bahan-bahan kesusasteraan untuk diedarkan di dalam kelas. Undangan juga boleh dibuat melalui kad jemputan. Internet juga sangat berguna pada masa kini. Pokoknya, segala saluran kesusasteraan yang boleh digunakan di dalam kampus harus digunakan dengan sebaik mungkin.

Tetapi apa yang ingin kita bincangkan di sini ialah, apabila anda telah menyatakan kepercayaan anda kepada rakan anda dan dia juga telah menunjukkan bahawa dia berminat, anda boleh maju selangkah ke hadapan dengan membawa bahan-bahan kesusasteraan kepadanya. Jika dia telah membaca bahan-bahan kesusasteraan, anda boleh maju selangkah lai ke hadapan dengan membawa pita kesaksian atau kaset Injil kepadanya. Tidak perlu membawa banyak sekaligus, hanya beberapa keping sahaja sudah memadai. Selepas satu tempoh masa, bawa lagi beberapa keping yang baru untuk menukar yang lama. Dengan ini juga anda mempunyai alasan yang boleh dijadikan sebagai topik perbualan.

F. Bawa rakan ke kebaktian persahabatan dan kenalkan dia kepada kawan-kawan persahabatan

Bawa rakan ke persahabatan supaya dia berpeluang untuk melihat kepercayaan kita. Ini juga merupakan jalan yang terbaik untuk rakan kita mencari Tuhan. Jika anda terus membawanya ke gereja, mungkin ada sesetengah orang yang tidak biasa. Persahabatan adalah seperti rumah kita. Ianya hangat dan senang untuk didekati.

Setelah membawa rakan anda ke persahabatan, harus memperkenalkan dia kepada kawan-kawan dalam persahabatan supaya mereka sama-sama mengambil berat tentang kawan pencari Injil ini. Sekiranya anda membawa rakan yang berlainan jantina, anda harus memperkenalkannya kepada kawan persahabatan dengan jantina yang sama untuk diambil berat. Dengan cara ini, perpindahan emosi (perasaan cinta) tidak akan berlaku dan tidak mengelirukan motifnya untuk percaya kepada Tuhan.

G. Mengkaji dan berkongsi tentang Alkitab dengan rakan

Pelajar institut pengajian tinggi umumnya lebih rasional dalam kepercayaan. Mereka lebih menginginkan Kebenaran dan iman mereka juga murni. Kita harus membuatkan mereka faham bahawa Kebenaran yang sejati hanya mungkin diperolehi di gereja kita (Yes 2:2-3). Oleh itu, jika boleh, anda harus mencari kawan-kawan persahabatan untuk membantu dan membuat perkongsian kajian Alkitab supaya rakan anda boleh mendapatkan Kebenaran secara langsung daripada Alkitab.

H. Akhirnya bawa rakan ke gereja

Biarkan dia benar-benar memahami keadaan di dalam gereja dan juga kehidupan pemercaya supaya dia mempunyai hati yang bersedia untuk menjadi pemercaya dalam gereja. Setelah membawa dia ke gereja, adalah lebih baik jika anda boleh memperkenalkan dia kepada guru di kelas menengah atas supaya beliau dapat membantu anda dalam hal penggembalaan. Anda juga perlu memperkenalkannya

kepada ahli-ahli exco dalam gereja ataupun pendeta. Ini kerana seorang pencari Injil pasti mempunyai banyak keraguan mengenai isu kehidupan dan menghadapi banyak peperangan rohani dalam proses pencarian Injilnya. Semua ini memerlukan penatua, diaken dan pendeta dalam gereja untuk membantu anda dengan lancar.

I. Memperkenalkan rakan untuk mengikuti kelas pencari Injil di gereja

Gereja harus mengadakan kelas pencari Injil. Ini kerana kursus-kursus dalam kelas pencari Injil adalah berkongsi tentang isi kandungan Injil dan ini lebih membangun bagi kawan pencari Injil. Kadang-kadang, kelas menengah atas juga boleh menubuhkan kelas kajian Alkitab yang seumpamanya untuk memperkenalkan Injil kepada kawan pencari Injil dengan lebih sistematik.

2. Pekerjaan Injil persahabatan

Pekerjaan Injil merupakan matlamat besar bagi penubuhan persahabatan. Jika persahabatan ini ada melakukan pekerjaan Injil, persahabatan ini adalah lebih dinamik, dan kekuatan daya sentripetal (daya memusat) persahabatan akan menjadi lebih kuat. Sebaliknya, jika persahabatan hanya mengejar pengetahuan dan mengabaikan matlamat penyebaran Injil secara meluas, maka persahabatan ini akan kehilangan hidupnya dan kawan-kawan dalam persahabatan tidak akan merasakan hidup Tuhan dalam kebaktian.

Oleh itu, persahabatan seharusnya mempunyai rancangan untuk melatih kawan-kawan persahabatan dalam “kuasa penginjilan peribadi”. Adalah diharapkan bahawa setiap kawan persahabatan tidak akan merasa sukar untuk membuka mulut dalam membuat penginjilan peribadi.

Pada permulaan setiap semester, semasa membentuk kurikulum, persahabatan seharusnya merancang berapa kerapkah “jamuan teh Injil” persahabatan perlu dianjurkan. Ini bertujuan supaya kawan-kawan dalam persahabatan mempunyai daya penggerak dalam penginjilan peribadi biasa.

Isi kandungan jamuan teh Injil: ada perkongsian kidung, atau mengajar nyanyian kidung pendek, persembahan kumpulan koir kecil, khutbah pendek Injil, atau kesaksian (boleh minta bantuan persahabatan gabungan untuk bahagian kumpulan koir dan khutbah pendek). Cara berdoa: (doa dalam bahasa akal jika berada di luar bilik, doa dalam bahasa Roh jika berada di dalam bilik sendiri atau di tempat yang sesuai. Seboleh-bolehnya berdoa dalam bahasa Roh kerana doa dalam bahasa Roh memberi kesaksian kepada orang-orang yang belum percaya). Selain itu, boleh atur sesi “penyelesaian masalah” untuk menyelesaikan kebingungan rakan pencari Injil.

Sebelum jamuan teh Injil dijalankan, harus terlebih dahulu memperkenalkan pencari Injil yang hadir kepada semua kawan-kawan dalam persahabatan untuk membolehkan mereka merasa seolah-olah berada di rumah sendiri semasa berada

dalam persahabatan. Semua kawan-kawan dalam persahabatan juga harus bersatu hati dan bekerjasama dalam menjaga pencari Injil.

Dalam setiap jamuan teh Injil, segala maklumat yang diperlukan untuk pencarian Injil harus disediakan dengan lengkap. Di samping itu, masukkan bahan-bahan kesusasteraan ke dalam sebuah beg maklumat untuk kemudahan dihadihkan kepada kawan pencari Injil.

Akhir sekali, dapatkan maklumat kawan pencari Injil dan rekodkan secara jelas untuk tindakan susulan pada masa hadapan.

3. Mengadakan penginjilan kampus

Persahabatan memilih masa dan tempat yang sesuai untuk mengadakan penginjilan kidung di dalam kampus setiap semester (boleh memohon lokasi daripada pihak sekolah). Tetapkan tema terlebih dahulu dan pilih cara penginjilan kidung yang bersesuaian untuk dilaksanakan.

Cara penginjilan boleh dilaksanakan dengan cara yang lebih meriah / aktif dan juga boleh diiringi dengan alat musik.

Sebelum penginjilan, gunakan semua kaedah yang tersedia untuk publisiti. Contohnya menampal poster di dalam kampus, menulis maklumat di dalam bilik darjah, mengiklan di dalam bahan terbitan sekolah dan menyiarkan notis di sekolah.

4. Persahabatan pencari Injil yang diadakan sekali atau dua kali setiap semester anjuran persahabatan gabungan

Persahabatan pencari Injil amat membantu kawan-kawan pencari Injil. Harus membahagikan temanya secara beransur-ansur dalam setiap kali penganjuran. Contoh: tema kali pertama "Kenali Tuhan", tema kali kedua "Kenali Yesus", tema kali ketiga "Kenali Gereja". Selepas kali ketiga, boleh membawanya melawat gereja supaya dia dapat merasai kehidupan gereja yang dia bakal lalui pada masa hadapan.

Isi kandungan persahabatan pencari Injil: boleh atur pengenalan tema, perbincangan pengalaman iman kepercayaan, kesaksian, penyelesaian masalah, berdoa memohon karunia Roh, aktiviti persahabatan di luar bilik.

5. Pimpin rakan datang menyertai Kebaktian Kebangunan Rohani Murid-murid institut pengajian tinggi

Kebaktian Kebangunan Rohani Murid-murid khasnya ada mengatur kursus untuk pencari Injil dan ianya amat sesuai untuk disertai oleh pencari Injil yang ingin mengejar Kebenaran. Selama bertahun-tahun, banyak pencari Injil yang telah menyertai Kebaktian Kebangunan Rohani Murid-murid dan kebanyakan mereka telah menjadi pemercaya selepas menyertainya.

KESIMPULAN

Tuhan Yesus mengatur kita ke dalam kampus institut pengajian tinggi. Tidakkah ini ada kehendak Tuhan? Bukankah ini untuk menjayakan kerja suciNya? Oleh itu, rakan-rakan sekalian haruslah sedar dan bangun. Menaburlah dengan mencururkan air mata di dalam kampus anda dan anda akan merasai perasaan “menuai dengan suka cita”. Persahabatan anda juga akan penuh dengan kegembiraan kerana anda rajin memberitakan Injil.

SIRI PERTAMA

BAHAN PENGAJARAN KELAS PENGAJIAN TINGGI

Penerbit:

Gereja Yesus Benar, Jabatan Penginjilan & Pengembalaan

5.2 Km Jalan Tuaran, Dah Yeh Villa, Peti Surat 10510, 88805

Kota Kinabalu, Sabah.

Tel: 088-239720, 230327

Fax: 088-233661

Website: <http://ga.tjcsabah.com>

<http://www.tjcsabah.com/>

Pencetakan Oleh:

WE & Co.

Shop Lot 6, Nountun Industrial Estate,

88450 Kota Kinabalu, Sabah
